

# LAPORAN TAHUNAN

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

# 2023



"MEMBANGUN GRADUAN TVET KOMPETEN,  
PROFESIONAL DAN BERDAYA USAHAWAN"



## ISI KANDUNGAN

Visi, Misi, Hala Tuju  
dan Moto

**1**

Falsafah Pendidikan  
Universiti

**2**

Sejarah Universiti

**3**

Canselor

**5**

Pro-Canselor

**7-8**

Lembaga Pengarah  
Universiti

**9**

Ahli Eksekutif  
Universiti

**10**

Ahli Senat  
Universiti

**11**

Kata Alu-Aluan Pengerusi  
Lembaga Pengarah Universiti

**17**

Laporan Naib Canselor

**18-19**

Petunjuk Prestasi Utama 2023

**21**

Tadbir Urus Korporat

**30**

Bab 1 Kecemerlangan  
Universiti

**41**

Bab 2 Kecekapan Pengurusan dan  
Pembangunan Sumber Manusia

**63**

Bab 3 Akademik dan  
Pengantarabangsaan

**91**

Bab 4 Kecemerlangan  
Penyelidikan dan Inovasi

**137**

Bab 5 Aspirasi Mahasiswa  
Kompeten dan Alumni

**171**

Bab 6 Keampuhan Jaringan  
Industri Dan Masyarakat

**215**

Bab 7 Kelestarian Kampus

**239**

Bab 8 Pembangunan Fasiliti  
dan ICT

**257**

Bab 9 Laporan Kewangan

**283**



## **VISI**

**Menjadi universiti teknikal global dalam  
teknologi lestari dan pengangkutan**

## **MISI**

**Menyediakan penyelesaian teknikal untuk keperluan industri  
dan komuniti berasaskan paradigma tauhid**

## **HALA TUJU**

**UTHM sebagai sebuah  
Global Technopreneur University 2030  
(#GTU2030)**

## **MOTO**

**Dengan Hikmah Kita Meneroka**

## **BIDANG TUJAH**

**Teknologi Lestari dan Pengangkutan**

## **FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN**


Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

## **FALSAFAH PENDIDIKAN UNIVERSITI**

Pendidikan dan latihan UTHM berteraskan paradigma tauhid bagi menghasilkan graduan kompeten, profesional dan berdaya keusahawanan dipacu teknologi termaju untuk pembangunan sejagat.



## SEJARAH UNIVERSITI



## KAMPUS UTHM

Kampus tetap UTHM di Parit Raja menempatkan enam buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM). UTHM Parit Raja ini juga turut menempatkan Pusat Tanggungjawab (PTj) yang bertaraf fakulti seperti Pusat Pengajian Siswazah (PS), Pusat Pengajian Bahasa (PPB) dan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK).

UTHM juga mempunyai sebuah kampus cawangan di Pagoh yang diwartakan dengan nama Universiti Tun Hussein Onn Malaysia - Kampus (Cawangan Pagoh) dan dikenali sebagai UTHM Kampus Pagoh. Kampus cawangan ini terletak lebih kurang 83 kilometer dari UTHM Kampus Parit Raja. UTHM Kampus Pagoh menempatkan 3 fakulti iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) dan Pusat Pengajian Diploma (PPD).

Manakala UTHM juga mempunyai kampus di Tanjung Laboh yang terletak lebih kurang 23 kilometer dari UTHM Parit Raja. Kampus Tanjung Laboh ini menempatkan pusat latihan UTHM yang dikenali sebagai Pusat Minda Emas (PuMAS) UTHM yang melaksanakan latihan dan kursus. Pusat latihan ini juga dibuka untuk sewaan kepada organisasi luar. UTHM Kampus Tanjung Laboh bakal menempatkan Pusat Latihan Bertauliah Penerbangan dan Penyelenggaraan Pesawat UTHM yang masih dalam proses pembinaan.





# Canselor

**DULI YANG AMAT MULIA  
TUNKU ISMAIL  
IBNI SULTAN IBRAHIM**  
Tunku Mahkota Johor

Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia





# Pro - Canselor

**YANG AMAT MULIA  
TUNKU IDRIS ISKANDAR AL-HAJ  
IBNI SULTAN IBRAHIM**  
Tunku Temenggong Johor

Pro - Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



# Pro - Canselor

**TAN SRI DATO' Dr. HAJI AZMI  
BIN ROHANI**  
Setiausaha Kerajaan Johor

Pro - Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



## LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



**YBhg. Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad**  
Pengerusi



**Yang Berhormat Professor Dato' Ir.  
Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim**  
Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



**YBrs. Encik Naim bin Maslan**  
Setiausaha  
Pendaftar/Ketua Pegawai  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



**YBhg. Dato' Dr. Mohd Sharil  
bin Abdullah**  
Ahli Lembaga Pengarah



**Yang Berhormat Dato' (Dr.) Haji Nooh  
bin Gadot**  
Ahli Lembaga Pengarah



**YBhg. Datuk Haji Md Jais  
bin Haji Sarday**  
Ahli Lembaga Pengarah



**YBrs. Mr. Shahril Anwar  
bin Mohd Yunus**  
Ahli Lembaga Pengarah



**YBrs. Mdm. Elaine Lockman**  
Ahli Lembaga Pengarah



**YBrs. Encik Hasry bin Harun**  
Ahli Lembaga Pengarah



**YBrs. Ir. Ts. Abdul Rahman bin Bahasa**  
Ahli Lembaga Pengarah



**YBhg. Prof Ir. Dr. Yusri bin Yusof**  
Ahli Lembaga Pengarah

## AHLI EKSEKUTIF UNIVERSITI



**Yang Berhormat Professor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim**  
Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



**YBhg. Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad**  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan dan Inovasi)



**YBhg. Prof. Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakin bin Hj. Ismail**  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



**YBrs. Prof. Madya Dr. Afandi bin Ahmad**  
Provost UTHM  
Kampus Cawangan Pagoh



**YBrs. Encik Naim bin Maslan**  
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi



**YBrs. Encik Norzaimi bin Hamisan**  
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan



**YBrs. Puan Zaharah binti Abd Samad**  
Ketua Pustakawan



**YBrs. Puan Norlia binti Yaakub**  
Penasihat Undang-Undang



**YBrs. Prof. Ir. Dr. Md Saidin bin Wahab**  
Penolong Naib Canselor  
(Digital dan Infrastruktur)



**YBrs. Prof. Dr. Mas Fauzi bin Mohd Ali**  
Pejabat Penolong Naib Canselor  
(Strategik dan Kualiti)

## AHLI SENAT

**Yang Berhormat Prof. Dato' Ir.  
Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim**  
Naib Canselor

**Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Prof. Sr. Ts. Dr. Lokman Hakim bin Ismail**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

**Prof. Madya. Dr. Afandi bin Ahmad**  
Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh

**Prof. Ir. Dr. Md Saidin bin Wahab**  
Penolong Naib Canselor (Digital dan Infrastruktur) /  
Ketua Pegawai Digital

**Prof. Dr. Mas Fawzi bin Mohd Ali**  
Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kualiti)

**Prof. Dr. Shahrudin bin Mahzan @ Mohd Zin**  
Dekan Pusat Pengajian Siswazah

**Prof. Ir. Ts. Dr. Mohd Haziman bin Wan Ibrahim**  
Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina

**Prof. Madya Ts. Dr. Asmarashid bin Ponniran**  
Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

**Prof. Ts. Dr. Amir bin Khalid**  
Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

**Prof. Madya Dr. Shafie bin Mohamed Zabri**  
Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan

**Prof. Ts. Dr. Abdul Rasid bin Abdul Razzaq**  
Dekan Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

**Prof. Madya Ts. Dr. Azizul Azhar bin Ramli**  
Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

**Prof. Madya Dr. Mohamad Zaky bin Noh**  
Dekan Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi

**Prof. Madya Ts. Dr. Jumadi bin Abdul Sukor**  
Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan

**Ts. Inv. Dr. Mohd Shahir bin Yahya**  
Dekan Pusat Pengajian Diploma

**Dr. Lutfan bin Jaes**  
Dekan Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum

**Prof. Madya Dr. Hj. Azmi bin Abdul Latiff**  
Dekan Pusat Pengajian Bahasa

**Prof. Madya Dr. Rosli bin Omar**  
Pengarah Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan  
Akademik

**Prof. Dr. Jailani bin Md Yunos**  
Pengarah Institut Penyelidikan Pendidikan dan Latihan  
Vokasional Malaysia (MyRIVET)

**Dr. Zahrul Akmal bin Damin**  
Pengarah Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan  
Wilayah (TRANSFORM)

**Prof. Ts. Dr. Mohd Khairul bin Ahmad**  
Pengarah Institut Kejuruteraan Integrasi (I<sup>2</sup>E)

**Prof. Dr. Abd Rahman bin Ahmad**  
Dekan Johor Business School

**Prof. Dr. Noridah binti Mohamad**  
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina

**Prof. Ts. Dr. Aeslina binti Abdul Kadir**  
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina

**Prof. Ts. Norzila binti Othman**  
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina

**Prof. Ir. Dr. Erwan bin Sulaiman**  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

**Prof. Dr. Nafarizal bin Nayan**  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

**Prof. Ir. Dr. Yusri bin Yusof**  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

**Prof. Dr. Zawati binti Harun**  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

**Prof. Dr. Hasan Zuhudi bin Abdullah**  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

**Prof. Sr. Dr. Wan Zahari bin Wan Yusof**  
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan

**Prof. Ts. Dr. Alina binti Shamsuddin**  
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan

**Prof. Ts. Dr. Seow Ta Wee**  
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan

**Prof. Ts. Dr. Ishak bin Baba**  
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

**Prof. Ts. Dr. Rosziati binti Ibrahim**  
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

**Prof. Dr. Rozaida binti Ghazali**  
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat

**Prof. Ts. Dr. Zaidi bin Embong**  
Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi

**Prof. Dr. Mohd Amri bin Lajis**  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan

**Prof. Dr. Chan Chee Ming**  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan

**Ts. Dr. Khalid bin Isa**  
Pengarah Pusat Pembangunan Pelajar

**Prof. Dr. Nazri bin Mohd Nawi**  
Pengarah Pusat Teknologi Maklumat

**En. Naim bin Maslan**  
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi

**En. Norzaimi bin Hamisan**  
Bendahari/Ketua Pegawai Kewangan

**Pn. Zaharah binti Abd Samad**  
Ketua Pustakawan

**Pn. Norliah binti Yaakub**  
Penasihat Undang-Undang

## Lantikan Ahli Lembaga Pengarah Universiti

UTHM telah menerima pelantikan beberapa orang Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang baharu melibatkan pelantikan YBhg. Dato' Dr. Mohd Sharil bin Abdullah, wakil Perkhidmatan Awam (Kementerian Pendidikan Tinggi) mulai 1 September 2023 sehingga 31 Ogos 2026 dan YBrs. Encik Hasry bin Harun, mulai 1 November 2023 sehingga 31 Oktober 2026. Terdapat beberapa Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang telah tamat tempoh antaranya ialah Dr. Sharifah Adlina binti Syed Abdullah sebagai wakil Perkhidmatan Awam (Kementerian Kewangan) yang tamat pada 31 November 2023 dan Dato' Dr. Mohd Padzil bin Hashim sebagai wakil swasta yang tamat pada 14 Julai 2023.




**YBhg. Dato' Dr. Mohd Sharil  
bin Abdullah**  
1 September 2023 hingga  
31 Ogos 2026



**YBrs. Encik Hasry bin Harun**  
1 November 2023 hingga 31 Oktober  
2026



## Lantikan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)



**Profesor Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad**

Profesor Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM berkuatkuasa pada 1 Mac 2023 oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi untuk tempoh tiga tahun sehingga 28 Februari 2026. Lantikan beliau adalah bagi mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM yang sebelum ini disandang oleh Profesor Dr. Shahir Shamsir bin Omar yang telah tamat tempoh lantikannya.

## Lantikan Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh



**Profesor Madya Dr. Afandi bin Ahmad**

Profesor Madya Dr. Afandi bin Ahmad dilantik sebagai Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh berkuatkuasa pada 1 Disember 2023 oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi untuk tempoh tiga tahun sehingga 30 November 2026. Lantikan beliau adalah bagi mengisi jawatan Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh yang sebelum ini disandang oleh Profesor Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki bin Mustafa yang telah tamat tempoh lantikannya.

## Lantikan Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi



**Encik Naim bin Maslan**

Encik Naim bin Maslan mulai dilantik sebagai Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi yang baharu untuk tempoh tiga tahun berkuatkuasa 22 Mei 2023 sehingga 21 Mei 2026. Lantikan beliau adalah bagi mengisi jawatan Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi yang sebelum ini disandang oleh Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman yang telah tamat tempoh lantikannya.

## Sekalung Budi Segunung Intan



**Profesor Ts. Dr. Azme bin Khamis**

**Profesor. Ts. Dr. Azme bin Khamis**

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM

(Mulai 1 Disember 2020 – 30 November 2023)



**Profesor Dr. Shahir Shamsir bin Omar**

**Profesor Dr. Shahir Shamsir bin Omar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM

(Mulai 15 Januari 2020 hingga 14 Januari 2023)



**Profesor Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki bin Mustafa**  
Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh  
(Mulai 1 Jun 2020 hingga 31 Mei 2023)

**Profesor Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki  
bin Mustafa**



**Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman**  
Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi UTHM  
(Mulai 22 Mei 2020 hingga 21 Mei 2023)

**Encik Abdul Halim bin Abdul Rahman**



## KATA ALU-ALUAN

### PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Bismillahirrahmanirahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya mewakili semua Ahli Lembaga Pengarah Universiti ingin mengambil kesempatan menjunjung kasih kepada DYAM Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, Canselor UTHM kerana telah memainkan peranan penting dalam menyubur budaya keilmuan serta pembangunan UTHM dari semasa ke semasa. Ucapan penghargaan juga kepada Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Pro-Canselor, Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli Senat, staf dan mahasiswa yang begitu komited dalam melonjakkan nama UTHM.

Pencapaian dan kedudukan universiti di peringkat nasional dan antarabangsa bersandarkan hala tuju Global Technopreneur University (GTU 2030), adalah satu matlamat meletakkan UTHM sebagai universiti teknikal di peringkat global yang menjadi peneraju TVET dalam melahirkan golongan teknousahawan negara. Justeru itu, keberhasilan ini adalah bergantung kepada momentum dan semangat warga universiti untuk terus berusaha meningkatkan produktiviti seiring nilai bersama UTHM iaitu Amanah, Profesional dan Inovatif.

Saya juga percaya pencapaian UTHM pada tahun 2023 adalah hasil usaha sama sepasukan yang sentiasa mendepani cabaran yang mendatang. Segala kejayaan dan pengiktirafan yang dicapai pada tahun 2023 membuktikan bahawa peranan UTHM terus diiktiraf kejayaannya oleh pelbagai pihak dan agensi dari dalam mahupun luar negara. Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan penghargaan serta setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim selaku Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia serta seluruh barisan kepimpinan tertinggi universiti kerana sentiasa bersatu padu menghadapi pelbagai cabaran untuk mencapai kejayaan.

Akhir kata, saya berdoa ke hadrat Ilahi agar UTHM dapat merealisasikan hasratnya menjadi universiti bertaraf global sekali gus dapat meningkatkan status pendidikan negara di mata dunia selaras dengan perkembangan yang berlaku di negara lain.

**Yang Berbahagia Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad**  
Pengerusi Lembaga Pengarah  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



## LAPORAN NAIB CANCELOR

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syukur atas segala nikmat dan rahmat yang dikurniakan oleh-Nya kepada seluruh warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), tahun 2023 telah berlalu dengan penuh hikmah.

Bagi mewakili seluruh warga UTHM, saya merafak sembah merakamkan penghargaan kepada DYAM Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor selaku Canselor UTHM serta kepada YAM Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor dan YB. Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor selaku Pro-Canselor UTHM atas tunjuk ajar dan bimbingan terbaik bagi memastikan universiti ini kekal relevan serta sentiasa dirujuk dan dihormati. Ucapan terima kasih juga kepada YB Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, YAB Menteri Besar Johor, YBhg. Pengerusi Lembaga Pengarah dan ahli-ahli, ahli-ahli Senat, kepimpinan dan seluruh warga UTHM atas segala komitmen yang diberikan bagi merealisasikan misi dan visi UTHM.

Pelan Strategik UTHM 2021-2025, ke arah memperkasa TVET untuk membangunkan ekonomi bukan sekadar melahirkan modal insan untuk pasaran kerja, malah berperanan sebagai pengubah permainan demi kelestarian sejagat. Misi UTHM pada hari ini adalah memupuk bakat sedia ada pelajar-pelajar agar mempunyai pemikiran kreatif dan inovatif dalam penyelesaian masalah, serta nilai keusahawanan dalam meneroka peluang serta mencipta nilai, sebagai persediaan pekerjaan pada masa kini dan akan datang. Melalui kekuatan akademia, sumber, penyelidikan dan inovasi serta fasiliti yang lengkap, Universiti berupaya melahirkan graduan yang kompeten bertaraf global, memiliki bakat profesional dan teknousahawan selari dengan hala tuju UTHM sebagai Global Technopreneur University 2030 (GTU 2030),

Dalam pemeraksanaan bidang TVET, UTHM perlu melaksanakan sebanyak 50 peratus pendigitalan program TVET melalui fasa Digital TVET Transformation 2025 bagi menyokong keperluan negara dalam pengembangan ilmu aplikasi teknologi. Program akademik UTHM perlu sentiasa memenuhi keperluan industri negara dari semasa ke semasa. Ini diselarikan dengan proses transformasi digital TVET yang menekankan perubahan dalam kaedah penyampaian ilmu TVET kepada pelajar.

Oleh itu, bagi mencapai objektif ini, antara yang perlu diperkukuhkan adalah membangunkan program akademik dan juga pembangunan profesionalisme pensyarah dari aspek upskilling, re-skilling and getting new skill menjadikan program-program akademik di UTHM adalah berkonsepkan market-driven.

Dalam UTHM Edu-Train juga, gabungan pendidikan dan latihan bagi fungsi akademik bertindak sebagai membangun, menjalankan, menambah baik kualiti akademia dalam menghasilkan para ilmuwan dan profesional. Pensyarah diberikan peluang untuk menjalani sangkutan dan program kompetensi bersama industri, tidak terhad dalam latihan TVET, ianya lebih memfokuskan kepada peningkatan kemahiran (upskilling) dan kemahiran semula (reskilling) tenaga kerja industri bagi memberi pendedahan dan kemahiran terkini.

Setiap program mempunyai rakan industri dan dengan konsep ini maka banyak manfaat bagi kedua-dua pihak termasuk R&D yang boleh dilaksanakan kerjasama daripada penyelidik-penyelidik UTHM dan pakar-pakar dari industri. Maka “kemapanan” dan “kesejahteraan” Malaysia MADANI dapat diwujudkan dalam kolaborasi ini sebagai pemangkin kepada penjana inovasi dan sinergi antara universiti, industri dan masyarakat.

UTHM juga mempunyai pusat kecemerlangan penyelidikan dan pakar-pakar dalam pusat kecemerlangan ini sentiasa menjalankan penyelidikan dan perundingan dengan kerjasama industri. Pensyarah juga digalakkan mempunyai kelayakan profesional selain dari kelayakan akademik sedia ada bagi membolehkan program akademik yang ditawarkan diintegrasikan dengan pensijilan professional yang diiktiraf oleh industri. Selain dari itu, pensyarah sebagai pakar rujuk sama ada di peringkat nasional atau global.

Semoga pencapaian tahun 2023 yang kita raikan mencatat pelbagai hikmah demi kebaikan semua pihak dan seterusnya hasrat untuk menjadikan UTHM sebagai Global Technopreneur University (GTU 2030) akan dapat direalisasikan bersama.

**Yang Berhormat Prof. Dato’ Ir. Ts. Dr. Ruzairi  
bin Abdul Rahim**  
Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia





# PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA TAHUN 2023

## “Membangun Graduan TVET Kompeten, Profesional dan Berdaya Usahawan”

Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) memainkan peranan penting dalam menyediakan tenaga kerja yang berkualiti dan kompeten untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosial. Pada era globalisasi dan revolusi industri 4.0, penting untuk mengekalkan relevansi TVET dengan menghasilkan graduan yang tidak hanya memiliki kemahiran teknikal yang kukuh tetapi juga profesionalisme dan semangat keusahawanan yang tinggi.

Salah satu aspek penting dalam membangun graduan TVET yang berdaya saing adalah melalui penyelarasan kurikulum dengan keperluan industri semasa. Program-program pembelajaran harus direka bentuk dengan teliti untuk memastikan bahawa graduan dilengkapi dengan kemahiran yang diiktiraf dan diperlukan oleh majikan. Seiring dengan itu, kerjasama yang erat dengan industri perlu ditingkatkan, melalui program rundingan dan pertukaran, supaya keperluan industri dapat diberi perhatian dalam penyusunan kurikulum.

Selain kemahiran teknikal, penting juga untuk memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran kepemimpinan dan keusahawanan. Graduan TVET yang dilengkapi dengan kemahiran kepemimpinan yang baik akan dapat memimpin pasukan dengan berkesan di tempat kerja. Sementara itu, kemahiran keusahawanan membolehkan graduan untuk mengambil inisiatif dalam mencipta peluang kerjaya mereka sendiri dan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Untuk mencapai matlamat ini, penting untuk memperkukuhkan latihan dan pembangunan profesional bagi pengajar dan pensyarah TVET. Mereka perlu sentiasa



**Foto 1 :** Kolaborasi terpandu universiti, agensi dan industri adalah kritikal di dalam melahirkan graduan TVET mampan yang akan terus menjadi pemacu utama bagi pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial negara

dikemas kini dengan perkembangan terkini dalam industri serta teknologi untuk memberikan pengajaran yang berkualiti kepada pelajar.

Langkah seterusnya adalah memperkukuhkan program pemerksaan graduan. Sokongan selepas graduan adalah penting untuk memastikan bahawa mereka dapat melangkah masuk ke dalam pasaran kerja dengan yakin. Inisiatif seperti program pembangunan kerjaya, bimbingan kerjaya, dan sokongan keusahawanan selepas graduan perlu disediakan bagi memastikan kejayaan dan kesejahteraan graduan TVET.

Dalam mengejar keunggulan TVET, pemantauan dan penilaian berterusan juga perlu dilaksanakan. Ini membolehkan institusi TVET untuk menilai keberkesanan pelaksanaan strategi-strategi yang telah dilaksanakan dan membuat penyesuaian yang diperlukan bagi memastikan sasaran yang diingini tercapai.

Secara keseluruhan, membangun graduan TVET yang kompeten, profesional, dan berdaya usahawan adalah satu tugas yang mencabar tetapi penting dalam menghadapi

cabaran semasa dan menyediakan peluang masa depan yang cerah bagi generasi akan datang. Dengan memfokuskan usaha pada penyelarasan kurikulum, pembangunan kemahiran kepimpinan dan keusahawanan, sokongan selepas graduan, dan pemantauan berterusan, kita dapat memastikan bahawa graduan TVET akan terus menjadi pemacu utama bagi pertumbuhan ekonomi dan kemajuan sosial.

Bagi merealisasikan aspirasi untuk membangunkan graduan TVET yang kompeten, profesional dan berdaya usahawan, Sasaran Kerja Tahunan Universiti (SKTU) amatlah kritikal dan menjadi kompas di dalam memastikan segala usaha, tenaga dan keringat yang warga Universiti ini, dari peringkat pengurusan tertinggi sehinggalah ke kumpulan pelaksana, curahkan adalah bersistematik dan berstrategi.

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, sebagai universiti teknikal terulung berperanan penting dalam pembentukan minda dan masa depan generasi akan datang, mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan pengalaman pembelajaran yang berkualiti dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Dalam mengejar keunggulan, penetapan sasaran kerja tahunan adalah langkah penting dalam merangka strategi dan langkah-langkah untuk mencapai kejayaan.

Pertama sekali, SKTU 2023 yang dibangunkan adalah berkait rapat dengan misi dan visi institusi keramat ini sendiri. Sasaran-sasaran ini akan membantu universiti untuk melangkah ke arah mencapai matlamat jangka panjangnya, sama ada dalam penyelidikan, pengajaran, atau penyumbangan kepada masyarakat.

Kedua, sasaran-sasaran tersebut adalah bersifat spesifik, boleh diukur, berkepentingan, realistik, dan mempunyai jangka waktu. Ini bermakna SKTU 2023 yang dibangunkan adalah jelas, boleh diukur dengan tepat, memberikan kesan yang signifikan kepada universiti ini, boleh dicapai dengan sumber yang ada, dan mempunyai tarikh akhir yang ditetapkan.

Selain itu, SKTU 2023 ini juga telah dibangunkan dengan mengambil kira cabaran dan peluang semasa yang dihadapi oleh universiti. Ini termasuk trend dalam pendidikan tinggi, perubahan dalam keperluan pasaran kerja, serta kemajuan dalam teknologi dan penyelidikan. Dengan menyelaraskan sasaran-sasaran kerja dengan konteks semasa, universiti ini dapat memastikan keberkesanan langkah-langkah yang diambil untuk mencapai matlamatnya.



**Foto 2 :** Kelestarian bakat TVET yang menepati pasaran kerja yang dinamik sentiasa dititik beratkan oleh Universiti Tun Hussein Onn Malaysia




**Foto 3 :** Sasaran Kerja Tahunan (SKTU) adalah instrumen yang digunakan untuk mengukur pencapaian serta prestasi sesebuah organisasi yang menjadi manifestasi kayu pengukur kecemerlangan sesebuah organisasi

Langkah seterusnya adalah pengukuran dan penilaian berkala terhadap pencapaian sasaran-sasaran kerja tersebut. Ini membolehkan universiti ini untuk menilai keberkesanan pelaksanaan strategi-strategi yang telah dilaksanakan dan membuat penyesuaian yang diperlukan bagi memastikan sasaran yang diinginkan tercapai. Selain itu, pengukuran prestasi juga membantu universiti ini untuk mengenal pasti bidang yang perlu diperbaiki dan memperbaiki prestasi pada masa akan datang.

Secara pandangan dari perspektif strategik, penetapan SKTU 2023 yang telah dibangunkan, boleh disimpulkan sebagai satu langkah penting dalam merangka strategi dan tindakan untuk mencapai matlamat jangka panjang universiti. Dengan menyelaraskan sasaran-sasaran ini dengan misi dan visi institusi, menjadikannya spesifik, mengambil kira cabaran dan peluang semasa, serta melakukan pengukuran dan penilaian berkala, universiti ini dapat memastikan bahawa kita kekal di landasan yang betul untuk mencapai keunggulan dalam semua bidang operasi mereka.

Berikut merupakan rangkuman pencapaian untuk 15 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2023:



**Rajah 1 :** Ringkasan Pencapaian KPI Utama 1-3 Tahun 2023

## KPI 1: Enrolmen Pelajar


Jumlah enrolmen pelajar keseluruhan meningkat sebanyak 6.4 peratus pada tahun 2023, dengan data sebanyak 23,525 orang pelajar berbanding dengan 22,704 orang pelajar pada tahun 2022. Kenaikan ini disokong dengan pertumbuhan yang ketara dalam enrolmen pelajar antarabangsa, yang mengalami peningkatan sebanyak 6.9 peratus. Untuk rekod juga, universiti ini berada pada tangga 1 dalam kalangan Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan tangga 10 dalam kalangan 20 Universiti Awam (UA), bagi data enrolmen pelajar untuk tahun 2023.

## KPI 2: Sijil Profesional

Untuk tahun 2023, cerapan data bagi peratusan mengikuti sijil profesional menunjukkan penyusutan sebanyak 8.8 peratus, yang mana ia dipengaruhi oleh pelaksanaan Professional Certification Embed Program atau PCEP, berbanding pensijilan umum pada tahun sebelum (2022). Bagi tahun 2023, Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) merupakan dua (2) buah fakulti yang mencatatkan peratusan pelajar yang mengikuti program Sijil Profesional yang memberangsangkan, dengan nilai peratusan sebanyak 119.45 peratus dan 70.69 peratus.

## KPI 3: Pembelajaran Teradun

Bagi tahun 2023, cerapan data bagi KPI 3: Pembelajaran Teradun, mempamerkan aliran yang menurun dengan nilai peratusan kursus yang dijalankan melalui kaedah pembelajaran teradun hanyalah sebanyak 50.1 peratus, berbanding 59.70 peratus (2022) dan 70 peratus (2021) pada tahun-tahun sebelum. Lapan (8) fakulti tidak mencapai sasaran 60 peratus kursus yang dijalankan melalui kaedah pembelajaran teradun, berdasarkan cerapan data yang dibuat pada tahun 2023. Hanya Pusat Pengajian Bahasa (PPB), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan (FKMP) dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) mencatatkan peratusan kursus yang dijalankan melalui kaedah pembelajaran teradun yang melebihi nilai sasaran 60 peratus yang ditetapkan.



Rajah 2 : Ringkasan Pencapaian KPI Utama 4-6 Tahun 2023

## KPI 4: Kebolehpasaran Graduan


Kadar kebolehpasaran graduan telah meningkat secara konsisten daripada 90 peratus pada tahun 2018 kepada 95.5 peratus pada tahun 2022 dan tahun 2023. Bagi tahun 2023, hasil cerapan menunjukkan lebih daripada separuh, iaitu 60.1 peratus graduan universiti ini bekerja di dalam bidang pengajian masing-masing. Bagi data tangga gaji graduan yang bekerja selepas tamat pengajian, menunjukkan arah aliran yang positif, di mana 34 peratus graduan menerima gaji minimum RM3,000.

## KPI 5: Program GRITT

Penglibatan pelajar universiti di dalam program GRITT telah menunjukkan lonjakan yang drastik, iaitu daripada 28.2 peratus pada tahun 2022, kepada 71.9 peratus bagi tahun 2023, dengan nilai peningkatan sebanyak 43.8 peratus. Penglibatan pelajar universiti di dalam program ini adalah kritikal memandangkan program ini dibangunkan bagi membentuk mahasiswa yang berciri holistik dan global seiring dengan hala tuju universiti ke arah Global Technopreneur University 2030 (GTU 2030). Daripada lapan (8) fakulti dan satu (1) pusat yang mengambil bahagian, Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) menunjukkan 104.2 peratus penglibatan pelajar untuk program GRITT, jauh melebihi 15 peratus sasaran minimum yang ditetapkan.

## KPI 6: Teknousahawan Pelajar

Peratusan pelajar terlibat di dalam program keusahawanan menunjukkan peningkatan sebanyak 2.6 peratus bagi tahun 2023. Sebanyak 3,162 orang pelajar universiti telah direkodkan terlibat di dalam program-program keusahawanan sepanjang tahun 2023. Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (48.1 peratus), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan (39.6 peratus) dan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (29 peratus), merupakan fakulti-fakulti yang mempamerkan penglibatan pelajar di dalam program keusahawanan melebihi nilai sasaran 21 peratus yang ditetapkan.



Rajah 3 : Ringkasan Pencapaian KPI Utama 7-9 Tahun 2023

## KPI 7: Penerbitan Scopus


Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan penerbitan Scopus adalah 1,302, penerbitan, dengan penyusutan sebanyak 143 berbanding dengan tahun 2022 (1445). Walaupun berlakunya penurunan bagi bilangan penerbitan Scopus, universiti ini masih lagi berada pada tangga 1 dalam kalangan Rangkaian Universiti-Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dan tangga 19 di kalangan 20 Universiti Awam (UA), bagi tahun 2023. Manakala, bagi data peratus penyelidikan utama (PI) yang terlibat dalam penerbitan adalah 75 peratus ataupun 787 orang dan penerbitan bersama industri adalah 5.9 peratus ataupun 77 jumlah penerbitan. Secara keseluruhan jumlah penerbitan Scopus yang direkodkan sehingga tahun 2023 ialah sebanyak 16, 926.

## KPI 8: Dana Luar

Tahun 2023 telah mencatatkan lonjakan kemasukan dana luar sebanyak RM17,525,538.43 atau 146.01 peratus berbanding tahun sebelum iaitu RM5,767,521 (2022). Lonjakan drastik ini disumbang secara langsung oleh MyRIVET yang telah menerima dana luar bernilai lebih RM6 juta di bawah Dana Advanced TVET. Sebanyak tiga (3) fakulti menunjukkan data kemasukan dana luar melebihi RM1,000,000 iaitu Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi (FTK), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal Dan Pembuatan (FKMP) dan Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST).

## KPI 9: Pengkomersialan

KPI 9 iaitu Pengkomersialan telah merekodkan pencapaian 100%, yang mana nilai sasaran sebanyak sepuluh (10) pelesenan harta intelek (IP) telah dicapai pada tahun 2023 dengan nilai pelesenan sebanyak RM 90,000.00. Pencapaian luarbiasa ini disumbangkan oleh sembilan (9) Syarikat Terbitan Universiti (STU) dan dua (2) syarikat luar, yang mempunyai kerjasama strategik dengan universiti. Pengkomersialan Perkhidmatan pula merekod data sebanyak RM 5,125,410.00 bagi tahun 2023.



Rajah 4 : Ringkasan Pencapaian KPI Utama 10-12 Tahun 2023

## KPI 10: Penajaan / Kos


Tahun 2023 telah merekodkan nilai pendapatan universiti adalah sebanyak RM 107,780,107.13.00. Nilai pendapatan universiti disumbangkan oleh beberapa aktiviti penajaan seperti Yuran Pengajian dan Yuran Penginapan, yang mana masing-masing menyumbang sebanyak RM 33,715,032.16 dan RM 11,743,280.10. Manakala bagi perbelanjaan universiti untuk tahun 2023 pula ialah sebanyak RM 502,914,077.72, di mana berlakunya peningkatan sebanyak 6.23 peratus jika dibandingkan dengan perbelanjaan pada tahun sebelum (2022), iaitu sebanyak RM 104,451,063.

## KPI 11: Bantuan Pelajar B40

Peratusan pelajar B40 yang menerima bantuan telah meningkat dari 69 peratus pada tahun 2022 kepada 75.3 peratus pada tahun 2023. Data yang diserap menonjolkan peningkatan yang ketara dalam bilangan pelajar yang menerima bantuan dengan nilai bantuan sebanyak RM 8,224,237.50. Peningkatan nilai bantuan ini sejajar dengan komitmen universiti untuk terus menyokong pelajar yang kurang bernasib baik yang berasal dari keluarga B40.

## KPI 12: Bantuan Komuniti

Pada tahun 2023, program bantuan kepada komuniti kami telah mencapai beberapa pencapaian yang signifikan. Jumlah bilangan komuniti yang mendapat manfaat daripada program khidmat masyarakat di bawah universiti ini telah meningkat secara ketara iaitu sebanyak 85,660 orang. Jika dibandingkan dengan data pada tahun sebelum, iaitu tahun 2022, dapat dilihat secara jelas pada tahun 2023, berlakunya peningkatan sebanyak 290 peratus bagi bilangan komuniti yang telah mendapat manfaat dari aktiviti/program yang berlandaskan komuniti seperti Corporate Social Responsibility (CSR), Knowledge Transfer Program (KTP), inovasi sosial dan lain-lain, yang dilaksanakan oleh universiti.



Rajah 5 : Ringkasan Pencapaian KPI Utama 13-15 Tahun 2023



## KPI 13: Pakar Rujuk

Pada tahun 2023, peratusan kakitangan universiti yang bertindak sebagai pakar rujuk sama ada dalam bidang akademik mahupun industri telah menunjukkan peningkatan yang positif, iaitu sebanyak 81.82 peratus, jika dibandingkan dengan data pada tahun 2022 yang hanya merekodkan nilai sebanyak 51 peratus. Aliran positif ini disumbangkan oleh komitmen kakitangan universiti yang komited untuk menyumbang kepakaran masing-masing di dalam bidang akademik dan dunia industri. Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) mengungguli sebagai fakulti di mana kakitangan dilantik menjadi pakar rujuk oleh pihak industri, agensi dan institusi luar dengan nilai peratusan sebanyak 95.4 peratus.

## KPI 14: Pendigitalan E2E

Bagi peratusan pendigitalan untuk menyokong perkhidmatan dan fungsi universiti melalui mekanisme end-to-end (E2E) pada tahun 2023 telah merekodkan pencapaian yang memberansangkan iaitu sebanyak 81.8 peratus, melebihi nilai sasaran minimum yang ditetapkan iaitu 50 peratus. Bagi sistem-sistem yang telah dibangunkan sepanjang tahun 2023, ia telah merekodkan peratusan penggunaannya sebanyak 74 peratus. Sistem-sistem yang dibangunkan ini juga terbukti sangat selamat untuk digunakan dengan sistem sekuriti yang stabil, yang mana ia terbukti dengan hanya ada satu (1) pencerobohan yang direkodkan ke atas sistem-sistem yang dibangunkan.


## KPI 15: TECC Smart Classroom

Dalam usaha memperkasakan kaedah penyampaian di dalam pengajaran dan pembelajaran, universiti telah menetapkan KPI 15 iaitu TECC Smart Classroom di dalam SKTU 2023. Pada tahun 2023 sebanyak 88 buah telah dibangunkan sama ada di Kampus Parit Raja mahupun Kampus Pagoh, dengan nilai peratusan sebanyak 59 peratus dari keseluruhan 149 bilik kuliah yang ada. Bagi membangunkan sesebuah TECC Smart Classroom ianya memerlukan sokongan infrastruktur yang berikut: (i) rangkaian digital dan (ii) fasiliti digital.

Tahun 2023 telah menjadi satu lagi tahun pencapaian cemerlang bagi UTHM di dalam mencapai lima belas (15) KPI utama seperti yang digariskan. Secara keseluruhan, pencapaian SKTU bagi tahun 2023 adalah bukti nyata kecemerlangan universiti ini dalam mencapai matlamat untuk menjadi katalis dalam membentuk masa hadapan dan menyumbang kepada kemajuan negara. Walaupun banyak yang telah dicapai sepanjang tahun 2023, sesungguhnya masih banyak cabaran yang perlu dihadapi dan banyak lagi ruang yang terbuka untuk penambahbaikan. Dengan semangat yang tinggi dan tekad yang kukuh, adalah diharapkan warga universiti ini akan terus meningkatkan prestasi pada tahun-tahun akan datang, menjadikan universiti keramat ini sebagai peneraju dalam bidang pendidikan tinggi.

# LAPORAN TADBIR URUS UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA 2023

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Lembaga Pengarah Universiti dan Jawatankuasa Eksekutif telah merangka satu struktur organisasi yang komprehensif, dengan mengambil kira fungsi utama Universiti, untuk dijadikan sebagai rujukan utama di dalam penentuan kebertanggungjawaban tadbir urus dan fungsi kesemua pusat-pusat tanggungjawab yang diwujudkan.



Rajah 6 : Carta Organisasi Universiti

Penetapan empat (4) fungsi utama Universiti iaitu UTHM Edu-Train, UTHM Technopreneur, UTHM Prihatin dan UTHM Governance dibuat berasaskan kepada keperluan untuk mewujudkan satu sistem pelaporan yang jelas, mengambil kira penentuan peranan dan tanggungjawab, penyaluran maklumat dan pemakaian peraturan yang teratur, agar tadbir urus organisasi dapat dilaksanakan dengan berkesan. Empat (4) kluster ini diletakkan sebagai keutamaan di dalam gerak kerja Universiti melibatkan staf, pelajar dan masyarakat sekitar, sebagai objektif utama Universiti dalam mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan.



Rajah 7 : Fungsi Utama Universiti

Setiap fungsi ini bergerak mengikut perincian yang telah digariskan di bawah seliaan Lembaga Pengarah Universiti yang dibuat melalui Jawatankuasa di bawah Lembaga Pengarah Universiti. Setiap jawatankuasa akan dipengerusikan oleh seorang ahli Lembaga Pengarah dan di bawah setiap jawatankuasa telah diletakkan beberapa Jawatankuasa Kerja di peringkat Universiti, yang akan bergerak melaksanakan fungsi khusus mengikut objektif yang berkaitan. Melalui pendekatan ini, Lembaga Pengarah Universiti akan memainkan peranannya sebagai sebuah badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti secara keseluruhannya, di samping berperanan secara efektif dalam melaksanakan fungsi-fungsi lain yang telah digariskan di dalam Perlembagaan Universiti.

## Lembaga Pengarah Universiti

Lembaga Pengarah Universiti (LPU) merupakan pihak berkuasa yang tertinggi dalam pengurusan universiti, yang diberi kuasa mentadbir, mengelola, mengawal universiti dan membuat keputusan berkaitan tindakan strategik terhadap dasar dan hala tuju dalam usaha mencapai matlamat yang sejajar dengan agenda pengajian tinggi negara. LPU diketuai oleh seorang Pengerusi dan dianggotai oleh seramai sepuluh orang ahli yang terdiri daripada beberapa komposisi sebagaimana yang dinyatakan di dalam Seksyen 17 (1) Perlembagaan UTHM. LPU bertanggungjawab memacu universiti ke arah hala tuju yang telah ditetapkan, menghadapi cabaran dalam pembangunan dan peningkatan pengurusan.

**Jadual 1** : Komposisi Lembaga Pengarah Universiti

Bil.	Nama
1	<p><b>YBhg. Dato' Sri Ibrahim bin Ahmad</b> Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM</p> <p>(Lantikan pertama: 26 Oktober 2020 – 25 Oktober 2023) (Lantikan kedua: 26 Oktober 2023 – 25 Oktober 2025)</p>
2	<p><b>Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim</b> Ahli Lembaga Pengarah - Naib Canselor UTHM</p> <p>(Lantikan: 9 Mei 2022 - 8 Mei 2025 / Keahlian – selama memegang jawatan Naib Canselor)</p>
3	<p><b>YBrs. Dr. Sharifah Adlina binti Syed Abdullah</b> Ahli Lembaga Pengarah - Wakil Perkhidmatan Awam Timbalan Setiausaha Bahagian Cukai, Kementerian Kewangan Malaysia</p> <p>(Lantikan pertama: 01 Nov 2018 - 31 Oktober 2021) (Lantikan kedua: 01 Nov 2021 – 31 Oktober 2023) Telah tamat keahlian</p>

4	<p><b>Yang Berhormat Dato' (Dr.) Haji Nooh bin Gadot</b>          Ahli Lembaga Pengarah - Wakil Masyarakat Setempat          Penasihat Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ)</p> <p>(Lantikan pertama: 1 Okt 2016 - 30 Sept 2019)          (Lantikan kedua: 15 April 2020 - 14 April 2022)          (Lantikan ketiga: 15 April 2022 - 14 April 2024)</p>
5	<p><b>YBhg. Prof. Ir. Dr. Yusri bin Yusof</b>          Ahli Lembaga Pengarah - Wakil Senat          Profesor/ Pensyarah          Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan UTHM</p> <p>(Lantikan: 10 Mei 2021 - 9 Mei 2024 atau hingga tamat keahlian Senat, mana terdahulu)</p>
6	<p><b>YBhg. Dato' Dr. Mohd. Padzil bin Hashim</b>          Ahli Lembaga Pengarah - Wakil Swasta</p> <p>(Lantikan: 15 Julai 2020– 14 Julai 2023)          Telah tamat keahlian</p>
7	<p><b>YBhg. Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday</b>          Ahli Lembaga Pengarah - Wakil Swasta</p> <p>(Lantikan: 12 Julai 2022 - 11 Julai 2024)</p>
8	<p><b>YBrs. Puan Elaine binti Lockman</b>          Co-Founder &amp; Director ATA PLUS Sdn. Bhd          Ahli Lembaga Pengarah - Wakil Swasta</p> <p>(Lantikan: 12 Julai 2021 hingga 11 Julai 2024)</p>
9	<p><b>YBrs. Ir. Ts. Abdul Rahman bin Bahasa</b>          Ketua Pegawai Eksekutif Recove Group Sdn. Bhd          Ahli Lembaga Pengarah - Wakil Alumni</p> <p>(Lantikan: 17 Oktober 2022 - 16 Oktober 2025)</p>
10	<p><b>YBhg. Dato' Dr. Mohd. Sharil bin Abdullah</b>          Pengarah Bahagian Hubungan Industri, Jabatan Pendidikan Tinggi          Ahli Lembaga Pengarah - Wakil Perkhidmatan Awam (Kementerian Pendidikan Tinggi)</p> <p>(Lantikan 1 September 2023 - 31 Ogos 2026)</p>

11	<p><b>YBrs. Encik Shahril Anwar bin Mohd Yunos</b> Senior Venture Capital Practitioner Ahli Lembaga Pengarah - Berpengetahuan dan Berpengalaman Yang Boleh Membantu Universiti</p> <p>(Lantikan pertama: 15 Oktober 2020 - 14 Oktober 2023) (Lantikan kedua: 15 Oktober 2023 - 16 Oktober 2025)</p>
12	<p><b>YBrs. Encik Hasry bin Harun</b> Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Development Corporation Ahli - Pengalaman Membantu Universiti</p> <p>(Lantikan: 1 November 2023 - 31 Oktober 2026)</p>
13	<p><b>YBrs. Encik Naim bin Maslan</b> Pendaftar/Ketua Pegawai Operasi UTHM Setiausaha – Keahlian selama memegang jawatan</p>

Peranan dan tanggungjawab LPU adalah dikawal selia dan merujuk kepada Tatacara Pengurusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti yang telah diluluskan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Khas Bil. 1/2019 yang bersidang pada 27 Januari 2019. Pewujudan tatacara ini adalah berpandukan kepada Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sebagai rujukan utama, selain dokumen seperti Enhancing University Board Governance and Effectiveness daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi. Lembaga merupakan Pihak Berkuasa Universiti sebagaimana yang ditetapkan oleh statut dan adalah tertakluk kepada peruntukan Fungsi dan Kuasa Lembaga di bawah Seksyen 20, Perlembagaan.

Mesyuarat Lembaga diadakan sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Pada 2023, sebanyak lima (5) kali mesyuarat berjaya diadakan sebagaimana berikut:

Bil. Mesyuarat	Tarikh	Tempat	Kehadiran
Bil.1/2023	12 Mac 2023	Thistle Hotel, Johor Bahru	Semua ahli hadir
Bil.2/2023	16 April 2023	Dewan Jemaah, Bangunan PTTA UTHM	Semua ahli hadir
Bil.3/2023	9 Julai 2023	The Everly, Putrajaya	Semua ahli hadir
Bil.4/2023	17 September 2023	Impiana Hotel Senai	Semua ahli hadir kecuali YBhg. Dato' Dr. Mohd. Padzil bin Hashim yang telah tamat keahlian pada 14 Julai 2023

Bil.5/2023	22 Oktober 2023	Opero Hotel Southkey Johor Bahru	Semua ahli hadir kecuali YBhg. Dato' Dr. Mohd. Padzil bin Hashim yang telah tamat keahlian pada 14 Julai 2023
------------	-----------------	-------------------------------------	--

Lembaga Pengarah bertanggungjawab menyemak dan meluluskan perkara-perkara berikut:

1. Dasar, Polisi dan Peraturan Universiti
2. Dasar-dasar Pengurusan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
3. Pewujudan dan Semakan Kandungan Kursus / Program Akademik
4. Penamatan / Penangguhan Program Akademik
5. Penubuhan Unit / Bahagian / Fakulti / Pusat
6. Program usahasama / kerjasama
7. Memorandum Perjanjian
8. Perjawatan
9. Jawatankuasa Lembaga Pengarah
10. Laporan Tahunan Universiti
11. Kelulusan Jemaah Menteri
12. Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah
13. Pewujudan Jawatan Kursi
14. Penubuhan syarikat Universiti
15. Sasaran Kerja Tahunan Universiti / KPI
16. Arahan Pengerusi dan Naib Canselor

Bidang kelulusan dan makluman yang diperincikan di dalam dokumen Terma Rujukan Lembaga Pengarah Universiti telah menjelaskan berkaitan fungsi dan kuasa di bawah Seksyen 20(3) Perlembagaan Universiti sebagaimana berikut:

- a) Mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi Universiti;
- b) Menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyuruh mengenai operasi Universiti;
- c) Membangunkan hubungan masyarakat, sektor korporat dan industri;
- d) Memupuk hubungan global dan keantarabangsaan berhubung dengan pelajaran tinggi dan penyelidikan;
- e) Memastikan pelaksanaan perlembagaan, undang-undang dan dasar Universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak Berkuasa, Jawatankuasa, Pegawai atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.

Manakala berikut adalah perkara-perkara yang perlu dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah Universiti:

1. Memorandum Persefahaman Luar dan Dalam Negara
2. Laporan Kertas Kerja Lembaga Pengarah yang Dibuat Secara Edaran

3. Laporan Kemajuan Syarikat Universiti
4. Laporan Perkembangan Semasa Universiti
5. Laporan Kemajuan Pusat Kecemerlangan
6. Arahan Naib Canselor

Peranan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Naib Canselor adalah sebagaimana yang dinyatakan masing-masing di dalam Terma Rujukan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Eksekutif, sebagai menjelaskan ketetapan yang telah digariskan pada Seksyen 23 (2) Perlembagaan UTHM, mengenai peranan Jawatankuasa Eksekutif dalam menasihati Naib Canselor berhubung tanggungjawabnya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik dan pengurusan dan hal ehwal Universiti, manakala ketetapan berkaitan fungsi Lembaga Pengarah adalah sebagai badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi Universiti.

Seterusnya, Lembaga Pengarah Universiti boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang bersesuaian dalam membantu Lembaga menjalankan fungsinya dan setiap jawatankuasa adalah dipengerusikan atau dianggotai oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti yang akan dilantik oleh Pengerusi Lembaga.

Keperluan penubuhan jawatankuasa di bawah Lembaga Pengarah Universiti ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam buku Enhancing University Board Governance and Effectiveness yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2015, di mana telah dinyatakan bahawa Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa dengan tujuan dan bidang kuasa yang jelas dan KPT telah memberikan beberapa jawatankuasa yang boleh ditubuhkan, tanpa meletakkan had kepada jumlah yang boleh diwujudkan.

Perincian mengenai penubuhan dan pengurusan Jawatankuasa di bawah Lembaga Pengarah, sepertimana yang dinyatakan pada Seksyen 21, Perlembagaan UTHM merangkumi beberapa perkara seperti:

1. Lembaga hendaklah memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi Pengerusi sesuatu jawatankuasa, dan boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa, mengikut satu tempoh tertentu.
2. Jawatankuasa yang ditubuhkan adalah sentiasa tertakluk dan mengikut arahan yang diberikan oleh Lembaga, berpandukan kepada Terma Rujukan Jawatankuasa yang telah digariskan.

Jawatankuasa yang telah ditubuhkan di bawah Lembaga Pengarah Universiti seperti yang telah diluluskan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 2/2021 yang bersidang pada 25 April 2021, adalah seperti berikut:

1. Jawatankuasa Kebajikan Pelajar
2. Jawatankuasa UTHM Prihatin
3. Jawatankuasa Komersialisasi dan Keusahawanan
4. Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Fizikal
5. Jawatankuasa Tetap Kewangan dan Pelaburan
6. Jawatankuasa Audit Universiti
7. Jawatankuasa Sumber Manusia

8. Jawatankuasa Pemilih Kursi
9. Jawatankuasa Governan, Penilaian Risiko dan Integriti
10. Jawatankuasa Perancangan Strategik dan Pengurusan Organisasi
11. Jawatankuasa Digital Universiti
12. Jawatankuasa Tatatertib Staf
13. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Staf
14. Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar

Fungsi dan Bidang Tugas bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan bidang tugas akan disemak secara berkala untuk memastikan kandungannya kekal relevan dan dikemaskini. Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Terma Rujukan utamanya adalah seperti berikut:

1. **Jawatankuasa Komersialisasi dan Keusahawanan**  
Jawatankuasa hendaklah menjadi badan yang bertanggungjawab mengelola, membuat dasar, mengawasi, memantau dan mempertimbangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hala tuju perancangan strategik berkaitan ekosistem inovasi dan keusahawanan Universiti agar selari dengan ketetapan yang digariskan di dalam Pelan Strategik Universiti

Pengerusi : Puan Elain binti Lockman

2. **Jawatankuasa Kebajikan Pelajar**  
Jawatankuasa hendaklah menjadi badan yang bertanggungjawab mengelola, membuat dasar, mengawasi, memantau dan mempertimbangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan pelajar.

Pengerusi : Naib Canselor UTHM  
Ahli Dalam Kalangan LPU : Dato' (Dr.) Haji Nooh bin Gadot

3. **Jawatankuasa UTHM Prihatin**  
Jawatankuasa hendaklah menjadi badan yang bertanggungjawab mengelola, membuat dasar, mengawasi, memantau dan mempertimbangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar, polisi atau garis panduan berkaitan kebajikan warga Universiti dan masyarakat kecuali perkara-perkara yang telah diputuskan oleh Lembaga Yayasan UTHM, Lembaga Penasihat Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTHM dan Jawatankuasa Pemegang Amanah Endowmen.

Pengerusi : Dato' (Dr.) Haji Nooh bin Gadot

4. **Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Fizikal**  
Jawatankuasa hendaklah menjadi badan yang bertanggungjawab mengelola, membuat dasar, mengawasi, memantau dan mempertimbangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hartanah Universiti, perancangan fizikal dan pembangunan kampus.

Pengerusi : Datuk Haji Md.Jais bin Haji Sarday



5. Jawatankuasa Tetap Kewangan dan Pelaburan  
Tugas Jawatankuasa Tetap Kewangan dan Pelaburan adalah membuat perakuan untuk kelulusan Lembaga sepertimana berikut:
  - a. Bertanggungjawab dalam menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan mengurus Universiti untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga;
  - b. Menilai semula anggaran pendapatan dan perbelanjaan mengurus Universiti sepertimana yang dirujuk oleh Lembaga;
  - c. Bertanggungjawab dalam menyediakan anggaran perbelanjaan pembangunan Universiti untuk pertimbangan dan kelulusan Lembaga;
  - d. Bertanggungjawab ke atas penyediaan Penyata Kewangan Tahunan;
  - e. Menetapkan tatacara belanjawan, perolehan, pembayaran, pengendalian aset, inventori dan pelupusan harta Universiti serta tatacara kewangan yang lain;
  - f. Mengatur dan mengawal Sistem Kewangan Universiti;
  - g. Menimbang dan meluluskan cadangan pelaburan dalam bentuk saham amanah atau saham tersenarai;
  - h. Menimbang dan meluluskan menjual, menggadai janji, memajakkan, menukar atau selainnya, melepaskan mana-mana harta;
  - i. Menimbang dan meluluskan mengikut nilai yang berkuatkuasa bagi kadar sewa ruang dan kemudahan-kemudahan lain di Universiti ;
  - j. Menyediakan apa-apa laporan kewangan dan perakuan untuk kelulusan Lembaga
  - k. Mengambil maklum mengenai mana-mana pekeliling kerajaan berkaitan kewangan yang mewajibkan pemakaian dan telah diluluskan di peringkat Jawatankuasa Eksekutif.
  - l. Menimbang dan meluluskan pemakaian pekeliling kerajaan berkaitan kewangan seperti Pekeliling Perbendaharaan, Pekeliling MAMPU, Pekeliling Kementerian Pengajian Tinggi, Pekeliling ICU termasuk pemakaiannya dengan cadangan pindaan yang bersesuaian.

Pengerusi : Dato' Dr. Mohd. Padzil bin Hashim  
 Ahli Dalam Kalangan LPU : Dr. Sharifah Adlina binti Syed Abdullah  
 Puan Elain binti Lockman

6. Jawatankuasa Audit Universiti

Jawatankuasa ini hendaklah menjadi badan yang membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara serta memastikan tindakan preventive dan corrective diambil oleh pihak pengurusan (audit) supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang. Jawatankuasa ini diwujudkan adalah untuk meningkatkan sifat tanggungjawab dan akauntabiliti dalam organisasi.

Pengerusi : Ts. Zainab binti Ahmad  
 Ahli Dalam Kalangan LPU : Prof. Ir. Dr. Yusri bin Yusof

7. Jawatankuasa Governan, Pengurusan Risiko dan Integriti

Jawatankuasa hendaklah menjadi badan yang bertanggungjawab mengelola, membuat dasar, mengawasi, memantau dan mempertimbangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan dasar, polisi atau garis panduan melibatkan governan, pengurusan risiko dan integriti ke arah pentadbiran Universiti yang lebih cekap dan berkesan.

Pengerusi : Dato' Dr. Mohd. Padzil bin Hashim

8. Jawatankuasa Perancangan Strategik dan Pengurusan Organisasi

Jawatankuasa hendaklah menjadi badan yang mengelola, membuat dasar, mengawasi, memantau dan menilai pengurusan strategik dan prestasi Universiti, serta boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan oleh Universiti kecuali yang telah diperuntukkan terhadap pihak berkuasa, badan atau pegawai lain Universiti.

Pengerusi : Naib Canselor UTHM  
 Ahli Dalam Kalangan LPU : Encik Shahril Anwar bin Md Yunos

9. Jawatankuasa Digital UTHM

Jawatankuasa hendaklah menjadi badan yang bertanggungjawab mengelola, membuat dasar, mengawasi, memantau dan mempertimbangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan:

- a. Tahap keberkesanan dan cadangan penambahbaikan pengurusan aplikasi digital di Universiti termasuk aspek pengintegrasian sistem sedia ada dengan teknologi baharu;
- b. Keberkesanan dasar, peraturan, dan sistem penyampaian perkhidmatan yang mempunyai impak kepada perancangan projek aplikasi digital di Universiti;
- c. Memantau prestasi matlamat strategik pendigitalan Universiti dalam Sasaran Kerja Tahunan Universiti (SKTU); dan
- d. Memantau tahap pelaksanaan Pelan Strategik ICT Universiti.

Pengerusi : Dr. Sharifah Adlina binti Syed Abdullah

10. **Jawatankuasa Pemilih Kursi**  
Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk membuat pelantikan ke suatu jawatan kursi dan pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan profesor kanan, profesor dan pegawai yang disebut dalam seksyen 14 Perlembagaan Universiti.

Pengerusi : Naib Canselor UTHM  
Ahli Dalam Kalangan LPU : Dato' Dr. Mohd. Padzil bin Hashim

11. **Jawatankuasa Sumber Manusia**  
Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengelola, mengawasi, memantau dan mempertimbangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hala tuju perancangan dan pembangunan sumber manusia UTHM agar selari dengan ketetapan yang digariskan di dalam Pelan Strategik UTHM.

12. **Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Pelajar**  
Jawatankuasa ini berfungsi untuk mendengar dan membuat keputusan berhubung rayuan tatatertib pelajar.

Pengerusi : Ts. Zainab binti Ahmad  
Ahli Dalam Kalangan LPU : Prof. Ir. Dr. Yusri bin Yusof

13. **Jawatankuasa Tatatertib Staf**  
Jawatankuasa ini berfungsi untuk mendengar dan membuat keputusan berhubung kesalahan tatatertib staf.

Pengerusi : Pengerusi LPU  
Ahli Dalam Kalangan LPU : Ts. Zainab binti Ahmad  
Encik Shahril Anwar bin Md Yunos


14. **Jawatankuasa Rayuan Tatatertib Staf (Kumpulan Pelaksana (Gred 1 – 40))**  
Jawatankuasa ini berfungsi untuk mendengar dan membuat keputusan berhubung rayuan tatatertib staf.

Pengerusi : Menteri Pendidikan Tinggi  
Ahli Dalam Kalangan LPU : Dato' (Dr.) Haji Nooh bin Gadot



# BAB | 1

KECEMERLANGAN  
UNIVERSITI



## UTHM Melangkah ke Hadapan

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sentiasa berusaha untuk melangkah ke hadapan sebagai universiti terhebat di Malaysia berasaskan misi dan visi yang dipegang dengan mengamalkan nilai UTHM iaitu Amanah, Profesional dan Inovatif. Dengan nilai ini, membolehkan warga universiti meningkatkan produktiviti dan prestasi dengan bekerja secara berpasukan ke arah penghasilan idea dinamik dalam mencapai hala tuju universiti. Dalam usaha meneruskan prestasi terbaik dan meningkatkan kecemerlangannya, segala perancangan yang dilaksanakan oleh UTHM sentiasa berlandaskan kepada pelan strategik universiti 2021-2030 yang telah dibentuk melalui perancangan yang teliti mengambil kira pandangan dan ideologi dari pelbagai lapisan pemegang taruh. Justeru itu, UTHM sentiasa komited untuk meningkatkan prestasi dan terus relevan dalam industri pendidikan tinggi negara. Pelbagai usaha dijayakan bagi memastikan UTHM terus melonjakkan pencapaian dan kecemerlangan di arena tempatan dan antarabangsa. Segala aktiviti dan inisiatif yang dilaksanakan, dipastikan hasilnya memberikan impak yang positif bukan sahaja kepada universiti malahan juga masyarakat umum dan negara.



Rajah 1.1 : Hala Tuju UTHM

## Pencapaian dan Pengiktirafan UTHM bagi Tahun 2023

### Pelantikan MyRIVET UTHM sebagai *High Level Committee (HLC)*

MyRIVET (*Malaysia Research Institute for Vocational Education & Training*) UTHM telah dilantik sebagai *High Level Committee (HLC)* oleh Sekretariat Majlis TVET Negara, Kementerian Sumber Manusia.



Foto 1.1 : Ebanner tahniah kepada MyRIVET UTHM kerana dilantik sebagai *High Level Committee (HLC)*

### Pengiktirafan dan Penarafan UTHM

Meneruskan prestasi cemerlang di persada antarabangsa, UTHM menerima pelbagai pengiktirafan daripada badan penarafan antarabangsa. Penanda aras yang utama bagi pencapaian kecemerlangan UTHM sepanjang 2023 adalah menerusi pengiktirafan dan penarafan dari segi akademik, penyelidikan, fasiliti dan ICT. Pengiktirafan dan penarafan yang diperolehi di peringkat nasional mahupun antarabangsa ini telah membantu menaikkan nama UTHM dan seterusnya memperkenalkan UTHM di persada antarabangsa. Secara tidak langsung, UTHM menjadi duta kecil bagi mempromosikan Malaysia di mata dunia.

## Penarafan QS Star Rating 2023

Sistem penarafan antarabangsa oleh Agensi Penilaian *Quacquarelli Symonds* (QS) telah memberi pengiktirafan lima bintang kepada UTHM untuk tempoh 2021 hingga 2024. UTHM telah berjaya memperoleh lima bintang bagi kategori pengajaran, kategori kebolehpasaran pekerjaan, inklusif (keterangkuman), kaedah pembelajaran dalam talian, inovasi dan kekuatan program khusus bagi program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian.

Selain itu, kategori penyelidikan dan pengantarabangsaan juga menunjukkan kemajuan apabila mendapat pengiktirafan empat bintang berbanding tiga bintang pada tahun 2017. Pengauditan ini dijalankan tiga tahun sekali oleh QS *Intelligence Unit* yang berpusat di London untuk menilai sistem penarafan universiti menggunakan QS *World Universities Ranking*.



Foto 1.2 : Penarafan 5 Bintang QS Stars Rating 2023



## Penarafan QS World University Rankings: Sustainability 2024

Sebanyak 1,400 universiti di dunia telah disenaraikan dalam QS World University Rankings: Sustainability 2024 pada 5 Disember 2023. UTHM telah memperoleh pencapaian yang amat baik dengan kedudukan ke 680 dalam penarafan ini.



Foto 1.3 : Poster *University Rankings Sustainability 2024*

## Penarafan UI GreenMetric World University Rankings (UIGWUR)

Pada tahun 2023, penyertaan UTHM bagi penarafan UI *GreenMetric World University Rankings* (UIGWUR) telah berjaya memperolehi kedudukan di tangga ke 132 daripada 1183 universiti seluruh dunia yang menyertai penarafan tersebut. Manakala di Malaysia pula, UTHM berjaya melonjak tangga ke 9 daripada 43 institut pengajian tinggi awam/swasta sekali gus menjadi antara 10 universiti terbaik di Malaysia.



Foto 1.4 : Poster kejayaan penarafan UI *GreenMetric World University Rankings* (UIGWUR) 2023

## Pengiktirafan dan Kecemerlangan UTHM di Peringkat Antarabangsa

### Tiga Jurnal Terbitan UTHM Tersenarai sebagai Jurnal Berimpak (Impact Factor Journal) 2023

Tiga jurnal yang diterbitkan oleh penyelidik UTHM iaitu *International Journal of Integrated Engineering* (IJIE), *Journal of Technical Education and Training* (JTET) dan *International Journal of Sustainable Construction Engineering and Technology* (IJSJET) telah tersenarai sebagai jurnal berimpak (*Impact Factor Journal*) 2023. Ini merupakan pengiktirafan kepada jurnal terbitan UTHM berdasarkan senarai yang dikeluarkan oleh Clarivate.



Foto 1.5 : Ebanner tahniah kepada penyelidik UTHM yang telah menghasilkan jurnal yang telah tersenarai sebagai jurnal berimpak (*Impact Factor Journal*) 2023

## Penyelidik UTHM Tersenarai dalam *World's Top 2% Scientist (Single Year Achievement)*

Enam orang staf akademik UTHM telah tersenarai dalam *World's Top 2% Scientist (Single Year Achievement)* yang dikeluarkan oleh Elsevier BV dan Stanford University. Staf akademik terbabit adalah Prof. Dr. Erween bin Abd Rahim, Prof. Madya Dr. Ong Pauline dan Dr. Syafiqah Nur Azree binti Safri, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Dr. Salama A. Mostafa, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), Prof. Madya Dr. Huda bin A Majid, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) dan Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Fadzely bin Abu Bakar, Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST).



**Foto 1.6 :** Ebanner ucapan tahniah kepada enam penyelidik UTHM kerana tersenarai dalam *World's Top 2% Scientist (Single Year Achievement)*

## Pengiktirafan dan Kecemerlangan UTHM di Peringkat Nasional

### UTHM Terima Perakuan Akreditasi APEL.C untuk Tempoh 5 Tahun

UTHM telah diluluskan untuk melaksanakan Pengakreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (Accreditation of Prior Experiential Learning APEL) bagi tujuan Penganugerahan Kredit APEL.C bagi tempoh 5 tahun (13 Januari 2023 – 12 Januari 2028).



Foto 1.7 : Ebanner ucapan tahniah atas kejayaan menerima perakuan akreditasi APEL.C

## UTHM Diiktiraf Sebagai 10 Pusat Latihan Pensijilan Terbaik Oleh Certiport Authorized Testing Center

UTHM diiktiraf oleh Certiport Authorized Testing Center sebagai 10 pusat terbaik yang menawarkan program latihan pensijilan di Malaysia. Pengiktirafan tersebut diberikan melalui anugerah Top 10 Malaysia's Certiport Authorized Testing Center (CATC) sempena berlangsungnya 'The Micro-Credentials Education Summit 2023' (MCES) yang diadakan pada 1 Jun 2023 bertempat di Connexion Conference and Event Centre, Bangsar South, Kuala Lumpur. Akademi Inteltek dan Data Analitik (AI.DA), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) menjalankan sepenuhnya program pensijilan profesional menggunakan perkhidmatan Certiport bagi pensijilan Microsoft yang telah ditawarkan sejak kewujudannya pada tahun 2020.



**Foto 1.8** : Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) mewakili UTHM menerima anugerah *Top 10 Malaysia's Certiport Authorized Testing Centre (CATC)*

## Produk Penyelidikan UTHM 'The Babylaena' Dapat Pengiktirafan Nano oleh MOSTI

Produk krim bayi 'The Babylaena' hasil penyelidikan Syarikat Terbitan Universiti, *ProNature Living Solutions Sdn. Bhd.* berjaya mendapat pengiktirafan nano daripada NanoMalaysia Berhad (NMB), salah satu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI). Pengiktirafan itu diberikan setelah produk tersebut lulus kriteria penilaian dan berjaya memenuhi keperluan teknikal untuk *NANOVerify Programme (Product Certification System: Type 5)*. The Babylaena yang dihasilkan oleh empat penyelidik UTHM iaitu Prof. Madya Dr. Noor Akhmazillah Mohd Fauzi, Ts. Dr. Aliff Hisham A Razak, Ts. Dr. Sity Aishah Mansur dan Prof. Madya Dr. Angzzas Sari Mohd Kassim merupakan produk nanoteknologi ke-22 yang telah disenaraikan di bawah

*NANOVerify Programme* dan telah diperakui di Malaysia.



**Foto 1.9** : Penyelidik UTHM bersama produk 'The Babylaena'

## Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) Terima Anugerah Citra Sahabat DBP (Kategori Sektor Awam) 2023

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), UTHM dinobatkan sebagai penerima Anugerah Citra Sahabat DBP (Kategori Sektor Awam) 2023 pada 4 Oktober 2023. Anugerah Citra Sahabat DBP yang diadakan sempena berlangsungnya Hari Inovasi 2023 Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) merupakan pengiktirafan yang diberikan kepada individu, persatuan, syarikat, pertubuhan, atau agensi yang telah memainkan peranan penting dan berkesan dalam membantu DBP menyebarkan dan memartabatkan bahasa, sastera, dan persuratan Melayu. UTHM dipilih berdasarkan pencapaian terbaik dalam program berimpak yang merupakan projek rintis pertama kerjasama antara DBP-UTHM yang dilaksanakan oleh FSKTM. UTHM sebelumnya memberi kerjasama yang baik dalam menyokong Program Pendigitalan Bahan Terbitan DBP menerusi Pertandingan Inovasi Digital DBP-UTHM pada bulan Januari 2023 di Perpustakaan Tunku Tun Aminah.



**Foto 1.10 :** Wakil UTHM menerima Anugerah Citra Sahabat DBP (Kategori Sektor Awam) 2023 daripada YB Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia

## UTHM Dilantik Sebagai Pusat Sukan Tumpuan Mendayung

UTHM telah dilantik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai Pusat Sukan Tumpuan Mendayung Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) bagi tahun 2023 hingga 2025. Pengiktirafan yang diberikan merupakan satu penghargaan kepada UTHM yang sebelum ini telah mencipta pelbagai kejayaan dalam sukan mendayung peringkat IPT, kebangsaan dan antarabangsa. Pemilihan itu juga berdasarkan beberapa kriteria seperti kemudahan sedia ada, faktor sumber manusia yang merujuk kepada tenaga kepakaran, kejurulatihan dan kepegawaian serta sokongan padu daripada pihak pengurusan IPT. Selain itu, pewujudan program itu merupakan

salah satu usaha untuk membangunkan sukan di IPT dengan lebih sistematik dan teratur serta melahirkan generasi “*The Thinking Athlete*”.



Foto 1.11 : Pasukan mendayung UTHM

## Kolej Kediaman Kampus Pagoh (KKKP) UTHM Diiktiraf Sebagai Penganjur Kempen Derma Darah Paling Komited Peringkat Kebangsaan

Kolej Kediaman Kampus Pagoh (KKKP), UTHM telah diiktiraf sebagai Penganjur Kempen Derma Darah Paling Komited peringkat kebangsaan untuk kali kedua berturut-turut. Anugerah tersebut telah disampaikan sempena Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 dan Ulang Tahun Ke-75 Bulan Sabit Merah yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor pada 18 Jun 2023. Selain pengiktirafan peringkat kebangsaan, KKKP turut diiktiraf di peringkat negeri Johor sebagai penganjur kempen derma darah dengan kutipan paling tinggi pada tahun 2022. Pihak KKKP dan HPSF telah bekerjasama rapat dengan Unit Perubatan Transfusi, Hospital Pakar Sultanah Fatimah (HPSF) Muar bagi menjayakan program derma darah yang bertempat di kawasan kolej kediaman. Pihak

KKKP dan HPSF meletakkan sasaran sekurang-kurangnya satu kali program dijalankan setiap bulan dengan sasaran kutipan beg darah tidak kurang daripada 500 beg setahun.



Foto 1.12 : Pengarah Pusat Perumahan Pelajar mewakili UTHM bagi Penganjur Kempen Derma Darah Paling Komited



## 52 Staf Wanita UTHM Tawan Gunung Kinabalu, Catat Rekod Baharu Dalam The Malaysia Book Of Records



**Foto 1.13 :** 52 orang staf wanita UTHM yang berjaya menawan Gunung Kinabalu

52 orang staf wanita UTHM mencatat rekod baharu dalam *The Malaysia Book of Records* (MBOR) dengan pencapaian '*Most Women Participants to Climb Mount Kinabalu*' setelah berjaya menawan Gunung Kinabalu pada 16 September 2023. Pendakian selama hampir 24 jam itu diakhiri dengan pengibaran bendera UTHM sempena sambutan 30 tahun UTHM serta pengibaran bendera Johor dan Malaysia sempena Hari Malaysia. Program Pendakian Wanita Kinabalu turut disertakan beberapa program sampingan seperti perkongsian ilmu berkaitan kemiskinan haid dan aktiviti CSR di tiga kawasan iaitu Kampung Orang Asli Kangkar Senangar, Parit Sulong, Kampung Orang Asli Tanah Abang, Mersing, dan Kampung Semuruh, Kundasang.

## Pengiktirafan dan Kecemerlangan Staf

### Staf UTHM Terima Biasiswa Aus4ASEAN

Ts. Dr. Marlina Mohamad daripada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) UTHM telah dianugerahkan biasiswa berprestij Aus4ASEAN untuk menghadiri kursus dua minggu di Australia bagi meningkatkan kesediaan digital dan daya tahan sistem TVET di ASEAN. Anugerah ini, yang mengiktiraf dedikasi dan sumbangan cemerlang beliau dalam bidang TVET serta mengukuhkan kredibiliti beliau sebagai pakar dalam bidang tersebut. Anugerah Aus4ASEAN merupakan inisiatif bersama ASEAN TVET Council (ATC) dan kerajaan Australia bertujuan memberi penghormatan kepada individu yang telah memajukan sektor TVET dengan ketara ke era digital.



Foto 1.14 : Ts. Dr. Marlina Mohamad bersama penerima Biasiswa Aus4ASEAN

### Staf UTHM Terima Anugerah 'Young Faculty (IT)' di Contemporary Academic Meet 2023

Ts. Inv. Dr. Shelena Soosay Nathan daripada Pusat Pengajian Diploma (PPD) UTHM menerima anugerah 'Young Faculty' dalam bidang teknologi maklumat (IT) ketika berlangsungnya forum 9th Contemporary Academic Meet (CAM) yang berlangsung pada 15 Julai 2023 di Green Park Chennai, India. Pengiktirafan tersebut hasil pencapaian dan sumbangan beliau yang luar biasa dalam bidang keilmuan dan pengajaran khususnya teknologi maklumat. Kehadiran Dr. Shelena sebagai penerima Anugerah 'Young Faculty' dan penguceptama dalam forum tersebut merupakan satu penghargaan kepada sumbangan beliau dalam bidang pendidikan dan pengetahuan tentang IT dan *Internet of Things* (IoT).



Foto 1.15 : Ts. Inv. Dr. Shelena Soosay Nathan menerima anugerah 'Young Faculty' dalam bidang teknologi maklumat (IT) di Forum 9th Contemporary Academic Meet (CAM)

## UTHM Raih 10 Pingat di Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX 23)

UTHM berjaya membawa pulang 10 pingat hasil penyertaan 10 produk penyelidikan ketika menyertai Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX 23). UTHM berjaya meraih 4 pingat Emas dan 6 pingat Perak melalui penyertaan produk hasil kajian dan penyelidikan pensyarah dari pelbagai fakulti. Kejayaan ini membuktikan aktiviti penyelidikan di UTHM mampu menarik perhatian umum sekali gus mampu bersaing dengan universiti ternama lain di Malaysia. Pameran kali ke-34 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 11 hingga 13 Mei disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Tuan Chang Lih Kang.



**Foto 1.16 :** Ebangan ucapan tahniah kepada kumpulan penyelidik UTHM yang memenangi pingat emas di Pameran Reka Cipta Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX 23)

## Staf UTHM Berjaya Memperolehi Tempat Ketiga dalam *The 9th Innovation and Entrepreneurship Teaching Excellence Awards*

Prof. Madya Dr. Siti Sarah binti Omar daripada Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) UTHM telah berjaya memperolehi tempat ketiga dalam *The 9th Innovation and Entrepreneurship Teaching Excellence Awards* bersempena *18th European Conference of Innovation and Entrepreneurship 2023* yang berlangsung pada 21 hingga 22 September 2023 bertempat di Universidade of Portucalense, Porto, Portugal. Projek ini antara salah satu usaha Pusat Teknousahawan Universiti dalam merealisasikan hasrat Universiti mencapai *Global Technopreneur University* menjelang 2030. Pelaksanaan program W@C bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan dan melatih kemahiran pelajar semasa dalam pengajian melalui penawaran dan permintaan kerja yang berasaskan teknologi dan inovasi.



**Foto 1.17 :** *Ebanner* ucapan tahniah kepada Prof. Madya Dr. Siti Sarah Omar, kerana berjaya meraih tempat ketiga dalam *The 9th Innovation and Entrepreneurship Teaching Excellence Awards*

## Staf UTHM Dipilih Sebagai *Board of Director* dan *Vice President International Press-in Association (IPA)*, Jepun



Ts. Dr. Nor Azizi bin Yusoff, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) UTHM dipilih sebagai *Board of Director* dan juga *Vice President, International Press-in Association (IPA)*, Jepun bagi sesi 2023-2024.

**Foto 1.18 :** *Ebanner* ucapan tahniah kepada Ts. Dr. Nor Azizi bin Yusoff, kerana telah terpilih sebagai *Vice President, International Press-in Association (IPA)*, Jepun

## Penerima Geran SRF – APP, MOSTI dengan Kerjasama Universiti Malaya dan MIMOS Berhad



Prof. Dr. Nafarizal bin Nayan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) berjaya memperolehi Geran SRF -APP, MOSTI dengan kerjasama Universiti Malaya dan MIMOS Berhad berjumlah RM2,737,820.00. Tajuk penyelidikan beliau ialah 'High Efficiency High Electron Mobility Transistor (HEMT) for Power Electronics Modules'.

**Foto 1.19 :** Ebanner tahniah kepada Prof. Dr. Nafarizal bin Nayan di atas kejayaan memperolehi Geran SRF-APP, MOSTI

## Staf UTHM Berjaya Menerima Dana Penaja Kementerian Pendidikan Tinggi – Pensijilan Profesional (KPT- PACE)

Dr. Norfaniza binti Mokhtar, Penyelaras KPT-PACE UTHM telah dianugerahkan Geran Penajaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT-PACE) Fasa 4 yang bernilai RM 925,000.00. Program pensijilan yang akan dimanfaatkan oleh pelajar tahun akhir UTHM daripada pelbagai bidang bertujuan meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah dalam membantu graduan memperoleh pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan dan memenuhi keperluan industri. Ini sekaligus dapat meningkatkan Kebolehpasaran Graduan (GE) Universiti tahun 2023.

**Foto 1.20 :** Ebanner ucapan tahniah kepada Dr. Norfaniza binti Mokhtar Penerima Geran Penajaan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT-PACE) Fasa 4



## Pengiktirafan dan Kecemerlangan Pelajar

### Pelajar UTHM Menangi Dua Pingat Dalam Temasya Sukan SEA 2023 di Kemboja

Saudara Mirza Adli Shaharaziz, pelajar daripada Pusat Pengajian Diploma UTHM telah berjaya meraih pingat perak bagi acara “Traditional Boat Race 12 crews Men Open” dan turut menyumbang pingat gangsa dalam acara “Traditional Boat Race 12 Crews U24 Men 800m” untuk Kontinjen Malaysia di Temasya Sukan SEA 2023 Kemboja. Mirza Adli Shaharaziz mewakili Malaysia dalam acara Traditional Boat Race di Sukan Sea Cambodia 2023 dari 14 hingga 17 Mei 2023. Beliau juga terpilih mewakili Malaysia di Sukan Asia ke-19 bertempat di Hangzhou pada 4 hingga 6 Oktober 2023.



**Foto 1.21 :** Ebanner ucapan tahniah kepada Saudara Mirza Adli Shaharaziz yang memenangi pingat perak di Sukan SEA 2023 Kemboja

### Malaysian Culinary World Cup 2023

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) UTHM berjaya meraih 11 pingat dan diploma dalam pelbagai kategori dalam pertandingan Malaysian Culinary World Cup 2023 pada 21 hingga 23 Februari 2023 bertempat di World Trade Centre, Kuala Lumpur. Para peserta berjaya meraih tiga pingat emas dalam kategori WC30 Malaysian Cuisine 5 Courses, WC32 Kerabu/Umai dan WC05 Plated Dessert, tiga perak melalui kategori WC33 Special Fried Rice, WC38 Ikan Sungai dan WC 28 Malaysia Rendang 4 dan empat gangsa melalui kategori WC48 Asian Cuisine 3 Courses, WC57 Teh Tarik Live, WC52 Modern Main Course Lamb dan WC50 Modern Main Course. Dua peserta UTHM juga berjaya meraih diploma dalam kategori WC 09 Cup Cake Showpiece dan WC15 2-tier Cream Cake. Felo Industri FPTV, Encik Afif Naim Abd Rani pula berjaya merangkul

pingat gangsa melalui kategori WC53 Open International Chef; Modern Main Course Fish or Seafood.



**Foto 1.22 :** Pelajar UTHM merangkul pelbagai hadiah di Malaysian Culinary World Cup 2023

## Pendayung UTHM Barracuda Raih Juara Keseluruhan di Tanah Besar China

Penyertaan julung kali Pasukan Mendayung UTHM dengan kontingen seramai 17 atlet dan tiga pegawai dalam *2nd ASEAN-China Student Rowing Competition 2023* membuahkan hasil apabila berjaya meraih gelaran 'Juara Keseluruhan' dengan 48 mata mendahului lapan pasukan lain. Penyertaan peringkat antarabangsa itu merupakan satu penghormatan apabila UTHM terpilih mewakili salah satu pasukan mendayung universiti di rantau Asia Tenggara yang menerima jemputan daripada pihak Universiti Tianjin, China. Penyertaan tersebut sekali gus telah memecah dominasi lapan penyertaan universiti daripada China dan ASEAN menerusi keempat-empat acara yang ditawarkan. Pasukan UTHM memenangi dua emas menerusi acara Men Eight (M8+) dan *Women Quadruple* (W4x) dan dua perak menerusi *Men Quadruple* (M4x) dan *Mixed Relay Ergometer*.



**Foto 1.23 :** Kejayaan Pasukan Mendayung UTHM dalam *2nd ASEAN-China Student Rowing Competition 2023*

## Dua Pingat Gangsa Berjaya Diraih di 2023 Asia Rowing Master Coastal Regatta di Qingdao, China

Dua orang pelajar UTHM iaitu saudari Nur Afiqah Zamia Sumeri dan saudara Mohd Arif Ashraf bin Mohd Rusok telah memenangi pingat gangsa dalam kejohanan *2023 Asian Rowing Master Coastal Regatta* di Qingdao, China pada 9 hingga 12 November 2023. Nur Afiqah Zamia telah memenangi pingat gangsa dalam acara Master A CW1X dan Master A CMix4X bersama Mohd Arif Ashraf dan tiga lagi pendayung Malaysia. Ini adalah satu pencapaian luar biasa yang memerlukan komitmen, latihan keras, dan kebolehan yang cemerlang.



**Foto 1.24 :** Ebanner tahniah kepada pelajar UTHM yang memperolehi pingat gangsa di *2023 Asia Rowing Master Coastal Regatta* di Qingdao, China

## Pelajar UTHM Terima “The Best Innovation Awards” di dalam AEEP 2023 di Seoul, Korea Selatan

Saudari Naqibah binti Azman, pelajar Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum UTHM berjaya memperoleh anugerah ‘*The Best Innovation Awards*’ di dalam APEC Entrepreneurship Education Program (AEEP) 2023 di Seoul, Korea Selatan, yang berlangsung pada 27 Jun sehingga 1 Julai 2023. Program yang dianjurkan oleh *Institute of APEC Collaborative Education (IACE)* ini melibatkan 30 belia yang terdiri daripada pelajar kolej dan universiti daripada lima ahli APEC ekonomi. Program AEEP bertujuan meningkatkan kefahaman pelajar mengenai APEC dan keusahawanan sosial di samping mengukuhkan kecekapan dan kemahiran individu untuk kebolehkeraan dan kesediaan start-up pada masa hadapan.



Foto 1.25 : Ebanner tahniah kepada pelajar UTHM yang memenangi ‘*The Best Innovation Awards*’ di dalam APEC Entrepreneurship Education Program (AEEP) 2023

## Kejayaan Pelajar UTHM di 3rd International Geotechnical Engineering Festival di Bandung, Indonesia



Foto 1.26 : Wakil Pelajar UTHM di 3rd International Geotechnical Engineering Festival 2023 (Geofest 2023)

Tiga orang pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), UTHM berjaya meraih tempat ketiga dalam 3rd International Geotechnical Engineering Festival (Geofest 2023) di Universitas Katolik Parahyangan, Bandung, Indonesia pada 26 dan 27 September 2023. Projek, “*VibroFLOAT: Stabilisation of Clay Soil with Waste Glass Powder (WGP) Blend*” adalah di bawah penyeliaan Prof. Ir. Dr. Chan Chee Ming, Ts. Dr. Tuan Noor Hasanah Tuan Ismail dan Puan Salina Sani. Manakala dua orang pelajar Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), UTHM turut memperoleh pencapaian cemerlang di *International Conference On “Case Histories in Geotechnical Engineering” and 4th ASTRTC6 Urban Geoengineering Symposium Geocase 2023* iaitu Muhammad Syahmi Nazmi Badrul Hisham meraih tempat kedua dalam kategori ‘*Undergraduate Student*’, manakala Kasbi Basri menjadi pemenang utama dalam kategori ‘*Graduate Student*’.



## UTHM Perolehi Penarafan Emas di The International Teaching and Learning Innovation Carnival (iTeLIC) 2023

Pelajar Pusat Pengajian Diploma (PPD) UTHM telah berjaya memperolehi satu Penarafan Emas menerusi projek Mari Belajar PAI: Aplikasi Edutainment Pendidikan Agama Islam Tahun 1 (Ketidakupayaan Pendengaran) dan satu Penarafan Gangsa menerusi projek *Breaking Barriers: Enhancing Malay Language Year 1 (Hearing Impairment) with My-iBM App* di *The International Teaching and Learning Innovation Carnival (iTeLIC) 2023*. Pertandingan telah berlangsung pada 5 hingga 6 Julai 2023 secara dalam talian. Pencapaian pasukan Mari Belajar PAI: Aplikasi Edutainment Pendidikan Agama Islam Tahun 1 (Ketidakupayaan Pendengaran) tidak sekadar memperolehi Penarafan Emas, bahkan dinobatkan sebagai Anugerah Terbaik Kategori F (Produk).




Foto 1.27 : Peserta Program *The International Teaching and Learning Innovation Carnival (iTeLIC) 2023*




UTHM

PERPUSTAKAAN

# BAB | 2

## KECEKAPAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA



## Pengenalan

Penyediaan perkhidmatan yang lebih efektif dan tadbir urus terbaik adalah amat penting untuk menjadikan UTHM sebuah institusi pendidikan yang cemerlang. Ia menuntut kecekapan sumber manusia yang kreatif dan berinovasi demi memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa relevan dengan tuntutan semasa. Sumber manusia terutamanya di universiti awam perlu mengikuti perkembangan semasa dan berpengetahuan bagi memastikan organisasi tidak ketinggalan. Pengurusan sumber manusia yang efektif dilihat sebagai pendekatan terbaik bagi membantu organisasi mendepani persaingan yang semakin mencabar. Bagi tujuan tersebut, UTHM amat menekankan beberapa inisiatif termasuk berkaitan perjawatan, kenaikan pangkat, latihan/kursus dan pengiktirafan sebagai kayu ukur utama kepada pencapaian dan prestasi dalam pentadbiran sesebuah organisasi

## Kursus dan Latihan Pembangunan Staf


Pusat Kepimpinan dan Kompetensi (PKK) bertanggungjawab memperkasa dan memperkukuh agenda transformasi bakat UTHM selari dengan GTU 2023. Sejak mula beroperasi pada bulan Februari 2022, objektif utama PKK adalah untuk melaksanakan Competency-Based Talent Management (CBTM) yang merangkumi pembangunan kamus kompetensi, analisis jurang kompetensi, penawaran latihan berasaskan kompetensi dan penilaian keberkesanan. PKK juga beriltizam memperkasa kolam bakat UTHM melalui kerangka pembangunan kepimpinan dan pelaksanaan pelan penggantian yang berstruktur. Bagi tahun 2023, pusat ini telah membelanjakan 100 peratus peruntukan latihan sebanyak RM 2.2 juta serta peruntukan tambahan berjumlah RM500 ribu. Pecahan peruntukan adalah seperti **Jadual 2.1** di bawah :

**Jadual 2.1** : Peruntukan dan Perbelanjaan Kursus dan Latihan Pembangunan Staf

Vot	Perbelanjaan
Vot 29000 – Pembayaran yuran pendaftaran, penganjuran kursus, dan jamuan makan	RM 1.9 juta
Vot 21000 – Perjalanan, sara diri dan tuntutan penginapan	RM 300 ribu
Tambahan Vot 29000 – Program Pembangunan Kepimpinan	RM 500 ribu

Peruntukan latihan yang diterima pada tahun 2023 adalah 31 peratus lebih tinggi berbanding peruntukan untuk pelaksanaan latihan pada tahun 2022 seperti di **Rajah 2.1**. Hal ini kerana pada tahun 2023, pembangunan latihan adalah berfokus kepada Program Pembangunan Kepimpinan dan Program Pensijilan Kompetensi Staf Akademik. Berikut merupakan senarai aktiviti mengikut keutamaan pada tahun 2023 :

- a) Program *Upskilling/Reskilling* Staf Akademik (pensijilan kompetensi)
- b) Program Pembangunan Kepimpinan
- c) Program Latihan bagi Staf Akademik
- d) Kursus Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran



**Rajah 2.1** : Perbandingan Peruntukan Latihan yang Dibelanjakan antara Tahun 2022 dan 2023

PKK komited dalam memastikan setiap staf diberi peluang menghadiri kursus untuk pembangunan diri. Kursus yang dihadiri berkaitan dengan tugas kerja dan bertujuan untuk meningkatkan tahap kompetensi diri masing-masing pada tahun 2023, 92 peratus staf telah melengkapkan 7 hari latihan dengan mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan oleh pusat ini dan kursus anjuran agensi luar.

Bagi menghasilkan tenaga pengajar yang profesional, PKK telah berhubung dengan fakulti untuk menetapkan bilangan tenaga pengajar yang memerlukan pensijilan kursus profesional. Program *upskilling/reskilling* membantu tenaga pengajar dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran, khususnya dalam subjek pengajaran berkaitan teknologi. *Upskilling/reskilling* dapat memastikan tahap pengetahuan tenaga pengajar relevan dengan peredaran teknologi semasa, secara tidak langsung dapat melahirkan pelajar universiti yang mampu berdaya saing dengan graduan di universiti terkemuka yang lain.

Jadual 2.2 : Indikator, Sasaran dan Pencapaian Tahun 2023

Indikator	Sasaran	Pencapaian 2023
Peratusan staf menghadiri kursus 7 hari setahun	90%	92%
Peratusan staf akademik mengikuti program <i>upskilling/ reskilling</i>	35%	37%
Pelaksanaan UTHM <i>Leadership Development Program</i>  Berdasarkan Resolusi Lembaga Pengarah Universiti tahun 2022	8 Bilangan Program Kepimpinan	Ulead – 5 Modul HiLead – 2 Program HiPer – 1 Program Jumlah Bakat Kepimpinan yang mengikuti program – 237 orang



Rajah 2.2 : Infografik Pencapaian PKK Tahun 2023

## Pembangunan Kamus Kompetensi UTHM


PKK telah membangunkan sepenuhnya Kamus Kompetensi UTHM pada tahun 2023. Kamus kompetensi merupakan dokumen himpunan kompetensi staf UTHM yang merangkumi kemahiran, pengetahuan dan tingkah laku yang diperlukan dalam melaksanakan tugas semasa. Kamus Kompetensi UTHM berperanan sebagai panduan komprehensif dan sumber rujukan untuk semua staf dalam pemahaman, penilaian, dan peningkatan kecekapan semasa menjalankan tugas. Rubrik yang telah dibangunkan ini dirancang untuk menyokong penilaian staf dalam usaha pembangunan diri dan perkembangan profesional yang berterusan. Kamus Kompetensi ini merangkumi Kerangka Kompetensi UTHM (*UTHM House of Competency*) dengan empat domain iaitu kompetensi teras (*core*), kompetensi generik (*generic*) bagi setiap kategori staf, kompetensi fungsian (*functional*) dan kompetensi kepimpinan (*leadership*) seperti Rajah 2.3 di bawah. Setiap kompetensi pada domain ini diberikan deskripsi dan tahap penguasaan bagi setiap kompetensi yang dinyatakan.

KATEGORI	KOMPETENSI TERAS	KOMPETENSI GENERIK	KOMPETENSI FUNGSIAN
AKADEMIK	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kreatif dan Inovatif</li> <li>• Pengurusan Hubungan</li> <li>• Berminda Teknousahawan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendidik TVET</li> <li>• Penyelidik Reflektif</li> <li>• Jaringan Industri dan Komuniti</li> </ul>	Kompetensi Berasaskan Tugas Semasa
PENTADBIR		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Rakan Strategik</li> <li>• Tadbir Urus Sumber</li> <li>• Penyelesaian Masalah dan Pembuatan Keputusan</li> </ul>	Kompetensi Berasaskan Tugas Semasa
PELAKSANA		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komunikasi</li> <li>• Pengurusan Perkhidmatan</li> <li>• Kerja Berpasukan</li> </ul>	Kompetensi Berasaskan Tugas Semasa
KEPIMPINAN	Kompetensi Kepimpinan AKEPT (15 kompetensi)		

Rajah 2.3 : Kerangka Kompetensi UTHM (*House of Competency UTHM*)

## Pelaksanaan Kamus Kompetensi UTHM

PKK telah melaksanakan 101 daripada 112 kursus yang dirancangkan (84 peratus daripada keseluruhan) bagi tahun 2023, melibatkan kursus yang telah disenaraikan dalam Takwim Latihan Staf 2023 dan kursus anjuran PTJ yang menggunakan peruntukan latihan di bawah PKK.



**Rajah 2.4** : Pecahan Jenis Kursus Berdasarkan Takwim yang Dijalankan Sepanjang Tahun 2023

**Jadual 2.3** : Senarai Kursus yang Mendapat Sambutan Tinggi daripada Kalangan Staf

Tajuk	Tarikh	Tempat
Kursus Asas Penyiasatan Serta Pengendalian Barang Kes	19 Februari 2023	Dewan Jemaah Aras 5, Perpustakaan Tunku Tun Aminah
Sanggar Lestari Siri 1 2023	3 Januari 2023	Bayu Balau Beach Resort
Kursus Protokol Majlis & Etiket Sosial serta Pengurusan Acara	6 November 2023	Auditorium Al Jazari Aras 3 Perpustakaan Tunku Tun Aminah
Kursus Pemasaran Mudah Melalui Media Sosial	17 Oktober 2023	Bilik Latihan Seri Teratai
Kursus Rekabentuk dan Pengurusan Laman Web	10 Mei 2023	Makmal Komputer Aras Bawah, Perpustakaan Tunku Tun Aminah
Kursus Bermain dengan Minda Warna Warni	20 Jun 2023	Bilik Lestari 1, Perpustakaan Tunku Tun Aminah
Kursus Setiausaha "Stunning" and Ideal	2 Ogos 2023	Bilik Latihan Seri Teratai
Kursus Pengurusan Bahan Kimia Siri 3	10 September 2023	UTHM Kampus Pagoh
Kursus Asas Myportfolio	22 Mei 2023	Bilik Latihan Seri Teratai
Kursus Continual Quality Improvement (CQI)	25 Oktober 2023	Bilik Latihan Seri Teratai



Tajuk	Tarikh	Tempat
Kursus Pembangunan Soalan-Open Ended, Multiple Choice	27 Jun 2023	Bilik Latihan Seri Teratai


## Latihan Staf Kursus Dalam Dan Luar Negara

Sepanjang tahun 2023, PKK telah menerima 4915 permohonan untuk menghadiri kursus anjuran luar dan Universiti. 23 daripada 4915 permohonan kursus bertempat di luar negara.

## Pembangunan Bakat Kepimpinan UTHM



### KERANGKA PEMBANGUNAN BAKAT KEPIMPINAN UTHM UTHM LEADERSHIP TALENT DEVELOPMENT FRAMEWORK



Rajah 2.5 : Kerangka Pembangunan Bakat Kepimpinan di UTHM

Pembangunan bakat kepimpinan di UTHM disusun dan dilaksanakan berdasarkan Kerangka Pembangunan Bakat Kepimpinan UTHM seperti Rajah 2.5. Pada tahun 2023, sebanyak 16 program kepimpinan telah dilaksanakan dalam usaha untuk memperkasa dan melatih bakat kepimpinan UTHM.

Jadual 2.4 : Senarai Program Kepimpinan yang Telah Dilaksanakan

Bil.	Nama Program / Latihan	Tarikh / Lokasi
1.	<b>UTHM High-Performance Leadership Coaching (Hiper)</b> Lab 1 : Kepimpinan Diri Berimpak	7- 9 Februari 2023 Institut Kepimpinan dan Pembangunan UiTM
2.	<b>UTHM High-Performance Leadership Coaching (Hiper)</b> Lab 2 : Kepimpinan Pasukan	22 - 24 Februari 2023 Johor Bahru

Bil.	Nama Program / Latihan	Tarikh / Lokasi
3.	<b>UTHM High-Performance Leadership Coaching (Hiper)</b> Forum Kepimpinan	6 Mac 2023 UTHM
4.	<b>UTHM High-Performance Leadership Coaching (Hiper)</b> Lab 3 : Kepimpinan Institusi	8 - 10 Mac 2023 Genting Highland
5.	<b>UTHM High-Performance Leadership Coaching Programme (Hiper)</b> Pembentangan Projek	20 Mac 2023 UTHM
6.	<b>UTHM Leadership Development Program – Leaders Course (Ulead)</b> Modul 1: “HR From The Outside In”	17 Julai 2023 Batu Pahat
7.	<b>UTHM Leadership Development Program – Leaders Course (Ulead)</b> Modul 2: “Finance For Non-Finance Managers”	25-26 Julai 2023 Batu Pahat
8.	<b>UTHM Leadership Development Program – Leaders Course (Ulead)</b> Modul 3: “Leading With Integrity And Ethics”	2 Ogos 2023 Batu Pahat
9.	<b>UTHM Leadership Development Program – Leaders Course (Ulead)</b> Modul 4: “The Rise And Fall Of Strategic Planning”	15-16 Ogos 2023 Batu Pahat
10.	<b>UTHM Leadership Development Program – Leaders Course (Ulead)</b> Modul 5: “Stakeholder Engagement: Changes In Practice And Power”	20-21 Ogos 2023 Batu Pahat
11.	<b>UTHM High Impact Leadership Program (Hilead)</b> Change Leadership For Senior Administrators	17-19 September 2023 Johor Bahru
12.	<b>UTHM High Impact Leadership Program (Hilead)</b> Change Leadership For GTU Leaders	15-17 November 2023 Johor Bahru
13.	<b>Kursus Kepimpinan Pentadbir</b> Kursus “Strategic And Successful Negotiation”	29 Mei 2023 UTHM
14.	<b>Kursus Kepimpinan Pentadbir</b> Kursus Pembentang Gaya Eksekutif	13 Jun 2023 UTHM
15.	<b>Kursus Kepimpinan Pentadbir</b> Kursus Penulisan Pentadbir	24 Julai 2023 UTHM
16.	<b>Kursus Kepimpinan Pentadbir</b> Kursus Penyelidikan Pentadbir	13 September 2023 UTHM

Selain daripada program-program pembangunan kepimpinan dalaman, bagi memperkukuhkan kompetensi kepimpinan UTHM, bakat kepimpinan UTHM juga dilatih dengan menyertai program-program kepimpinan anjuran luar UTHM.

**Jadual 2.5 : Senarai 25 Program yang Telah Dihadiri dengan Jumlah 68**  
Bakat Kepimpinan Mengikuti Program Kepimpinan Anjuran Luar

Bil.	Nama Program / Latihan	Tarikh / Lokasi	Anjuran
1.	Program Masterclass Lead Like A CEO	2 - 3 Disember 2023 Kuala Lumpur	AJM International Academy
2.	Program 8th Global Higher Education Forum 2023 (Ghef2023): Equity Recovery – Higher Education In The Post-Pandemic Era	15 -17 November 2023 Movenpick Hotel and Convention Centre KLIA	Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bersama USM
3.	Program Wacana Integriti: Jelajah Cakna Syariah 2023: Orang Ketiga Dalam Undang-Undang Jenayah Syariah	25 Mei 2023 (Dewan Zaaba, KPT)	Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
4.	Program Kepimpinan Inovasi Dan Pengkomersialan Harta Intelek (Innocol)	7-9 Februari 2023 (Kedah) 6-8 Mac 2023 (Kedah) 23-25 Mei 2023 (Sarawak)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
5.	Program Kecemerlangan Kepimpinan Ketua Pustakawan Dan Timbalan Ketua Pustakawan Institusi Pendidikan Tinggi (Excelib) Kohot 2	27 Februari - 1 Mac 2023 (AKEPT) 15-17 Mei 2023 (AKEPT) 3-5 Julai 2023 (AKEPT)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
6.	Program Deputy Vice Chancellor Leadership Onboarding (Dvclead) Kohot 2	3 Februari 2023 (Dalam Talian) 19-22 Februari 2023 (Langkawi, Kedah) 11-12 Mei 2023 (Dalam Talian)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
7.	Changemaker Leadership Programme For Senior Administrators (Clapsa)	1-2 Februari 2023 (AKEPT)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
8.	Program Royal Address: Shaping University Leadership For The 21st Century Higher Education	8 Februari 2023 (Asia-Europe Institute AEI, UM)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
9.	Program University Leaders Entrepreneurial Educators' Bootcamp (Unileeb) Kohot 3	12-16 Januari 2023 (Pattani & Hatyai) 22-26 Februari 2023 (AKEPT)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)

Bil.	Nama Program / Latihan	Tarikh / Lokasi	Anjuran
10.	Program Deputy Vice Chancellor Leadership Onboarding (Dvcclead) Kohot 2 Bagi Penolong Naib Canselor Atau Pro Naib Canselor	3 Februari 2023 (Dalam Talian) 19-22 Februari 2023 (Langkawi, Kedah) 11-12 Mei 2023 (Dalam Talian)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
11.	Program Sustainable Development Goals Leadership: University For Society (Sdgu4s) Kohot 2	22 - 26 Mei 2023 (Kota Kinabalu dan Kudat, Sabah)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
12.	Top Executive Programme (Tep) Kohot 3	8 Mei 2023 (Dalam Talian) 9-16 Julai 2023 (Cambridge University, UK)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
13.	Akept Leadership Talk Series (Alts): Addressing Gaps In Tvet Ecosystems	25 Mei 2023 (Auditorium AKEPT)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
14.	Program Pembudayaan Integriti Dalam Tadbir Urus Institusi Pendidikan Tinggi (Piti)	21-22 Jun 2023 (AKEPT)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
15.	Program Competency Based Instrument: Behavioral Event Self Assessment (Cbi Besa) Cohort 2-2022/2023	15-17 Jun 2023 (AKEPT)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)

Bil.	Nama Program / Latihan	Tarikh / Lokasi	Anjuran
16.	Program Talent Management For Excellence (Tame) 5.0 Bagi Tahun 2023-2024 Anjuran AKEPT Dengan Kerjasama AKEPT UMP	29-30 Julai 2023 (AKEPT) 19-20 Ogos 2023 (Online) 9-10 September 2023 (AKEPT) 21-22 Oktober 2023 (Online) 18-19 November 2023 (Online) 9 -10 Disember 2023 (AKEPT) 19-20 Januari 2024 (Online) 3-4 Februari 2024 (AKEPT) 30-31 Mac 2024 (Online) 20-21 April 2024 (Online) 11-12 Mei 2024 (AKEPT)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
17.	Program "Elevating Leadership Instrument & Evaluation Series" (Elite)	16 Jun 2023 (AKEPT)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
18.	Pelaksanaan Program Vice Chancellor Executive Coaching (Vcec)	Jun - September 2023 (Online & Fizikal)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
19.	Program Professional Finance For Non-Finance (Profinof) Tahun 2023	21 & 22 Ogos 2023 (Putrajaya)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
20.	Program Kepimpinan Inovasi Dan Pengkomersialan Harta Intelek Lanjutan (Innocol.Ed)	28 Ogos 2023 (Online) 24-26 September 2023 (USM) 22 Oktober 2023 (Online)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)

Bil.	Nama Program / Latihan	Tarikh / Lokasi	Anjuran
21.	Program Leadership Development Need Analysis (Leaddna)	25-27 Ogos 2023 (AKEPT)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
22.	Program Professional Character And Competency Building (Proccb) Siri 2 Tahun 2023	8 September 2023 (Atas Talian) 12-14 September 2023 (Mutiara Taman Negara Eco Park Resort, Kuala Tahan, Pahang)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
23.	Program Kolokium 2023-Kolokium Pembangunan Kompetensi Peringkat Kebangsaan	27-29 Oktober 2023 (Dewan Budaya, USM)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
24.	Program Kemajuan Transformatif Ke Arah Matlamat Pembangunan Lestari: Wacana Amalan Terbaik Universiti Sains Malaysia	30 Oktober 2023 (Dewan Zaaba, KPT)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
25.	Program Competency-Based Instrument: Behavioral Event Self-Assessment (Cbi-Besa) Cohort 3 2023/2024	30 November - 1 Disember 2023 (EDC, UUM) 1-2 Februari 2024 (Online) 6-8 Mac 2024 (AKEPT) 17-19 April 2024 (EDC, UUM) 3-24 Mei 2024 (AKEPT)	Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)



Foto 2.1 : Antara kursus/latihan yang telah dihadiri oleh staf UTHM

## Penjanaan Pendapatan Di Bawah Pusat Kepimpinan Dan Kompetensi

Selaras dengan visi, misi dan hala tuju Universiti yang baharu bagi merealisasikan hasrat untuk menjadi sebuah universiti technopreneur bertaraf global, PKK turut melaksanakan aktiviti penjanaan pendapatan melalui sewaan ruang latihan dan penawaran pakej latihan kepada masyarakat setempat.

Jadual 2.6 : Senarai Kursus Komersial di Pusat Minda Emas (PuMAS), UTHM Tanjung Laboh

Bil.	Kursus Komersial
1	Kursus Latihan Pengendali Makanan 1/2023
2	Kursus ARPRM & Sistem Prolog ARPM
3	Bengkel Scout Go Solar
4	Kursus Latihan Pengendali Makanan 2/2023
5	Kursus Journal Writing Coaching Program
6	Kursus Pemasaran Perniagaan
7	Seminar Kos Anggaran Projek
8	Kursus Penyediaan Makanan Halalan Toyyiban
9	Kursus Pengendalian Sistem Siar Raya
10	Kursus Latihan Pengendali Makanan (8 Sesi Pelajar PTSN)
11	Program Rakan Ekspresi @ Pro Skill Komunikasi
12	Kursus Latihan Pengendali Makanan 3/2023
13	Kursus Pengurusan Kewangan dan Sanggar Lestari Universiti Awam Tahun 2024
14	Kursus Pemimpin ARPRM

Jadual 2.7 : Senarai Program dan Agensi yang Terlibat

Bil.	Program	Agensi
1.	Kem Kecemerlangan Dan Motivasi Diri	SMK Banang Jaya
2.	<i>Rovering To Success 10.0</i>	Kumpulan Latihan Kelanasiswa Malaysia UTHM
3.	Program Bonding Buzz KKE	Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
4.	Program Bina Insan Pelajar Tingkatan 5	MRSM Batu Pahat
5.	Kursus Etika Dan Pengurusan Integriti	Suksis UTHM
6.	<i>Gear Up Challenge</i>	Pandu Puteri UTHM
7.	<i>Made To Lead</i>	Pandu Puteri UTHM
8.	Program Permata Lead	Kelab Permata UTHM
9.	Kursus Asas Pengurusan Dan Pentadbiran Ppim Peringkat Negeri	Persatuan Pandu Puteri Islam Malaysia
10.	Kursus <i>Training Of Trainers (Tot)</i> Sukarelawan Rakan Masjid Hospital	JAKIM
11.	Kem Kepimpinan Pengawas 2023/2024	Perpustakaan Tunku Tun Aminah
12.	Kem Team Building Badan Kepimpinan Murid	SMK (P) Temenggong Ibrahim
13.	Program Bina Cemerlang	Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Johor
14.	Kursus Bahasa Arab Dan Persediaan Ke Timur Tengah	Marsah
15.	Bengkel Penataran Jadual Spesifikasi Ujian Dan Jadual Spesifikasi Item Negeri Johor	Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat
16.	Kem Kepimpinan Pemimpin Pelajar SMK Simpang Renggam	SMK Simpang Renggam
17.	Program Transformasi Diri Dan Kepimpinan Murid	Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat
18.	Kem Kepimpinan Pemimpin Muda	SMK Pekan Nanas
19.	Bengkel Matematik Tambahan	SMKA Johor Bahru
20.	Kursus Pengucapan Awam	Suksis UTHM
21.	Bengkel Kerja Karnival Pemulihan Khas Daerah Batu Pahat	Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat
22.	Perkampungan Ilmu	SMK Pekan Nanas
23.	Kem Jati Diri Jabatan Pendidikan Negeri Johor	Pejabat Pendidikan Daerah Batu Pahat
24.	Kursus Kejurulatihan Memanah Kebangsaan Tahap 1	Kelab Memanah Bitara Persada
25.	Mukhyyam Kecemerlangan Diri	SMA Bugisiah, Pontian
26.	<i>Team Dynamic &amp; Personnel Empowerment</i>	Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan, JKN Johor
27.	Program Perkhemahan Tahunan Badan Beruniform	SK Sungai Suloh



Bil.	Program	Agensi
28.	<i>Energizing Young Entrepreneurial Leader With Local &amp; Global</i>	Kelab Pengurusan Teknologi UTHM
29.	Program Perkampungan Ilmu Pelajar Tingkatan 3	SABK SMA (Arab) An -Nur
30.	Realtors Escapade	Kelab Realtors UTHM

**Jadual 2.8 :** Kategori Peserta yang Mengikuti Program di PuMAS

Kategori Peserta	Jumlah
Agensi Kerajaan	20
Badan Beruniform	131
Orang Awam	180
Pelajar Sekolah	1148
Pelajar UTHM	815
Staf UTHM	150
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>2444</b>


PKK telah menjana pendapatan kasar berjumlah RM259,612.00 pada tahun 2023. 25 peratus daripada keuntungan bersih disalurkan kepada Universiti sebagai hasil pendapatan Universiti manakala baki keuntungan diagihkan kepada Tabung Pembangunan Modal Insan, Pejabat Pendaftar dan tabung amanah lain/akaun agensi yang menjalankan kerjasama untuk melaksanakan kursus komersial pada tahun tersebut.

## Kenaikan Pangkat

Pada tahun 2023, seramai 191 orang staf daripada pelbagai gred jawatan telah dinaikkan pangkat. Daripada jumlah berkenaan, 86 orang adalah daripada staf akademik dan 105 adalah daripada staf pentadbiran. Kenaikan pangkat ini merupakan pengiktirafan kepada staf yang telah melepasi penilaian kecemerlangan dan sentiasa berusaha gigih dalam memartabatkan UTHM.

**Jadual 2.9 :** Statistik Kenaikan Pangkat Staf Akademik Tahun 2023


Jawatan	Gred Kenaikan Pangkat	Jumlah
Pensyarah Universiti / Felo Industri	VK7	7
	DS54	32
	DS52	39
Jurutera Pengajar	DV48	4
Guru Bahasa	DG48	1
	DG44	3
<b>Jumlah</b>		<b>86</b>



Rajah 2.6 : Statistik Kenaikan Pangkat Staf Akademik Tahun 2023

Jadual 2.10 : Statistik Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran Tahun 2023  
(Kumpulan Pengurusan dan Profesional)


Jawatan	Gred Kenaikan Pangkat	Jumlah
Pegawai Sains	C48	1
Pegawai Teknologi Maklumat	F52	1
	F44	1
Jurutera	J52	1
Juruukur Bahan	J48	1
Pegawai Tadbir	N52	3
	N44	4
Pustakawan	S48	2
Pegawai Perubatan	UD54	1
Pegawai Pergigian	UG48	1
Pegawai Kewangan	W52	1
	W48	1
<b>Jumlah</b>		<b>18</b>



**Rajah 2.7 :** Statistik Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran Tahun 2023  
(Kumpulan Pengurusan dan Profesional)

**Jadual 2.11 :** Statistik Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran Tahun 2023 (Kumpulan Pelaksana)

Jawatan	Gred Kenaikan Pangkat	Jumlah
Penolong Pegawai Senireka	B32	1
Pembantu Pereka	B22	1
Juruteknik Komputer	F22	1
Pembantu Kenderaan	H14	1
Penolong Pegawai Senibina	JA36	1
Penolong Jurutera	JA36	2
Pengawal Keselamatan	KP14	4
Penolong Pegawai Tadbir	N32	2
Penolong Pegawai Penerbitan	N32	1
Setiausaha Pejabat	N32	33
Pembantu Tadbir (P/O)	N22	21
Pembantu Penerbitan	N26	1
Pembantu Pustakawan	S22	7
Pembantu Pustakawan	S26	1
Pembantu Belia Dan Sukan	S22	1
Penolong Pegawai Perubatan	U32	1
Jururawat Terlatih	U36	1
Jururawat	U32	2
Pembantu Pembedahan Pergigian	U24	1
Penolong Juruaudit	W36	1
Pembantu Akauntan	W22	3
<b>Jumlah</b>		<b>87</b>



Rajah 2.8 : Statistik Kenaikan Pangkat Staf Pentadbiran Tahun 2023 (Kumpulan Pelaksana)

## Staf Tamat Perkhidmatan

Secara keseluruhan seramai 71 orang staf telah menamatkan perkhidmatan di UTHM bagi tahun 2023. **Jadual 2.12** menunjukkan Pecahan Staf Tamat Perkhidmatan Mengikut Sebab Tamat Perkhidmatan.

Jadual 2.12 : Pecahan Staf Tamat Perkhidmatan Mengikut Sebab Tamat Perkhidmatan

Tamat Perkhidmatan	Bilangan
Bersara awal	14
Bersara wajib	15
Berhenti	22
Tamat tempoh kontrak/ pinjaman	17
Meninggal dunia	3
<b>Jumlah</b>	<b>71</b>

## Cuti Belajar

Pada tahun 2023, seramai 36 orang staf telah diluluskan melanjutkan pengajian. Daripada jumlah tersebut seramai 12 orang mengikuti pengajian Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D), seorang peringkat Pasca Kedoktoran (Post-Doc), dua orang peringkat Sarjana, 12 orang peringkat Cuti Sangkutan Industri (CSI), lima orang peringkat Skim Pembangunan Potensi (SPP) dan Cuti Sabatikal (empat orang).

**Jadual 2.13** : Statistik Staf Diluluskan Cuti Belajar mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2023


Peringkat Pengajian	Jumlah Staf
Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)	12
Pasca Kedoktoran (Post-Doc)	1
Sarjana	2
Cuti Sangkutan Industri (CSI)	12
Skim Pembangunan Potensi (SPP)	5
Cuti Sabatikal	4
<b>Jumlah</b>	<b>36</b>

**Rajah 2.9** : Statistik Staf Diluluskan Cuti Belajar Mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2023

Secara keseluruhan sehingga 31 Disember 2023, seramai 88 orang sedang melanjutkan pengajian di pelbagai peringkat termasuk Ijazah Doktor Falsafah (37 orang), Pasca Kedoktoran (lima orang), Sarjana (tiga orang), Cuti Sangkutan Industri (29 orang), Skim Pembangunan Potensi (15 orang) dan Cuti Sabatikal (lima orang).

**Jadual 2.14** : Statistik Staf Sedang Cuti Belajar mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2023

Peringkat Pengajian	Jumlah Staf
Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)	37
Pasca Kedoktoran (Post-Doc)	5
Sarjana	3
Cuti Sangkutan Industri (CSI)	29
Skim Pembangunan Potensi (SPP)	15
Cuti Sabatikal	5
<b>Jumlah</b>	<b>88</b>



Rajah 2.10 : Statistik Staf Sedang Cuti Belajar mengikut Peringkat Pengajian Tahun 2023



## Sangkutan Industri

Program sangkutan industri merupakan kemudahan yang disediakan oleh UTHM untuk memberikan pendedahan kepada staf bagi menambah luaskan pengalaman ikhtisas dan profesional dalam bidang masing-masing. Ini adalah antara usaha UTHM untuk meningkatkan bilangan staf dengan pengiktirafan profesional seperti Jurutera Profesional (Ir.), Arkitek Profesional (Ar.), Juruukur Bahan Profesional (Sr.) dan sebagainya. Secara keseluruhan, staf yang mengikuti cuti sangkutan industri pada tahun 2023 adalah seramai 29 orang dengan 21 orang telah melapor diri, manakala 8 orang sedang menjalani sangkutan industri.



Rajah 2.11 : Pecahan Sangkutan Industri Staf UTHM 2023

## Majlis Anugerah Bitara Kirana 2023 UTHM



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), UTHM yang diadakan setiap tahun telah dinamakan atau dinamakan semula (*rename/rebrand*) yang mana anugerah-anugerah di peringkat universiti digabungkan kesemuanya dalam satu majlis anugerah sahaja termasuklah anugerah bagi kluster akademik, penyelidikan dan hal ehwal pelajar. Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Bil.1/2023 yang bersidang pada 19 Mac 2023 bersetuju nama rasmi bagi majlis anugerah universiti yang dipilih adalah Majlis Anugerah Bitara Kirana yang membawa maksud suatu majlis yang unggul dan gemilang.

Pada 22 Ogos 2023, bertempat di Dewan Sultan Ibrahim UTHM Kampus Induk, YBhg. Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti wakil rasmi Pro Canselor UTHM telah menyempurnakan Majlis Anugerah Bitara Kirana 2023.

Seramai 449 orang staf UTHM telah menerima anugerah. Majlis anugerah ini buat pertama kalinya menggabungkan lapan (8) anugerah iaitu Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Jasa Bakti, Anugerah Taat Setia, Anugerah 30 Tahun, Anugerah Panel Pembangunan Sumber Manusia, Anugerah Sukan, Anugerah Inspirasi Cendekiawan dan Anugerah Pentadbir. Namun, bagi tahun pertama majlis gabungan lapan (8) anugerah tersebut, hanya enam (6) anugerah yang digabungkan. Dua (2) lagi anugerah tidak dibawa untuk tahun ini berikutan tiada pencalonan penerima.

**Jadual 2.15 : Pecahan Penerima Anugerah Tahun 2023**

Kategori Anugerah	Jumlah Penerima
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)	195
Anugerah Taat Setia (ATS)	160
Anugerah Jasa Bakti (AJB)	15
Anugerah Khas Panel Pembangunan Sumber Manusia (AKPPSM)	45
Anugerah Sukan	9
Anugerah Inspirasi Cendekiawan (AIC)	25
<b>Jumlah</b>	<b>449</b>





Foto 2.2 : Sekitar majlis penyampaian Anugerah Bitara Kirana Tahun 2023

## Kualiti Pekerjaan

Bahagian Peningkatan Kualiti, Pejabat Pengurusan Kualiti (BPKK, PPK) telah dipertanggungjawabkan dalam CPI F4.3.5-C iaitu meningkatkan inovasi dan produktiviti ke arah organisasi berprestasi tinggi dengan mengenalpasti 10 projek inovasi yang dihasilkan melalui Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) dan CIP F4.3.7-W iaitu mewujudkan Garis Panduan Inovasi berdasarkan kepada Garis Panduan oleh MPC dalam SKTU 2023.

Walau bagaimanapun, Mesyuarat Sidang Editor Garis Panduan KIK UTHM yang bersidang pada 19 Jun 2023 telah bersetuju untuk beralih arah daripada mengguna pakai penilaian MPC kepada format Horizon Baharu sepertimana yang disarankan melalui Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam PTPA Bil.1/2016.



Rajah 2.12 : Ringkasan Kandungan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam (PTPA Bil.1/2016)

Keputusan ini dibuat selari dengan keputusan penganjuran Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif peringkat Universiti Awam kali ke-17 yang bakal berlangsung pada tahun 2024 yang akan dianjurkan oleh Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), iaitu dengan menggunakan PTPA Bil.1/2016 sebagai format konvensyen. Sehubungan itu, PPK telah melaksanakan perkara-perkara berikut dalam menyebarkan pengetahuan seluruh warga UTHM mengenai Horizon Baharu KIK, iaitu :

## Sesi Perkongsian Ilmu Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KiK) Berdasarkan Horizon Baharu Hibrid

Sesi Perkongsian ini telah disampaikan oleh Encik Al Bakri bin Mohammad, pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Negeri Sembilan pada 7 September 2023. Majlis ini dilaksanakan secara hibrid di mana tetamu jemputan hadir secara bersemuka di Ruang Tan Sri Johan Jaafar, Aras 3, Perpustakaan Tunku Aminah dan warga UTHM mengikuti sesi tersebut secara dalam talian menerusi YouTube Rasmi UTHM. Encik Al Bakri telah berkongsi pengalaman peribadi beliau terlibat dalam KIK Hibrid dengan libat sama Majlis Perbandaran Seremban. Projek inovasi beliau iaitu fridge magnet adalah sesuatu yang mudah dan memiliki nilai komersial yang tinggi. Perkongsian ini telah memberi inspirasi buat UTHM meneroka potensi fridge magnet sebagai cenderamata Konvokesyen UTHM.



**Foto 2.3 :** Sesi bergambar bersama Encik Al Bakri bin Mohammad (tengah) selepas Sesi Perkongsian Ilmu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) berdasarkan Horizon Baharu *hibrid*

## Kursus Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Kursus Horizon Baharu Kumpulan KIK telah diadakan secara bersemuka pada 11 dan 12 September 2023 bertempat di Bilik Sri Siantan, Aras 3, Bangunan Pendaftar. Kursus ini telah dikelolakan oleh Puan Tooty Jamaludin dari Ideal Connector dan telah dihadiri oleh calon-calon Kumpulan KIK Pusat Tanggungjawab (PTj). Peserta didedahkan dengan PTPA Bil. 1/2016 beserta beberapa contoh terbaik dokumen laporan KIK dari Kementerian Kebajikan Malaysia kerana Puan Tooty juga merupakan Konsultan KIK HB kepada KKM sejak 10 tahun yang lepas. Puan Tooty juga telah memperkenalkan konsep “Quick Win” yang boleh diterima pakai dalam menilai idea-idea inovatif dan kreatif.



Foto 2.4 : Sesi bergambar bersama Puan Tooty binti Jamaludin, *Ideal Connector* (tengah) selepas Kursus Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

## Audit Pemantauan 1 MS ISO 9001: 2015 oleh SIRIM QAS International Sdn.Bhd.

UTHM telah menerima pensijilan MS ISO 9001:2000 sejak tahun 2001 dan berjaya mengekalkan pensijilan tersebut sehingga kini. Proses pensijilan semula dilaksanakan setiap 3 tahun dan sela masa setiap tahun akan dilaksanakan proses audit pemantauan 1 dan pemantauan 2 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd. Audit Pemantauan yang dilakukan setiap tahun oleh SIRIM dijalankan bertujuan untuk memastikan pengiktirafan MS ISO 9001:2015 yang diperolehi oleh UTHM dapat diuruskan dengan berkesan dan penambahbaikan berterusan dilakukan dari semasa ke semasa. Selain itu ia bertujuan untuk memastikan pihak PTj dapat mematuhi segala prosedur kualiti dan arahan kerja yang telah didokumenkan.

Audit Pensijilan Semula telah dijalankan pada tahun 2022 dan UTHM telah memperoleh Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 bermula pada 10 Januari 2023 sehingga 27 Disember 2025. Pada tahun 2023, Audit Pemantauan 1 oleh SIRIM telah dijalankan pada 18 Disember hingga 20 Disember 2023

melibatkan PTJ dibawah skop pensijilan yang ada di Kampus Induk Parit Raja dan juga Kampus Cawangan Pagoh. Hasil audit menunjukkan tiada ketidakpatuhan diperolehi dan terdapat 7 OFI dikenalpasti dan perlu tindakan penambahbaikan.



**Foto 2.5 :** Sesi bergambar bagi ketua-ketua PTJ, Juruaudit SIRIM dan Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM dalam Mesyuarat Penutupan Audit Pemantauan 1

## Peluasan Skop Pensijilan MS ISO 9001: 2015 Pusat Pengajian Siswazah UTHM

Salah satu dari keperluan Core Initiative Project (CIP) yang ditetapkan dalam sasaran Kerja Tahunan Universiti (SKTU) 2023 adalah mendapatkan pensijilan peluasan skop bagi Pusat Pengajian Siswazah (PPS). Ini bertujuan untuk memastikan bahawa skop sistem pengurusan kualiti dilaksanakan bukan sahaja di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda, tetapi harus diperluaskan ke peringkat pascasiswazah. Justeru itu Pejabat Pengurusan Kualiti (PPK) telah mengambil langkah dan tindakan dengan mengadakan perbincangan lanjut dengan PPS berkaitan penetapan skop pensijilan ISO 9001 khususnya di peringkat pascasiswazah di samping mengadakan proses-proses persediaan dokumentasi, pengaktifan dokumentasi, mengadakan audit dalaman kualiti dan praaudit sebelum audit integrasi iaitu Audit Tahap 1, Tahap 2 dan Pemantauan oleh SIRIM dilaksanakan di UTHM.

Justeru itu, Audit Pemantauan 1 oleh SIRIM yang dilaksanakan pada 18 Disember 2023 – 20 Disember 2023 telah mengambil kira peluasan skop bagi PPS iaitu Pengambilan Pelajar Pascasiswazah. Berdasarkan kepada dapatan audit yang telah dilaksanakan oleh SIRIM, tiada ketidakpatuhan atau *Non Conformance* (NCR) diperolehi PPS dan hanya satu OFI. Secara amnya, UTHM telah memperoleh pensijilan baharu pada tahun 2024 dengan penambahan peluasan skop peringkat pascasiswazah. Skop terbaharu bagi pensijilan semula UTHM adalah “Penyediaan Perkhidmatan di Peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Pengambilan Pelajar Pascasiswazah dan Perkhidmatan Sokongan”.




**Foto 2.6 :** Praaudit dalaman di Pusat Pengajian Siswazah (PPS) susulan Audit Pemantauan 1 oleh SIRIM



# BAB | 3

PENGANTARABANGSAAN  
DAN JALINAN GLOBAL



## Pengantarabangsaan dan Jalinan Global

Tahun 2023 telah menyaksikan evolusi pendidikan tinggi Negara yang menuntut kepada pemerksaan dalam bidang TVET, bagi menyokong keperluan negara dalam pengembangan ilmu selari dengan aplikasi teknologi. Menerusi inisiatif Digital TVET Transformasi 2025, pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) telah diperkasakan menerusi *Micro-credential (MC)*, *Massive Open Online Course (MOOC)* dan *Blended Learning*. Proses transformasi digital TVET ini menekankan perubahan dalam kaedah penyampaian ilmu kepada pelajar.

Selain itu, UTHM telah memberi peluang kepada orang ramai untuk melanjutkan pengajian melalui laluan *Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)* dan pembelajaran sepanjang hayat sebagai kaedah penawaran PdP secara fleksibel dan kreatif. Penjajaran program akademik juga dilaksanakan bagi memastikan program-program pengajian yang ditawarkan sentiasa seiring dengan keperluan industri dan memenuhi pasaran pekerjaan. Oleh yang demikian beberapa penerapan elemen seperti Future Ready Program (FRC), *High-Impact Educational Practices (HIEPs)* dan *Service-Learning Malaysia-University for Society (SULAM)* di dalam PdP diambil sebagai satu pendekatan yang lebih berimpak kepada komuniti dan industri selain memberi manfaat kepada ahli akademik dan para pelajar.

## Pencapaian Akademik dan Antarabangsa

UTHM telah melakar pelbagai kejayaan dalam bidang akademik pada tahun 2023 termasuk penawaran program baharu, pencapaian akreditasi program akademik, pensijilan profesional dan kompetensi pelajar serta pelaksanaan program mobiliti pelajar. UTHM juga telah menubuhkan Sekolah Perniagaan Johor (*Johor Business School*) yang akan dapat memberikan impak kepada penjenamaan UTHM.



Foto 3.1 : Poster berkenaan penubuhan *Johor Business School*



Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) melalui program akademiknya iaitu program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Rel dengan Keujian (BNT) telah menerima perakuan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Lembaga Kejuruteraan Malaysia (BEM) bagi tahun 2022 hingga tahun 2024.



**Foto 3.2:** Kejayaan pengiktirafan akreditasi Program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Rel dengan Keujian

Program BNT telah mula ditawarkan pada tahun 2018 dengan pengambilan kohort pertama pada September 2018, dan terdapat empat kohort pelajar yang telah berdaftar dan mengikuti program ini sehingga tahun 2021. Program BNT telah dinilai pada 23 hingga 24 Ogos 2022 oleh *Engineering Technology Accreditation Council (ETAC)*.

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) dan Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) telah menawarkan program baharu bermula pada Sesi Akademik Semester 1 2023/ 2024 iaitu program Sarjana Muda Teknologi Operasi Minyak dan Gas (BDG) dengan Keujian dan program Sarjana Muda Sains (Data Analitik Komputasi) dengan Keujian.



**Foto 3.3 :** Kemudahan fasiliti dan makmal untuk program baharu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) dan Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST)

## Pengajaran dan Pembelajaran

### Maya Monitoring Digital System (eMODs), Calculator Blended Learning, MOOC, Micro-Credentials (MC), Blended Learning (BL), Open and Distance Learning (ODL), dan Inclusive Open Educational Resources (iOER)

#### i. Maya Monitoring Digital System (eMODs)





Foto 3.4 : Pelaksanaan Maya Monitoring Digital System (eMODs)

Aplikasi ini dibangunkan oleh CVL pada tahun 2023 sebagai kaedah pemantauan kursus-kursus daripada setiap program akademik yang ditawarkan. Tujuan utama eMODs ini adalah untuk mengemaskini ciri program. Selain itu, sistem ini juga diwujudkan untuk mengemaskini dan memantau penerbitan MOOC dan MC secara bersepadu, mengemaskini dan memantau lain-lain penerbitan. Antara penerbitan lain yang tidak melibatkan program akademik dikategorikan sebagai pembelajaran sepanjang hayat (*Long Life Learning*, PSH). Penerbitan PSH juga boleh dalam bentuk MOOC, MC, *Open Educational Resources* (OER) juga diterbitkan bagi kegunaan umum dan terbuka.

#### ii. Calculator Blended Learning

- *Calculator Blended Learning* (BL) telah dibangunkan pada 2023 dan merupakan aplikasi sokongan kepada pembelajaran teradun gantian (PTG). Sebagai aplikasi simulasi kepada pelaksanaan PTG,
- kalkulator ini digunakan untuk membuat anggaran agihan SLT/ jam kursus sebelum agihan sebenar dibuat pada dokumen rancangan pembelajaran (RPP 04) dan *platform Author* Foto 3.5.



Centre for Virtual Learning UTHM

UTHM UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Welcome to Blended Learning Calculator.

This estimation for **Online Learning** only.

Total Online Learning within range **30% - 60%**.

\* required field

No Of Credit*	: e.g:3	Total SLT	: 0
Materials (min)*	: e.g:1200	SLT Materials	: 0.0%
Activities (min)*	: e.g:1200	SLT Activities	: 0.0%
Assessment (min)*	: e.g:1200	SLT Assessment	: 0.0%

Foto 3.5 : Anggaran SLT telah distruktur di dalam kalkulator ini mengikut jumlah kredit kursus

### iii. MOOC





Foto 3.6 : Pelaksanaan Sistem MOOC

Penerbitan kursus secara digital telah dilaksanakan sejak 2015. Bermula daripada pembangunan kandungan digital menggunakan platform *Open Learning* dan kini beralih kepada platform Moodle. Platform *Moodle* MOOC telah distruktur bagi penerbitan kandungan digital MOOC UTHM. Sehingga kini, UTHM telah mempunyai 63 kandungan digital / kursus MOOC. Ini termasuk dua kursus baharu MOOC yang telah berjaya disiapkan sepanjang tahun 2023 **Jadual 3.1**, iaitu:

**Jadual 3.1** : Penerbitan MOOC 2023

Bil.	Nama Kursus	Kod Kursus	PTj
1	Fluid Mechanic	BFC10403	FKAAB
2	Solid Modelling	BNJ10503	FTK

Peratus pencapaian MOOC agak kurang memberangsangkan iaitu dengan 18 peratus sahaja yang telah disiapkan sepenuhnya. Sembilan daripada 11 MOOC yang disasarkan adalah hampir siap (>50 peratus) Rajah 3.1. Kekangan ini memberi cabaran kepada CVL dalam memastikan setiap pembangun menyiapkan kandungan digital mengikut tempoh yang ditetapkan. Usaha mengadakan kursus dan bengkel tambahan selain daripada kursus asas yang tersenarai di dalam takwim latihan CVL juga dilaksanakan, namun semangat untuk menyiapkan kandungan tidak kesampaian sehingga ke penghujung 2023.

**Rajah 3.1** : Peratusan Pencapaian dan Progress MOOC

## iv. Micro-Credentials (MC)



Foto 3.7 : Pelaksanaan platform *Micro-Credentials* (MC)

Penerbitan digital berbentuk modul MC baharu diperkenalkan di UTHM sejak 2022. Pada tahun 2023, platform *Open Learning* telah digunakan sepenuhnya. Dengan menggunakan platform *Open Learning*, pautan platform MC boleh dilayari di pautan berikut: <https://www.openlearning.com/uthmvirtual/>. Sebagai langkah permulaan dalam membangunkan MC di platform *Open Learning* (OL), CVL telah membuka ruang kepada pembangun untuk membangunkan MC secara terbuka dan umum (LLL) dengan tujuan menyuntik semangat dan keseronokan dalam pembangunan kandungan digital bermodul. Modul-modul sasaran juga dititikberatkan bagi mencapai sasaran tahunan iaitu 57 modul/program **Jadual 3.2**.

Jadual 2.15 : Pecahan Penerima Anugerah Tahun 2023

Bil.	Pusat Tanggungjawab	Modul
1	FKAAB	<i>Soil Consolidation</i>
2	FKMP	<i>Thermal Comfort</i>
3	FKMP	<i>Axial and Torsional Element using Finite Element Method</i>
4	FKMP	<i>Airport Management</i>
5	FTK	<i>Control Engineering and Instrumentation Laboratory Experiments</i>
6	FTK	<i>Mechanics of Machine Laboratory Experiments</i>
7	FTK	<i>World of 3D Design: Your Onshape Journey</i>
8	FTK	<i>Intro to Onshape with Azli Nawawi</i>
9	PKK - FTK	<i>Microsoft Excel (Beginner)</i>
10	PKK - FTK	<i>Microsoft Excel (Intermediate)</i>
11	HEPA - FKMP	YUNGA   <i>Climate Change Challenge Badge</i>
12	HEPA - FKMP	YUNGA   <i>Plastics Challenge Badge</i>

Pencapaian MC bagi tahun 2023 atau tahun permulaan 21 peratus dengan sasaran 57 MC per program **Jadual 3.2** dan terdapat tiga fakulti yang aktif dalam penerbitan MC iaitu FKAAB, FTK dan FKMP.

## v. Pembelajaran Teradun (Blended Learning, BL)

CVL mempromosikan pendekatan Pembelajaran Teradun (Blended Learning) yang menggabungkan pembelajaran dalam talian dan bersemuka. Tujuannya adalah bagi memastikan proses PdP dapat dijalankan secara berterusan di sepanjang tempoh semester pembelajaran berlangsung tidak mengira tempat atau masa pelajar berada.

CVL telah menyediakan platform pelaksanaan BL yang lebih mudah dan berstruktur iaitu Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) Author. Sistem LMS ini telah dilengkapi dengan keperluan BL berpandukan pendekatan Pembelajaran Teradun Sokongan (PTS) dan Pembelajaran Teradun Gantian (PTG).

Secara keseluruhan pencapaian BL pada semester 1 sesi 2022/2023 - 50 peratus. Manakala pencapaian BL pada semester 2 sesi 2022/2023 - 49 peratus. Berdasarkan cerapan data melalui LMS Author menunjukkan bahawa pencapaian hampir sama bagi kedua-dua semester. Nilai BL ini kembali kepada nilai normal bagi program konvensional selepas peningkatan pada tahun PKP dan PKPB. Ini kerana kebanyakan program akademik adalah konvensional dan pendekatan penyampaian PdP lebih tertumpu kepada bersemuka dan perlu mematuhi badan kelayakan bidang tujuh setiap PTj. Bagi PTj yang tidak melibatkan pematuhan program, peningkatan BL adalah tidak dihadkan.

## vi. Platform Open and Distance Learning (ODL)

Platform ini telah berjaya dibangunkan oleh CVL pada 2023. Ia bagi menyokong proses PdP program ODL. Platform yang berasaskan perisian sumber terbuka terkenal Moodle ini dikenali sebagai AuthorODL. Program ODL sedang dibangunkan oleh FPTP dan FSKTM dengan masing-masing 1 program bagi setiap PTj. Kedua-dua program ini adalah program pascasiswazah iaitu program MBA (FPTP) dan MIO (FSKTM).

## vii. Inclusive Open Educational Resources (iOER)

Penggunaan Sumber Daya Pendidikan Terbuka (iOER) ditingkatkan dalam lingkungan pembelajaran maya. CVL memanfaatkan sumber daya ini untuk meningkatkan kualiti dan kebolehcapaian pembelajaran. Pembangunan platform iOER menggunakan aplikasi Joomla dan dibangunkan oleh CVL melalui website OER UTHM.

Penerbitan iOER UTHM telah dibangunkan oleh FKAAB dan FPTV dan kursus pembangunan secara dalam talian yang dianjurkan oleh KPT dan UNESCO dengan kerjasama MEIPTA pada tahun 2022 yang telah berlangsung dengan baik. Penerbitan iOER iaitu;

Jadual 3.3 : Penerbitan iOER UTHM

Bil.	Kursus	Bidang	Pembangun	Pautan
1	<i>Groundwater: Take a glance</i>	Kejuruteraan	Ts Dr Sabariah Musa	<a href="https://oer.uthm.edu.my/resources/groundwater">https://oer.uthm.edu.my/ resources/groundwater</a>
2	<i>ICT &amp; Multimedia Application</i>	Multimedia	Ts Dr Doria Islamiah Rosli	<a href="https://oer.uthm.edu.my/resources/technology/mbc-10104-ict-and-multimedia-application">https://oer.uthm.edu.my/ resources/technology/mbc- 10104-ict-and-multimedia- application</a>

Pembangunan kandungan iOER ini dibimbing oleh Pengarah Bahagian Kecemerlangan Akademik (BKA) KPT, Prof. Madya Dr. Wan Zuhainis, bersama-sama dengan Profesor Dianne Chambers sebagai Perunding Latihan dan Dr. Chong Chou Min sebagai Fasilitator Terlatih UDL, serta pasukan mereka. Proses ini berlangsung secara berperingkat selama 3 bulan secara dalam talian. Penyertaan seramai 80 orang staf akademik daripada 20 IPTA dan SEAMEO SEN's.

## Kecemerlangan Pembelajaran dan Pengajaran serta Transformasi Pengalaman Kampus

Pendekatan aktiviti PdP berunsurkan Pembelajaran Menerusi Pengalaman (*experiential learning*) dan Pendidikan Berasaskan Kompetensi (*competency based education*) yang melibatkan penyelesaian masalah dalam industri dan komuniti.

Amalan berunsurkan pembelajaran menerusi pengalaman dan pendidikan berasaskan kompetensi tersebut adalah selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam menyemarakkan inisiatif *Experiential Learning and Competency based Education Landscape* atau lebih dikenali dengan EXCEL dan *Service Learning Malaysia: University for Society* (SULAM). Bagi memastikan projek SULAM dapat dilaksanakan secara aktif, Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik (*Centre for Academic Development and Excellence* (CAD)) telah melaksanakan pelbagai latihan dan bengkel di peringkat universiti dan fakulti. Sesi latihan dan bengkel fokus kepada pemilihan kursus dalam program akademik, hasil pembelajaran dihasratkan, perancangan aktiviti dengan komuniti sasaran. Peruntukan kewangan juga telah diluluskan untuk dimanfaatkan oleh staf akademik dan pelajar yang terlibat dengan projek SULAM. Sehubungan itu, UTHM telah berjaya melaporkan projek SULAM yang melibatkan sebanyak 56 program akademik kepada KPT dalam tahun 2023. Kejayaan pelaksanaan projek SULAM tersebut membuktikan komitmen staf akademik dalam memastikan keterlibatan pelajar untuk membina pelbagai kemahiran seperti berfikir secara kritikal, berkomunikasi secara berkesan, menyelesaikan masalah secara sistematik dan bekerjasama dalam pasukan secara harmoni seperti yang dihasratkan dalam hasil pembelajaran kursus terlibat melalui pengalaman berbeza. Komitmen staf akademik dalam menjayakan projek SULAM turut diberi penghargaan oleh UTHM dengan mewujudkan kategori Anugerah Pembelajaran berasaskan Komuniti dalam Majlis Bitara Kirana 2023 dan inisiatif untuk menggalakkan staf akademik menyertai SULAM Innovate 2023.

Selain SULAM dan EXCEL, CAD juga komited menyampaikan kandungan latihan dan bengkel bagi meningkatkan penguasaan kemahiran PdP yang lain seperti dalam aspek penajajaran konstruktif,

perancangan pengajaran, pendidikan berasaskan hasil pembelajaran, pentaksiran alternatif dan pengauditan program akademik. Latihan dan bengkel PdP seumpama ini membuka peluang kepada staf akademik untuk mendapat pengalaman *upskilling*, *reskilling*, dan *new skilling* agar dapat terus berinovasi dalam PdP. Di UTHM, inovasi dalam PdP turut mendapat penghargaan dengan wujudnya anugerah kategori PdP seperti pembelajaran imersif dan pentaksiran alternatif. Malahan, CAD turut mengadakan bengkel dan latihan bagi menggalakkan staf akademik yang berhasrat untuk menyertai pertandingan berkaitan PdP di peringkat kebangsaan seperti Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia, Reka Bentuk dan Penyampaian Kurikulum (AKRI) dan Anugerah Akademik Negara (AAN).

Dalam memastikan program akademik sentiasa relevan dengan keperluan industri, CAD berperanan membimbing staf akademik daripada Fakulti dan Pusat Pengajian berkaitan dalam membangunkan program akademik baharu dan menyemak program akademik sedia ada. Dalam pembangunan program baharu, penelitian dibuat terhadap memenuhi keperluan pemegang taruh tanpa mengabaikan bidang tujuh UTHM. Setiap program akademik juga perlu dipastikan memenuhi keperluan standard program terkini daripada mana-mana badan penarafan profesional dan agensi kelayakan seperti Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysia Qualification Agency* (MQA)). Pembangunan program juga dibimbing untuk meneroka kaedah penyampaian terkini yang digariskan oleh KPT seperti pelaksanaan *Industry Driven Experiential Learning* (IDEAL) dan *Community based Learning* (CARE). Selain itu, program pensijilan profesional turut diwujudkan melalui kaedah jalinan dalam kursus berkaitan bagi sesebuah program akademik dan juga program pensijilan yang ditawarkan secara berasingan. Pelaksanaan program pensijilan profesional tersebut membuka peluang kepada pelajar UTHM memperoleh nilai tambah yang dapat dimanfaatkan untuk menjalani dunia kerjaya masa hadapan.

Selain melaksana latihan dan bengkel PdP, CAD turut berperanan membangunkan dokumen dasar, garis panduan dan modul latihan untuk membolehkan Fakulti dan Pusat Pengajian membuat rujukan ke arah mencapai sasaran kerja tahunan berkaitan akademik. Antara dokumen berkaitan yang telah dibangunkan adalah seperti Garis Panduan Pindah Kredit, Garis Panduan Kursus Prasyarat, Kerangka TVET UTHM, dan *Playbook* Jurulatih Industri WBL. Pembangunan kesemua dokumen berkaitan telah melalui sesi libat urus bersama pihak berkepentingan seperti wakil Fakulti, Pusat Pengajian, Pusat Pengurusan Akademik, Pejabat Antarabangsa dan Pusat Pengajian Siswazah sebelum dibentangkan dalam mesyuarat berkaitan di peringkat universiti seperti Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Akademik (JPA) dan Senat.

- Kesimpulannya dalam tahun 2023, CAD telah berjaya melaksanakan peranannya untuk membantu staf akademik dan pelajar UTHM melalui transformasi pengalaman PdP yang lebih bermakna secara langsung mahupun tidak langsung. Semua sesi bimbingan berbentuk latihan dan bengkel telah dilaksanakan untuk memastikan kecemerlangan akademik dapat dicapai di peringkat kursus, program akademik dan universiti. Kejayaan ini diharapkan akan terus menjadi motivasi untuk memastikan program akademik di UTHM sentiasa relevan dalam jangka masa panjang.



## Pensijilan Profesional dan Kompetensi Pelajar


Pensijilan Profesional dan Kompetensi adalah proses pengiktirafan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman pelajar melalui satu sistem pentaksiran yang akan membawa kepada penganugerahan sijil. Pensijilan Profesional dan Kompetensi adalah bertujuan untuk merealisasikan usaha menghasilkan graduan yang holistik dan seimbang selaras dengan Lonjakan Satu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi (PPMPT). Pensijilan ini juga diyakini dapat meningkatkan daya saing graduan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma UTHM di dalam pasaran pekerjaan melalui penguasaan teknik dan kaedah berasaskan aplikasi dan amalan bersesuaian dengan UTHM sebagai salah sebuah Universiti Teknikal di Malaysia.

Dalam usaha menggalakkan pensijilan ini, Garis Panduan Pensijilan Profesional dan Kompetensi Pelajar UTHM (rujuk **Foto 3.8**) telah dibangunkan oleh Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik sebagai rujukan kepada fakulti/pusat dalam melaksanakan kursus pensijilan profesional atau kompetensi di UTHM. Selain itu, bermula Semester 1 2023/2024, pelajar-pelajar baharu di peringkat Sarjana Muda dan Diploma dikenakan yuran tambahan berjumlah RM500 (RM125.00 x 4 semester) bagi tujuan pensijilan.



**Foto 3.8** : Sebahagian muka depan Garis Panduan Pensijilan Profesional dan Kompetensi Pelajar UTHM

Pada tahun 2023, seramai 2,236 pelajar (**15.6 peratus daripada enrolmen prasiswazah**) telah mengikuti dan memperolehi Pensijilan Profesional dan Kompetensi. Maklumat terperinci bilangan pelajar mengikut fakulti ditunjukkan di **Rajah 3.2**.



Rajah 3.2 : Bilangan Pelajar yang Mengikuti Pensijilan Profesional bagi Setiap Fakulti/Pusat


## Enrolmen Pelajar

Enrolmen keseluruhan UTHM pada tahun 2023 merangkumi peringkat pengajian Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah ialah 18,714 orang pelajar dengan seramai 5,016 orang pelajar baharu telah memulakan pengajian masing-masing melalui pengambilan pada Semester 1, 2 dan Khas. Pecahan enrolmen mengikut peringkat pengajian menunjukkan enrolmen bagi peringkat Sarjana Muda mencatatkan peratusan tertinggi 72.9 peratus iaitu 13,642 orang, diikuti Diploma 13.3 peratus (2,492 orang), Doktor Falsafah 7.1 peratus (1,320 orang) dan Sarjana 6.7 peratus (1,260 orang). Selain itu, seramai 4,837 orang pelajar telah berjaya menyelesaikan pengajian masing-masing dan diisytiharkan sebagai graduan UTHM pada tahun 2023.

Jadual 3.4 : Enrolmen Pelajar Mengikut Fakulti

Fakulti	Enrolmen			
	Diploma	Sarjana Muda	Sarjana	Doktor Falsafah
Pusat Pengajian Diploma	2492	-	-	-
Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina	-	1857	155	172
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	-	1237	125	122
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan	-	1866	162	132
Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan	-	1933	175	315
Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional	-	1876	370	245

Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	-	1805	46	120
Fakulti Sains Gunaan & Teknologi	-	1172	90	91
Fakulti Teknologi Kejuruteraan	-	1896	113	83
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum	-	-	24	40
<b>Jumlah</b>	<b>2492</b>	<b>13642</b>	<b>1260</b>	<b>1320</b>




**Rajah 3.3 :** Enrolmen, Pengambilan Baharu dan Graduan Mengikut Peringkat Pengajian Bagi Tahun 2023

Pada tahun 2023, UTHM mempunyai seramai 1,111 orang pelajar antarabangsa. 608 orang (54.7 peratus) daripada jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa tersebut mengikuti pengajian pada peringkat Doktor Falsafah, 223 orang (20.1 peratus) peringkat Sarjana, 279 orang (25.1 peratus) peringkat Sarjana Muda dan seorang (0.1 peratus) dalam peringkat Diploma.

Manakala seramai 142 orang pelajar antarabangsa telah berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2023 dengan 59 orang bagi peringkat Doktor Falsafah, 61 orang peringkat Sarjana dan 22 orang peringkat Sarjana Muda.


Pengambilan pelajar antarabangsa baharu bagi Sarjana Muda telah menunjukkan peningkatan yang sangat baik iaitu 90 orang berbanding 32 orang pada tahun 2021. Pengambilan Doktor Falsafah pada tahun 2023 adalah seramai 127 orang, Sarjana 89 orang dan seorang pelajar Diploma. Pengambilan pelajar antarabangsa secara keseluruhan pada tahun 2023 juga telah memperlihatkan pertambahan 8 peratus berbanding tahun 2021 dengan jumlah pengambilan 309 orang pada tahun 2023 berbanding 285 orang pada tahun 2021. Kejayaan ini adalah disebabkan oleh promosi dan aktiviti penjenamaan UTHM di peringkat antarabangsa yang giat dilaksanakan.



Rajah 3.4 : Enrolmen, Pengambilan Baharu dan Graduan Pelajar Antarabangsa Tahun 2023

### Penawaran Program Akademik Sedia Ada dan Penawaran Program Baharu

Program akademik yang sedang ditawarkan sentiasa dikaji semula. Begitu juga dengan penawaran program baharu dalam memastikan UTHM kekal dalam bidang tujuhnya. Pada tahun 2023, sebanyak 103 program akademik telah ditawarkan menerusi lapan fakulti dan dua pusat pengajian. Sebanyak dua program telah mula ditawarkan pada Sesi Akademik 2023/ 2024 iaitu Sarjana Muda Teknologi Operasi Loji Minyak dan Gas dengan Kepujian dan Sarjana Muda Sains (Data Analitik dan Komputasi) dengan Kepujian. UTHM juga telah berjaya untuk menawarkan Sijil Siswazah Kompetensi Tenaga Pengajar TVET.



Rajah 3.5 : Program Perdana UTHM Tahun 2023 Mengikut Peringkat Pengajian

Jadual 3.5 : Senarai Program Akademik yang Ditawarkan Pada Tahun 2023

Fakulti/ Pusat Pengajian	Kod Program	Program Akademik
Pusat Pengajian Diploma	DAA	Diploma Kejuruteraan Awam
	DAE	Diploma Kejuruteraan Elektrik
	DAM	Diploma Kejuruteraan Mekanikal
	DAT	Diploma Teknologi Maklumat
	DAU	Diploma Sains Gunaan
	DAK	Diploma Teknologi Kejuruteraan Kimia
	DAG	Diploma Teknologi Animasi
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina	BFF	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian
	BFR	Sarjana Muda Sains Senibina
	PFA	Doktor Falsafah Kejuruteraan Awam
	KFA	Sarjana Kejuruteraan Awam (Penyelidikan)
	MFA	Sarjana Kejuruteraan Awam (Kerja Kursus)
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	BEJ	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dengan Kepujian
	BEV	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian
	PEE	Doktor Falsafah Kejuruteraan Elektrik
	KEE	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Penyelidikan)
	MEE	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (Kerja Kursus)
	MET	Sarjana Sains Objek Rangkaian Internet

Fakulti/ Pusat Pengajian	Kod Program	Program Akademik
<b>Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan</b>	BDD	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian
	BDC	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penerbangan Profesional) dengan Kepujian
	BDG	Sarjana Muda Teknologi Operasi Minyak dan Gas dengan Kepujian
	BDJ	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Loji) dengan Kepujian
	BDM	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penyenggaraan Pesawat Terbang) dengan Kepujian
	BDX	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan Pesawat) dengan Kepujian
	PDM	Doktor Falsafah Kejuruteraan Mekanikal
	KDM	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Penyelidikan)
	MDM	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (Kerja Kursus)
	MDL	Sarjana Sains Kejuruteraan Tenaga Lestari
	CDB	Sarjana Sains Kejuruteraan Bahan
	CDP	Sarjana Sains Kejuruteraan Pembuatan

Fakulti/ Pusat Pengajian	Kod Program	Program Akademik
<b>Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan</b>	BPA	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Keupujian
	BPB	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengeluaran & Operasi) dengan Keupujian
	BPC	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pembinaan) dengan Keupujian
	BPD	Sarjana Muda Pengurusan Harta Tanah dengan Keupujian
	BPP	Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Reka Bentuk & Pembuatan Perabot) dengan Keupujian
	PPP	Doktor Falsafah Pengurusan Teknologi
	PPF	Doktor Falsafah Pengurusan Harta Tanah & Fasiliti
	KPP	Sarjana Sains Pengurusan Teknologi
	KPF	Sarjana Sains Pengurusan Harta Tanah & Fasiliti
	MPC	Sarjana Sains Pengurusan Teknologi Pembinaan
	MPA	Sarjana Pentadbiran Perniagaan
	MPM	Sarjana Pengurusan Industri
<b>Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional</b>	BBA	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Pemesinan Am) dengan Keupujian
	BBB	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Binaan Bangunan) dengan Keupujian
	BBC	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Katering) dengan Keupujian

Fakulti/ Pusat Pengajian	Kod Program	Program Akademik
	BBD	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Kimpalan & Fabrikasi Logam) dengan Kepujian
	BBE	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Elektrik & Elektronik) dengan Kepujian
	BBF	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Multimedia Kreatif) dengan Kepujian
	BBG	Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Penyejukbekuan & Penyamanan Udara) dengan Kepujian
	BBJ	Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian
	BBN	Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Kepujian
	BBO	Sarjana Muda Teknologi Pemesinan Industri dengan Kepujian
	BBS	Sarjana Muda Teknologi Perkhidmatan Makanan dengan Kepujian
	BBX	Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian
	BBY	Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan dengan Kepujian
	BBZ	Sarjana Muda Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara dengan Kepujian
	PBP	Doktor Falsafah Pendidikan
	PBV	Doktor Falsafah Pendidikan Teknik & Vokasional
	PBD	Doktor Pendidikan
KBV	Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional	



Fakulti/ Pusat Pengajian	Kod Program	Program Akademik
	MBC	Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Awam)
	MBE	Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Elektrik)
	MBM	Sarjana Pendidikan Teknikal (Kejuruteraan Mekanikal)
	MBT	Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional & Teknologi)
	MBV	Sarjana Pendidikan Teknik & Vokasional
Fakulti Sains Komputer dan Sistem Maklumat	BIT	Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian
	BIM	Sarjana Muda Sains Komputer (Pengkompuseran Multimedia) dengan Kepujian
	BIP	Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dengan Kepujian
	BIS	Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Maklumat) dengan Kepujian
	BIW	Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Web) dengan Kepujian
	PIT	Doktor Falsafah Teknologi Maklumat
	CIE	Sarjana Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)
	CII	Sarjana Sains Komputer (Keselamatan Maklumat)
	MIT	Sarjana Teknologi Maklumat

Fakulti/ Pusat Pengajian	Kod Program	Program Akademik
<b>Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi</b>	BWA	Sarjana Muda Sains (Matematik Teknologi) dengan Kepujian
	BWC	Sarjana Muda Sains (Fizik Gunaan) dengan Kepujian
	BWD	Sarjana Muda Sains (Teknologi Makanan) dengan Kepujian
	BWK	Sarjana Muda Sains Kimia Industri dengan Kepujian
	BWQ	Sarjana Muda Sains (Statistik Industri) dengan Kepujian
	BWS	Sarjana Muda Sains (Analitik Data Komputasi) dengan Kepujian
	BWW	Sarjana Muda Sains (Kepelbagaian Biologi & Pemuliharaan) dengan Kepujian
	PWZ	Doktor Falsafah Sains
	KWZ	Sarjana Sains
	MWA	Sarjana Sains (Matematik Gunaan)
	MWQ	Sarjana Sains (Statistik Industri)
	CWJ	Sarjana Sains (Pemuliharaan Kepelbagaian Biologi)
	CWK	Sarjana Sains (Kimia Bahan)
<b>Fakulti Teknologi Kejuruteraan</b>	BNA	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dengan Kepujian
	BNB	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Perkhidmatan Bangunan) dengan Kepujian
	BNC	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Pembinaan) dengan Kepujian

Fakulti/ Pusat Pengajian	Kod Program	Program Akademik
	BND	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Automasi Industri) dengan Kepujian
	BNE	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Elektrik) dengan Kepujian
	BNF	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi & Komputer) dengan Kepujian
	BNG	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) dengan Kepujian
	BNM	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan) dengan Kepujian
	BNN	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dengan Kepujian
	BNS	Sarjana Muda Teknologi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan Kepujian
	BNT	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel dengan Kepujian
	PNT	Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan
	KNT	Sarjana Teknologi Kejuruteraan
	CNR	Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Rel
Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum	PLK	Doktor Falsafah
	KLL	Sarjana Falsafah

## Akreditasi Program Akademik

UTHM sentiasa memastikan semua program akademik yang ditawarkan mendapat pengiktirafan akreditasi sama ada sebelum program dijalankan (akreditasi sementara) atau selepas program dijalankan (akreditasi penuh). Antara badan kelayakan dan badan profesional yang melaksanakan akreditasi atau audit program akademik di UTHM termasuklah:

- i. Agensi Kelayakan Malaysia (MQA),
- ii. Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC),
- iii. Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC),
- iv. Majlis Akreditasi Teknologis dan Juruteknik (TTAC),
- v. Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina (MAPS)
- vi. Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (BOVAEP)
- vii. *Institute of Food Technologists*
- viii. *The Chartered Institute of Building*
- ix. *Royal Institute of Chartered Surveyors*

Proses akreditasi diuruskan oleh Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik (CAD) UTHM melalui Bahagian Pembangunan dan Akreditasi Program (BPAP). BPAP merupakan pusat sehenti yang berperanan mengurus proses pelaksanaan akreditasi, menyemak dan menilai dokumen-dokumen akreditasi dan membantu penyelesaian isu-isu berbangkit berkaitan akreditasi.

## Akreditasi Sementara

Pada tahun 2023, UTHM telah berjaya mendapatkan akreditasi sementara bagi dua program akademik baharu iaitu Doktor Falsafah Alam Bina dan Sarjana Alam Bina. Kedua-dua program pascasiswazah ini bakal ditawarkan di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina dan merupakan kesinambungan kepada program di peringkat Sarjana Muda sedia ada.

UTHM juga telah memperolehi perakuan akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia, bagi dua program Sarjana dan dua program Doktor Falsafah, Lembaga Arkitek Malaysia – Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia bagi program Sarjana Muda Sains Senibina, Lembaga Jurutera Malaysia – Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan bagi dua program Sarjana Muda dan enam program Sarjana Muda daripada Lembaga Teknologis Malaysia – Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal seperti di dalam **Jadual 3.7**.

Jadual 3.6 : Senarai Program yang Melalui Audit Akreditasi Tahun 2023

Badan Akreditasi	Tarikh	Program	Fakulti
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	18 - 19 Januari 2023	Sarjana Sains Pengurusan Industri (MPE)	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan
Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan Malaysia (ETAC) <i>(New Cycle Accreditation)</i>	8 Februari 2023	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dengan Kepujian (BNA)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan Malaysia (ETAC) <i>(Interim Accreditation)</i>	14 Jun 2023	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi dan Komputer) dengan Kepujian (BNF)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	20 - 21 Jun 2023	Doktor Pendidikan (PBD)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	25 - 26 Jun 2023	Doktor Falsafah (PLS)	Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	2 - 3 Julai 2023	Sarjana Falsafah (KLS)	Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC, MBOT)	4 - 5 Julai 2023	Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian (BBJ)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC, MBOT)	4 - 5 Julai 2023	Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Kepujian (BBN)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC, MBOT)	4 - 5 Julai 2023	Sarjana Muda Teknologi Perkhidmatan Makanan dengan Kepujian (BBS)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC, MBOT)	4 - 5 Julai 2023	Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian (BBX)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC, MBOT)	4 - 5 Julai 2023	Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan dengan Kepujian (BBY)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Badan Akreditasi	Tarikh	Program	Fakulti
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC, MBOT)	4 - 5 Julai 2023	Sarjana Muda Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara dengan Kepujian (BBZ)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan Malaysia (ETAC) (Interim Accreditation -Desktop Review)	7 Ogos 2023	Diploma Teknologi Kejuruteraan Kimia (DAK)	Pusat Pengajian Diploma
Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan Malaysia (ETAC) (New Program Accreditation)	17 – 18 Oktober 2023	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Pembuatan Pesawat) dengan Kepujian (BDX)	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan

**Jadual 3.7** : Senarai Program yang Memperoleh Perakuan Akreditasi Penuh Tahun 2023

Badan Akreditasi	Program	Fakulti	Tempoh Pengiktirafan Penuh	Tarikh Keputusan
Lembaga Arkitek Malaysia - Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia (MAPSM)	Sarjana Muda Sains Senibina (BFR)	Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina	Akreditasi Bersyarat (2 tahun) kepada Akreditasi Penuh (5 tahun)  6 September 2020 - 5 September 2025	15 Februari 2023
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	Sarjana Sains Pengurusan Industri (MPE)	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan	Bermula 5 Oktober 2022	28 Februari 2023
Lembaga Jurutera Malaysia - Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pengangkutan Rel dengan Kepujian (BNT)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	1 Januari 2022 - 31 Disember 2024 (3 tahun)	22 Mac 2023

Badan Akreditasi	Program	Fakulti	Tempoh Pengiktirafan Penuh	Tarikh Keputusan
Lembaga Jurutera Malaysia - Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)	Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Alam Sekitar) dengan Kepujian (BNA)	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	1 Januari 2023 - 31 Disember 2028 (6 tahun)	28 Mac 2023
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	Doktor Pendidikan (PBD)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	Bermula 5 Mac 2023	25 Julai 2023
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	Doktor Falsafah (PLS)	Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum	Bermula 5 Oktober 2022	25 Julai 2023
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)	Sarjana Falsafah (KLS)	Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum	Bermula 6 Februari 2022	25 Julai 2023
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC, MBOT)	Sarjana Muda Teknologi Penyelenggaraan Sistem Elektrik dengan Kepujian (BBJ)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	1 Januari 2023 - 31 Disember 2026 (4 tahun)	19 Disember 2023
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC, MBOT)	Sarjana Muda Teknologi Automasi Elektronik Industri dengan Kepujian (BBN)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	1 Januari 2023 - 31 Disember 2026 (4 tahun)	19 Disember 2023
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC, MBOT)	Sarjana Muda Teknologi Perkhidmatan Makanan dengan Kepujian (BBS)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	1 Januari 2023 - 31 Disember 2025 (3 tahun)	19 Disember 2023
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC, MBOT)	Sarjana Muda Teknologi Kimpalan dengan Kepujian (BBX)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	1 Januari 2023 - 31 Disember 2026 (4 tahun)	19 Disember 2023
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC, MBOT)	Sarjana Muda Teknologi Pembinaan Bangunan dengan Kepujian (BBY)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	1 Januari 2023 - 31 Disember 2025 (3 tahun)	19 Disember 2023

Badan Akreditasi	Program	Fakulti	Tempoh Pengiktirafan Penuh	Tarikh Keputusan
Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC, MBOT)	Sarjana Muda Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara dengan Kepujian (BBZ)	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	1 Januari 2023 - 31 Disember 2026 (4 tahun)	19 Disember 2023

Jadual 3.8 : Program Akademik Baharu Tahun 2023

Nama Program	Fakulti	Penawaran	Kelulusan Oleh
Sarjana Muda Sains (Analitik Data Komputasi) dengan Kepujian	Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST)	Telah ditawarkan mulai Semester I 2023/2024	MJKPT
Sarjana Muda Teknologi Operasi Loji Minyak dan Gas dengan Kepujian	Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	Telah ditawarkan mulai Semester I 2023/2024	MJKPT
Sijil Siswazah Kompetensi Tenaga Pengajar TVET	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV)	Telah ditawarkan mulai Semester I 2023/2024	MJKPT

## Istiadat Konvokesyen Kali Ke - 23 UTHM

Canselor UTHM, Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor telah menyempurnakan Sidang Khas Istiadat Konvokesyen Kali Ke-23 yang berlangsung pada 2 Disember 2023. Pada sidang tersebut, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Teknologi Kejuruteraan Mekanikal bagi menghargai sumbangan dan kecemerlangan baginda dalam kepimpinan lestari kepada UTHM, Bangsa Johor dan Malaysia. Turut berangkat Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Permaisuri Johor. Hadir sama dalam istiadat tersebut, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor, Pro-Canselor UTHM, Yang Amat Berhormat Dato' Onn Hafiz Ghazi, Menteri Besar Johor dan Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi.

Istiadat Konvokesyen Kali Ke-23 UTHM ini telah diadakan pada 2 hingga 7 Disember 2023 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Perisytiharan Penganugerahan Ijazah yang dibuat oleh DYAM Tunku Canselor ini merangkumi pelbagai peringkat pengajian iaitu Ijazah Doktor Falsafah 135 orang, Sarjana 314 orang, Sarjana Muda 3,539 orang dan Diploma 835 orang. Seramai 4,837 orang pelajar ini telah diisytiharkan sebagai graduan UTHM.





**Foto 3.9 :** DYAM Tunku Canselor menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada DYMM Sultan Johor pada Sidang Khas Istiadat Konvokesyen Kali Ke-23 UTHM.

## Majlis Pemakaian Hud Pasca Siswazah

Sempena Istiadat Konvokesyen UTHM Kali Ke - 23 UTHM, Majlis Pemakaian Hud Pascasiswazah Kali ke-11 telah dijalankan pada 30 November 2023 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Motivasi utama pelaksanaan majlis pemakaian hud adalah bagi meraikan para graduan pascasiswazah (mod penyelidikan) serta mengiktiraf dan memberi penghormatan kepada para penyelia yang berjaya menggraduankan pelajar pascasiswazah pada tahun 2023. Seramai 449 pelajar pascasiswazah telah berjaya bergaduan pada tahun 2023. 252 graduan pascasiswazah (penyelidikan) diraikan dalam majlis ini. Perasmian majlis ini

disempurnakan oleh Naib Canselor UTHM, Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim.



**Foto 3.10 :** Majlis Pemakaian Hud Pasca Siswazah

## Program Pembangunan Profesionalisme Staf Akademik


Sebanyak 10 program pembangunan profesionalisme staf akademik telah diadakan pada tahun 2023. Program-program tersebut melibatkan seramai 458 orang staf akademik.

**Jadual 3.9** : Senarai Program-program Pembangunan Profesionalisme Staf Akademik

Program	Tarikh	Tempat	Peserta
SULAM	12 Januari 2023	UTHM	44
<i>Experiential Learning and Competency Based Education (EXCEL)</i>	25 Januari 2023	UTHM	31
<i>National Outcome Based Learning (NOBLE)</i>	8 Februari 2023	UTHM	39
<i>Constructive Alignment</i>	15 Februari 2023	UTHM	39
<i>Alternative Assessment</i>	1 Mac 2023	UTHM	38
<i>Rubric Development</i>	2 Mac 2023	UTHM	42
<i>Outcome Based Education (OBE)</i>	21 Mei 2023	UTHM	32
<i>Problem Based Learning-Tahap 1</i>	30 Mei 2023	UTHM	25
<i>Student Learning Time (SLT)</i>	21 Jun 2023	UTHM	35
<i>Pembangunan Soalan-Open Ended, Multiple Choice</i>	27 Jun 2023	UTHM	40
Kursus Juruaudit Akademik	11 Julai 2023	UTHM	20
<i>Entrepreneurship Integrated Education (EIE)</i>	30 Julai 2023	UTHM	25
Kursus Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran KPPP	6 - 17 Ogos 2023	UTHM	48


## Program Mobiliti Akademik Berkredit

Kaedah pelaksanaan program mobiliti akademik berkredit pelajar telah dilaksanakan secara fizikal sepenuhnya pada tahun 2023. **Rajah 3.6** menunjukkan pencapaian keseluruhan mobiliti outbound dan mobiliti inbound bagi tahun 2023. KPI yang ditentukan adalah seramai 320 orang pelajar untuk setiap *outbound* dan *inbound*. Berdasarkan graf dalam **Rajah 3.6**, pencapaian KPI *inbound* adalah 127 peratus manakala pencapaian *outbound* adalah 92 peratus. Data juga dibahagikan kepada bilangan hari mobiliti iaitu lebih 90 hari (>90) dan kurang 90 hari (<90) bagi tujuan penarafan yang mana pengiraan mata untuk QS adalah berdasarkan jumlah bilangan pelajar prasiswazah dan pascasiswazah warganegara asing yang menghabiskan sekurang-kurangnya tiga bulan tempoh mobiliti.




**Rajah 3.6** : Pencapaian Keseluruhan Mobiliti Tahun 2023

**Rajah 3.7** menunjukkan bilangan pelajar mobiliti *outbound* dan *inbound* mengikut fakulti. Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) telah menghantar pelajar *outbound* paling ramai diikuti oleh Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) masing-masing dengan 20 peratus dan 18 peratus daripada jumlah keseluruhan 295 orang *outbound*. Manakala untuk *inbound*, Fakulti Pendidikan dan Vokasional (FPTV) mendahului dengan 37 peratus, dituruti oleh Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) sebanyak 28 peratus daripada jumlah keseluruhan 406 orang *inbound*.




Rajah 3.7 : Outbound dan Inbound Mengikut Fakulti Tahun 2023

Pecahan *outbound* mengikut negara adalah seperti ditunjukkan dalam **Rajah 3.8**. UTHM telah menghantar pelajar untuk program mobiliti *outbound* ke lima negara pada 2023 majoriti ke Indonesia (75 peratus), diikuti Thailand (16.1 peratus), Japan (7.2 peratus), Turkey (1 peratus) dan Germany (0.7 peratus).



Rajah 3.8 : Pecahan Outbound Mengikut Negara

Pecahan *inbound* mengikut negara adalah seperti ditunjukkan dalam **Rajah 3.9**. UTHM telah menerima pelajar inbound dari luar negara majoriti daripada Indonesia (87.5 peratus), diikuti Japan (4.9 peratus), Bangladesh (2.7 peratus), Saudi Arabia (2.2 peratus), Germany (1.7 peratus), India (0.7 peratus) dan Algeria (0.2 peratus). Data inbound adalah termasuk *Summer Programme*.



Rajah 3.9 : Pecahan Inbound Mengikut Negara

## Laporan Mobiliti Inbound / Outbound Fakulti

Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAB) telah menganjurkan program mobiliti Inbound berkredit. Program disertai seramai 14 orang daripada Universitas Negeri Malang, Indonesia, lima orang Universitas Muhammadiyah Surakarta, Indonesia dan lima orang daripada Universitas Mercu Buana, Indonesia. FKAAB juga turut menyertai program mobiliti *outbound* berkredit Latihan Industri di beberapa buah universiti di Indonesia dengan penglibatan seramai 24 orang pelajar.

Program Mobiliti Akademik Berkredit FKMP melibatkan proses pembelajaran dan pengajaran akademik dalam bentuk inbound seramai 36 orang pelajar dan dalam bentuk outbound seramai 18 orang pelajar dan melibatkan enam buah negara termasuk Turki, Jerman, Thailand, Saudi Arabia, Japan dan Indonesia. Universiti di luar negara yang terlibat termasuk University Altinbas (Turki), *Heilbronn University of Applied Sciences* (Jerman), *King Mongkut's University of Technology*, Thonburi (Thailand), Kore Kosen (Japan), Islamic University of Madinah (Saudi Arabia), University Paderborn (Jerman), Universitas Islam Malang (Indonesia) dan Universitas Mahammadiyah Kalimantan Timur (Indonesia). Pelajar FKMP juga berjaya mendapat biasiswa dan penajaan dalam menyertai Program Mobiliti Berkredit. *Hochschule Heilbronn University of Applied Sciences* menawarkan empat biasiswa kepada pelajar FKMP. Selain daripada itu, *King Mongkut's University of Technology Thonburi* (KMUTT) dan *Hybrid Asia Exploration* juga memberikan penajaan kepada pelajar FKMP termasuk penginapan dan makanan semasa program.



**Foto 3.11** : Kumpulan pelajar inbound dari Jerman. Empat pelajar dari *Heilbronn University of Applied Sciences* dan seorang pelajar dari *Universiti Paderborn*

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) telah menjalankan program mobiliti pelajar (inbound) berkredit secara virtual online pada 8 Ogos hingga 30 September 2023 dengan seramai 151 pelajar terdiri dari tiga institusi luar negara (Indonesia) iaitu Universitas Negeri Yogyakarta, Universitas Muhammadiyah Surakarta dan Politeknik Bengkalis. Terdapat tiga subjek yang ditawarkan iaitu BBP 40302 *Entrepreneurship*, BBP 20402 *Project Management* dan BBI 10103 *Industry Revolution*. FPTV turut mengadakan program mobiliti pelajar dan staf akademik (*outbound*) dengan tema *cross culture* di Universitas Negeri Yogyakarta pada 23 November 2023 – 1 Disember 2023 dengan penglibatan seramai 40 orang pelajar daripada program kulinari dan dua orang staf.



Foto 3.12 : Program Mobiliti Pelajar dan Staf Akademik FPTV (*Outbound*) di Universitas Negeri Yogyakarta



Foto 3.13 : Kumpulan pelajar inbound dari Islamic University of Madinah, Saudi Arabia

## Penganjuran Program dan Aktiviti Persidangan / Lain-lain Berimpak

Pada tahun 2023, Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina (FKAAB), Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP) dan Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat (FSKTM), Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Teaching Factory dan Metro System Academy (MSA) telah menganjurkan persidangan dalam usaha untuk menyebarkan pengetahuan.

**Jadual 3.10** : Senarai Penganjuran Program Berimpak Mengikut Fakulti


Fakulti	Nama Program	Tarikh Penganjuran	Mod / Lokasi
FKAAB	<i>International Conference on Civil and Environmental Engineering for Sustainability (IConCEES 2023)</i>	9-10 Oktober 2023	Impiana KLCC Hotel
FPTP	<i>Webinar: Introduction to Sales and Purchase in Johor Bahru (JB)</i>	21 November 2023	<i>Virtual Conference</i>
FSKTM	<i>The First International Conference on Intelligence and Autonomous System (i-CAIAS 2023)</i>	18-19 Disember 2023	<i>Virtual Conference</i>
FTK	<i>Seminar: How To Publish Your Manuscript In Progress In Engineering Application And Technology (PEAT)</i>	13 April 2023	<i>Virtual Seminar</i>
	<i>2023 International Construction Industry Week "Towards Sustainable Engineering and Technology"</i>	15 – 18 Mei 2023	<i>Virtual Conference</i>
	<i>Industry Expert Webinar: Food Product Development</i>	18 Januari 2023	<i>Virtual Webinar</i>
FPTV	<i>Future Ready Graduates: Perspectives in TVET and Industry</i>	8 November 2023	UTHM
Teaching Factory (TF)	<i>1st International Conference on Technology, Management, Engineering &amp; Design (ICoMTED 2023)</i>	16 – 18 Disember 2023	Premeira Hotel, KL



Fakulti	Nama Program	Tarikh Penganjuran	Mod / Lokasi
Metro System Academy (MSA)	<i>MSA Train of Thoughts Webinar Series:</i>		
	<i>i. High Speed Rail Project in Malaysia</i>	27 Februari 2023	<i>Virtual Webinar</i>
	<i>ii. How ECRL Overcome Kra Canal Once and for All</i>	27 Mac 2023	<i>Virtual Webinar</i>
	<i>iii. Health, Safety and Environment Contract Management in MRT Project</i>	29 Mei 2023	<i>Virtual Webinar</i>
	<i>iv. Upskilling &amp; Reskilling in Railway Industry</i>	26 Julai 2023	<i>Virtual Webinar</i>
	<i>MSA International Symposium 2023</i>	10 - 11 Oktober 2023	<i>Hibrid (MSA UTHM Training Centre)</i>

### Program Pembelajaran Berterusan

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) atau Lifelong Learning (LLL) merupakan sebuah agenda antarabangsa sebagaimana yang digariskan dalam United Nation Sustainable Development Goals 2030 (SDG2030) dan agenda nasional utama seperti Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSPRM Ke-12). Berdasarkan Pelan Induk dan Pelan Tindakan Pembudayaan PSH Nasional 2024-2030 PSH boleh didefinisikan sebagai satu proses pembelajaran yang menyeluruh dan berterusan, yang merangkumi semua bentuk aktiviti pembelajaran pada semua peringkat umur dan latar belakang sosio-ekonomi bagi memenuhi keperluan pembelajaran yang disampaikan dan dilaksanakan melalui pelbagai kaedah. Visi utama PSH adalah melahirkan bangsa berilmu, makmur dan terpelajar menerusi pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat.



Rajah 3.10 : Program Pendidikan dan Latihan UTHM

Sepanjang tahun 2023, sebanyak tujuh dijalankan oleh Akademik Pembelajaran Berterusan di bawah kendalian PPBA yang melibatkan enam buah fakulti iaitu Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB), Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK). Seramai 43 orang pelajar telah berjaya bergraduan pada tahun 2023. Jumlah enrolmen pelajar bagi tahun 2023 ialah 89 orang pelajar. Pecahan adalah seperti di **Jadual 3.11** di bawah :

**Jadual 3.11** : Program Akademik Pembelajaran Berterusan UTHM

Bil.	Fakulti	Program	Jumlah Pelajar
1	FPTV	Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (MBV)	46
2	FPTV	Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi) (MBT)	7
3	FKAAB	Sarjana Kejuruteraan Awam (MFA)	9
4	FKEE	Sarjana Kejuruteraan Elektrik (MEE)	10
5	FKMP	Sarjana Kejuruteraan Mekanikal (MDM)	16
6	FTK	Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Rel (CNR)	1
<b>Jumlah</b>			<b>89</b>

## Program Eksekutif

Bagi Program Eksekutif untuk tahun 2023, empat program dijalankan di bawah kendalian PPBA yang melibatkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) / *Asia Aeronautical Training Academy (AATA)* dan Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISWAJ). Pecahan adalah seperti di **Jadual 3.12** di bawah :

**Jadual 3.12** : Program Eksekutif UTHM

Bil.	Fakulti	Program	Ambilan 2023	Pelajar Kanan	Jumlah
1	FKMP	Diploma Eksekutif Penerbangan Profesional	0	1	1
2	FKMP	Program Eksekutif Penerbangan Profesional	0	17	17
3	FKMP	Program Penerbangan Profesional	23	27	50
4	ISWAJ	Program Eksekutif Imam Profesional	19	19	38
Jumlah			42	64	106

## Akreditasi Pembelajaran Pengalaman Terdahulu (APEL)

### PENCAPAIAN UTAMA PSH Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

<p><b>MTUN pertama</b> memperoleh <b>perakuan akreditasi APELA (T6 &amp;T7) dan APELC</b> bagitempoh <b>5 tahun</b></p>	<p><b>IPT yang pertama</b> menghantar dokumen <b>APELA T7 (Penyelidikan) dan APELA T8 (Kedoktoran)</b></p>
<p>Satu-satunya MTUN yang memperoleh tajaan MoFA bagi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) (2023: RM30,000) (Sejak 2014: RM950,000)</p>	<p>Tajaan kursus dari Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) berjumlah <b>RM953,384.40</b></p>

**Rajah 3.11** : Pencapaian Utama PSH UTHM

Pencapaian utama PSH UTHM pada tahun 2023 adalah seperti yang dinyatakan di **Rajah 3.11**. PPBA sebagai Pusat Penilaian APEL UTHM telah memperolehi perakuan akreditasi APEL sebagai Pusat Penilaian APEL untuk tempoh 5 tahun sehingga Ogos 2027 bagi peringkat Ijazah Sarjana Muda (APEL T6) dan Ijazah Sarjana (APEL T7). UTHM juga telah diluluskan untuk melaksanakan APEL bagi tujuan Penganugerahan Kredit iaitu APEL.C bagi tempoh 5 tahun bermula dari 13 Januari 2023 sehingga 12 Januari 2028. Ini telah menjadikan UTHM sebagai MTUN pertama memperolehi perakuan akreditasi tersebut. Pencapaian seterusnya UTHM merupakan institut pengajian tinggi (IPT) yang pertama menghantar dokumen APEL.A T7 (Penyelidikan) dan APEL.A T8 (Kedoktoran).

Sejak tahun 2014 sehingga tahun 2023, UTHM berjaya memperolehi tajaan dari Kementerian Luar Negeri bagi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) sebanyak RM950,000. Pada tahun 2023, UTHM berjaya melaksanakan program di bawah PKTM dengan nilai tajaan sebanyak RM30,000 bagi Kursus *Enhancing TVET Personnel Professional Skills and Instructional Competencies for Quality Education* yang melibatkan peserta dari negara Pakistan, Algeria, Brunei Darussalam, Ecuador, Malawi, Bosnia and Herzegovina, Morocco, Turkmenistan, Eswatini (Swaziland), Indonesia dan Botswana. UTHM turut menghantar sebanyak 19 permohonan kertas kerja bagi tujuan memperolehi tajaan bagi tahun 2024.

UTHM melalui PPBA dengan kerjasama UTHM *Education & Training Sdn. Bhd.* berjaya memperolehi peruntukan dari Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi melaksanakan Program Pentauliah Professional untuk Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) sebanyak RM1,953,384.40. Sebanyak lima kursus telah dilaksanakan bermula bulan Oktober 2023 dan dijangka berakhir pada bulan Mac 2024.

## Latihan Industri

### *Latihan Industri (Outbound)*


Laporan ini merujuk kepada penempatan Latihan Industri (LI) pelajar UTHM yang telah/ sedang berjalan mengikut fakulti bagi tahun 2023, melibatkan data pengesahan syarikat pada Semester 2 2022/2023, Semester 3 2022/2023 dan Semester 1 2023/2024.

### Statistik Penempatan Latihan Industri Pelajar Mengikut Fakulti dan Kategori Syarikat Bagi Tahun 2023


Berdasarkan data pengesahan syarikat bagi tahun 2023, **Jadual 3.13** menunjukkan seramai 4279 pelajar dari sembilan fakulti telah menjalani LI mengikut kursus di fakulti masing-masing. Merujuk kepada **Rajah 3.12** dan **Rajah 3.13**, statistik penempatan LI pelajar secara keseluruhan, sebanyak 66 peratus melibatkan 2803 pelajar cenderung memilih syarikat di sektor swasta tempatan berbanding sektor lain. Sektor kedua tertinggi yang menjadi pilihan pelajar adalah sektor kerajaan sebanyak 13 peratus melibatkan 562 daripada 4279 orang pelajar. Manakala, sektor swasta multinasional adalah pilihan ketiga pelajar iaitu sebanyak 10 peratus melibatkan 434 daripada 4279 orang pelajar.

**Jadual 3.13** : Data Pengesahan Syarikat bagi Tahun 2023 Mengikut Fakulti dan Kategori

Sektor	Fakulti									Jumlah	%
	FKAAB	FKEE	FKMP	FAST	FPTP	FSKTM	FTK	PPD	FPTV		
Kerajaan	138	44	54	28	49	24	30	162	33	562	13
Badan Berkanun	13	15	5	3	3	16	5	38	3	101	2
Swasta Multinasional	13	58	82	20	50	52	72	60	27	434	10
Swasta Tempatan	384	269	292	107	318	276	253	593	311	2803	66
Perusahaan Sendiri	17	29	27	21	15	4	17	48	34	212	5
GLC	19	9	23	2	2	14	12	19	7	107	3
NGO	0	1	1	2	0	0	0	0	0	4	0
Lain-lain	4	7	7	1	3	2	8	15	9	56	1
<b>Jumlah</b>	<b>588</b>	<b>432</b>	<b>491</b>	<b>184</b>	<b>440</b>	<b>388</b>	<b>397</b>	<b>935</b>	<b>424</b>	<b>4279</b>	<b>100</b>



**Rajah 3.12** : Statistik Penempatan LI Pelajar Mengikut Kategori Syarikat bagi Tahun 2023



**Rajah 3.13** : Peratus Penempatan LI Pelajar Mengikut Kategori Syarikat bagi Tahun 2023

## Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA)


Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) UTHM berfungsi menyediakan akses maklumat kepada staf dan pelajar serta masyarakat sekitar untuk membuat rujukan dalam bidang berkaitan kelestarian teknologi dan pengangkutan. Sejarar dengan perkembangan teknologi, PTTA terus menyumbang kepakaran dalam menyediakan sistem capaian berasaskan teknologi terkini. Banyak kejayaan telah terhasil dengan adanya kesungguhan dan komitmen semua pihak melalui program-program perkongsian strategik dan jalinan kerjasama yang berterusan.

## Koleksi Perpustakaan Tunku Tun Aminah

### a) Koleksi Bahan Rujukan

Jadual 3.14 : Jenis Koleksi Bahan Rujukan PTTA Tahun 2023

Jenis Koleksi	Jumlah Kumulatif
Buku Bercetak	234,748 Buah
E-Book	263,804 Judul
E-Journal	4,128 Judul
Audio-Visual (CD Tesis)	36,608 Unit
Tesis Bercetak	21,635 Buah
Serial Bercetak	12 Judul



Rajah 3.14 : Jumlah Koleksi Bahan Rujukan PTTA

## b) Kunjungan Fizikal

**Jadual 3.15** : Kunjungan Pengguna Perpustakaan Secara Fizikal Tahun 2023


Bulan	Bilangan Kunjungan Fizikal
Januari	42,489
Februari	58,760
Mac	8,206
April	5,337
Mei	44,574
Jun	30,487
Julai	23,240
Ogos	8,603
September	11,706
Oktober	34,052
November	42,964
Disember	42,080
<b>Jumlah</b>	<b>352,498</b>

Kunjungan fizikal ke PTTA meningkat sebanyak 83,990 kepada 352,498 berbanding tahun 2022. Peningkatan ini disumbangkan oleh lokasi PTTA sebagai lokasi tumpuan acara utama Universiti dan kemasukan pelajar ke kampus secara menyeluruh.

## c) Keahlian

**Jadual 3.16** : Keahlian PTTA Tahun 2023

Jenis Keahlian	Jumlah
Keahlian Pelajar	18,229
Keahlian Staf Akademik	1,155
Keahlian Staf Pentadbiran	1,429
Keahlian Luar	75
<b>Jumlah</b>	<b>20,888</b>



Rajah 3.15 : Peratus Keahlian PTTA Tahun 2023

Pada tahun 2023 PTTA memberi fokus untuk meningkatkan keahlian luar. Berbanding tahun 2022 hanya terdapat 54 orang keahlian luar, meningkat seramai 75 orang pada tahun 2023. Pada tahun 2023 juga, keahlian pelajar adalah paling tinggi iaitu sebanyak 18,229 orang mewakili 87.3 peratus jumlah keahlian PTTA.

## Ruang Baru Perpustakaan Tunku Tun Aminah

Perpustakaan Tunku Tun Aminah bukan sahaja gerbang ilmu dan maklumat, malahan turut berfungsi sebagai pusat sehenti aktiviti warga kampus. Beberapa ruang sedia ada dinaiktaraf dengan mengetengahkan kepentingan beradaptasi dengan teknologi, seperti Inkubator MakerSpace@UTHM, Remote Pilot Smart Classroom dan Makmal AI UTHM (AI.DA Akademi Intelek dan Data Analitik).



Foto 3.14 : MakerSpace@UTHM, Remote Pilot Smart Classroom dan Makmal AI UTHM

Dengan wujudnya ruang MakerSpace ini, PTTA turut menyumbang dalam menggalakkan pendidikan Science Technology Engineering Mathematics (STEM) khususnya pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah di Johor serta komuniti sekitar universiti ini. Banyak program telah berjaya dilaksanakan oleh pasukan MakerSpace UTHM sepanjang tahun 2023, seperti Bengkel Robotik Makerobot@UTHM, Bengkel Reka Bentuk dan Cetakan 3D serta bengkel-bengkel lain berkaitan Asas Litar Elektrik, Scratch dan Arduino.



## Program Berimpak

### Pameran Canselor UTHM sempena Program Kembara Canselor @UTHM pada 19 Jun 2023

Sempena Program Kembara Canselor @UTHM yang disusun sebagai pengisian Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Ke-30 pada 19 Jun 2023, Pameran Canselor UTHM telah diadakan bertempat di Aras 1, Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA). Pameran ini memberi informasi mengenai biodata kedua-dua Canselor UTHM iaitu Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim dan Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor. DYMM Sultan Ibrahim telah dimasyhurkan sebagai Canselor UTHM bermula 1 Disember 2001 sehingga 30 November 2021, manakala YAM Tunku Ismail pula dilantik sebagai Canselor UTHM bermula 3 Januari 2022 dan dimasyhurkan pada Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Konvokesyen Ke-22 UTHM yang berlangsung pada 3 hingga 8 Disember 2022.



**Foto 3.15 :** Galeri Canselor di PTAA ini diwujudkan khusus bersempena kunjungan DYAM Tunku Mahkota Johor ke UTHM

## Pameran Model Pelan Induk Pembangunan Fizikal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Pameran Model Pelan Induk Pembangunan Fizikal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang terdiri daripada Kampus Parit Raja, Kampus Cawangan Pagoh dan Kampus Cawangan Tanjung Laboh telah diadakan bermula Disember 2023. Pameran dengan kerjasama Bahagian Perancangan dan Rekabentuk, Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan ini bertujuan bagi memberi informasi menyeluruh bagi pelan perancangan pembangunan kampus berprestij ini. Direka untuk mencorak masa depan pendidikan, model ini memaparkan strategi pembangunan ruang fasiliti canggih dan persekitaran pembelajaran yang berinspirasi.



Foto 3.16 : Pameran Model Pelan Induk Pembangunan Fizikal Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## Majlis Perasmian: Penjenamaan Semula Perpustakaan Permata Hikmah

Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) telah mengadakan Majlis Perasmian Penempatan Baharu dan Penjenamaan Semula Perpustakaan Permata Hikmah pada 7 September 2023 bertempat di bangunan PTTA, UTHM. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Aminolhuda Bin Haji Hassan, Ahli Parlimen Sri Gading. Ia turut diserikan dengan persembahan istimewa murid-murid dari Bee Caliph Childcare.

Perpustakaan Permata Hikmah ini ditubuhkan dan beroperasi sejak bulan Jun tahun 2010. Setelah beberapa kali dialih lokasi penempatannya atas keperluan akademik dan pentadbiran universiti, akhirnya telah mendapat satu ruang baharu yang lebih sesuai, strategik dan mampu menarik kunjungan lebih ramai bagi meneruskan kesinambungan perkhidmatannya. Usaha ini berhasrat menyokong sepenuhnya hasrat universiti untuk melestarikan peranan keilmuan kepada masyarakat setempat. Pihak Parlimen Sri Gading bersedia membantu, bekerjasama dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan keperluan asas rakyat termasuk keperluan untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan maklumat.



Foto 3.17 : Sorotan Majlis Perasmian Perpustakaan Permata Hikmah di PTTA

## Penganjuran Elsevier – MTUN Symposium 2023 Dengan Kolaborasi Persidangan MUCET 2023 11 November 2023 di Hotel Renaissance, Johor Bahru


Penganjuran Elsevier – MTUN Symposium 2023 edisi-2 adalah julung kalinya melibatkan kerjasama di antara Malaysian Technical University Conference on Engineering and Technology (MUCET) edisi-13. Program anjuran bersama Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan Penerbit Elsevier telah dirasmikan oleh Prof. Dr Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi pada 11 November 2023 bertempat di Hotel Renaissance, Johor Bahru. Dengan tema: *“Excellence in Research and Teaching: Positive Impacts on the Society*, simposium ini menjadi platform perbincangan idea-idea baharu dan jalinan kerjasama dalam kalangan Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dengan memfokuskan kepada pendidikan, latihan dan persediaan sumber manusia yang berketerampilan bagi menyumbang kepada visi menjadi negara industri kelas dunia serta memberi impak kepada masyarakat.



Foto 3.18 : Antara tetamu kehormat yang hadir semasa Majlis Perasmian Program MTUN Symposium 2023

# BAB | 4

KECEMERLANGAN  
PENYELIDIKAN DAN INOVASI




## Pengenalan

UTHM memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan masyarakat serta ekonomi negara. Justeru itu penyelidikan dan inovasi di UTHM memfokuskan kepada aspek perkembangan ekonomi, memperkasa kemajuan teknologi dan juga secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan. Menerusi aktiviti-aktiviti penyelidikan, usaha ini turut menyumbang kepada pembangunan individu dan membantu melahirkan ahli masyarakat yang berpengetahuan. Selain pencapaian penerbitan, pemfailan harta intelek dan pengkomersialan, hasil penyelidikan juga dimanfaatkan oleh komuniti atau industri dalam menyelesaikan masalah semasa. Oleh yang demikian, UTHM melalui pelbagai strategi terus memastikan peranan tersebut berjaya dilaksanakan. Kecemerlangan UTHM dalam penyelidikan dan inovasi juga terserlah melalui pencapaian penyelidik UTHM menerima pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

## Institut Penyelidikan dan Pusat Kecemerlangan UTHM

Menerusi Institut Penyelidikan *Institute For Integrated Engineering (I<sup>2</sup>E)*, institut ini bertanggungjawab untuk menguruskan aktiviti yang melibatkan penyelidikan dan perundingan bersepadu, hal-ehwal governan, kewangan, perancangan sumber manusia, pengambilan pelajar pascasiswazah, perancangan dasar/ polisi dan sebagainya. I<sup>2</sup>E juga berperanan untuk mempertingkatkan kerjasama Pusat Penyelidikan Kejuruteraan dan Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*) yang mempunyai sumber manusia dan peralatan yang boleh digembelngkan untuk menjayakan penyelidikan bersepadu. Di antara Pusat Kecemerlangan yang terdapat di UTHM adalah seperti berikut :

- Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan (EMCentre)
- Pusat Mikroelektronik & Nanoteknologi – Shamsudin *Research Centre* (MINT-SRC)
- Pusat Pembuatan & Bahan Termaju (AMMC)
- Pusat Penyelidikan Tanah Lembut (RECESS)
- Pusat Penyelidikan Pencemar Mikro (MPRC)



Rajah 4.1 : Pusat Kecemerlangan (CoE) di UTHM

## Pusat Penyelidikan (CoR)

Selain dari Pusat Kecemerlangan (CoE), penyelidikan di UTHM juga disokong oleh pihak fakulti yang memainkan peranan membangunkan Pusat Penyelidikan (*Centre of Research*). Bilangan *Centre of Research* (CoR) di sesebuah fakulti adalah bergantung kepada kekuatan tenaga penyelidik dalam kalangan ahli akademik fakulti yang terlibat.

<b>FKAAB</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jamilus Research Center for Sustainable Construction (JRC-SC)</li> <li>• Centre of Applied Geomatics &amp; Disaster Prevention (CAGED)</li> <li>• Smart Driving Research Centre (SDRC)</li> <li>• Eco Hydro Technology Research Centre (ECO-HYTECH)</li> </ul>
<b>FKMP</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mechanical Failure Prevention &amp; Reliability Research Center (MPROVE)</li> <li>• Precision Machining Research Center (PREMACH)</li> <li>• Center for Energy and Industrial Environment Studies (CEIES)</li> <li>• Bioactive Materials Research Center (BioMa)</li> <li>• Research Center for Unmanned Vehicle (ReCUV)</li> </ul>
<b>FKEE</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Advanced Telecommunication Research Center (ATRC)</li> <li>• Pusat Penyelidikan Electric Vehicle (EV-REC)</li> </ul>
<b>FAST</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Centre for Research on Computational Mathematics (CERCOM)</li> <li>• Centre of Research for Sustainable Uses of Natural Resources (SUNR)</li> <li>• Photonics Devices and Sensors Research Centre (PDSR)</li> </ul>
<b>PBB</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Centre for Communication Science (CComS)</li> </ul>
<b>FTK</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bamboo Research Centre (BambooRC)</li> <li>• Centre of Automotive &amp; Powertrain Technology (CAPT)</li> <li>• Sustainable Engineering Technology Research Centre (SETechRC)</li> </ul>
<b>FSKTM</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Soft Computing and Data Mining Centre (SMC)</li> <li>• Centre of Information Security Research (CISR)</li> <li>• Centre of Intelligent and Autonomous (CIAS)</li> </ul>
<b>FPTV</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Advanced Centre for TVET (ACTiVE)</li> <li>• Centre of Research Sustainable Professional Education for Excellent Development (SPEED)</li> </ul>
<b>FPTP</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Centre of Excellence for Facilities Management (CeFM)</li> <li>• Centre of Business Development (CBD)</li> <li>• Centre of Sustainable Infrastructure and Environmental Management (CSIEM)</li> <li>• Centre of Research on Services and Operation Management (CRSOM)</li> </ul>


**Rajah 4.2 :** Pusat Penyelidikan (CoR) di UTHM

## Geran Penyelidikan

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan geran penyelidikan UTHM meliputi sumber dana dalam dan luar adalah berjumlah RM16,385,418.43. Sebanyak RM8,027,485.43 telah berjaya diperolehi daripada sumber dana penyelidikan luar dan sebanyak RM8,357,960.00 telah diperuntukan menggunakan sumber dana dalam. Keseluruhan dana yang diterima pada tahun 2023 ini digunakan untuk membiayai sebanyak 377 projek penyelidikan di UTHM dalam pelbagai bidang yang diterajui oleh bidang kejuruteraan dan teknologi dengan peratusan Penyelidik Utama (PI) sebanyak 75% daripada keseluruhan jumlah staf akademik di UTHM bagi tahun ini. **Jadual 4.1** menunjukkan bilangan projek dan nilai projek mengikut jenis sumber dana penyelidikan yang diterima pada tahun 2023. Manakala, peratusan nilai dana mengikut jenis sumber dana adalah seperti yang ditunjukkan dalam **rajah 4.3**. **Jadual 4.4** hingga **jadual 4.5** menunjukkan perincian bagi setiap dana yang diperolehi.

**Jadual 4.1** : Bilangan dan Nilai Geran Penyelidikan Mengikut Sumber Bagi Tahun 2023

Sumber Dana	Jumlah Projek	Nilai Projek (RM)
Dana Antarabangsa	12	344,723.17
Dana Kementerian	45	6,118,085.26
Dana Industri/NGO	11	426,100.00
Dana Industri melalui Double Tax Deduction (DTD)	20	1,138,550.00
<b>Dana UTHM</b>	<b>289</b>	<b>8,357,960.00</b>



**Rajah 4.3** : Peratusan pembiayaan dana mengikut sumber dana



**Jadual 4.2** : Jumlah dan Nilai Projek daripada Sumber Dana Antarabangsa

Dana Antarabangsa	Jumlah Projek	Nilai Projek (RM)
ATU NET <i>Young Researcher</i> 2022	1	10,000.00
<i>Southeast Asian Ministers of Education Organisation</i> (SEAMEO VOCTECH), Brunei Darussalam	1	4,435.50
Imam Mohammad Ibn Saud Islamic University (IMSIU), Riyadh, Saudi Arabia	1	62,652.00
<i>Akan Mining and Infrastructure</i> , India	1	20,000.00
<i>Toshiba International Foundation</i> (TIFO), Japan	1	49,469.21
The Sumitomo Foundation, Japan	1	19,210.40
Ningbo Polytechnic, China	1	37,965.65
Tokyo University of Agriculture, Japan	1	9,570.00
Institut Agama Islam Negeri Kudus, Indonesia	1	18,241.81
JASTIP, Japan	1	978.60
Guangxi University, China	1	100,000.00
University of Tabuk, Saudi Arabia	1	12,200.00

**Jadual 4.3** : Jumlah dan Nilai Projek daripada Sumber Dana Kementerian

Dana Kementerian	Jumlah Projek	Nilai Projek (RM)
Geran UM STEM Centre	1	5,000.00
Peruntukan Wang SES (LEVI) MTIB Bagi Pembangunan Industri Kayu Malaysia	1	480,000.00
FRGS, KPT	32	3,667,529.00
PRGS, KPT	1	111,200.00
Kontrak, JKR	1	100,000.00
Kontrak, PERZIM	1	100,000.00
Kontrak MOF	1	395,614.26
Kontrak, KPM	1	8,742.00
TVET Termaju, KPT	8	1,250,000.00

**Jadual 4.4** : Jumlah dan Nilai Projek daripada Sumber Industri/NGO

Dana Industri melalui DTD	Jumlah Projek	Nilai Projek (RM)
PERISIND Samudra Sdn. Bhd.	1	110,000.00
Persatuan Ekonomi Pengguna dan Keluarga Malaysia (MACFEA)	1	10,000.00
RS and GIS Consultancy Sdn. Bhd.	1	50,000.00
Software One Expert Sdn. Bhd.	1	13,100.00
Koperasi Komuniti Hybrid Selatan Berhad	1	20,000.00
Nationgate Solution (M) Sdn. Bhd.	1	40,000.00
Endeavour Energy Sdn. Bhd.	1	10,000.00
MNJ Teras Sdn. Bhd.	1	2,000.00
Malaysian Industry Government Group For High Technology (MIGHT)	1	120,000.00
Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia	2	51,000.00

**Jadual 4.5** : Jumlah dan Nilai Projek daripada Sumber Industri melalui DTD


Dana Industri melalui DTD	Jumlah Projek	Nilai Projek (RM)
ASP PRO Sdn. Bhd.	1	45,000.00
RF EMC Centre Malaysia Sdn. Bhd.	1	32,000.00
Cybersolution Technologies Sdn. Bhd.	1	20,000.00
Teknoware Asia Sdn. Bhd.	1	20,000.00
Green Innovation and Energy Sdn. Bhd.	1	50,000.00
Taehwa Engineering Sdn. Bhd.	1	300,000.00
Edge Millennium Sdn. Bhd.	1	30,000.00
Kaff Synergy PLT	1	24,000.00
Sawit Kinabalu Sdn. Bhd.	1	120,000.00
Haizi Corporation (M) Sdn. Bhd.	1	20,000.00
MHN Ventures Sdn. Bhd.	1	304,450.00
Gading Kencana Sdn. Bhd.	1	20,000.00
Advanced Rail Tech and Industry Solutions Sdn. Bhd.	1	18,000.00
TWI Services Sdn. Bhd.	1	15,000.00
Syarikat Kumpulan ABEX Sdn. Bhd.	2	63,100.00
MZR Global Sdn. Bhd.	1	12,000.00
Reinforce Soil Engineering Sdn. Bhd.	1	15,000.00
Ergopsy Resources	1	10,000.00
RBM Engineering Consultation	1	20,000.00

## Pecahan Geran Penyelidikan Mengikut Fakulti

**Jadual 4.6** menunjukkan perolehan dana mengikut PTj/fakulti. FKMP menunjukkan pencapaian cemerlang bagi penerimaan tertinggi jumlah keseluruhan dana penyelidikan bagi tahun 2023. **Rajah 4.4** menunjukkan perincian dan pecahan dana mengikut PTj/fakulti.

**Jadual 4.6** : Perolehan Dana Penyelidikan Mengikut PTj/Fakulti di UTHM

PTj	Antarabangsa	Industri	Kementerian	Universiti	Jumlah (RM)
FPTP	100,000.00	110,000.00	86,000.00	460,000.00	756,000.00
FKEE	114,062.40	160,100.00	643,680.00	1,666,260.00	2,584,102.40
FKAAB	50,447.81	122,000.00	408,400.00	1,553,000.00	2,133,847.81
FPTV	42,401.15	111,000.00	-	809,000.00	962,401.15
FTK	10,000.00	387,450.00	1,284,396.00	684,000.00	2,365,846.00
FAST	9,570.00	133,100.00	947,117.00	845,000.00	1,934,787.00
FKMP	-	379,000.00	1,071,966.26	1,336,900.00	2,787,866.26
FSKTM	-	132,000.00	169,300.00	361,000.00	662,300.00
PPD	-	20,000.00	170,092.00	542,800.00	732,892.00
PPUK	18,241.81	10,000.00	87,134.00	100,000.00	215,375.81
PPB	-	-	-	-	0.00
Lain-Lain	-	-	1,250,000.00	-	1,250,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>344,723.17</b>	<b>1,564,650.00</b>	<b>6,118,085.26</b>	<b>8,357,960.00</b>	<b>16,385,418.43</b>




Rajah 4.4 : Perolehan dana penyelidikan mengikut pusat tanggungjawab

## Penarafan Dalam Malaysia Research Assessment (MyRA)

Malaysia Research Assessment (MyRA<sup>®</sup>) atau istilah bahasanya Taksiran Penyelidikan Malaysia ialah satu piawaian penarafan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menilai kapasiti Institusi di Malaysia untuk mencapai kecemerlangan dalam penyelidikan. MyRA<sup>®</sup> merupakan instrumen untuk menaksir keupayaan penyelidikan pada peringkat institusi. Ia mengukur kecemerlangan dengan menilai jarak sesebuah IPT dari profil (tanda aras) yang ditakrifkan sebagai cemerlang bagi sebuah universiti penyelidikan di negara kita.

Pada tahun 2023, UTHM telah terlibat dalam sesi Audit Dalam MyRA bagi data MyRA tahun 2022. Seramai 5 orang Juruaudit Dalam telah menyemak dan menilai data MyRA UTHM. Sehingga kini, UTHM telah meningkatkan prestasi kecemerlangan penyelidikan dengan peratusan sebanyak 86.09% berdasarkan data MyRA tahun 2022 yang membawa julat penarafan lima bintang. **Rajah 4.5** menunjukkan peningkatan peratusan markah MyRA dari tahun 2010 sehingga tahun 2022.



Rajah 4.5 : Pencapaian MyRA UTHM dari 2010 sehingga 2022

## Inovasi dan Pengkomersialan

Pusat Inovasi dan pengkomersialan (ICC) bertanggungjawab untuk menguruskan aktiviti pra-komersial yang melibatkan peningkatan serta penggunaan konsep inkubator. Kaedah pengkomersialan yang berbeza yang tersedia untuk mengkomersialkan produk UTHM adalah melalui Perlesenan, Penjualan Langsung, Pemilikan Ekuiti dan Penyelidikan Kontrak.

Disamping itu, pusat ini turut menyediakan pelbagai perkhidmatan dalam memastikan pembudayaan penyelidikan dan pengkomersialan terus berkembang meliputi Unit Geran Pra-Pengkomersialan, Unit Perundingan, Unit Pengujian, Unit Pengkomersialan, Unit Syarikat Terbitan Universiti (STU), Unit Pameran, Unit Persidangan dan Unit Harta Intelek.

## Geran Pra-Pengkomersialan

Penghasilan modal insan merentasi pelbagai bidang pengajian juga merupakan indikator kepada kejayaan sesebuah projek penyelidikan. Untuk tujuan itu, selain daripada geran yang diperuntukan oleh agensi kerajaan, swasta atau badan lain yang berkaitan, UTHM turut komited menjayakan agenda ini menerusi pembiayaan pelajar siswazah dan pascasiswazah (sarjana dan doktor falsafah) dalam bentuk elaun sara diri pelajar kompetitif bagi kawasan Parit Raja, Batu Pahat.

Selain itu, pada Februari 2022 pihak ICC telah menyerahkan keseluruhan pengurusan geran ICC seperti Geran Pembangunan Produk (GPP), *Innovation, Commercialization and Incubator Grant* (ICI) dan *Public-Private Research Network* (PPRN) kepada pihak *Research Management Centre* (RMC). Bermula tahun 2022, pihak ICC telah menguruskan geran pra pengkomersialan daripada kementerian atau agensi luar seperti, CRADLE, MOSTI, MAGIC, MRANTI, SUPERB TERAJU dan sebagainya. Pada tahun 2023, penyelidik universiti Prof. Dr. Nafarizal Bin Nayan (FKEE) telah berjaya memperolehi Geran *Strategic Research Fund* (SRF) – Agensi Pelaksana & Pemantau (APP) bernilai RM2,737,820.00 dengan kerjasama Universiti Malaya dan Mimos Berhad. Penyelidikan yang dijalankan dibawah geran ini bertajuk “*High Efficiency High Electron Mobility Transistor (HEMT) For Power Electronics Modules*”.

## Perundingan

Pada tahun 2023, ICC telah berjaya menguruskan projek perundingan dengan jumlah kumulatif RM2,071,303.74. Jumlah ini merupakan hasil kerjasama unit perundingan di antara ICC dan *UTHM Holdings* (UHSB) melalui 92 jumlah projek perundingan. Jadual 4.7 menunjukkan pencapaian perundingan UTHM sepanjang tahun 2023. Pada tahun 2021 garis panduan baharu berkaitan perundingan telah diperkenalkan dan mengambil kira perundingan di bawah STU. Sepanjang tahun 2023, 5 STU telah melaksanakan 118 projek perundingan berjumlah RM2,947,160.86. Jadual 4.8 menunjukkan pencapaian perundingan STU UTHM sepanjang tahun 2023.

**Jadual 4.7 : Pencapaian Perundingan UTHM sepanjang Tahun 2023**

Pencapaian Perundingan ICC dan UHSB Bagi Tahun 2023		
Perundingan ICC		
PTj/Fakulti	Bil. Projek	RM
FAST	9	121,582.88
FKEE	4	62,600.00
FKMP	12	78,263.00
FPTP	5	26,323.40
FTK	11	70,750.95
MiNT-SRC	2	2,225.00
PPD	2	24,500.00
PPUK	2	2,400.00
<b>Jumlah</b>	<b>47</b>	<b>388,644.88</b>



Perundingan UHSB		
PTj/Fakulti	Bil. Projek	RM
FTK	18	891,439.73
FPTP	1	649,061.47
PTM	2	84,800.00
FKMP	4	20,799.00
FAST	9	19,793.00
AMMC	11	16,765.66
<b>Jumlah</b>	<b>45</b>	<b>1,682,658.86</b>

**Jadual 4.8 :** Pencapaian Perundingan STU UTHM sepanjang Tahun 2023

Pencapaian Perundingan STU Bagi Tahun 2023		
STU	Bil. Projek	RM
FKAAB Consult Sdn. Bhd.	72	1,528,081.33
RF EMC Centre Malaysia Sdn. Bhd.	27	613,250.00
Preston GeoCEM Sdn. Bhd.	15	756,517.53
EMTEX CTS Sdn. Bhd.	1	6,750.00
Bambusoideae Technology Sdn. Bhd.	3	42,562.00
<b>Jumlah</b>	<b>126</b>	<b>2,947,160.86</b>

## Pengujian

Bagi tahun 2023, FKAAB telah mendapat hasil pengujian tertinggi bernilai RM50,487.20 dan PPD memperoleh hasil pengujian terendah bernilai RM106.00. Projek pengujian masih diuruskan sepenuhnya oleh UTHM Commercial Sdn Bhd (UCSB) dan ICC sebagai pemegang data dan penyelaras. **Jadual 4.9** menunjukkan hasil pencapaian daripada projek pengujian mengikut fakulti bagi tahun 2023.

**Jadual 4.9** : Pencapaian Pengujian UTHM sepanjang Tahun 2023

Bil.	Pusat Tanggungjawab (PTj)	Bil. Projek	Nilai Pengujian(RM)
1	FKAAB	55	50,487.20
2	FKMP	13	4,929.00
3	RECESS	3	8,375.00
4	MINT-SRC	17	24,857.00
5	FAST	19	9,182.80
6	FTK	7	5,438.65
7	PPD	1	106.00
8	Model Pengujian Kenderaan FTK	125	15,755.00
<b>Jumlah</b>		<b>240</b>	<b>119,130.65</b>

## Pengkomersialan

Pada tahun 2023, sebanyak 10 produk dan teknologi telah dikomersialkan melalui kaedah pelesenan harta intelek dengan hasil pendapatan berjumlah RM90,000. **Jadual 4.10** menunjukkan perincian pencapaian pengkomersialan UTHM sepanjang tahun 2023.

**Jadual 4.10** : Pencapaian Pengkomersialan UTHM Sepanjang Tahun 2023

Bil.	Penyelidik	PTJ	Produk	IP	Syarikat	Kaedah Komersial	Nilai Komersial (RM)
1	Prof. Madya Ir. Dr. Soon Chin Fhong	FKEE	Internet - Of - Things Magnetic Liquid Level Sensing Device and Mobile App	CRLY2023J01249	MYBOTIC	Pelesenan	5,000.00
2	Prof. Madya Ts. Dr. Rafidah binti Hamdan	FKAAB	L-Shape Steel Slag Filter for Simultaneous Total Nutrient Removal from Domestic Waste Water	PI201670072	FKAAB CONSULT SDN BHD	Pelesenan	10,000.00
3	Ts. Dr. Mohd Nazrul bin Roslan	FTK	Apparatus for Extracting Plant-Based Fibres	PI2021006804	BAMBUSOIDEAE TECHNOLOGY SDN BHD	Pelesenan	7,500.00
4	Prof. Madya Dr. Saiful Azhar bin Ahmad Tajudin	FKAAB	Module Soil Investigation	LY2023J05097	PRESTON GEOCEM SDN BHD	Pelesenan	10,000.00
5	Prof. Madya Dr. Mohd Zainizan bin Sahdan	FPTV	Containerised Water Filtration System	CRLY2021J03578	ITTIHAD MAJU JAYA SDN BHD	Pelesenan	10,000.00
6	Ts. Dr. Aliff Hisyam bin A. Razak	FTK	The Baby Laena	TM2022032100	PRONATURE LIVING SOLUTIONS SDN BHD	Pelesenan	7,500.00
7	Prof. Madya Dr. Syarfa' Zahirah binti Sapuan	FKEE	A Biconical Reference Antenna	MY-175832-A	EMTEX CTS SDN BHD	Pelesenan	10,000.00

Bil.	Penyelidik	PTj	Produk	IP	Syarikat	Kaedah Komersial	Nilai Komersial (RM)
8	Prof. Madya Dr. Samsul Haimi bin Dahlan	FKEE	Slide Push-Pull Coaxial Cell	CRAR00002737	RF EMC CENTRE MALAYSIA SDN BHD	Pelesenan	10,000.00
9	Prof. Madya Ts. Dr. Omar Mohd Faizan bin Marwah @ Omar	FKMP	The Integration of Automatic Spraying Beam with Drone System	CRLY2021J00680	AVITEX SOLUTION (M) SDN BHD	Pelesenan	10,000.00
10	Prof. Madya Ir. Dr. Noor Yasmin binti Zainun	FKAAB	An Apparatus for Producing Fertilizers	PI2019006642	SWIDWEB SOLUTIONS	Pelesenan	10,000.00
<b>Jumlah</b>							<b>90,000.00</b>

## Syarikat Terbitan Universiti (STU)

Pada tahun 2023, sebanyak (11) STU yang masih aktif serta terdapat (3) penambahan STU, (2) dari FTK dan (1) dari FPTV. Selain itu, terdapat juga (1) STU yang tidak dapat meneruskan pengoperasian dan terpaksa ditutup. **Jadual 4.11** menunjukkan pencapaian STU UTHM sepanjang tahun 2023.

**Jadual 4.11** : Pencapaian STU UTHM sepanjang tahun 2023

PENCAPAIAN STU SEHINGGA 2023		
Bil. STU Sedia Ada	Bil. STU Baru	Bil. STU Tutup
<p style="text-align: center;"><b>13</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• APT Touch Sdn. Bhd.</li> <li>• Swidweb Solutions</li> <li>• Preston GeoCEM SdnBhd.</li> <li>• Kanzu Knowledge Consultant</li> <li>• FKAAB Consult Sdn. Bhd.</li> <li>• RF EMC Centre Malaysia Sdn. Bhd.</li> <li>• Avitex Solutions (M) Sdn. Bhd.</li> <li>• Infinite Victory Consultancy Sdn. Bhd.</li> <li>• Etienne Innovation Sdn.Bhd.</li> <li>• KAFF Synergy PLT</li> <li>• Ittihad Maju Jaya Sdn. Bhd.</li> <li>• EMTEX CTS Sdn. Bhd.</li> <li>• MF Consultant Group Sdn. Bhd.</li> </ul>	<p style="text-align: center;"><b>3</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bambusoideae Technology Sdn. Bhd.</li> <li>• Pronature Living Solutions Sdn. Bhd.</li> <li>• Gastro Scholar PLT</li> </ul>	<p style="text-align: center;"><b>1</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Herbal Heroes</li> </ul>

## Pameran

Pelbagai kejayaan dan pengiktirafan telah diraih oleh UTHM pada sepanjang tahun 2023, merangkumi pertandingan di pelbagai peringkat. Sebanyak 19 pameran yang telah disertai oleh penyelidik UTHM. **Jadual 4.12** menunjukkan pencapaian pameran UTHM sepanjang Tahun 2023.

**Jadual 4.12** : Pencapaian Pameran UTHM sepanjang Tahun 2023

Pameran	Emas	Perak	Gangsa	Anugerah Khas
EREKA	0	3	1	0
MTE	3	7	0	1
CITREX	1	2	1	0
ITEX	4	6	0	0
iTeLIC	1	0	0	0
IIDEX	2	3	0	2
MiiX	2	0	3	0
iRISE	2	2	0	1
DICE	0	1	0	0
ESTE	1	1	1	1
FUSION	1	1	3	1
IIINOVASI	1	0	0	1
IMInE	0	1	0	0
iTAC	0	0	1	0
ITELIC	1	0	1	1
IUCEL	0	1	0	0
MaGIEx	1	0	0	0
MPI	1	0	0	0
VAIS	1	1	0	0
<b>Jumlah</b>	<b>22</b>	<b>29</b>	<b>11</b>	<b>8</b>

## Persidangan

Untuk terus memacu kecemerlangan dalam aspek penyelidikan selain daripada boleh menjana pendapatan, usaha melaksanakan pelbagai persidangan giat dijalankan oleh UTHM. Untuk tahun 2023 sahaja, terdapat tujuh (7) persidangan yang telah berjaya dianjurkan oleh UTHM merentasi pelbagai bidang. **Jadual 4.13** menunjukkan pencapaian persidangan UTHM sepanjang Tahun 2023.

**Jadual 4.13** : Pencapaian Persidangan UTHM sepanjang Tahun 2023

Persidangan	Fakulti/PTj	Pendapatan
1st International Conference on Management Technology, Engineering and Design (1st ICoMTED) 2023	Teaching Factory	RM 36,447.24
The International Conference on Electrical and Electronic Engineering 2023 (ICon3E2023)	FKEE	RM 79,630.82
The 7th International Conference on Civil and Environmental Engineering for Sustainability (IConCEES 2023)	FKAAB	RM 132,895.00
Malaysian Technical Universities Conference on Engineering and Technology (MUCET) 2023	RMC	RM252,400.00
The 3rd International Conference on Islamic Thoughts (PEMIKIR 2) 2023	ISWAJ	RM 7,500.00
MSA International Symposium 2023	MSA	RM 20,150.00
The International Conference On Artificial Intelligence And Autonomous Systems (iCAIAS 2023)	FSKTM	RM 20,046.18
<b>Jumlah</b>		<b>RM 549,069.24</b>

## Harta Intelek


Sehingga 31 Disember 2023, UTHM memiliki sejumlah 125 harta intelek yang dilindungi, Terdiri daripada *Patent Granted* (10), *Patent Filing* (7), *Copyright* (125), *Trademark* (5) dan *Industrial Design* (6). **Rajah 4.6** menunjukkan Pencapaian Harta Intelek UTHM sepanjang Tahun 2023.



## Penerbitan

Jumlah keseluruhan penerbitan UTHM bagi tahun 2023 adalah sebanyak 2,313 penerbitan untuk semua jenis penerbitan, berlakunya sedikit penurunan berbanding tahun 2022 dengan penerbitan yang berjumlah 2,328. Untuk tahun 2023 penerbitan bahan ilmiah yang terdiri daripada buku karya asli, buku karya kreatif, buku teks, modul P&P, bab dalam buku serta buku terbitan khas telah berjaya diterbitkan sebanyak 263 judul, manakala penerbitan artikel jurnal dan prosiding telah berjaya diterbitkan sebanyak 2050 artikel.

UTHM giat dalam menggalakkan penerbitan melalui pelbagai strategi yang dilaksanakan di peringkat universiti dan luar UTHM. Sehingga tahun 2023, UTHM juga telah menerbitkan 22 jurnal dan 13 prosiding. Daripada 22 jurnal UTHM, 3 daripada jurnal tersebut berindeks *Web of Science* (WoS), 4 jurnal berindeks *SCOPUS* dan 7 jurnal lagi jurnal berindeks *Malaysian Citation Index* (MyCite).





## Penerimaan Pengindeksan SCOPUS Bagi Jurnal JSCDM dan Anugerah Buku Negara 2023

Pada tahun 2023 hasil kerja keras semua pihak terutamanya Pejabat Penerbit dan juga pengurusan jurnal, salah satu jurnal UTHM iaitu Journal of Soft Computing and Data Mining (JSCDM) telah menerima pengindeksan daripada SCOPUS. JSCDM ialah jurnal antarabangsa yang memfokuskan kepada skop yang luas berkaitan pengkomputeran dan perlombongan data untuk membantu dalam penyelesaian masalah berkaitan bidang tersebut.




Foto 4.1 : Poster penarafan dari Scopus Indexing


Selain daripada itu, buku hasil penerbitan Penerbit UTHM telah menerima Anugerah Buku Negara 2023 untuk kategori Buku Umum Terbaik (Hartanah) melalui buku berjudul *Lawat periksa dan Pemeriksaan ke atas Harta Tanah untuk Penilai Harta*. Buku ini telah diterbitkan pada tahun 2021 dan ia membincangkan secara ringkas mengenai proses kerja lawat periksa dan pemeriksaan ke atas harta tanah bagi pelbagai tujuan atau maksud penilaian harta tanah.



Foto 4.2 : Buku Hasil Penerbitan Penerbit UTHM yang Berjaya Menerima Anugerah Buku Negara 2023

## MyRIVET

MyRIVET merupakan institusi bebas yang dipertanggungjawabkan untuk menerajui penyelidikan, perundingan dan latihan TVET di peringkat nasional. Objektif MyRIVET adalah melaksanakan aktiviti penyelidikan seperti pengumpulan, penganalisan, penilaian dan pengurusan data seiring dengan keperluan industri. MyRIVET juga menjalankan aktiviti perundingan melibatkan pembangunan polisi berasaskan penyelidikan serta penyebaran hasil penyelidikan dan aktiviti pementapan latihan dalam bidang TVET untuk kegunaan agensi kerajaan dan bukan kerajaan di Malaysia. Selain itu, MyRIVET juga merupakan platform negara dalam membina kerjasama penyelidikan dan perundingan di peringkat antarabangsa dalam bidang TVET.



Rajah 4.8 : Kluster Berfokus MyRIVET

## Aktiviti Penyelidikan dan Inovasi


**Jadual 4.14** : Aktiviti penyelidikan dan Inovasi MyRIVET

Tajuk Penyelidikan	Geran	Nilai	Tempoh
Program Translasi - Pembangunan Dasar dan Polisi TVET Termaju	Kementerian Pendidikan Tinggi	RM690,000	2023 - 2026
Pengurusan Holistik Kearif Pembangunan Bakat TVET Masa Hadapan	Kementerian Ekonomi	RM450,000	2024
Integrating Higher-Order Thinking Skills in TVET Teacher Education for Sustainable Development: A Study of TVET Teacher Education Programs in Malaysia	UTHM	RM40,000	2023 -2025
Developing a Representative Framework of Collaboration Strategies for UTHM - Public-Private Partnership	UTHM	RM40,000	2023 -2025
Development of Green TVET Framework for TVET Institutions in Malaysia	UTHM	RM40,000	2023 -2025
Pembangunan Modul Latihan Pembelajaran Imersif bagi Pembangunan Profesionalisme Pensyarah dan Kesannya dalam Rekabentuk Pengajaran TVET 4.0	UTHM	RM60,000	2023 -2025
The Use Of PLEs (Personal Learning Environment) Among Migrants Students In Johor	UTHM	RM20,000	2023 -2025
A Comparative Study on the Global Competence of Lecturers for Tertiary-level TVET Institutions between China and Malaysia	Ningbo Polytechnic, China	RM38,000	2023-2024

**Jadual 4.15** : Aktiviti Penyelidikan Geran Sepadan MyRIVET - Universiti Malang, Indonesia

Tajuk Penyelidikan	Geran	Nilai	Tempoh
Assessment Expert System Technology Based on The CIPP Evaluation Model as a Clinical Problem Detector for TVET Students UM-UTHM	Matching Grant UTHM-UM	RM15,000	2023 -2025
Metaverse System Technology based on Heavy Machine Virtual Tour as a Supplement to TVET Student Analytical Skills in The Cybergogy Era UM-UTHM	Matching Grant UTHM-UM	RM15,000	2023 -2025

Tajuk Penyelidikan	Geran	Nilai	Tempoh
Smart Trainer Innovation Resolution with Integrated EMS to enhance 4Cs Skills as a Supplement for TVET Students in Complex Problem-Solving	Matching Grant UTHM-UM	RM25,000	2023 - 2025
Development of an Integrated Hybrid Learning System PjBL Model with a P-5 Character Education Approach to improve Critical Thinking Skills and Vocational Identity of TVET Students in The Era of Society 5.0	Matching Grant UTHM-UM	RM25,000	2023 - 2025



Rajah 4.9 : Pencapaian Penyelidikan Peringkat Serantau/Antarabangsa

## Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ)

Fungsi iSWAJ adalah melaksanakan tugas utama sebagai institut penyelidikan, penerbitan dan perundingan yang melibatkan integrasi ilmu Islam dan Sains berlandaskan perspektif Ahli Sunnah Wal Jamaah aliran al-Asya'irah dan al-Maturidiyah. Selain itu, iSWAJ adalah tempat rujukan kepada pihak termasuk Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri dan agensi rasmi kerajaan dan swasta yang berkaitan dengan isu semasa ummah. Peranan iSWAJ menerbitkan jurnal, monograf dan prosiding serta menganjurkan bengkel, forum, pameran daripada kerja kerja penyelidikan dan perundingan. Mengadakan multaqa, seminar, konvensyen, bengkel, forum, pameran dan sebagainya yang berkaitan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari pelbagai bidang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. iSWAJ bertanggungjawab membangunkan dasar berkaitan Paradigma Tauhid di peringkat Universiti selain memantau aktiviti serta melaksanakan pengukuran dan penilaian bagi menilai keberkesanan penerapan paradigma tauhid, seiring dengan dasar yang telah diluluskan disamping diberikan kuasa untuk melaksanakan pembangunan polisi Paradigma Tauhid.

## Aktiviti Penyelidikan dan Inovasi

Jadual 4.16 : Aktiviti penyelidikan iSWAJ

Tajuk Penyelidikan	Geran	Nilai	Tempoh
Digital Wakaf: Strategi Pengurusan Wakaf IR4.0 untuk Majlis Agama Islam Johor.	Geran Sepadan	RM10,000	01 November 2021 hingga 31 Oktober 2023
Zakat Sebagai Instrumen Pemerkasaan Ekonomi Ummah: Kajian Kes Negeri Johor	Geran Kontrak Kementerian	RM20,000	01 Julai 2022 hingga 31 Disember 2023
Penilaian Persembahan Kuda Kepang: Kajian Kes Daerah Batu Pahat	Geran Kontrak Kementerian	RM20,000	01 Julai 2022 hingga 30 Jun 2023
The Qura'nic Exegesis Model in Response to Contemporary Issues in Indonesia and Malaysia (Comparative Studies)	Geran Antarabangsa	RM 18,241.81	02 Julai 2023 hingga 31 Disember 2024

## Penerbitan dan Bahan Hebahan

**Jadual 4.17** : Aktiviti penerbitan iSWAJ

Tajuk Penerbitan	Jenis	Rujukan isbn/issn	Tarikh
Journal of Quranic Sciences and Reseach (JQSR)	Jurnal	e-ISSN: 2773-5532	Vol. 3 No. 1 (2023) Vol. 4 No. 2 (2023)
10 Tahun Sambutan Penubuhan iSWAJ 2013-2023	Coffee Table	ISBN : 978-629-7566-74-0	30 Oktober 2023
Kempen Ihya' Ramadan 1 Hari 1 Hadis (Bulan Ramadan)	Infografik	Hebahan Umum	Sepanjang bulan Ramadan
Hebahan Maklumat Hari Kebesaran dalam Islam	Infografik	Hebahan Umum	Sepanjang Tahun

## Perundingan dan Persidangan

**Jadual 4.18** : Aktiviti penerbitan iSWAJ

Nama	Jenis	Peringkat	Tarikh
International Symposium on Education and Ecomonic Development Plan For The Young Muslim	Simposium	Antarabangsa	28-29 Januari 2023
Persidangan Antarabangsa Pemikiran Islam Kali Ketiga 2023 (PEMIKIR 3)	Persidangan	Antarangsa	26-27 Julai 2023
Simposium Pengurusan dan Perlaksanaan Sertu Dalam Industri Halal di Malaysia	Simposium	Kebangsaan	21 Mac 2023
Johor Tahfiz Quality Assurance 2024	Panel Penilai	Kebangsaan	Januari – Disember 2023
Anugerah Khas Inovasi Sains Islam 2023	Penyumbang 4 Anugerah Khas	Kebangsaan	Januari – Disember 2023

## Akademik dan Latihan

Program Eksekutif Imam Profesional™ telah bermula sejak 2018 dengan pengambilan Kohort Pertama seramai 26 orang. Kini program ini sedang menjalankan Kohort 5 pengambilan September 2023 dan bakal menerima Kohort 6 pada bulan September 2024. Manakala Program SPM al-Wasit telah mula sejak 2021 dan kini sedang menjalankan Kohort 3 seramai 30 orang pelajar. Aliran yang dilaksanakan adalah Aliran Sains (Kejuruteraan) dengan 8 matapelajaran utama (SPM) dan 4 matapelajaran agama (tambahan).



Rajah 4.10 : Program Eksekutif Imam Profesional™ dan Program SPM al-Wasit

Program Pondok Universiti™ kini telah masuk Musim Ke-6 dengan lebih kurang 40 peserta telah mendapat manfaatnya pada tahun 2023. Persijilan Profesional Eksekutif Halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pula telah dilaksanakan kepada staf pensyarah UTHM dari empat fakulti iaitu FPTV, FPTP, FAST dan FTK serta PPUK. Seramai 18 orang staf pensyarah telah mengikuti program persijilan ini.

Persijilan Auditor Dalaman Halal JAKIM telah dilaksanakan kepada 20 pensyarah dan pengajar dari Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh Malaysia. Ini adalah program bersama Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), KPT Malaysia.

Lantikan Tenaga Pengajar Halal (TPH) oleh pihak JAKIM telah diberikan kepada 20 orang staf yang telah berjaya menamatkan Kursus Wajib TPH. Ini adalah sebahagian keperluan UTHM sebagai Penyedia Latihan Halal (PLH) JAKIM.



Rajah 4.11 : Program Pondok Universiti™ dan Halal JAKIM



## Seminar dan Ceramah

Perkongsian hasil kajian dan penyelidikan dalam Slot Resolusi Radio IKIM.fm pada bulan Februari dan Julai 2023. Enam (6) orang penyelidik memberikan perkongsian samada melalui saluran fizikal dan online.



Foto 4.3 : Slot Resolusi Radio Ikim FM

Perkongsian ilmu dalam Webinar Ramadan 30 Minit sempena Siri Seminar Online UTHM @ Muar Living Lab Halal pada bulan April 2023.



Foto 4.4: Webinar Ramadan 30 Minit sempena Siri Seminar Online UTHM @ Muar Living Lab Halal

Webinar Integrasi Sains dan Islam telah dilaksanakan dengan dua kolaborasi ilmun antara iSWAJ bersama FKEE berkenaan topik Keajaiban dan Teknologi Lautan, dan FKAAB dengan topik Penggunaan Tanah dalam Islam dan Sains: Kesejahteraan dan Kesucian.



Foto 4.5 : Webinar Integrasi Sains dan Islam

## Kunjungan dan Lawatan

iSWAJ telah membuat kunjungan dan lawatan dari pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta dari dalam dan luar negara bagi sepanjang tahun 2023. Antaranya adalah:

- *International Institute of Islamic Thoughts, Myanmar*
- Institut Dirosat Islamiyah Al-amien Prenduan Sumenep Madura, Indonesia
- RoboSchool Academy, Kuantan/Bangi
- Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM)
- Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)
- Pejabat Kadi 8 Daerah Negeri Johor

## Aktiviti Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM)

Menerusi Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM), institut ini bertanggungjawab menjalankan aktiviti perundingan, penerbitan dan khidmat masyarakat dalam bidang transformasi sosial dan pembangunan wilayah serta menawarkan program atau latihan. Selain itu, TRANSFORM bertanggungjawab mewujudkan jaringan kepakaran dalam bidang transformasi sosial dan pembangunan wilayah di peringkat nasional dan global. TRANSFORM juga berperanan untuk membina kapasiti staf universiti, pelajar dan komuniti melalui latihan, penyelidikan bersama, perundingan, penerbitan, perkongsian pengalaman, pemikiran saintifik, reflektif, kreatif dan inovatif.

## Penyelidikan dan Perundingan

Pada tahun 2023, TRANSFORM telah mengurus beberapa projek penyelidikan dan perundingan.

**Jadual 4.19** menunjukkan senarai penyelidikan dan perundingan oleh TRANSFORM sepanjang tahun 2023.

**Jadual 4.19** : Senarai Penyelidikan dan Perundingan TRANSFORM Pada Tahun 2023

Bil.	Projek 2023	Agensi	Jumlah (RM)	Status
1	Penyelidikan Kearifan Luak Johol	Undang Luak Johol, Negeri Sembilan	30,000.00	Berjalan
2	Buku Pena Jauhar 4	Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor	30,000.00	Menunggu kelulusan
3	<i>Advanced Executive in Human Resource, Sijil Profesional Sumber Manusia, Safety and Integrity, Kompetensi Pembantu Operasi, Program Profesional Penghulu dan Pasca Persaraan</i>	Akademi Perkhidmatan Tadbir Negeri Johor	327,360.00	Menunggu kelulusan
4	Kursus e-Usahawan	Majlis Agama Islam Johor	455,710.00	Menunggu kelulusan
5	Penyelidikan Profil, GIS, Buku dan University Tour	Lembaga Kemajuan Johor Tenggara	372,000.00	Menunggu kelulusan
6	Penyelidikan Profil Nelayan dan Kemahiran Baharu Nelayan	Maharani <i>Energy Gateway</i>	80,000.00	Menunggu kelulusan
7	Penyelidikan Profil, Produk Baharu Waqaf, Usahawan Asnaf, GIS dan Ai.DA	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	Akan ditetapkan	Peringkat kertas kerja

## Penerbitan Kunjungan dan Lawatan

TRANSFORM telah menerbitkan 2 volume keluaran *Journal of Social Transformation and Regional Development* (JSTRAD). Penerbitan JSTRAD ini dilakukan secara dua kali setahun iaitu pada bulan Jun 2023 dan Disember 2023. Setiap *volume* penerbitan mengandungi 10 artikel. Hal ini bermakna, TRANSFORM menerusi JSTRAD telah menerbitkan 20 artikel bagi tahun 2023. Pada tahun 2023 juga, JSTRAD telah terpilih untuk diindeks oleh MyCite seperti di **Foto 4.6**.

**JURNAL BAHARU YANG DIINDEKS DI MYCITE  
TAHUN 2023**

NO.	JURNAL	PENERBIT	KATEGORI PENERBIT
11.	The Journal of Management Theory and Practice	Universiti Sultan Zainal Abidin	IPT
12.	International Journal of Electrical Engineering and Applied Sciences	Universiti Teknikal Melaka	IPT
13.	Journal of Chemical Engineering and Industrial Biotechnology	Universiti Malaysia Pahang Sultan Ahmad	IPT
14.	Journal of Social Transformation and Regional Development	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	IPT
15.	International Journal of Banking and Finance	Universiti Utara Malaysia	IPT
16.	Malaysian Journal of Science, Health & Technology	Universiti Sains Islam Malaysia	IPT
17.	Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education (ATTARBAWIY)	Universiti Islam Selangor	IPT
18.	Journal of Management and Muamalah	Universiti Islam Selangor	IPT
19.	Selangor Business Review	Universiti Selangor	IPT
20.	International Journal of Creative Multimedia	Multimedia Universiti	IPT

**TAHNIH**

<https://mycc.mohe.gov.my>
<https://www.facebook.com/pusatitansi>
 03-33706314
 [myjurnal@mohe.gov.my](mailto:myjurnal@mohe.gov.my)

**Foto 4.6 :** Senarai jurnal baharu yang diindeks di MyCite Tahun 2023

Selain daripada itu, TRANSFORM juga telah menerbitkan bahan penulisan untuk menonjolkan kepakaran masing-masing sebagaimana **Jadual 4.20**:

**Jadual 4.20 :** Senarai Penerbitan

Penyelidikan dan Perundingan TRANSFORM Tahun 2023		
Bil.	Penulisan	Jumlah
1	Artikel Jurnal	10
2	Artikel Prosiding	5
3	Buku	1
4	Bab dalam Buku	4
5	Akhbar	1
6	Media Digital	10

## Khidmat Masyarakat

TRANSFORM telah menjalankan beberapa program khidmat masyarakat. **Jadual 4.21** menunjukkan senarai program khidmat masyarakat TRANSFORM sepanjang tahun 2023.

**Jadual 4.21** : Senarai Program Khidmat Masyarakat TRANSFORM Pada Tahun 2023

Bil.	Khidmat Masyarakat	Deskripsi
1	Kerjasama Akademi MySDG dan TRANSFORM bagi menganjurkan Bengkel Matlamat Pembangunan Mampan (MySDG Malaysia) di Parlimen Simpang Renggam	Melaksanakan bengkel untuk memberikan pendedahan kepada peserta tentang Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan bagaimana ia dapat diintegrasikan di dalam pembangunan komuniti setempat. Seramai 60 orang peserta yang terlibat terdiri daripada pemimpin masyarakat setempat.
2	Kerjasama Akademi My SDG dan TRANSFORM bagi menganjurkan Bengkel Matlamat Pembangunan Mampan (MySDG Malaysia) di Parlimen Kluang	Melaksanakan bengkel untuk memberikan pendedahan kepada peserta tentang Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan bagaimana ia dapat diintegrasikan di dalam pembangunan komuniti setempat. Seramai 33 orang peserta yang terlibat terdiri daripada pemimpin masyarakat setempat.
3	Kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (Johor) dan TRANSFORM untuk mengisi Data Mangsa Banjir Daerah Batu Pahat	Kemasukan Data Mangsa Banjir di Johor yang berjumlah 37,036 orang.



**Foto 4.7** : MySDG di Parlimen Simpang Renggam

## Khidmat Kepakaran

Kepakaran di TRANSFORM telah dirujuk di peringkat nasional dan antarabangsa. **Jadual 4.22** menunjukkan senarai kepakaran yang telah dirujuk.

**Jadual 4.22** : Senarai Kepakaran


Bil.	Bidang	Peringkat
1	Panel <i>Town Hall</i> “Kelestarian Keterjaminan Beras Negara” oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah	Nasional
2	Panel <i>Word Zakat and Waqf International Conference</i> “Safeguarding Global Food Security” oleh <i>World Zakat and Waqf Forum [East Asia, South East Asia and Australia]</i>	Antarabangsa
3	Jawatankuasa Editorial bagi Jurnal Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM)	Nasional
4	Facilitator for Pakar Rujuk “ <i>English Language Higher Education Assesment in Malaysia</i> ” oleh Kementerian Pengajian Tinggi	Nasional



**Foto 4.8** : Poster *Town Hall* “Kelestarian Keterjaminan Beras Negara” oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah

# BAB | 5

## ASPIRASI MAHASISWA KOMPETEN DAN ALUMNI



## Pengenalan

Pembangunan sahsiah mahasiswa merupakan perkara utama yang dititikberatkan oleh UTHM. Pelbagai usaha dilaksanakan bagi meningkatkan pembangunan sahsiah dan kemahiran insaniah mahasiswa terutamanya melalui aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perkembangan potensi diri dalam menangani cabaran yang dihadapi, di samping sentiasa memberi peluang kepada mahasiswa untuk mengembangkan bakat, pencapaian akademik dan minat kerjaya masing-masing.

Pembangunan sahsiah mahasiswa juga melibatkan perkembangan nilai, etika, kepimpinan, dan kemahiran interpersonal untuk membentuk individu yang holistik dan bertanggungjawab dalam masyarakat. Ini melibatkan pengalaman pembelajaran di dalam dan di luar bilik kuliah serta penglibatan dalam aktiviti kokurikulum.

Penerapan konsep khidmat bakti dan sukarelawan kepada masyarakat menjadi pemangkin dalam usaha memasyarakatkan warga universiti. Jalinan mapan antara pihak universiti dan masyarakat dapat menzahirkan rasa kebersamaan serta perkongsian ilmu dan teknologi secara berterusan. Secara tidak langsung, inisiatif ini dapat melatih mahasiswa untuk bergerak seiring dengan usaha mendepani cabaran era globalisasi, dan memperkasakan pembangunan sosialisasi dalam diri.





## Program Pembangunan Mahasiswa

Pada tahun 2023, terdapat pelbagai program yang dijalankan dan telah disertai oleh pelajar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di bawah penyeliaan dan pemantauan oleh Pusat Pembangunan Pelajar (PBP). Program pembangunan pelajar di universiti melibatkan pelbagai inisiatif, seperti kursus pembangunan peribadi, bimbingan akademik, latihan kepimpinan, dan program sukarelawan.

Aktiviti kokurikulum, seminar motivasi, dan peluang penyelidikan juga turut menyumbang kepada pembentukan holistik pelajar. Malah, lebih membanggakan walaupun terdapat pelbagai kekangan, terdapat para pelajar UTHM yang mencapai kejayaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kebanyakan aktiviti dan program yang menjadi pilihan pelajar adalah bercirikan pertandingan inovasi, program persijilan, kepimpinan, kesukarelawan, dan bakat. Berikut adalah senarai 15 utama Program Mahasiswa di Bawah PBP pada Tahun 2023.

**Jadual 5.1** : Senarai 15 Utama Program Mahasiswa di Bawah Pusat Pembangunan Pelajar Tahun 2023

Bil.	Nama Program	Tarikh	Lokasi
1	FPTV-YSEALI Booth Camp 2022: Rebuilding Inclusive Societies Through Technology	19-20 Februari 2023	Universiti Malaysia Kelantan
2	FPTV-Penyertaan ke Pertandingan Malaysia Culinary World Cup	20-23 Februari 2023	World Trade Center, Kuala Lumpur
3	Misi Bantuan Pasca Banjir Johor 2023 di Kota Tinggi	8 Mac 2023	PPS SK Semanggar, Kg. Semanggar Dalam dan kawasan sekitar, Kg. Kelantan, dan Pusat Khidmat Wakil Rakyat Kota Tinggi
4	SDBC Ding Xiu Cup National Mandarin Debate Championship 1.0 2023	April hingga Mei 2023	HELP University
5	FKEE-Penyertaan ke Pertandingan Robocon 2023	9 -13 Jun 2023	Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang
6	Pelepasan Calon Sukarelawan Siswa UTHM bagi Misi Sukarelawan Siswa YSS di Sabah dan Sarawak	24 Jun 2023	Kementerian Perpaduan Negara
7	FAST-Pertandingan Malaysia Institute Food Technology 13 National Science and Technology	5-6 Ogos 2023	Monash University
8	FSKTM-Penyertaan ke Pertandingan Malaysia Data Innovation Talent x DOSM Datathon 2023	26 Ogos - 06 Sept 2023	Bank Negara Malaysia

Bil.	Nama Program	Tarikh	Lokasi
9	Program Ini Warisan Kita: Misi Sukarelawan Siswa YSS ke Sabah 2023	1-18 September 2023	Sabah
10	FKAAB-Pertandingan Introducing and Demonstrating Earthquake Engineering Research in School (IDEERS)	20-25 September 2023	Taiwan
11	FTK Program Mobiliti Antarabangsa ke Korea	22-30 September 2023	Seoul, Korea Selatan
12	Karnival Inovasi dan Keusahawanan Pelajar 2023	22 Oktober 2023	Dewan Sultan Ibrahim UTHM
13	Program Literasi Kewangan Pelajar Bersama Bank Negara Malaysia (BNM)	24 Oktober 2023	Bilik Banquet, Dewan Sultan Ibrahim UTHM
14	FKAAB-Penyertaan Pelajar ke Pertandingan International Concrete Competition Civil Week 2023, Surakarta Indonesia	22-25 November 2023	Surakarta, Indonesia
15	Malam Anugerah Kecemerlangan MADUM 2022/2023	15 Disember 2023	Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**Jadual 5.2** : Senarai Kejayaan Pelajar di Peringkat Antarabangsa Tahun 2023

Peringkat Antarabangsa		
Nama Program	Tarikh	Pencapaian
Malaysian Culinary World Cup 2023	21 hingga 23 Februari 2023	<p>WC30 Malaysian Cuisine 5 Courses, WC32 Kerabu/Umai dan WC05 Plated Dessert <b>3 Pingat Emas</b></p> <p>WC33 Special Fried Rice, WC38 Ikan Sungai dan WC 28 Malaysia Rendang 4 <b>3 Pingat Perak</b></p> <p>WC48 Asian Cuisine 3 Courses, WC57 Teh Tarik Live, WC52 Modern Main Course Lamb dan WC50 Modern Main Course <b>4 Pingat Gangsa</b></p> <p>WC53 Open International Chef; Modern Main Course Fish or Seafood <b>Pingat Gangsa</b></p>

Peringkat Antarabangsa		
Nama Program	Tarikh	Pencapaian
APEC Entrepreneurship Education Program (AEEP) 2023	27 Jun hingga 1 Julai 2023	Saudari Naqibah binti Azman <b>The Best Innovation Awards</b>
The International Teaching and Learning Innovation Carnival (iTeLIC) 2023	5 hingga 6 Julai 2023	Kumpulan projek Mari Belajar PAI: Aplikasi Edutainment Pendidikan Agama Islam Tahun 1 (Ketidakupayaan Pendengaran) <b>Penarafan Emas &amp; Anugerah Terbaik Kategori F (Produk)</b>  Kumpulan projek Breaking Barriers: Enhancing Malay Language Year 1 (Hearing Impairment) with My-iBM App <b>Penarafan Gangsa</b>
International Geotechnical Engineering Festival 2023 (Geofest2023)	25 hingga 28 September 2023	Muhammad Syahmi Nazmi Badrul Hisham <b>Tempat Kedua 'Undergraduate Student'</b>  Kasbi Basri <b>Pemenang Utama 'Graduate Student'</b>  Vibrofloat: Stabilisation of Clay Soil with Waste Glass Powder (WGP) Blend <b>Pemenang Tempat Ketiga</b>

**Jadual 5.3** : Senarai Kejayaan Pelajar di Peringkat Kebangsaan Tahun 2023

Peringkat Kebangsaan		
Nama Program	Tarikh	Pencapaian
Digital Innovation Creativepreneur (DICE 2022)	12 Januari 2023	<b>Tempat Kedua</b>
Pertandingan Animasi ASWARA 2022	3 Februari 2023	Kumpulan Teampoyak <b>Anugerah Karya Paling Unik</b>
Innovation and Technology Challenge 2021 (InTech-21)	28 Februari 2023	Kumpulan Senizium UTHM <b>Johan</b>

Peringkat Kebangsaan		
Nama Program	Tarikh	Pencapaian
Anugerah Tokoh Siswa 2023 (ATS2023)	20 Mac 2023	Saudara Aiman bin Omar <b>Anugerah Penghargaan Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi</b>  Kumpulan Robocup UTHM <b>Anugerah Penghargaan Khas Ketua Setiausaha</b>
Pertandingan Robocon Malaysia 2023	10 hingga 13 Jun 2023	UTHM Playbot Team <b>Anugerah Khas Robocon Malaysia 2023</b>
Pam Annual Architecture Student Works 2023	3 hingga 8 Oktober 2023	Dynamic Dance of Headgear <b>Tempat Kedua</b> Best Booth Display "Dancing Tower" <b>Silver Award</b>
Autodesk-JKR Asean Innovation & BIM Awards	24 dan 25 Oktober 2023	Best BIM Research Postgraduate <b>Tempat Pertama</b>
Program Bengkel HOPE bertemakan "Pemeriksaan Sukarelawan Belia Malaysia untuk Pengurangan Risiko Bencana" Universiti Awam Malaysia 2023	28 hingga 30 Oktober 2023	<b>Pemenang Persembahan Terbaik Pelan Program Pengurusan Risiko Bencana Berasaskan Komuniti (CBDRM) Dan Geran RM1,000</b>
Anugerah Ikon Siswa Johor (AISJ) 2023	18 Disember 2023	Pasukan Projek Mak Janda Meal <b>Anugerah Program Inovasi Terbaik</b>



Foto 5.1 : Rangkuman Kejayaan Pelajar Tahun 2023

## Pemantapan Keusahawanan Mahasiswa

Pusat Teknousahawan Universiti (PTU) UTHM menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan di institut pengajian tinggi untuk menyokong pelaksanaan aktiviti keusahawanan secara lebih terancang dan holistik, dengan tujuan melahirkan pelajar berkualiti yang memiliki pemikiran, sifat, dan nilai keusahawanan yang kuat. Selain itu, PTU juga bertujuan untuk memperkasa nilai keusahawanan dalam minda dan jiwa pelajar melalui aktiviti yang memacu pengalaman kampus menyeluruh.

Justeru, hasrat kerajaan melalui Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN 2030) untuk mentransformasikan minda pelajar dari seorang pencari pekerjaan (*Job Seeker*) menjadi seorang pencipta pekerjaan (*Job Creator*) dapat direalisasikan. Usaha ini secara tidak langsung, dapat meningkatkan modal insan yang berkualiti, dengan atribut dan nilai keusahawanan yang tinggi, serta memberi sumbangan kepada kebolehpasaran graduan UTHM.

## Program Keusahawanan Pelajar

Sebanyak 53 program keusahawanan pelajar telah berjaya dijalankan. Program-program keusahawanan tersebut dilaksanakan dalam pelbagai peringkat kolej kediaman, fakulti, universiti, PTP, nasional dan antarabangsa. Program ini kebanyakannya dilakukan secara dalam talian melalui aplikasi *Zoom Meeting*, *Google Meet*, *YouTube Live* dan sebagainya.

Bil.	Nama Program	Tarikh Pelaksanaan	Kategori	Peringkat	Keterlibatan Pelajar
1	Program <i>Business Matching @KPT</i> dan <i>Entrepreneurial Strategic@IPT</i>	4 Januari 2023	Keusahawanan Sosial	Universiti	22
2	Saringan Peringkat UTHM bagi Pencarian Peserta mewakili Universiti ke Pertandingan <i>National Micro Enterprise Pitching Competition 2022</i> .	11 Februari 2023	Teknousahawan	Universiti	32
3	<i>Sharing Session: Jatuh Bangun Dalam Perniagaan: Pengalaman Uniti "Asia Group"</i>	6 Februari 2023	Teknousahawan	Universiti	50
4	Program PTU <i>Training Series 2/2023: Pendaftaran Syarikat, Akta &amp; Cukai</i>	6 April 2023	Teknousahawan	Universiti	294

Bil.	Nama Program	Tarikh Pelaksanaan	Kategori	Peringkat	Keterlibatan Pelajar
5	Program PTU <i>Engagement Series</i> 1/2023: Kuasai Pengurusan Kewangan untuk Start-up Pelajar	13 April 23	Teknousahawan	Universiti	90
6	Program PTU <i>Engagement Series</i> 3/2023 : Pertemuan Syarikat Pelajar dengan Syarikat S&A	16 April 23	Keusahawanan Sosial	Universiti	54
7	Program <i>Networking Series</i> PTU dan Syarikat Pemula Mahasiswa UTHM: Lawatan Inspirasi Inovasi	18-19 Mei 2023	Teknousahawan	Universiti	30
8	PTU <i>Engagement Series</i> Bersama Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina	6 Jun 23	Keusahawanan Sosial	Universiti	69
9	PTU <i>Engagement Series</i> Bersama Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	26 Jun 2023	Keusahawanan Sosial	Universiti	75
10	Program Bank Rakyat Unipreneur 3.0 & Bengkel Keusahawanan Asnaf UTHM	13-14 Julai 2023	Keusahawanan Sosial	Universiti	25
11	Pertandingan <i>Business Model Canvas</i> (BMC 2023)	16 Julai 2023	Teknousahawan	Universiti	28
12	<i>Training of Trainers</i> (TOT) Induk Program <i>University to Community 2.0</i> (UTC 2.0)	25-27 September 2023	Keusahawanan Sosial	Kebangsaan	33
13	Program Hasil <i>Your Tax Buddy</i>	24 Oktober 2023	Keusahawanan Sosial	Universiti	96

Bil.	Nama Program	Tarikh Pelaksanaan	Kategori	Peringkat	Keterlibatan Pelajar
14	PTU <i>Engagement Series 9/2023: Jerayawara PTU bersama FPTV</i>	5 November 2023	Keusahawanan Sosial	Universiti	150
15	PTU <i>Engagement Series 10/2023: Business Talk: Richiamo and Golden Art Gallery</i>	6 November 2023	Keusahawanan Sosial	Universiti	55

## Kejayaan Keusahawanan Universiti

### Penyertaan International Millenpreneur Innovation and Commercialization Exhibition (I-MinE)

UTHM melalui PTU telah menghantar empat kumpulan ke pertandingan I-MinE pada 1 Oktober 2023 dan kesemua kumpulan meraih anugerah dalam kategori masing masing.



Foto 5.2 : Anugerah Silver Awards

### UTHM Memenangi Tempat Kedua Pertandingan Digital Innovation Creativepreneur (DICE 2022)

Syarikat Pemula Pelajar UTHM telah memenangi tempat kedua bagi kategori Interaktif Media (*Augmented Reality*) bertajuk angkasARaya dalam Pertandingan *Digital Innovation Creativepreneur* (DICE 2022) yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Kumpulan ini telah bertanding di peringkat nasional bersama 20 Universiti Awam yang lain. Majlis penutup pertandingan ini telah diadakan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 12 Januari 2023 di Kampus Gong Badak Kuala Terengganu. Selain memenangi hadiah wang tunai RM3,500, trofi, dan sijil, STU ini akan diberi peluang untuk dibimbing oleh MDEC selama tiga bulan bagi mengembangkan perniagaan mereka.



Foto 5.3 : Syarikat Pemula Pelajar UTHM Berjaya Memenangi Tempat Kedua

## Seni dan Budaya

Pelbagai kejayaan telah dicapai dalam aktiviti seni dan budaya melibatkan pelajar UTHM di bawah Pusat Kebudayaan Universiti pada tahun 2023. Antara kejayaan utama adalah seperti berikut :

### Anugerah Pelakon Harapan Wanita Terbaik Di Festival Teater Pengguna Siswa MAKUM 2023

Pada 1 November 2023, bertempat di Universiti Putra Malaysia (UPM), pelajar daripada UTHM telah bertanding dalam Festival Teater Pengguna Siswa Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2023. Kumpulan Kelab Warisan UTHM telah membawa naskah skrip bertajuk “Awan Jingga”. Karya ini diarahkan di bawah bimbingan Encik Rosdi bin Abdullah, Pegawai Kebudayaan UTHM. UTHM telah meraih Anugerah Pelakon Harapan Wanita Terbaik yang dimenangi oleh Nuzul Shadikin binti Dinail dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina. Seramai 30 orang peserta daripada UTHM, turut menyertai Festival Teater Siswa

Universiti Awam MAKUM 2023.



Foto 5.4 : Pelajar yang menyertai Festival Teater Siswa Universiti Awam MAKUM 2023



## Staf Pusat Kebudayaan Universiti telah Menyertai Program Bertaraf Antarabangsa - Mentor Pelajar di Festival Syair Asean Indonesia 2023

Encik Rosdi bin Abdullah telah mewakili Pusat Kebudayaan Universiti ke Festival Syair Internasional 2023 di Taman Ismail Marzuki, Jakarta (29 hingga 30 Disember 2023) sebagai Mentor Syair Pelajar Asean 2023. Beliau berperanan sebagai mentor pelajar bagi Perkumpulan Rumah Seni Ansur Jakarta, Indonesia untuk penyediaan Buku Antologi Syair Pelajar Asean.



Foto 5.5 : E-sijil penyertaan sebagai mentor pelajar

## Pembudayaan Sukan

Pembangunan kompetensi pelajar melalui aktiviti sukan dan riadah telah membentuk insan yang sempurna dari domain afektif, kognitif, dan psikomotor. Aktiviti yang dirancang termasuk menganjurkan dan menyertai kejohanan, bengkel sukan, kursus sukan, seminar sukan, latihan fizikal, dan sebagainya. Penglibatan dan pengalaman pelajar dalam aktiviti sukan dan riadah memberi satu dimensi baru dalam cara berfikir dan bertindak. Hasilnya, pelajar berupaya menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam menangani masalah serta mengenali risiko. Pada tahun 2023, terdapat pelbagai kejayaan yang telah dicapai dalam acara sukan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan berdasarkan maklumat seperti berikut :

**Jadual 5.5** : Senarai Kejayaan dalam Kejohanan Sukan (Antarabangsa) Tahun 2023

Kejohanan	Pencapaian	Pasukan
Traditional Boat Race di Sukan Sea Kemboja 2023	1 Perak 1 Gangsa	Wakil Kontinjen Mendayung Malaysia
2nd ASEAN-China Student Rowing Competition 2023	2 Emas 2 Perak Juara Keseluruhan	Pasukan Mendayung UTHM
Asian Rowing Master Coastal Regatta	1 Gangsa	Pasukan Mendayung UTHM
Sarawak Premier International Silat Championship	1 Perak	Wakil Pasukan Silat UTHM

**Jadual 5.6** : Senarai Kejayaan dalam Kejohanan Sukan (Kebangsaan) Tahun 2023

Kejohanan	Pencapaian	Pasukan
Kejohanan Maqna FIFA 23 The Final Showdown	Juara	Wakil Pasukan Maqna Esports
Higher Education Sports Fest (HESF)	1 Emas 1 Gangsa	Pasukan Petanque dan Pasukan Bola Tampar
Kejohanan Varsity Track and Field 2023	2 Emas 2 Perak 5 Gangsa	Pasukan Olahraga UTHM
Varsity Sepak Takraw League (VSL) Grand Final 2023	1 Emas 1 Gangsa	Pasukan Sepak Takraw UTHM

Kejohanan	Pencapaian	Pasukan
Gewinn 1st Penang Taekwondo Championship	1 Emas 1 Perak 3 Gangsa	Pasukan Taekwondo UTHM
Majlis Anugerah MASUM 2022	Atlet Terbaik (Wanita) Atlet Terbaik (Lelaki)	Nur Adilah binti Mohamad Zamri dan Putra Syaid Hidayatullah bin Ramli - Atlet Silat UTHM



Foto 5.6 : Rangkuman Kejayaan dalam Kejohanan Sukan

## Promosi Laluan Khas Sukan ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Pada 8 Jun 2023, Program Promosi Laluan Khas Sukan ke UTHM telah diadakan dengan jayanya di Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Bandar Penawar. Tujuannya adalah untuk menarik perhatian atlet pelajar lepasan SPM yang berbakat untuk memasuki program diploma di UTHM.

Pada 15 Jun 2023, Pusat Sukan Universiti telah mengadakan satu sesi promosi berkaitan Laluan Khas Sukan ke UTHM bertempat di SMK Tun Hussein Onn, Kluang bersama guru dan pelajar Tingkatan 5. Sekolah ini menjadi destinasi kedua selepas Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail. Sesi promosi ini memberikan peluang kepada guru dan pelajar untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai pengambilan pelajar dalam bidang diploma laluan khas sukan di UTHM. Pusat Sukan Universiti berharap agar lebih ramai atlet sukan mendaftarkan diri sebagai pelajar UTHM untuk membawa nama UTHM ke pentas sukan yang lebih tinggi.



Foto 5.7 : Program Promosi Laluan Khas Sukan ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

## Program dan Aktiviti Pelajar

Tahun 2023 universiti berusaha meningkatkan kemenjadian pelajar dengan merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk memperkasakan mahasiswa. Empat autonomi diberikan di mana para pelajar diberikan kebebasan menganjurkan aktiviti, menguruskan kewangan sendiri, kebebasan berpolitik dan menjalankan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar yang diuruskan sepenuhnya oleh para pelajar. Sepanjang tahun 2023, kelab/persatuan/badan beruniform/kolej kediaman telah menganjurkan pelbagai aktiviti/program merentasi pelbagai bidang yang berpandukan kebebasan yang diberikan seperti di **Jadual 5.7**.

Jadual 5.6 : Senarai Kejayaan dalam Kejohanan Sukan (Kebangsaan) Tahun 2023

Bil.	Kelab	Jumlah Program
1	Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2022/2023	22
2	Sekretariat Rukun Negara	3
3	Sekretariat Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor	2
4	Architecture Brigade (Kelab Kejuruteraan Awam), (Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina)	2
5	Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional	11
6	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan	4
7	Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan	2
8	Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi	5
9	Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat	2
10	Fakulti Teknologi Kejuruteraan	3
11	Ftk, Engineering Technology Club (ETEC)	1
12	Gerakan Pengguna Siswa UTHM	1

Bil.	Kelab	Jumlah Program
13	Institut Jurutera Malaysia – Uthm Student Chapter (SIEM UTHM)	6
14	Kelab Aeronautik UTHM	5
15	Kelab Budaya Dan Bahasa Antarabangsa	1
16	Kelab Iqra' UTHM	1
17	Kelab ITC	1
18	Kelab Kejuruteraan Elektrik (KKE)	5
19	Kelab Mahasiswa Pemadam UTHM	2
20	Kelab Pancaragam UTHM	1
21	Kelab Pengurusan Teknologi (TMB)	8
22	Kelab Penyayang UTHM	1
23	Kelab Sahabat 1Malaysia (PERMATA UTHM)	2
24	Kelab Seni Silat Cekak Hanafi UTHM	1
25	Kelab Seni Silat Cekak Malaysia UTHM	2
26	Kelab Sukarelawan UTHM (KSU)	2
27	Kelab Teknologi Maklumat	5
28	Kelab Teknologi dan Pengurusan	1
29	Kelab Teknologi Maklumat (ITC)	1
30	Kolej Kediaman Dalam Kampus	5
31	Majlis Kepimpinan Pelajar	30
32	Kolej Kediaman dan Pelajar Tanpa Asrama	60

## Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Bagi Sesi 2022/2023

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar bagi Sesi 2022/2023 pada 19 Januari 2023 telah dilaksanakan secara e-voting seperti tahun sebelumnya. Bermula pada Hari Penamaan Calon pada 12 Januari 2023, diikuti dengan Hari Pengundian pada 19 Januari 2023, kesemuanya dijalankan secara dalam talian. Ini merupakan satu cabaran bagi pemilihan perwakilan pelajar bagi sesi 2022/2023. Pelaksanaan pilihan raya kampus ini telah dijalankan sepenuhnya oleh Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2022/2023 (JPMPP Sesi 2022/2023) yang terdiri dalam kalangan pelajar UTHM. Jumlah bilangan kerusi yang akan dipertandingkan pada PMPP Sesi 2022/2023 adalah seperti **Jadual 5.8** di bawah:

**Jadual 5.8** : Bilangan Kerusi Yang Akan Dipertandingkan Bagi Pemilihan  
Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2022/2023

Kategori Kerusi	Jumlah Kerusi
<b>Kerusi Umum</b>	
Kerusi Umum Kampus Parit Raja	5
Kerusi Umum Kampus Pagoh	3
<b>Jumlah Kerusi Umum</b>	<b>8</b>
<b>Kerusi Pascasiswazah</b>	
Kerusi Umum Pasca Siswazah	1
<b>Jumlah Kerusi Umum</b>	<b>1</b>
<b>Kerusi Fakulti</b>	
Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB)	3
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP)	3
Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE)	2
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM)	2
Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP)	2
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV)	3
Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)	2
Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST)	1
Pusat Pengajian Diploma (PPD)	3
<b>Jumlah Kerusi Fakulti</b>	<b>21</b>
<b>Jumlah Akhir Kerusi Yang Dipertandingkan</b>	<b>30</b>



Foto 5.8 : Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2022/2023

## Minggu Haluan Siswa (MHS)

Pada tahun 2023, Minggu Haluan Siswa (MHS) telah diadakan sebanyak tiga kali iaitu pada kemasukan pelajar baharu Program Sarjana Muda Semester II Sesi 2021/2022, Program Diploma Semester Khas Sesi 2022/2023 dan Program Sarjana Muda Semester I Sesi 2023/2024. Pelaksanaan MHS UTHM dibahagikan kepada dua mod iaitu secara fizikal dan secara dalam talian. Sungguhpun berdepan dengan cabaran serta jadual yang agak padat, MHS telah dapat dilaksanakan dengan jayanya.



Foto 5.9 : Minggu Haluan Siswa (MHS)

## Kebajikan Mahasiswa

UTHM amat menitikberatkan kebajikan dan kesejahteraan pelajar kerana ia berkait rapat dengan kejayaan akademik dan pembangunan sahsiah. Oleh itu, universiti menyediakan beberapa inisiatif produk kebajikan untuk memastikan pelajar yang berkeperluan mendapat manfaat dan bantuan yang sewajarnya. Ini termasuk bantuan kewangan, makanan, dan keperluan pembelajaran agar pelajar dapat terus meneruskan pengajian dengan lancar.

## Penyerahan PerantiSiswa

Inisiatif PerantiSiswa di bawah Belanjawan 2022 diterajui oleh Kementerian Komunikasi Dan Digital (KKD) dengan kerjasama daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan KPT. Inisiatif ini bertujuan untuk membantu memudahkan proses pembelajaran pelajar Institut Pendidikan Tinggi (IPT) yang tergolong dalam kelompok keluarga B40 dan M40 melalui pemberian sebuah peranti. Pada tahun 2023, Seramai 1,560 pelajar UTHM telah mendapat manfaat dari inisiatif PerantiSiswa, dengan anggaran jumlah sebanyak RM 2,808,000.00. Manakala itu, beberapa sesi pengagihan telah dilaksanakan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar bagi menyerahkan inisiatif PerantiSiswa kepada pelajar UTHM. UTHM juga telah dilantik sebagai pusat agihan zon selatan bagi sesi pengagihan kepada pelajar yang layak menerima inisiatif PerantiSiswa, yang terdiri

daripada sekolah, kolej dan universiti sekitar Johor.



Foto 5.10 : Penyerahan PerantiSiswa

## Sabil Al-Hikmah

Program Sabil Al-Hikmah merupakan salah satu inisiatif universiti dalam memperkasa kebajikan mahasiswa B40 UTHM melalui pemberian makanan percuma bernilai RM 7.00 seorang dalam tempoh 48 hari. Inisiatif ini dilihat dapat memberi impak yang positif kepada golongan B40 terpilih UTHM. Kaedah pemilihan adalah melalui sesi temuduga yang diuruskan oleh MPP bersama Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Pada tahun 2023, Program Sabil Al-Hikmah ini dapat diteruskan lagi dalam memberi manfaat kepada pelajar UTHM melalui sumbangan daripada pihak luar dan potongan gaji staf UTHM dengan jumlah sumbangan sebanyak RM 85,680.00 kepada 255 penerima.



Foto 5.11 : Program Sabil Al-Hikmah



## Bekalan Makanan Kebajikan Retort Food KPT

Agihan Bekalan Makanan kebajikan (*Retort Food KPT*) di bawah inisiatif Dapur HEP telah diadakan di Dewan Serbaguna Kolej Seroja, UiTM Shah Alam. Acara tersebut telah dirasmikan oleh YBrS Encik Ahmad Rizal Adnan, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Pengurusan Governan dan Pembangunan) di Jabatan Pendidikan Tinggi. UTHM selaku Penyelaras Zon Selatan yang terdiri dari USIM, UTeM dan UTM telah menerima 2,000 pek makanan retort pelbagai menu yang telah disediakan melalui kerjasama di antara Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dengan Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk agihan kepada pelajar.



Foto 5.12 : Sesi Agihan Bekalan Makanan Kebajikan (*Retort Food KPT*)

## Bantuan Yayasan Ilmu dan Ihsan (YII)

Penyerahan Bantuan Kewangan kepada pelajar B40 UTHM telah diadakan di Menara UMW, Jalan Puncak Off, Jalan P. Ramlee, Kuala Lumpur. YBrS Dato Azmi Mohd Ali, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Insan dan Ilmu (YII) dan Amirul Habibullah, Ahli Jawatankuasa YII telah menyerahkan bantuan yuran pengajian kepada 44 penerima B40 UTHM berjumlah RM40,040.00.



Foto 5.13 : Bantuan Yayasan Ilmu dan Ihsan (YII)

## Program Siswa Sulung 2.0 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Program Siswa Sulung ini telah berhasil memberikan manfaat kepada pelajar B40 UTHM dengan menyediakan bantuan yuran pengajian dan sara hidup. Bagi tahun 2023, seramai 207 penerima bantuan telah terpilih bagi mendapatkan manfaat daripada program Siswa Sulung 2.0 dengan jumlah bantuan yang diberikan dianggarkan sebanyak RM 291,870.00.



Foto 5.14 : Program Siswa Sulung 2.0

## Bantuan Awal Pengajian Daripada Yayasan Pelajaran Mara (YPM)

Majlis Penyerahan Skim Dana Ehsan Pendidikan (SDEP) Yayasan Pelajaran Mara Ekuiti Nasional Berhad kepada pelajar B40 berkeperluan UTHM bertempat di Aras 3, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM kampus induk. Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, telah hadir untuk menyempurnakan majlis tersebut. Universiti telah menerima sumbangan sebanyak RM25,000.00 secara *one-off*, yang telah disalurkan kepada 10 orang pelajar B40 berkeperluan dengan setiap orang menerima RM2,500.00.



Foto 5.15 : Majlis Penyerahan Skim Dana Ehsan Pendidikan (SDEP) Yayasan Pelajaran Mara Ekuiti Nasional Berhad

## Yayasan Prihatin

Majlis Penyerahan Sumbangan kepada Pelajar Asnaf UTHM dan Pelajar Tingkatan 6 Negeri Johor telah dilaksanakan di bawah Program Kepimpinan Anak Muda Madani Negeri Johor bertempat di Dewan Sultan Ibrahim UTHM kampus induk. YB Tuan Mohd Hairi Mad Shah, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Sumber Manusia Negeri Johor mewakili YAB Menteri Besar Johor hari ini hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Program Kepimpinan Anak Muda Madani Negeri Johor. Program ini merupakan anjuran Jabatan Komunikasi Komuniti, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTHM. Sumbangan sebanyak RM 10,000.00 melibatkan bantuan tunai kepada 100 penerima anak Johor UTHM. Manakala, sumbangan berbentuk inkind iaitu bantuan Pemacu Kaedah Pepejal (SSD) juga telah

diberikan kepada 100 penerima anak Johor, dengan jumlah dianggarkan sebanyak RM 30,000.00.



Foto 5.16 : Majlis Penyerahan Sumbangan kepada Pelajar Asnaf UTHM dan Pelajar Tingkatan 6 Negeri Johor

## MITRA (Bantuan B40 Masyarakat India)

Program Pembangunan Modal Insan Masyarakat India telah menyediakan inisiatif kewangan secara one-off kepada pelajar India B40 yang menerima tawaran melanjutkan pelajaran dalam ijazah sarjana muda dan diploma di IPT. Program di bawah inisiatif Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) ini telah memberikan sumbangan sebanyak RM952,000.00 kepada 476 orang penerima yang terdiri daripada mahasiswa India UTHM dengan setiap seorang menerima RM2,000.00.



Foto 5.17 : Ebanner Program Pembangunan Modal Insan Masyarakat India

## Bantuan Peranti Komputer Riba Kepada Pelajar Bersasar UTHM

Pada tahun 2023, UTHM telah menyediakan 100 unit komputer riba kepada pelajar bersasar B40. Bantuan komputer riba kepada pelajar bersasar dalam kalangan B40 telah diagihkan secara berfasa mulai Mac 2023, dengan jumlah 100 unit komputer riba sumbangan UTHM bernilai RM 199,900.00 yang diuruskan oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar. Sesi pengagihan fasa pertama telah dilaksanakan di kampus induk Parit Raja. Majlis Simbolik Penyerahan Peranti (Komputer Riba) kepada pelajar B40 telah disampaikan oleh Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM. Manakala sesi penyerahan bantuan peranti komputer riba fasa kedua telah dilaksanakan di UTHM Kampus Cawangan Pagoh yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Sr Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Hj. Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM. Bantuan Peranti Komputer Riba ini bertujuan bagi membantu meringankan bebanan pelajar agar mereka sentiasa fokus dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran sepanjang hari.



Foto 5.18 : Majlis Penyerahan Peranti Komputer Riba kepada Pelajar Bersasar UTHM

## Ringkasan Statistik Bantuan Kebajikan 2023

Jadual 5.9 : Ringkasan Bantuan Kebajikan 2023

Bil.	Bantuan	Penerima	Jumlah (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)
1	Mitra (Bantuan B40 India)	476	2,000.00	952,000.00
2	Yayasan Prihatin	100	100.00	10,000.00 (Tunai)
		100	300.00	30,000.00 (External Hard Disk)
3	Retort Food	500	3.00	1,500.00
4	Program Sabil Al-Hikmah	255	48 Hari x RM7.00	85,680.00
5	Program Sulung	207	910.00 (Yuran Pengajian)	291,870.00
			500.00 (Sara Hidup)	
6	Bantuan Awal Pengajian MARA	10	2,500.00	25,000.00
7	Yayasan Ilmu Ihsan (YII)	44	910.00	40,040.00
8	PerantiSiswa	1,560	1,800.00	2,808,000.00
9	Komputer Riba	100	1,999.00	199,900.00
<b>Jumlah</b>				<b>4,443,990.00</b>



Rajah 5.1 : Ringkasan Bantuan Kebajikan 2023

## Tajaan Biasiswa/ Dermasiswa kepada Pelajar

UTHM sentiasa memastikan bahawa semua pelajar yang melanjutkan pengajian memperoleh sokongan kewangan melalui pelbagai bentuk, termasuk pinjaman PTPTN, dermasiswa dari badan kerajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, serta tajaan dari badan bukan kerajaan seperti syarikat korporat dan yayasan yang telah menjalin perjanjian dengan universiti untuk menaja pelajar UTHM. Pihak-pihak berkaitan juga ada menawarkan pinjaman boleh ubah tetapi tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian yang telah ditetapkan. Berdasarkan data TCIS pada 19 Januari 2024, seramai 10,157 (63%) daripada 16,130 orang pelajar UTHM yang mempunyai penaja sepanjang pengajian mereka.

## Kad Prihatin Siswa

Inisiatif Kad Prihatin Siswa merupakan hasil kerjasama antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Universiti Awam, dan bank RHB Islamic yang berfungsi sebagai kad matrik pelajar, debit kad, *smart campus*, *cashless campus* dan alat untuk mencipta ekosistem kewangan yang lebih baik serta menyalurkan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). UTHM telah berjaya mengaktifkan lebih daripada 85.3% jumlah pelajar dengan membuka akaun RHB Pro-I dan menerima kad masing-masing. Semua pelajar diwajibkan menukar kad matrik yang lama kepada Kad Prihatin Siswa, terutamanya pelajar yang mempunyai pinjaman PTPTN. Pihak PTPTN akan menyalurkan wang kepada peminjam melalui akaun RHB Pro-I dan dikeluarkan melalui Kad Prihatin Siswa.

Bagi memastikan pengeluaran dan pengaktifan Kad Prihatin Siswa berjalan dengan lancar, sesi perbincangan secara fizikal dan atas talian



Foto 5.19 : Ebanner Bantuan Biasiswa dan Pinjaman Pelajaran

diadakan secara berkala untuk mengumpul maklum balas dan penambahbaikan. Ini bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan di antara pegawai pelaksana Kad Prihatin Siswa dari pihak RHB, universiti, dan pihak berkepentingan.



Foto 5.20 : Pengagihan dan Pengaktifan Kad Prihatin Siswa

## Menu Siswa Rahmah (MSR)

UTHM telah menyahut saranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menawarkan Menu Siswa Rahmah (MSR) yang berharga RM3.50 bagi setiap satu hidangan. Sebanyak 10 kafeteria di UTHM turut sama dalam program ini yang mana bertujuan membantu meringankan kos sara hidup pelajar yang kurang berkemampuan. Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar juga turut sama dalam mempromosikan MSR melalui platform media sosial rasmi Universiti. Selain itu, Menu Rahmah (MR) yang berharga RM 5.00 juga dikekalkan bagi memberi variasi pilihan makanan kepada pelajar khususnya dalam kalangan B40. Kafeteria berkonsep seperti He & She Coffee yang beroperasi dalam kampus juga menyambut baik seruan Kerajaan dengan menyediakan baucar potongan berharga RM 5.00 sebanyak 500 keping untuk diedarkan kepada pelajar melalui Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) bagi setiap semester.

## Premis Perniagaan Pelajar


Universiti telah memperuntukkan satu (1) lot premis perniagaan kepada MPP untuk menjalankan perniagaan makanan oleh Syarikat Pemula Pelajar (SPP) tanpa sebarang caj sewaan. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan pelajar yang berkemampuan dan berminat menjalankan perniagaan untuk menjana pendapatan di samping menawarkan pilihan yang bervariasi kepada pelanggan pada harga yang berpatutan. Selain itu, tiga (3) lot perniagaan lagi telah diperuntukkan kepada syarikat pelajar yang berminat menjalankan perniagaan dengan potongan kadar sewaan yang boleh diberikan sehingga 90% berdasarkan kelulusan semasa dari pengurusan tertinggi Universiti. Setakat ini, antara perniagaan yang sedang dijalankan adalah termasuk perniagaan barbershop, mini mart dan barista. Penyelarasan perniagaan yang dijalankan pelajar ini dibuat dibawah Pusat Teknousahawan Universiti (PTU).

## Bantuan Zakat kepada Pelajar UTHM Tahun 2023

Pada tahun 2023, sebanyak RM744,466.50 bantuan zakat telah disumbangkan kepada 1,657 orang asnaf dalam kalangan pelajar UTHM terdiri daripada pelajar fakir, miskin, fisabilillah dan gharim.

**Jadual 5.10** : Jumlah Keseluruhan Agihan Bantuan Zakat Sara Diri dan Yuran Pendidikan Tahun 2023

Jenis Asnaf	Jumlah Penerima Bantuan	Jumlah Agihan (RM)
Asnaf Fakir	279	209,000.00
Asnaf Miskin	370	202,300.00
Asnaf Gharim	893	230,250.00
(Yuran Pendidikan)	115	102,916.50
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,657</b>	<b>744,466.50</b>



Rajah 5.2 : Agihan Bantuan Zakat Sara Diri dan Yuran Pendidikan Tahun 2022

## Sumbangan Dana Wakaf Tunai Pendidikan Tahun 2023

Pusat Wakaf dan Endowmen telah membuat agihan dan sumbangan kepada para penerima manfaat terutamanya para pelajar. Antara sumbangan yang diberikan adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 5.11 : Sumbangan Agihan Tabung Wakaf Tahun 2023

Bil.	Butiran Penerima	Jumlah Agihan
1	Sumbangan Bakul Makanan Kepada Pelajar Kolej Kediaman Luar Kampus	RM 3,500.00
2	Sumbangan kepada pelajar dilanda bencana ribut	RM 500.00
3	Bantuan kepada Pelajar OKU	RM 5,250.00
4	Anugerah Prihatin Wakaf	RM 1,500.00
5	Bantuan Kepada Pelajar Palestin	RM 22,800.00



## Sumbangan Tabung Endowmen Tahun 2023

Pusat Wakaf dan Endowmen telah membuat agihan dan sumbangan kepada para penerima manfaat terutamanya para pelajar dan juga staf. Antara sumbangan yang diberikan adalah seperti jadual berikut:

**Jadual 5.12** : Senarai Sumbangan Agihan Tabung Endowmen Tahun 2023

Bil.	Butiran Penerima	Jumlah Agihan (RM)
1	Bantuan Pelajar Antarabangsa	RM 2,500.00
2	Bantuan Peralatan Pasca Banjir	RM 10,000.00
3	Anugerah Prihatin Endowmen	RM 1,500.00
4	Bahan Makanan Projek Gerobok Rezeki	RM 8,814.00

## Perkhidmatan Kaunseling Universiti

Pada tahun 2023, Pusat Kaunseling Universiti (PCU) telah menjalankan 33 program bimbingan dan pengembangan pelajar. Secara keseluruhan, seramai 4,565 orang pelajar telah mengikuti aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dengan penyertaan tertinggi dicatatkan bagi Program *Campus Lifestyle* (CALIST) Pelajar Baharu Ijazah Sarjana Muda Semester 1 Sesi 2023/2024.

**Jadual 5.13** : Senarai 15 Program Utama Pusat Kaunseling Universiti Tahun 2023

Bil.	Nama Aktiviti	Tarikh	Lokasi	Jumlah Pelajar (Orang)
1	<i>Campus Lifestyle</i> (CALIST) Pelajar Baharu Ijazah Sarjana Muda Semester 2 Sesi 2022/2023- Kampus Parit Raja dan Kampus Cawangan Pagoh	20 Mac 2023	Atas Talian (Online)	223
2	<i>Campus Lifestyle</i> (CALIST) Pelajar Baharu Diploma Semester 1 Sesi 2023/2024 – Kampus Cawangan Pagoh	1 Ogos 2023	Atas Talian (Online)	671
3	<i>Campus Lifestyle</i> (CALIST) Pelajar Baharu Ijazah Sarjana Muda Semester 1 Sesi 2023/2024 – Kampus Parit Raja dan Kampus Cawangan Pagoh	3 Hingga 4 Oktober 2023	Atas Talian (Online)	1951
4	<i>The K-Talk</i> Siri 1 : Emosi, Macam Mana Nak Urus?	30 Mac 2023	Google Meet	59
5	<i>The Champion of Life</i>	20 Mei 2023	Bilik Tutorial 9, UTHM	35

Bil.	Nama Aktiviti	Tarikh	Lokasi	Jumlah Pelajar (Orang)
6	<i>The A Leader</i>	25 dan 26 Mei 2023	D' Nelayan Beach Resort, Melaka	30
7	<i>The K-Talk Siri 4: When Life Begins</i>	18 Jun 2023	Google Meet	56
8	Program <i>Don't Stop Dreaming</i>	21 Oktober 2023	Microsoft Teams	94
9	<i>The K-Talk Siri 5 : Demi Cinta Suci</i>	22 Oktober 2023	Microsoft Teams	71
10	<i>The K-Talk Siri 6 : Kegagalan, Pengakhiran atau Permulaan</i>	29 Oktober 2023	Microsoft Teams	39
11	Final Exam: <i>Chill Guys</i>	17 November 2023	Microsoft Teams	74
12	<i>The K-Talk Siri 7: Self Love &amp; Self Care</i>	23 November 2023	Microsoft Teams	90
13	<i>The K-Talk Siri 8: Crush, Releven Ke?</i>	07 Disember 2023	Microsoft Teams	119
14	<i>The K-Talk Siri 9 : Pendam Menjadi Dendam</i>	12 Disember 2023	Microsoft Teams	116
15	<i>The K-Talk Siri 10 : Me Time, Ok Ke?</i>	21 Disember 2023	Microsoft Teams	72



Foto 5.21 : Rangkuman Gambar Program Kaunseling Tahun 2023

## Kolej Kediaman Pelajar

Pusat Perumahan Pelajar adalah Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang menguruskan hal ehwal berkaitan perancangan Dasar Penginapan Pelajar, keperluan prasarana penginapan, penyelenggaraan dan pembersihan kolej luar kampus (sewaan), dan pembangunan sumber manusia serta memastikan kebajikan pelajar berada pada tahap yang memuaskan. Kolej-kolej kediaman UTHM merupakan tempat penginapan pelajar yang menyediakan pelbagai kemudahan perkhidmatan untuk kegunaan pelajar bagi meningkatkan pembangunan akademik dan aktiviti pembelajaran. UTHM menyediakan lapan buah kolej kediaman iaitu lima buah di kampus UTHM Parit Raja dan tiga lagi di UTHM Kampus Pagoh.



### UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA STATISTIK PELAJAR KESELURUHAN KOLEJ KEDIAMAN SESI / SEM : 20232024/1 BAGI KESELURUHAN TAHAP PENGAJIAN

KOLEJ KEDIAMAN	WARGANEGARA		BUKAN WARGANEGARA		JUMLAH		JUMLAH KESELURUHAN
	L	P	L	P	L	P	
TUN SYED NASIR	0	0	0	0	0	0	0
TUN FATIMAH	0	529	0	0	0	529	529
TUN DR ISMAIL	474	570	31	27	505	597	1102
PERWIRA	1256	602	14	1	1270	603	1873
PAGOH 3	0	0	0	0	0	0	0
PAGOH 2	0	0	0	0	0	0	0
PAGOH 1	0	0	0	0	0	0	0
PAGOH	2377	2152	13	8	2390	2160	4550
JUMLAH KESELURUHAN	4107	3853	58	36	4165	3889	8054

Rajah 5.3 : Kapasiti Kolej-kolej Kediaman UTHM 2023

## Program Kolej Kediaman 2023

### Lawatan DYMM Sultan Johor Ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Kolej Kediaman Perwira UTHM

Pada 9 Mac 2023, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, bersama dengan Yang Amat Mulia Tunku Panglima Johor, Tunku Abdul Rahman Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Yang Amat Mulia Tunku Putera Johor, Tunku Abu Bakar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor merangkap Pro-Canselor UTHM, dan Prof. Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim Hj. Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UTHM yang mewakili Naib Canselor UTHM, telah menziarahi mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Kolej Kediaman Perwira UTHM.

PPS Kolej Kediaman Perwira UTHM yang dipimpin oleh Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Halim Irwan bin Ibrahim, juga Pengarah Pusat Perumahan Pelajar UTHM, dengan bantuan Pengurusan Kolej Kediaman Perwira, telah menyediakan hampir 1,400 tempat penempatan sementara bagi mangsa banjir. Pelbagai sumbangan dari pelbagai pihak telah diterima untuk disalurkan kepada mangsa banjir. PPS ini beroperasi dari 8 Mac 2023 hingga 21 Mac 2023, selama 14 hari.



Foto 5.22 : Lawatan DYMM Sultan Johor ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Kolej Kediaman Perwira UTHM

## Mesyuarat Majlis Perumahan Universiti-Universiti Awam Malaysia (MAPUM) Kali Ke-87 Bil. 3/2023

Pada 21-23 November 2023 Pusat Perumahan Pelajar (PRP) UTHM telah diberi penghormatan menganjurkan Mesyuarat Majlis Perumahan Universiti-Universiti Awam Malaysia (MAPUM) Kali ke-87 Bil. 3/2023 bertempat di Hotel Impiana Senai Johor Bahru. Mesyuarat tersebut berlangsung selama 3 hari dan dihadiri oleh 17 Universiti Awam termasuk UTHM, serta wakil dari Bahagian Mahasiswa Holistik, Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi. Berbagai agenda dan isu telah dibincangkan, menjadikannya sebagai platform perkongsian dan perbincangan ilmiah yang melibatkan pengurusan penginapan di Institusi Pendidikan Tinggi Awam di Malaysia. Delegasi MAPUM juga disantuni dan dibawa untuk melawat beberapa tempat menarik di sekitar UTHM.



Foto 5.23 : Mesyuarat Majlis Perumahan Universiti-Universiti Awam Malaysia (MAPUM) Kali Ke-87 Bil. 3/2023

## Kemajuan Kerjaya dan Hubungan Alumni

### Alumni Tahun 2023


Bilangan Alumni UTHM adalah seramai 62,063 orang sehingga 31 Disember 2023 dan pihak Pusat Kemajuan Kerjaya & Alumni (PKKA) UTHM telah berjaya mengemaskini status seramai 49,812 alumni daripada jumlah keseluruhan alumni.



Rajah 5.4 : Alumni Antarabangsa UTHM (Data sehingga 31 Disember 2023)

### Alumni Mengikut Sektor Pekerjaan

Berdasarkan pengemaskinian maklumat dan alumni yang berjaya dikesan sehingga 31 Disember 2023, majoriti alumni UTHM melibatkan diri dalam sektor pekerjaan syarikat multinasional, syarikat tempatan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kerajaan persekutuan, manakala selebihnya terlibat dalam sektor badan berkanun, kerajaan negeri, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta sebahagian bekerja sendiri/*freelance* and bekerja dengan keluarga.



Rajah 5.5 : Alumni Mengikut Sektor Pekerjaan (Data sehingga 31 Disember 2023)

## Kajian Pengesanan Graduan Konvokesyen 2022

Peratus GE UTHM secara keseluruhan semasa konvokesyen 2022 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (Mac 2023) adalah 94.9%. Walau bagaimanapun, selepas UTHM membuat pengemaskinian maklumat status pekerjaan sehingga 31 Disember 2023, GE UTHM telah meningkat kepada 95.5%.

TAHUN	PPUK	PPD	FKAAB	FAST	FTK	FKEE	FKMP	FSKTM	FPTP	FPTV
RASMI	100% N=4	98.5% N=650	95.9% N=680	95.1% N=245	94.7% N=437	94.5% N=458	94.5% N=542	94.1% N=337	94.0% N=536	91.0% N=423
KEMASKINI	100%	98.5%	96.6%	95.1%	94.7%	95.0%	95.2%	94.7%	94.4%	92.9%

Rajah 5.6 : Maklumat Kajian Pengesanan Graduan Konvokesyen 2023  
(Data sehingga 31 Disember 2023)

## Jalinan dan Hubungan Alumni

Pelbagai program jalinan dan hubungan alumni telah diadakan pada tahun 2023 bagi merapatkan hubungan pihak Universiti dengan alumni UTHM dalam pelbagai sektor pekerjaan. Antara program bersama alumni yang dilaksanakan adalah berdasarkan maklumat seperti berikut:

Jadual 5.14 : Senarai Program Bersama Alumni UTHM Tahun 2023

Bil.	Program	Tarikh
1	Program Alumni Talk Weekend Escape UTHM 2023	-
2	Jejak Alumni Zon Tengah Ke Selangor - Recove Group Sdn. Bhd.	15 Februari 2023
3	Jejak Alumni Zon Selatan Ke Batu Pahat -Vector Computer Solution	16 Februari 2023
4	Jejak Alumni Zon Tengah Ke Kuala Lumpur - Ikim FM	21 Februari 2023
5	Jejak Alumni Zon Selatan Ke Batu Pahat - Azurite Engineering PLT	3 April 2023
6	Jejak Alumni Zon Selatan Ke Batu Pahat - Preston Geocem Sdn. Bhd.	3 April 2023
7	Program Infak Ramadan Alumni UTHM 2023	18 April 2023
8	Jejak Alumni Zon Tengah - MAHSA University	7 September 2023
9	Lawatan Penanda Aras Pejabat Kemajuan Kerjaya dan Alumni (PKKA), UTHM ke Universiti Malaysia Sabah (UMS)	2 Oktober 2023
10	Jejak Alumni Zon Malaysia Timur 2023	3 Oktober 2023

Bil.	Program	Tarikh
11	Sesi Bersama Ikon Alumni Sempena Minggu Haluan Siswa (MHS) 2023	3 & 4 Oktober 2023
12	Alumni Professional Talk dan Majlis Hi-Tea Dalam UTHM	2 November 2023



Foto 5.24 : Koleksi Gambar Program-program Jejak Alumni UTHM Tahun 2023

## Program Alumni Talk Weekend Escape UTHM 2023

Pada bulan Jun 2023, Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni telah mengadakan satu program kolaborasi antara Jabatan Kerjaya Pelajar dan Jabatan Hubungan Alumni. Program ini merupakan satu inisiatif untuk membantu dan memberi pendedahan kepada pelajar UTHM dalam persediaan menempuh alam pekerjaan seiring dengan matlamat KPT. Secara khususnya, slot bersama alumni akan dijalankan sepanjang program ini berlangsung, di mana alumni akan memberi pendedahan berkaitan pengalaman dan keadaan sebenar di industri sebagai usaha memberi gambaran awal kepada para pelajar. Program ini juga bertujuan untuk melibatkan pihak industri dalam membantu UTHM mengenal pasti kekurangan dan melaksanakan penambahbaikan di masa akan datang. Antara alumni yang dijemput adalah Dr. Muhammad Nur Hidayat bin Zahari (Alumni Teknousahawan), Encik Engku Mohd. Nasri bin Engku Mat Nasir (Alumni Usahawan), dan Encik Khairul Amri bin Ngademin (Alumni Industri).





Foto 5.25 : Program Alumni Talk Weekend Escape UTHM 2023

## Sesi Bersama Ikon Alumni Sempena Minggu Haluan Siswa (MHS) 2023

Sesi Bersama Ikon Alumni Sempena Minggu Haluan Siswa (MHS) Program Sarjana Muda Semester 1 Sesi 2023/2024 UTHM diadakan pada 3 dan 4 Oktober 2023 di Dewan A9, Kolej Kediaman Pagoh (KKKP), Kampus cawangan Pagoh, UTHM. Sempena program MHS yang bermula dari 1 Oktober 2023 sehingga 5 Oktober 2023, satu sesi perkongsian oleh alumni UTHM iaitu YBrs. Ir. Abdul Rahman bin Bahasa, CEO Recove Group merangkap Ahli Lembaga Pengarah UTHM. Beliau merupakan alumni Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik yang telah bergraduasi pada tahun 2008. Turut dijemput, Encik Mohammad Fauzi bin Kosnee @Salleh, pemilik Salleh Food Sdn. Bhd. juga merupakan alumni FKEE yang telah bergraduasi pada tahun 2010 dan 2013.



Foto 5.26 : Sesi Bersama Ikon Alumni Sempena Minggu Haluan Siswa (MHS)

## ***Alumni Professional Talk dan Majlis Hi-Tea Dalam UTHM***

Pada 2 November 2023, *Alumni Professional Talk* dan *Majlis Hi-Tea* Dalam Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah diadakan di Bilik Banquet, Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Program telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Prof. Dato Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM. Majlis ini merupakan anjuran Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni (PKKA) UTHM dengan kerjasama *Jamilus Research Centre-Sustainable Construction (JRC-SC)*. Acara ini melibatkan sesi perkongsian oleh YBhg. Prof. Datuk Ts. Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir, Presiden Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT), serta sesi pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU).

Turut hadir dalam majlis ini adalah YBhg. Prof. Ts. Dr. Rabiah Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), YBrs. Prof. Madya Ir. Ts. Dr. Muhammad Saufi Kamarudin, Pengarah PKKA UTHM, YBrs. Encik Abdul Halim Omar, Ketua Jabatan Hubungan Alumni PKKA merangkap Pengarah Program, pegawai-pegawai kanan universiti, dan delegasi MBOT. Majlis ini telah dimeriahkan oleh lebih 30 alumni dalam UTHM yang turut sama mendengar sesi perkongsian tersebut. Semoga majlis ini menjadi titik permulaan ke arah kerjasama dan hubungan strategik di antara universiti dan MBOT dalam usaha memperkasa profesionalisme dalam kalangan warga UTHM.



**Foto 5.27 :** *Alumni Professional Talk* dan *Majlis Hi-Tea* Dalam UTHM

## Pembangunan Kerjaya Pelajar

Sepanjang tahun 2023, 44 program kerjaya yang komprehensif telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerjaya Pelajar di bawah PKKA yang bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan UTHM. Selain itu, pelbagai strategi dan inisiatif telah diambil oleh Jabatan Kerjaya Pelajar dalam memastikan para pelajar menerima maklumat terkini serta bermanfaat sebagai persediaan mereka yang bakal bergraduan dan bakal menceburi bidang pekerjaan. Antara program utama berkaitan kerjaya yang dilaksanakan adalah berdasarkan maklumat seperti berikut :

**Jadual 5.15** : Senarai Program Pembangunan Kerjaya Pelajar Tahun 2023

Bil.	Program	Tarikh
1	Sesi Pertemuan Antara HC Consultants Group	2 Februari 2023
2	Program Taklimat Persediaan Kerjaya	13 April 2023
3	Weekend Escape Bersama Pelajar Tahun Akhir UTHM 2023	11 hingga 24 Jun 2023
4	Hackathon Gig Economy@UTHM	10 hingga 13 Julai 2023
5	Lawatan Penanda Aras Pejabat Kemajuan Kerjaya dan Alumni (PKKA), UTHM ke Sunway College Johor Bahru	5 September 2023
6	Lawatan Penanda Aras Pejabat Kemajuan Kerjaya dan Alumni (PKKA), UTHM ke Malaysian Allied Health Sciences Academi (MAHSA) Universiti, Selangor	7 September 2023
7	Lawatan Penanda Aras Pejabat Kemajuan Kerjaya dan Alumni (PKKA), UTHM ke Universiti Malaysia Sabah (UMS)	2 Oktober 2023
8	Coaching Session di Career Week Fakulti Teknologi Kejuruteraan	4 Oktober 2023
9	Coaching Session di Career Week Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi	25 Oktober 2023
10	Career Fair UTHM 2023	29 hingga 30 Oktober 2023
11	Career Talk Oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	6 November 2023
12	<i>Lawatan Penanda Aras Pejabat Kemajuan Kerjaya dan Alumni (PKKA) Ke Career Centre Universiti Teknologi Malaysia (UTMCC)</i>	-

## Program Taklimat Persediaan Kerjaya

Program Taklimat Persediaan Kerjaya Pelajar bersama PERKESO anjuran Jabatan Kerjaya Pelajar, PKKA telah berlangsung secara atas talian melalui platform *Zoom Meeting* dan *FB Live*. Program yang dianjurkan bertujuan untuk menyalurkan maklumat dan membantu pelajar berkaitan persediaan menempuh alam pekerjaan. Panel penceramah untuk program ini merupakan Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO dari Batu Pahat iaitu En. Muhammad Saiful Afiq bin Shukur. Seramai 60 orang pelajar telah menyertai program ini, terdiri daripada pelajar dan Alumni UTHM.



Foto 5.28 : Ebanner Program Taklimat Persediaan Kerjaya

## Weekend Escape Bersama Pelajar Tahun Akhir UTHM 2023

Program *Weekend Escape* bersama Pelajar Tahun Akhir UTHM 2023 yang dianjurkan oleh Jabatan Kerjaya Pelajar (JKP), PKKA telah berlangsung selama 3 hari 2 malam. Program ini telah memberikan pelbagai manfaat kepada pelajar terpilih dalam pelbagai aspek penting, seperti penambahbaikan ilmu berkaitan penulisan *resume*, penampilan imej diri, persediaan temuduga pekerjaan, dan pendedahan kepada kemahiran insaniah yang berguna. Pelaksanaan program ini dibahagikan kepada tiga fasa, 11 hingga 13 Jun, 15 hingga 17 Jun, dan 22 hingga 24 Jun 2023. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Prof.Sr. Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim bin Hj. Ismail, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.



Foto 5.29 : Program *Weekend Escape* bersama Pelajar Tahun Akhir UTHM 2023

## Hackathon Gig Economy@UTHM

*Hackathon Gig Economy@UTHM* merupakan program yang bertujuan untuk memperkaya pengetahuan pelajar mengenai platform *Job Seeker* dan *Job Creator* secara kreatif, terbuka, dan bermanfaat. Program ini berlangsung selama 3 hari pada 10, 11, dan 13 Julai, menghimpunkan 4 program yang dianjurkan secara serentak. Secara keseluruhan, program ini berhasil menghimpun 65 pelajar dan mencapai objektif penganjuran dengan memperkenalkan platform *Job Seeker* dan *Job Creator* secara kreatif. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia berharap agar program serupa dapat dijalankan semula untuk meningkatkan Kebolehpasaran Graduan (GE) UTHM.



Foto 5.30 : Program *Hackathon Gig Economy@UTHM*

## Coaching Session Di Career Week Fakulti Teknologi Kejuruteraan

*Coaching Session* di *Career Week* Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang menampilkan 10 orang jurulatih kerjaya UTHM untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam sesi *grooming* dan *mock interview* bersama pelajar tahun akhir yang mendedahkan tips-tips menjawab soalan semasa sesi temuduga.



Foto 5.31 : *Coaching Session* di *Career Week* Fakulti Teknologi Kejuruteraan

## **Coaching Session Di Career Week Fakulti Sains Gunaan Dan Teknologi**

*Coaching Session* sempena Program *Fast Forward to Success: Mastering The Arts of Resume Writing and Interview Skills* bertempat di Dewan Auditorium 6, Hab Pendidikan Tinggi, Pagoh. Program anjuran Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi dengan kerjasama PKKA menampilkan jurulatih kerjaya untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam sesi '*grooming*' dan '*mock interview*' bersama pelajar yang bakal menjalani latihan industri dengan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai cara penampilan diri yang bersesuaian untuk menghadiri temuduga serta panduan menjawab soalan.



**Foto 5.32 :** *Coaching Session* di *Career Week* Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi

## Career Fair UTHM 2023

Program anjuran PKKA dengan kerjasama Talentbank Group telah menerima seramai 1,166 pengunjung dan sebanyak 29 syarikat terlibat yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta. Pelbagai peluang kerjaya dan latihan industri telah ditawarkan selama 2 hari program berlangsung.



Foto 5.33 : Program Career Fair UTHM 2023

## Career Talk Oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Career talk oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah diadakan di Dewan A9, Kolej Kediaman Pagoh (KKKP), Kampus cawangan Pagoh, UTHM. Career talk anjuran Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dengan kerjasama PKKA telah diisi dengan beberapa perkongsian dan antara topik dibawa adalah “ *The Malaysian Capital Market, diving Economic Growth*”, “ *Session with Iconic Speaker*”, “ *A Career in the Capital Market:How You Can Make a Difference?*” dan “ *InvestED NextGen Capital Market Talent*”. Program ini bermotifkan memberi kesedaran, inspirasi dan pendedahan kepada graduan dan juga generasi Z akan pasaran modal. Pelajar didedahkan dengan pelbagai peluang kerjaya dalam bidang pasaran modal serta galakan yang memberangsangkan untuk pelajar menyertai pasaran modal sama ada melalui bakat, profesional atau pelaburan. Seramai 371 pelajar telah hadir dalam sesi perkongsian tersebut.



Foto 5.34 : Career Talk oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

## Dana PENJANA KPT-PACE 2023

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia berjaya menerima Dana PENJANA KPT- PACE MTUN bagi 19 program pensijilan profesional bernilai RM3,573,080.00 yang akan dimanfaatkan oleh 1322 pelajar tahun akhir UTHM daripada pelbagai bidang.

Jadual 5.16 : Dana Geran KPT-PACE MTUN 2023

Bil.	Nama Program	Jumlah Geran	Bil Peserta
1	<i>CAAM Part-66 Category A Accelerated Program: Module 6 - Materials &amp; Hardware and Basic Aircraft Composite Repair (Bonded Repair) Course</i>	282,000.00	94
2	Sijil Profesional Pengurusan Logistik	178,080.00	60
3	Program Pensijilan <i>Productivity Specialists</i> MPC-CB	120,000.00	40
4	<i>BIM Modeling of Infrastructure (Roads &amp; Highways) Certification</i>	300,000.00	100
5	<i>Fiber-to-the-home Certification Course</i>	150,000.00	50
6	<i>Certified Google Flutter Cross Platform App Development For Android and IOS Certification</i>	150,000.00	50
7	Pentauliahn Penyelam Skuba Air Terbuka <i>Scuba Diving International - SDI (SDI Open Water Scuba Diver)</i>	150,000.00	50
8	<i>Certified Autodesk Revit MEP For BIM Engineering (Building Information Modelling)</i>	150,000.00	50
9	<i>Certified Autodesk Civil 3D Land Development Course</i>	150,000.00	50
10	Program Peningkatan Kompetensi Graduan dalam Bidang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) <i>Occupational Safety And Health Coordinator</i>	600,000.00	200
11	<i>Penetrant Testing Level 2 (Based on ASNT SNT-TC-1A 2020)</i>	90,000.00	30
12	<i>Ergonomic Trained Person - Initial ERA and Advanced ERA</i>	298,000.00	100
13	<i>International and Industry Recognized ASNT Ultrasonic Testing Thickness Measurement (UTTM) Technician Course</i>	150,000.00	50




Bil.	Nama Program	Jumlah Geran	Bil Peserta
14	<i>International and Industry Recognized ASNT Ultrasonic Magnetic Particle Testing (MT) Technician Course</i>	150,000.00	50
15	<i>Machinery Electrical Panel Wiring Installation</i>	120,000.00	40
16	<i>Digital Transformation using Immersive Technologies &amp; MaGICX Unity Professional Certificate</i>	270,00.00	150
17	Program Persijilan Juruteknik Bertauliah (CSTP) Sektor Penyejukbekuan dan Penyaman Udara (RACs)	58,300.00	55
18	Pertauliahahan Persijilan <i>Solidwork Professional-Weldment</i>	132,500.00	53
19	<i>Certified Six Sigma Green Belt</i>	74,200.00	50



# BAB | 6

JARINGAN INDUSTRI  
& HUBUNGAN KOMUNITI



## Jaringan Industri

### Kerjasama Penyelidikan Dalam dan Luar Negara

#### Jalinan Kerjasama Strategik

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sebagai sebuah universiti teknikal yang tersohor telah sekian lama berfungsi sebagai pusat cendekiawan yang mempunyai pakar dalam pelbagai bidang dan telah bertindak secara efisien sebagai sebuah platform yang sempurna di dalam jalinan kerjasama strategik yang mampan sesama universiti, industri mahupun agensi serta pihak ketiga.

Demi merealisasikan aspirasi negara dalam melahirkan masyarakat berdaya saing dan graduan masa depan yang memiliki kemahiran, kebolehan dan nilai kemanusiaan yang sesuai dengan kepesatan perubahan teknologi, UTHM sentiasa peka dan terkehadapan dengan pelbagai proses dan impak transformasi yang berlaku sama ada secara global ataupun tempatan. Ini telah dilaksana secara sistematik melalui jalinan kerjasama strategik di dalam bentuk pemeteraian dokumen kerjasama seperti Surat Hasrat (LoI), Perjanjian Tidak Boleh Dedah (NDA), Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA).

Bagi tahun 2023, UTHM telah berjaya mengadakan 811 jalinan kerjasama strategik yang telah dimeterai antara UTHM dengan pelbagai universiti, industri, agensi serta pihak ketiga. Daripada jumlah tersebut, 324 adalah jalinan kerjasama yang melibatkan Memorandum Persefahaman (MoU), 93 adalah jalinan kerjasama yang melibatkan Memorandum Perjanjian (MoA), 16 merupakan jalinan kerjasama di dalam bentuk Perjanjian Tidak Boleh Dedah (NDA), manakala 301 melibatkan jalinan kerjasama di dalam bentuk Surat Hasrat (LoI).



Rajah 6.1 : Jaringan Kerjasama UTHM 2023

**Jadual 6.1** : Senarai Keseluruhan Jalinan Kerjasama UTHM 2023

Jenis Hubungan Kerjasama	Jumlah
Memorandum Persefahaman (MoU)	324
Memorandum Perjanjian (MoA)	93
Perjanjian Tidak Boleh Dedah (NDA)	16
Surat Hasrat (LoI)	301

## Kerjasama Penyelidikan Dalam dan Luar Negara

Kerjasama antara universiti dan industri adalah elemen yang sangat penting bagi memastikan penyelidikan yang dilakukan selari dengan keperluan masalah di industri. Selain itu, hubungan strategik antara universiti dan industri, bukan sahaja memberi impak positif kepada staf tetapi juga memberi peluang kepada para pelajar terlibat dalam kajian bersama pihak industri. Dalam pengadaptasian norma baharu impak pandemik Covid-19, sebanyak 135 agensi swasta/NGO direkodkan seperti dalam **Jadual 6.2**. Manakala, terdapat sembilan agensi dari luar negara seperti di dalam **Jadual 6.3** melaksanakan penyelidikan bersama dengan penyelidik UTHM.

**Jadual 6.1** : Senarai Keseluruhan Jalinan Kerjasama UTHM 2023

Nama Agensi	Fakulti
Adaptive Netpoleon Malaysia Sdn. Bhd.	FSKTM
Serba Dinamik IT Solutions Sdn Bhd	CVL
TH Universal Builders Sdn Bhd	FPTP
Binaan Desjaya Sdn. Bhd.	FPTV
Dunham-Bush Industries Sdn. Bhd.	FPTV
GPIBS Berhad	FPTV
Prihoda Malaysia Sdn. Bhd.	FPTV
Rafique Construction Sdn. Bhd.	FPTV
Keretapi Tanah Melayu Berhad	FTK
Perisind Samudra Sdn. Bhd.	FPTP
Festo Sdn. Bhd.	FTK
Building Lindungan Sdn. Bhd.	FKMP
TDK Electronics (Malaysia) Sdn. Bhd.	FKMP
SIRIM STS Sdn. Bhd	FKMP
KA Bina Consultancy Group Sdn Bhd	FKMP
GSPARX Sdn. Bhd.	FKEE
Integrated PDP Sdn. Bhd.	FKMP
Angkasa Kowaris Plastics Sdn. Bhd.	FTK
Elvira Systems Sdn. Bhd.	PPD

Nama Agensi	Fakulti
Koperasi UTHM Berhad	Pejabat Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik dan Kualiti)
Shawal Technologies Sdn. Bhd. (circuits.my)	PPD
Yayasan TRC	HEPA
Confexhub Sdn. Bhd.	FAST
Aerodyne Technology Sdn. Bhd.	FKMP
Data Sukan Consulting Sdn. Bhd.	FKMP
Jaycorp Berhad	Teaching Factory
Castconsult Sdn. Bhd.	FKAAB
MZR Global Sdn. Bhd.	FSKTM
CARRIER (Malaysia) Sdn. Bhd.	FPTV
International Cultural Communication Center Malaysia	FPTV
Pertubuhan Peladang Negeri Johor	FKMP
Top Glove Sdn. Bhd.	FAST
Internspoon Sdn. Bhd.	PKKA
Kinetic Building Technology Sdn. Bhd.	FKAAB
Digital Transformation Consulting	FKMP
MTS Workskill Sdn. Bhd.	FKMP
Technerve Technology Solution Sdn. Bhd.	FTK
Alkauthar Kinematics Sdn. Bhd.	FKAAB
Kumpulan Abex Sdn. Bhd.	FKEE
Rapid Solutions	FPTV
Omron Electronics Sdn. Bhd.	FPTV
K & T Precision Engineering Sdn. Bhd.	FPTV
Aimflex Systems Sdn. Bhd.	FPTV
Teras Megamaju Sdn. Bhd.	FPTV
TSIS Welding Solutions Sdn. Bhd.	FPTV
Tech-Store Malaysia Sdn. Bhd.	FPTV
Willowglen (Malaysia) Sdn. Bhd.	FPTV
L&G Technology	FPTV
UPECA Aerotech Sdn. Bhd.	FKMP
Spirit Aerosystems Malaysia Sdn. Bhd.	FKMP
Epic Aero Sdn. Bhd.	FKMP
IME Group of Companies	FPTV
Veenco Switchgears Engineering Sdn. Bhd.	FTK
Syarikat Figos Sdn. Bhd.	Pusat Sukan Universiti

Nama Agensi	Fakulti
MIMOS Berhad	FKEE
SWM Environment Sdn. Bhd.	FTK
Global Facilities Management Sdn. Bhd.	FTK
Southern Lab (M) Sdn. Bhd	FKAAB
Green 3 Sdn. Bhd.	FKMP
ATAS Innovations Sdn. Bhd.	FPTV
Easy Clean & Services (M) Sdn. Bhd.	FTK
Nationgate Solution (M) Sdn. Bhd.	I2e
Ares Energy Sdn. Bhd.	FTK
Hartasuma Sdn. Bhd.	FTK
Global Rail Sdn. Bhd.	FTK
Malaysia Marine and Heavy Engineering Sdn. Bhd.	FPTV
SynergyHUB Ventures Sdn. Bhd.	FPTV
Gabungan Binaan Jurutenaga Sdn. Bhd.	FPTV
Mazateknik Sdn. Bhd.	FPTV
AME Manufacturing Sdn. Bhd.	FPTV
Gerbang Alaf Restaurants Sdn. Bhd.	FPTV
Dr. Pakar Aircond Sdn. Bhd.	FPTV
Dommal Food Services Sdn. Bhd.	FPTV
FSS Venture Sdn. Bhd.	FPTV
Synar Setara Resources Sdn. Bhd.	FPTV
Falah Techno Development Sdn. Bhd.	FTK
BS Tooling Enterprise	FPTV
EGO Technologies Sdn. Bhd.	FPTV
Azurite Engineering PLT	FTK
TSH Contract Manufacturing Sdn. Bhd.	FPTV
United Glory Engineering Sdn. Bhd.	FKAAB
Shafbina Resources	FPTV
Lestari Aero Industries Sdn. Bhd.	ICC
Extechpro (M) Sdn. Bhd.	FPTV
San Miguel Yamamura Plastic Film Sdn. Bhd	FPTV
Vstream Revolution Sdn. Bhd.	FKMP
Cinnotek International (Malaysia) Sdn. Bhd.	FTK
Sena Diecasting Industries Sdn. Bhd.	FPTV
EIK Engineering Sdn. Bhd.	FPTV
IM Global Property Consultants Sdn. Bhd.	Institut Harta Tanah Malaysia
Norman Process Oils Malaysia Plant Sdn. Bhd.	FAST

Nama Agensi	Fakulti
Anjung Technology Sdn. Bhd.	PPP
TLP Terminal Sdn. Bhd.	FPTP
Lestari Global Sdn. Bhd.	FTK
Bondit E&C Sdn. Bhd.	FPTV
Suria Component Manufacturing (M) Sdn. Bhd.	FPTV
Minda Satria Sdn. Bhd.	FPTV
Woodfire Burger Restaurant	FPTV
Aumedia Systems (M) Sdn. Bhd.	FPTV
Reinforce Soil Engineering Sdn. Bhd.	FTK
MrGeo Technology Sdn. Bhd.	FTK
STMicroelectronics Sdn. Bhd.	FTK
Icon Team Sdn. Bhd.	FPTV
Mohaz Engineering & Technology (M) Sdn. Bhd.	FPTV
Hijrah Water Sdn. Bhd.	FTK
Seikou Systec Sdn. Bhd.	MYRIVET
EEW Malaysia Sdn. Bhd.	FPTV
Chuan Luck Piling & Construction Sdn. Bhd.	FPTV
Allied Chemists Laboratory Sdn. Bhd.	FAST
Jurutera Perunding Meinhardt Sdn. Bhd.	MSA
Senibong Synergy Sdn. Bhd.	FKEE
Renewcell (M) Sdn. Bhd.	FKEE
Schaefer Kalk (Malaysia) Sdn. Bhd.	FTK
Ryco Hydraulics Sdn. Bhd.	FTK
Gading Kencana Sdn. Bhd.	FAST
Sunway Bigbox Hotel Sdn. Bhd.	FPTV
National Aerospace Industry Corporation Malaysia (NAICO Malaysia)	FKMP
DHL Supply Chain (Malaysia) Sdn. Bhd.	FTK
Globallab Engineering Sdn. Bhd.	FTK
Techcare Innovation Sdn. Bhd.	FTK
Vitrox Technologies Sdn. Bhd.	FTK
Siapterk Sdn. Bhd.	FKMP
Aima Construction Sdn. Bhd.	FPTV
Koperasi UTHM Berhad	PPP
Mifa M&E Sdn. Bhd.	FPTV
Barista Guild Asia Sdn. Bhd.	FPTV
Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah Darul Aman	PKKA




Nama Agensi	Fakulti
Laman Alamjaya Sdn. Bhd.	FAST
R2P Asia Sdn. Bhd.	FTK
Mili Tech Sdn. Bhd.	FKEE
New Star Food Industries Sdn. Bhd.	FKMP

## Analisa Memorandum Perjanjian (MoA) Tempatan Aktif Tahun 2018 hingga Tahun 2023 UTHM

Tahun 2023 menunjukkan peratusan yang tertinggi berbanding tahun lain dalam Memorandum Perjanjian (MoA) Aktif Baharu iaitu sebanyak 93 MoA.

### Fakulti



**Rajah 6.2 :** Analisa Memorandum Perjanjian (MoA) Tempatan Aktif Tahun 2018 hingga Tahun 2023 UTHM


**Jadual 6.3 :** Kerjasama Penyelidikan Bersama Agensi Luar Negara

Nama Agensi	Negara	Fakulti
<i>Labtech International LTD</i>	Indonesia	FPTV
<i>Arcstone Pte. Ltd.</i>	Singapore	FKMP
<i>Beijing RuiPan International Education Technology Co., Ltd.</i>	China	MyRIVET
<i>SuperMap Software Co. Ltd., China</i>	China	FKAAB
<i>Testia Asia Pacific Pte. Ltd.</i>	Singapore	FKMP
<i>Mobitech Wireless Solution Private Limited</i>	India	FKEE
<i>M. Kumarasamy College of Engineering, Tamil Nadu</i>	India	FKEE

Nama Agensi	Negara	Fakulti
<i>Real Tech Systems, Erode, India</i>	India	FKEE
<i>TechCreate Solution Private Limited</i>	Singapore	FPTP

## Analisa Memorandum Perjanjian (MoA) Antarabangsa Aktif Tahun 2018 hingga 2023

Pada tahun 2023, UTHM mencatatkan peratusan yang tinggi dalam menjalinkan kerjasama bersama organisasi antarabangsa iaitu sebanyak 16 MoA.



**Rajah 6.3 :** Analisa Memorandum Perjanjian (MoA) Antarabangsa Aktif Tahun 2018 hingga 2023

## Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) Sempena Lawatan Kerja Rasmi YB Menteri Pendidikan Tinggi ke UTHM

Pada 8 Mei 2023, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi telah menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTHM yang diwakili Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM bersama pihak industri iaitu Fuzi Furniture Sdn. Bhd. yang diwakili YBrs. Encik Hairun Mohd Salim dan juga Elsevier yang diwakili YBrs. Encik Omar Malik sempena lawatan kerja rasmi YB Menteri Pendidikan Tinggi ke UTHM. Turut hadir, YBhg. Datuk Dr. Mohd Zabri Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), YBhg. Dato' Prof. Dr. Norzaini Azman, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Pembangunan) Jabatan Pendidikan Tinggi KPT dan YBhg. Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti.



**Foto 6.1:** Pertukaran MoU antara UTHM bersama Fuzi Furniture Sdn. Bhd. dan Elsevier sempena Lawatan Kerja Rasmi YB Menteri Pendidikan Tinggi ke UTHM

## Majlis Pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) Sempena Majlis Perasmian Penubuhan Inkubator Keusahawanan Pelajar (En. Trade Hub) UTHM Pusat Teknousahawan Universiti

Pada 13 Ogos 2023, Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM telah mewakili pihak Universiti bagi pertukaran Memorandum Perjanjian (MoA) bersama KGW Logistics yang diwakili YBhg. Dato Roger Wong Ken Hong, Pengarah Urusan KGW Logistics dan juga YBrs. Dr. Mohd Zulariffin Md Maarof, *SpinOff* Syarikat Terbitan Universiti yang disaksikan oleh YBhg. Dato' Sri Ibrahim Ahmad, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti sempena Majlis Perasmian Pusat Inkubator Keusahawanan Pelajar (*En.Trade Hub*) bertempat di Pusat Inkubator Keusahawanan Pelajar (*En. Trade Hub*), Bangunan F3 UTHM Kampus Induk.



Foto 6.2: Pertukaran MoA sempena Majlis Perasmian Penubuhan Inkubator Keusahawanan Pelajar (En. Trade Hub) UTHM Pusat Teknousahawan Universiti

## Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) Sempena Majlis Pelancaran Makmal-Makmal UTHM di Bawah Inisiatif ICP (*Industrial Collaboration Program*)

Pada 29 Ogos 2023, YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi telah sudi menyaksikan pertukaran MoU antara TDA, Indra Sistemasi dan UTHM yang diwakili Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM yang turut disaksikan Datuk Hj. Md Jais Hj. Sarday, Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) mewakili Pengerusi LPU UTHM sempena Majlis Pelancaran Makmal-Makmal UTHM di bawah Inisiatif ICP yang merangkumi teknologi sistem dan simulasi dalam bidang *Cybersecurity* dan *Railway Signalling & Automatic Fare Collection Systems* bertempat di UTHM Kampus Cawangan Pagoh.



**Foto 6.3 :** Pertukaran MoU antara UTHM bersama TDA dan Indra Sistemasi Sempena Majlis Pelancaran Makmal-Makmal UTHM di Bawah Inisiatif ICP (*Industrial Collaboration Program*)

## Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) Antara UTHM Bersama *Moscow Aviation Institute* dan *National Research University Moscow Power Engineering Institute*

Pada 9 November 2023, Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM telah mewakili pihak Universiti bagi memeterai MoU bersama *Moscow Aviation Institute* dan *National Research University Moscow Power Engineering Institute* yang turut disaksikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi sempena Mesyuarat Sesi Kedua *Joint Malaysia-Rusia Commission for Economic, Scientific, Technical and Cultural Cooperation* bertempat di Grand Banquet Hall, Aras 6, UTM Hotel & Residence, Kuala Lumpur.



Foto 6.4 : Pertukaran MoU Antara UTHM Bersama *Moscow Aviation Institute* dan *National Research University Moscow Power Engineering Institute*

## Lawatan Tapak Projek Komuniti Di Kota Tinggi

Pada 1 Disember 2023, Bahagian Hubungan Industri (BHI), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dengan kerjasama ICRC UTHM telah mengadakan satu sesi Lawatan Tapak Projek Komuniti di Kota Tinggi, Johor. Turut serta LPU UTHM, YBhg. Dato' Dr. Mohd Sharil bin Abdullah, delegasi KPT, UTM, dan Kolej Komuniti Pekan. Program berbentuk KTP yang akan dilaksanakan secara berterusan menyasarkan bantuan kepada komuniti-komuniti berdasarkan keperluan sosio ekonomi dengan kepakaran IPTA.



Foto 6.5 : Lawatan Tapak Projek Komuniti di Kota Tinggi, Johor

## Bengkel Pemetaan Program Upaya Komuniti Madani Kementerian Pendidikan Tinggi (UpayaKPT)

Program UpayaKPT merupakan satu inisiatif program pembangunan komuniti yang berteraskan social innovation melibatkan pakar-pakar daripada institusi pendidikan tinggi (IPT) berkongsi kepakaran dan memberi bimbingan kepada komuniti bagi meningkatkan sosioekonomi masyarakat. Program ini telah berlangsung pada 3 hingga 5 Disember 2023. Bengkel ini bertujuan memperincikan kluster projek komuniti yang bersesuaian untuk dilaksanakan bersama ketua projek komuniti universiti awam.



**Foto 6.6 :** Bengkel Pemetaan Program Upaya Komuniti Madani Kementerian Pendidikan Tinggi (UpayaKPT)

## Bengkel Pengisian Sistem IRIS (Society)

Pada 14 Disember 2023, telah berlangsung satu bengkel ICRC bersama staf Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK). Bengkel pada kali ini menyentuh secara langsung penggunaan Sistem IRIS dan hala tuju berkaitan program masyarakat bagi tahun 2024.



Foto 6.7 : Bengkel Pengisian Sistem IRIS (Society) bersama staf Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK)

## Program Industry Roundtable Discussion Series

Pada 16 Disember 2023, program ini telah dianjurkan oleh JPT-KPT dengan kerjasama ICRC UTHM & ICoE-Rel FTK. Program ini juga telah dirasmikan oleh LPU UTHM, YBhg. Dato' Dr. Mohd Sharil bin Abdullah. Turut hadir TNCPI UTHM, Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad. Program ini bertujuan merangsang pertukaran ilmu & menyokong kerjasama penyelidikan bagi membentuk graduan yang lebih bersedia menghadapi cabaran industri di samping memperkukuhkan hubungan antara industri dan institut pengajian tinggi. Turut hadir TNCPI UTHM, Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad.



Foto 6.8 : Program Industry Roundtable Discussion Series Anjuran JPT-KPT dengan Kerjasama ICRC UTHM dan ICoE-Rel FTK



## Hubungan Komuniti

### Kerjasama Penyelidikan Bersama Masyarakat

Universiti Awam (UA) tidak hanya memainkan peranan penting dalam melatih tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang, tetapi juga bertanggungjawab menyumbang ilmu dan kepakaran kepada pembangunan masyarakat. Selain itu, UA juga bertanggungjawab untuk memperkasakan masyarakat melalui elemen Pendayaan Komuniti Madani. Pendayaan Komuniti Madani merangkumi usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap hak dan tanggungjawab mereka, serta memberi mereka alat dan sumber daya untuk mengambil bahagian secara aktif dalam pembangunan sosial, ekonomi, dan politik.

Pelbagai program dijalankan bagi mengurangkan jurang antara masyarakat dan universiti sebagai usaha menjadikan universiti sebahagian daripada masyarakat. Ini sejajar dengan matlamat universiti untuk menjadi sebahagian daripada masyarakat, di mana keberadaannya dirasai, kehadirannya dilihat, dan suaranya didengari untuk manfaat masyarakat.

Konsep Hubungan Masyarakat merujuk kepada proses di mana organisasi dan individu membina hubungan yang berterusan melalui kerjasama yang memberi manfaat kepada masyarakat melalui program-program yang memberi impak yang besar. Proses ini merangkumi penyertaan dari peringkat awal dengan mengenal pasti isu-isu dan menggunakan sumber-sumber serta strategi yang relevan untuk membantu masyarakat mencapai perubahan.

Pelaksanaan program-program yang memberi impak besar merujuk kepada program atau projek yang dilaksanakan oleh UTHM dengan melibatkan masyarakat dalaman (pelajar, penyelidik, dan staf kampus) dan masyarakat luar (kebangsaan dan global), serta agensi kerajaan, industri, dan NGO. Dalam konteks ini, UTHM telah melaksanakan konsep universiti untuk masyarakat bertujuan memperluaskan peranan universiti dalam menyebarkan kepakaran, ilmu, dan maklumat bagi membantu pembangunan industri dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Pada tahun 2023, pelbagai program hubungan masyarakat telah direkodkan dalam sistem yang dibangunkan oleh Jabatan Jaringan Komuniti dan Promosi, Pejabat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC), UTHM. Sistem ini, dikenali sebagai *Integrated Relations of Industry and Society (IRIS)*, merupakan penambahbaikan daripada sistem sebelumnya iaitu Sistem Maklumat Kerjasama Universiti (SMKU).

Melalui sistem ini, program-program yang dilaksanakan telah direkodkan berdasarkan pelbagai kategori, bidang, dan kumpulan sasaran. Antara sembilan (9) kategori utama program termasuk kebajikan dan sukarelawan, kesejahteraan komuniti dan sosial, seni, budaya, agama, dan warisan, kesihatan dan kebersihan, bencana dan alam sekitar, pendidikan dan latihan, tenaga dan teknologi hijau, pembangunan bakat dan kerjaya, ekonomi dan produktiviti. Program-program ini juga dikelaskan kepada enam (6) bidang seperti *Knowledge Transfer Program (KTP)*, *Social Innovation (SI)*, *Social Entrepreneurship (SE)*, *University-Community Engagement (UCE)*, *Service Learning Malaysia-University for Society (SULAM)*, dan *Community Service Relationship (CSR)*. Kumpulan sasaran termasuk warga OKU, warga emas, B40, mangsa bencana alam, industri mikro dan kecil, masyarakat orang asli, masyarakat luar bandar, ibu/bapa tunggal, pelajar, dan murid sekolah.

Di bawah inisiatif UTHM yang berpaksikan kepada fungsi dan objektif UTHM Prihatin yang menumpukan kepada tanggungjawab sosial kepada komuniti dan alam sekitar, pelbagai inisiatif diteruskan dan dipertingkatkan di bawah ICRC bagi tahun 2023. Antaranya ialah Program Sekolah Angkat, TVET UNITY@Parit Sulong, Program Kampung Angkat, *Student Social Consultant and Volunteer (SOLVER)*, *Living Lab*, pengenalan kepada *social entrepreneurship* dan sebagainya. Semua inisiatif ini turut menyumbang kepada pendayaan komuniti madani, yang bertujuan memberi kuasa kepada masyarakat tempatan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam pembangunan komuniti mereka.

## Kejayaan, Pencapaian dan Pengiktirafan

Secara umumnya, program komuniti UTHM pada tahun 2023 adalah sebanyak 398 program dengan nilai perbelanjaan wang tunai dan sumbangan in-kind berjumlah RM5,305781.26. Pecahan program hubungan komuniti tahun 2023 yang telah dijalankan mengikut pengelasan kategori adalah seperti dalam **Jadual 6.4**.

**Jadual 6.4** : Analisis Program Hubungan Masyarakat Tahun 2023 Mengikut Kategori

Kategori Program Hubungan Komuniti	Bilangan
Kebajikan dan sukarelawan	52
Kesejahteraan komuniti dan sosial	64
Seni, budaya, agama dan warisan	12
Kesihatan dan kebersihan	16
Bencana dan alam sekitar	52
Pendidikan dan latihan	162
Tenaga & teknologi hijau	12
Pembangunan bakat & kerjaya	12
Ekonomi & produktiviti	16
<b>Jumlah</b>	<b>398</b>

## KATEGORI BAGI TAHUN 2023




Rajah 6.4 : Analisis Program Hubungan Masyarakat Tahun 2023 Mengikut Kategori

Tahun 2023 turut memperlihatkan seramai 85,660 orang peserta dalam kalangan komuniti terlibat dan telah menerima manfaat daripada pelaksanaan program-program komuniti UTHM. Pecahan kumpulan sasaran adalah seperti dalam **Jadual 6.5**. Manakala pecahan pengelasan bidang boleh dilihat dalam **Jadual 6.6**.

Jadual 6.5 : Analisis Program Hubungan Masyarakat Tahun 2023 Mengikut Penerima Manfaat


Pengelasan Penerima Manfaat Program Hubungan Masyarakat	Bilangan
Warga OKU	0
Warga emas	0
B40	2
Mangsa bencana alam	28
Industri mikro & kecil	1
Masyarakat orang asli	2
Masyarakat luar bandar	2
Ibu/bapa tunggal	0
Pelajar	29
Murid sekolah	29
Lain-lain	305
<b>Jumlah</b>	<b>398</b>



**Rajah 6.5 :** Analisis Program Hubungan Masyarakat Tahun 2023 Mengikut Penerima Manfaat

**Jadual 6.6 :** Analisis Program Hubungan Masyarakat Tahun 2023 Mengikut Bidang Program Manfaat

Bidang Program Hubungan Masyarakat	Bilangan
KTP	136
UCE	90
SULAM	75
CSR	78
SI	3
SE	16
<b>Jumlah</b>	<b>398</b>



**Rajah 6.6 :** Analisis Program Hubungan Masyarakat Tahun 2023 Mengikut Bidang Program Manfaat

Selain itu, penganjuran program hubungan komuniti UTHM berimpak pada tahun 2023 turut melibatkan penganjur bersama dalam kalangan pihak industri atau agensi serta memperoleh dana luar. Sebagai contoh, UTHM terpilih selaku penyelaras program TVET UNITY @Parit Sulong dengan dana yang diterima sejumlah RM5.1 juta. Selain itu UTHM terlibat secara langsung sebagai pelaksana dalam Projek *Proof of Concept for Frugal Internet Connectivity in the Rural Area* dimana sebanyak RM20,000.00 telah diperolehi melalui Geran Kontrak Kementerian.

## Projek Utama Universiti Bersama Komuniti

Komuniti setempat mahupun antarabangsa telah memperoleh manfaat melalui program-program KTP, SI, SE, SULAM, UCE dan CSR yang telah dilaksanakan. Pelbagai manfaat telah diperolehi oleh pelbagai golongan melalui kerjasama pelbagai pihak sama ada agensi kerajaan mahupun swasta yang membuktikan bahawa kebergantungan antara satu sama lain adalah rasional. **Jadual 6.7** menunjukkan beberapa program berimpak di antara UTHM dan komuniti dengan penglibatan pihak luar yang sangat memberangsangkan dan turut mendapat tajaan bagi tahun 2023.

**Jadual 6.7 :** Senarai Program Utama Universiti Komuniti Tahun 2023

Aktiviti	PTj	Bidang Tujah/ Kluster	Penganjur/ Kerjasama	Impak
Pemindahan Ilmu Teknik Menanam Pokok Bakau Dan Kepentingan Ekosistem Bakau Kepada Komuniti Parit Jawa	FAST	Kesejahteraan komuniti dan sosial	KPT	Projek dapat membantu meningkatkan taraf kehidupan, ekonomi dan pendidikan penduduk luar bandar.

Aktiviti	PTJ	Bidang Tujah/ Kluster	Penganjur/ Kerjasama	Impak
Bengkel Hidrosegak (Hidroponik Secara Menegak) Herba	FAST	Ekonomi & produktiviti	Abdurrab University	Projek dapat membantu pihak pengusaha makanan mengamalkan kebersihan bagi menjamin keselamatan makanan.
Program Kuliah Kerja Nyata (KKN) Di Wilayah Riau, Indonesia	FAST	Tenaga & teknologi hijau	Akademi Sains Malaysia (ASM)	Program dapat meningkatkan capaian internet di kawasan pedalaman.
Program Pemindahan Ilmu Litar Pengesan Paras Air Sistem Hidroponik	FKEE	Ekonomi & produktiviti	FKEE	Peserta akan memperoleh pengetahuan teori dan amali mengenai komponen utama dan penyambungan litar pengesan paras air dalam tanah.

## Pemindahan Ilmu Teknik Menanam Pokok Bakau dan Kepentingan Ekosistem Bakau Kepada Komuniti Parit Jawa

Isu alam sekitar tidak hanya terbatas pada pembalakan dan penebangan hutan. Ia juga melibatkan kemerosotan kualiti ekosistem yang sensitif, seperti ekosistem bakau. Ekosistem ini memainkan peranan penting dalam kelestarian alam sekitar dan mempunyai implikasi langsung terhadap komuniti, terutamanya di daerah Muar. Hutan bakau berfungsi sebagai sistem pertahanan pantai semulajadi. Pertumbuhan bakau yang lebat membantu mengurangkan hakisan pantai dan melindungi penempatan pesisir daripada kemusnahan harta benda dan nyawa. Pokok bakau menyerap tenaga ombak dan meredakan arus ketika berlaku bencana alam.

Ekosistem bakau mempunyai nilai biodiversiti yang tinggi. Ia menjadi habitat pelbagai spesies fauna seperti monyet, ular, memerang, burung-burung, serta menjadi kawasan habitat kerang, krustasia, dan ikan. Pokok bakau merupakan penyimpan karbon yang terbaik. Penilaian menunjukkan bahawa pokok bakau mampu menyimpan karbon dengan kadar sekuestrasi yang tinggi. Oleh itu, pemuliharaan hutan bakau membantu mengurangkan kesan pemanasan global dan perubahan iklim dunia. Hutan bakau juga penting sebagai sumber perikanan. Ia menyediakan makanan dan habitat kepada anak-anak ikan dan hidupan marin lain. Nelayan di daerah Muar bergantung kepada ikan sebagai sumber pendapatan.

Program ini bertujuan untuk memindahkan ilmu teknik menanam pokok bakau kepada komuniti Parit Jawa, Muar, Johor. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan ekosistem bakau dalam kalangan komuniti setempat. Aktiviti program merangkumi pemindahan ilmu teknik penanaman pokok bakau kepada komuniti Parit Jawa, Menerangkan

penerangan kepentingan ekosistem bakau, sesi demonstrasi teknik penanaman pokok bakau dan interaksi dengan komuniti untuk mendapatkan maklum balas dan memahami keperluan mereka.

Hasilnya, komuniti setempat telah berjaya didedahkan dengan teknik penanaman dan penyediaan polybag bagi menanam bakau. Ini memastikan kelestarian aktiviti penanaman dapat dijalankan secara mampan tanpa bergantung kepada pihak universiti.



**Foto 6.9 :** Sekitar program pemindahan ilmu teknik menanam pokok bakau dan kepentingan ekosistem bakau kepada komuniti Parit Jawa

## Program Kuliah Kerja Nyata (KKN) Di Wilayah Riau, Indonesia

Program Kuliah Kerja Nyata (KKN) Internasional UTHM-Univrab 2023 merupakan inisiatif yang dilaksanakan dengan kerjasama antara Universiti Abdurrahman (Univrab) di Pekanbaru, Indonesia, dan Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, UTHM. Program ini bertujuan untuk memindahkan teknologi, memupuk semangat sukarelawan, memantapkan kemahiran sosial, serta menggerakkan misi literasi dan inovasi di Provinsi Riau, Indonesia.

Program ini didukung sepenuhnya oleh Universiti Abdurrahman dan FAST, UTHM dengan sokongan kuat daripada Rektor Univrab, Prof. Dr. Susi Endrini. Selain itu, penyertaan aktif daripada mahasiswa dan pensyarah telah memantapkan pelaksanaan program ini.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya, Seminar Kesihatan dan Keselamatan Makanan. Seminar ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran industri kecil dan sederhana (IKS) serta masyarakat tentang isu-isu penting berkaitan keselamatan makanan. Selain itu bengkel Pemprosesan Mee Herba turut diadakan. Bengkel ini membincangkan kaedah konvensional dan teknologi ekstruder dalam memproses mee herba serta memperluaskan pengetahuan teknologi dalam kalangan masyarakat setempat. Secara tidak langsung program ini telah memberikan impak yang positif khususnya kepada masyarakat setempat serta meningkatkan reputasi universiti di samping memberikan peluang untuk

memperluaskan kerjasama antara kedua-dua universiti mencakupi aktiviti yang berkaitan dengan pemindahan teknologi dan pembangunan komuniti.



Foto 6.10 : Sekitar Program Kuliah Kerja Nyata (KKN) Internasional UTHM-Univrab 2023

## Bengkel Hidrosegak (Hidroponik Secara Menegak) Herba

Bengkel Hidrosegak Herba bertujuan untuk menangani cabaran alam sekitar yang dihadapi oleh kaedah pertanian tradisional di Felda Lenga, Johor, Malaysia, dengan memperkenalkan teknik hidroponik menegak. Kaedah pertanian konvensional sering kali menyebabkan kemerosotan alam sekitar melalui pencemaran tanah, air, dan ekosistem. Oleh itu, program ini bertujuan untuk mendidik masyarakat tentang pertanian mampan dan hidroponik menegak, serta mempromosikan penanaman herba.

Tujuan program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai penyediaan, penjagaan dan pengurusan tanaman hidroponik secara menegak yang efektif.

Program ini terdiri daripada beberapa modul antaranya:

Modul 1: Pengenalan dan Latar Belakang - Menekankan kepentingan penanaman hidroponik secara menegak.

Modul 2: Khasiat Herba Setempat - Memahami khasiat dan kegunaan herba tempatan.

Modul 3: Praktikal Penanaman Hidroponik - Memberi peluang kepada peserta untuk praktik langsung penanaman hidroponik menegak.

Program ini dijangka memberikan impak yang signifikan antaranya dapat meningkatkan kesedaran masyarakat Felda Lenga tentang kepentingan pertanian lestari dan penggunaan teknik hidroponik menegak. Mereka akan lebih memahami bahaya amalan pertanian konvensional terhadap alam sekitar dan lebih terbuka untuk menerima cara bertani yang lebih mesra alam. Selain itu, dengan memberikan pendedahan kepada peserta tentang penanaman herba yang diminati di Malaysia, program ini akan memberikan peluang ekonomi kepada masyarakat Felda Lenga. Penanaman herba yang berpotensi untuk menghasilkan pendapatan tambahan dapat meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan komuniti tempatan.





Foto 6.11 : Sekitar Bengkel Hidrosegag (Hidroponik Secara Menegak) Herba

## Program Pemindahan Ilmu Litar Pengesan Paras Air Sistem Hidroponik

Program Pemindahan Ilmu Litar Pengesan Paras Air Sistem Hidroponik bertujuan untuk menyediakan perkongsian ilmu secara teori dan amali mengenai penyambungan litar pengesan paras air dalam tanah. Program ini dihadiri oleh 100 orang pelajar daripada Tingkatan 3 dan 4 yang berminat dalam bidang sains, teknologi, dan matematik (STEM). Program ini dikendalikan oleh dua orang penceramah yang menjelaskan konsep dan komponen utama litar yang berkaitan, serta memberikan penerangan mengenai coding dan blok diagram sistem penyiraman.

Program ini telah memberikan impak yang signifikan antaranya peningkatan pengetahuan teori dan amali mengenai komponen utama dan penyambungan litar pengesan paras air dalam tanah. Di samping itu, menyokong kurikulum sekolah rendah bagi subjek Sains dan Rekabentuk dan Teknologi Tahun 6, dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk meminati bidang sains, teknologi, dan matematik (STEM).

Program Pemindahan Ilmu Litar Pengesan Paras Air Sistem Hidroponik adalah langkah penting dalam meningkatkan pengetahuan pelajar tentang teknologi hidroponik dan merangsang minat mereka dalam bidang STEM. Dengan sokongan dari penceramah yang berkelayakan dan fasilitator akademik, program ini diharapkan dapat memberikan manfaat yang berkekalan kepada pelajar dan memberikan dorongan kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi di kalangan generasi muda.




Foto 6.12 : Sekitar Program Pemindahan Ilmu Litar Pengesan Paras Air Sistem Hidroponik



# BAB | 7

## KELESTARIAN KAMPUS



## Pengenalan

Kelestarian adalah lonjakan penting ke arah masa depan untuk alam sekitar kerana ianya menjanjikan keseimbangan di antara alam sekitar, ekonomi dan sosial untuk generasi akan datang. Istilah kelestarian merangkumi pelbagai aspek sama ada dalam bentuk idea, teori, inisiatif dan strategi. Transformasi kelestarian telah dibangunkan dan dilaksanakan oleh UTHM di bawah penyelarasan Pejabat Kampus Lestari (SCO) untuk mewujudkan kampus hijau, cekap sumber, dan rendah karbon dengan berpandukan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), misi dan visi negara bagi memastikan tumpuan dan penekanan terhadap kemampanan adalah menyeluruh.

Dengan mengguna pakai moto “Merekayasa Kemampanan”, Pejabat Kampus Lestari (SCO) telah membuat perancangan, strategi, pelan tindakan dan aktiviti-aktiviti yang tersusun dengan baik untuk menjadikan kampus UTHM lebih lestari. Antara matlamat paling utama adalah untuk meningkatkan kesedaran, mendidik, melatih, memberi inspirasi, mempromosikan dan membangunkan kampus lestari yang kompeten untuk semua. Diharap inisiatif yang diusahakan ini akan menjadi pemangkin kepada perubahan positif bukan sahaja di dalam UTHM tetapi terhadap masyarakat dan industri setempat dan seterusnya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

## Pengiktirafan Kelestarian Kampus

### Penarafan Lestari Universiti

UTHM telah menyertai penarafan *Energy Management Gold Standard* (EMGS) sekaligus menjadi antara universiti terawal di Malaysia yang menyertai penarafan ini. Penilaian bagi pensijilan EMGS 1 Star telah dilaksanakan pada tahun 2019 dan UTHM berjaya memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan dengan 9 *Opportunity for Improvement* (OFI) untuk ditambahbaik. Seterusnya, UTHM menyertai penilaian bagi pensijilan EMGS 2 Star yang telah dijalankan pada Disember 2022. Proses penilaian ini dilaksanakan oleh *Malaysian Green Technology and Climate Change* (MGTCC) merangkumi aspek pengurusan dan kecekapan penggunaan tenaga oleh UTHM. Hasil daripada penilaian tersebut, UTHM telah berjaya memenuhi kriteria-kriteria yang ditetapkan dengan berjaya mencapai penjimatan penggunaan tenaga sebanyak 25 peratus daripada garis dasar tahun 2016 dan diberikan 7 OFI bagi proses penambahbaikan sebagai persediaan ke arah pensijilan EMGS - 3 Star

**Foto 7.1.** Kesemua OFI tersebut telah berjaya diselesaikan pada Julai 2023 dan pengesahan

daripada pihak MGTCC telah diterima pada Disember 2023. Kini pihak MGTCC sedang dalam proses pengeluaran sijil penarafan kepada UTHM.




**Foto 7.1 :** Poster kejayaan Penarafan EMGS 2 Star

## Dasar, Polisi dan Garis Panduan

SCO berperanan sebagai sebuah Pusat Tanggungjawab (PTj) yang menyelaras setiap aktiviti kelestarian di UTHM. Oleh itu, SCO telah membangunkan dasar, polisi dan garis panduan yang berkaitan pelaksanaan aktiviti kelestarian di kampus sebagai panduan dan rujukan warga kampus.

Pada tahun 2023, tiga (3) draf Garis Panduan Kelestarian iaitu Penanaman Pokok, Penggunaan Plastik Sekali Guna dan Mengaplikasi Amalan Terbaik Kelestarian Dalam Penganjuran Program Universiti **Foto 7.2** telah dibangunkan bagi memperincikan langkah-langkah yang berkaitan terhadap setiap Polisi Kelestarian UTHM yang telah diluluskan sebelum ini. Ia adalah bertujuan untuk memberi panduan dan rujukan yang lebih jelas kepada warga Universiti dalam merancang, menyelaras, memantau dan melaksanakan program / aktiviti di semua peringkat. Kesemua draf garis panduan tersebut akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Universiti (JKE) untuk proses kelulusan.



**Foto 7.2 :** Draft Garis Panduan Lestari : Mengaplikasi Amalan Terbaik Kelestarian Dalam Penganjuran Program Universiti

## Program Kelestarian

Pada tahun 2023, pelbagai program kelestarian telah dilaksanakan di bawah penyelarasan SCO seperti yang disenaraikan di **Jadual 7.1**. Aspek kelestarian yang dijalankan adalah Pengurusan Sisa dan Kitar Semula, Pengurusan Air, Pengurusan Tenaga, Landskap dan Penghijauan, Mobiliti dan Bangunan Hijau. Pelaksanaan program adalah merangkumi kempen kesedaran, webinar, pertandingan, kursus serta penganjuran program di dalam dan luar kampus.

Perancangan dan penyelarasan program kelestarian telah dilakukan bersama Jawatankuasa Pengurusan Kelestarian UTHM (JPKU) dan PTj berkaitan dengan menyasarkan penglibatan seluruh warga kampus dan komuniti setempat. Selain itu, SCO turut bekerjasama dengan Yayasan UTHM yang menyokong penuh pelaksanaan program kelestarian seperti yang disenaraikan di **Jadual 7.2**.

**Jadual 7.1** : Senarai Program Kelestarian Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Tahun 2023

Bil.	Program	Tarikh	Lokasi
1	Hebahan Poster Kesedaran	Januari – Disember 2023	Atas Talian
2	Program <i>Recycle@College</i> Semester I Sesi 2022/2023	21 Februari 2023	Kolej Kediaman UTHM
3	Jualan Bahan Kitar Semula	29 Mac 2023	Pusat Kitar Semula UTHM
4	Program <i>Earth Month Awareness 2023</i>	April – Jun 2023	Sekitar UTHM
5	Webinar Kelestarian: <i>Planning And Design Of Water Supply / Reticulation System</i>	5 April 2023	Atas Talian
6	Jualan Minyak Masak Terpakai	6 April 2023	Pusat Kitar Semula UTHM
7	Webinar Kelestarian: <i>Recycle Waste For Construction Materials</i>	10 April 2023	Atas Talian
8	Webinar Kelestarian: Pengurusan Sisa Plastik	18 April 2023	Atas Talian
9	Webinar Kelestarian: <i>Energy Awareness In Workplace</i>	8 Mei 2023	Atas Talian
10	Webinar Kelestarian: <i>Sustainable Gardening For Urban Home</i>	10 Mei 2023	Atas Talian
11	KKDK <i>Earth Hour</i>	19 Mei 2023	Kolej Kediaman UTHM
12	Pertandingan Kelestarian: <i>Tik Tok Short Video Competition " Let's Go Green!"</i>	21 Mei 2023	Atas Talian
13	Program <i>Green Run</i>	26 Mei 2023	UTHM
14	Hari Pengumpulan Bahan Kitar Semula@PTj 2023 (Zon A)	30 Mei 2023	UTHM
15	Pertandingan Kelestarian: Poster Digital Penjimatan Tenaga	1 Jun 2023	Atas Talian
16	Pertandingan Kelestarian: Cuba Teka Ph Ini?	19 Jun 2023	UTHM

Bil.	Program	Tarikh	Lokasi
17	Pertandingan Kelestarian: Reka Bentuk Bangku Daripada Bahan Terpakai	22 Jun 2023	UTHM
18	Hari Pengumpulan Bahan Kitar Semula@PTj 2023 (Zon B)	27 Jun 2023	UTHM
19	Jualan Barangan Kitar Semula	5 Julai 2023	Pusat Kitar Semula UTHM
20	Hari Pengumpulan Bahan Kitar Semula@PTj 2023 (Zon C)	26 Julai 2023	UTHM
21	<i>Recycle @ College</i> Semester II Sesi 2022/2023	27 Julai 2023	Kolej Kediaman UTHM
22	Penanaman Anak Pokok Bersempena Pertandingan Debat Alam Sekitar	25 Ogos 2023	UTHM
23	Hari Pengumpulan Bahan Kitar Semula@PTj 2023 (Zon D)	29 Ogos 2023	UTHM
24	Kursus Audit Dan Pengurusan Tenaga	18 & 19 September 2023	UTHM
25	Hari Pengumpulan Bahan Kitar Semula@PTj 2023 - Fasa 2 (Zon A)	27 September 2023	UTHM
26	Program Penanaman Anak Pokok Sempena Minggu Haluan Siswa (MHS)	4 Oktober 2023	UTHM
27	Kursus Amalan Hijau Di Pejabat	11 Oktober 2023	UTHM
28	Kempen Pengumpulan Bahan <i>E-Waste</i>	14 Oktober 2023	UTHM
29	Hari Pengumpulan Bahan Kitar Semula@PTj 2023 - Fasa 2 (Zon B)	31 Oktober 2023	UTHM
30	Program <i>3rian Madani Heroes</i>	30 November 2023	UTHM
31	Hari Pengumpulan Bahan Kitar Semula@PTj 2023 - Fasa 2 (Zon C & D)	28 Disember 2023	UTHM

**Jadual 7.2** : Senarai Program Kelestarian Pejabat Kampus Lestari dan Yayasan UTHM

Bil.	Program	Tarikh	Lokasi
1	Projek Pertanian Lestari 2.0	Januari – Disember 2023	UTHM
2	Program Pengumpulan dan Kitar Semula Bahan Fabrik	9 Ogos 2023	UTHM
3	Program Kesedaran Kualiti dan Kuantiti Air Melalui Rekabentuk Penapis Air dan Air Larian Permukaan	20 September 2023	SMK Tan Sri Osman Mohd Saat, Pontian, Johor
4	Program Penjimatan Air Melalui Pembinaan Sistem Tadahan Hujan	2 – 8 November 2023	UTHM
5	KITARunSemula@UTHM 2023	20 November 2023	UTHM
6	Sisa Minyak Masak: Sumber Yang Dilupakan	Oktober – Disember 2023	UTHM

SCO giat melakukan inisiatif dan kempen bagi memberi kesedaran dan memupuk amalan kelestarian kepada warga kampus. Antaranya adalah melalui hebahan poster berkaitan jumlah pengumpulan bahan kitar semula, penggunaan tenaga, air dan tips kelestarian **Foto 7.3** yang dilakukan pada setiap bulan untuk dijadikan panduan dan makluman warga kampus. Hebahan ini dibuat melalui emel, laman sesawang dan media sosial pejabat serta edaran kepada setiap PTj. Di samping itu, SCO turut mengeluarkan buletin **Foto 7.4** yang menghimpunkan maklumat program-program kelestarian yang telah dilaksanakan sepanjang tahun untuk makluman dan rujukan warga kampus.

Selain itu, SCO turut menganjurkan program *Earth Month Awareness* **Foto 7.5** untuk menggalakkan penglibatan warga kampus dalam aktiviti kelestarian. Program ini adalah bersempena dengan sambutan *International Mother Earth Day* oleh *United Nations* pada 22 April setiap tahun. Program berlangsung sepanjang bulan April hingga bulan Jun 2023 dengan pengisian beberapa aktiviti yang dirancang oleh SCO bersama jawatankuasa terlibat untuk disertai oleh warga kampus. Antara aktiviti kelestarian yang dianjurkan adalah webinar kelestarian, pertandingan kelestarian, dan pelbagai lagi. Di samping itu, demi memupuk budaya amalan lestari di kalangan warga kampus, SCO juga bekerjasama dengan Pusat Kepimpinan dan Kompetensi dalam menganjurkan Kursus Amalan Hijau di Pejabat **Foto 7.6** untuk disertai oleh wakil dari setiap PTj.

Penganjuran program yang dilaksanakan oleh SCO telah melibatkan kerjasama daripada pelbagai pihak luar antaranya Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS), SWCorp Johor dan SWM Environment Sdn. Bhd. **Foto 7.7**. Selain itu, penganjuran program oleh SCO turut melibatkan penyertaan daripada pihak luar yang berperanan sebagai Speaker dan Panel Webinar dan juga sebagai peserta program. Antaranya adalah daripada institut pendidikan tinggi (IPT), agensi kerajaan, kolej komuniti, sekolah dan komuniti setempat.



Foto 7.3 : Poster hebahan dan tips kelestarian





Foto 7.4 : Buletin Pejabat Kampus Lestari (SCO) tahun 2023



Foto 7.5 : Program Earth Month Awareness 2023



**KURSUS AMALAN HIJAU DI PEJABAT**  
 Anjuran Bersama Pusat Kepimpinan dan Kompetensi dan Pejabat Kampus Lestari



**PROF. MADYA IR. TS. DR. MOHD AZAHARI BIN RAZALI**  
 FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN PEMBUNYAN



**TS. DR. RUZAMAH BINTI RAZMAN**  
 FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM BINA



**DR. JUMAIDAH BINTI JARLAHI**  
 FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM BINA



**DR. NOR AMANI FILZAH BINTI MOHD KHAML**  
 FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM DAN ALAM BINA

**NET**  
 11 Oktober 2023 (Rabu)

**9.00 pagi - 4.30 petang**

**Bilik Seminar Seri Siantan, Aras 3, Bangunan Pejabat Pendaftar**










Foto 7.6 : Kursus Amalan Hijau di Pejabat



Foto 7.7 : Penganjuran program bersama SWCorp Johor dan SWM Environment Sdn. Bhd.

SCO juga menyelaras operasi Pusat Kitar Semula UTHM yang menerima dan mengumpul bahan kitar semula daripada warga kampus dan komuniti setempat. Pusat ini menerima bahan kitar semula seperti kertas, plastik, tin aluminium, minyak masak terpakai, pakaian terpakai dan lain-lain dengan menyediakan bayaran untuk setiap bahan kitar semula yang dihantar. SCO juga menganjurkan Hari Pengumpulan Bahan Kitar Semula@PTJ pada setiap tahun bermula dari bulan Mei hingga Disember 2023 **Foto 7.8** dengan objektif menggalakkan warga kampus untuk menghantar bahan kitar semula ke Pusat Kitar Semula UTHM. Setiap PTJ dibahagikan mengikut zon dan akan diselaraskan oleh wakil PTJ masing-masing **Foto 7.9** bagi proses pengumpulan bahan kitar semula di PTJ. Selain itu, program *Recycle@College* 2023 **Foto 7.10** turut diadakan pada setiap hujung semester bagi memberi peluang kepada pelajar untuk mengumpul dan melaksanakan amalan kitar semula di kolej kediaman sebelum bercuti panjang. Kesemua bahan kitar semula yang dikumpul akan dijual kepada pusat pengumpulan berhampiran **Foto 7.11** untuk proses kitar semula. Secara keseluruhannya, Pusat Kitar Semula UTHM telah berjaya mengumpul jumlah keseluruhan 8,019 kg bahan kitar semula bersama 4703 tCO<sub>2</sub>e pada tahun 2023 seperti yang dinyatakan di **Rajah 7.1**.



Foto 7.8 : Poster Hari Pengumpulan Bahan Kitar Semula@PTJ 2023



Foto 7.9 : Pengumpulan bahan kitar semula oleh wakil PTj

**STUDENT RECYCLING ACTIVITY**  
**RECYCLE COLLEGE@**  
 END OF SEMESTER 1 SESSION 2022/2023

✓ FREE PARTICIPATION  
 ✓ OPEN TO ALL STUDENT  
 ✓ RECYCLING REWARDS

LET'S COME AND JOIN US

PLASTIC  
 METAL  
 E-WASTE  
 PAPER  
 USED CLOTHES

PARTICIPATE IN THREE EASY STEPS

- 1 SCAN QR CODE REGISTER YOUR DETAILS
- 2 START PACKING PACK THEM INTO CATEGORY
- 3 RECYCLE IT! MEET US THERE

REGISTER NOW!

bit.ly/clearancecollege

THE COLLEGE WITH THE MOST WASTE COLLECTION WILL BE THE WINNER!

**21 FEB 2023** | 09.00 AM - 01.00 PM  
**TUESDAY**

**COLLECTION LOCATION**  
 KKDK BLOK SOKONGAN AB (KKTf)  
 BLOK SOKONGAN AB (KKTdI)  
 KKLK BLOK E1-02 (beside laundry)

IN COLLABORATION WITH  
 KKDK KOLEJ KEDIRIAN LIAH KAMPUS

**RECYCLE COLLEGE@**  
 END OF SEMESTER II SESSION 2022/2023

LET'S COME AND JOIN US

PLASTIC  
 METAL  
 E-WASTE  
 PAPER  
 USED CLOTHES

For Any Enquiries :

MR. MOHD SYARIFUDIN BIN ARIS  
 018-792 1017

MUHAMMAD AMIRUL HAFIZUDDIN  
 013-9477765

NURUL AISYAH  
 010-3190454

NOOR HASLINDA  
 010-8710798

IMAN NURAINA  
 017-3672948

**27 JULY 2023** | 09.00 AM - 11.00 AM  
**THURSDAY**

**COLLECTION LOCATION**  
 KKDK BLOK SOKONGAN AB (KKTf)  
 BLOK SOKONGAN AB (KKTdI)


IN COLLABORATION WITH  
 KKDK KOLEJ KEDIRIAN LIAH KAMPUS

Foto 7.10 : Program Recycle@College 2023



Foto 7.11 : Jualan bahan kitar semula dan minyak masak terpakai

### Pengumpulan Bahan Kitar Semula Tahun 2023



Rajah 7.1 : Pengumpulan Bahan Kitar Semula UTHM Tahun 2023

Inisiatif penjimatan tenaga di kampus turut dilaksanakan dengan kempen-kempen kesedaran melalui hebahan poster penggunaan tenaga bulanan yang diedarkan kepada warga kampus. Polisi dan garis panduan berkaitan penggunaan tenaga turut dibangunkan bagi rujukan dan panduan warga kampus dalam pelaksanaan aktiviti berkaitan pengurusan tenaga di kampus. Segala perancangan aktiviti berkaitan pengurusan dan penjimatan tenaga telah dirancang dan diselaraskan oleh SCO bersama Jawatankuasa Pengurusan dan Kecekapan Tenaga UTHM (JKPTU) dan Pengurus Tenaga Elektrik Berdaftar (REEM) yang dilantik oleh Universiti. Pada tahun 2023, pelbagai aktiviti yang dijalankan bagi memberi kesedaran dan pemahaman kepada warga kampus seperti edaran pelekat kesedaran ke semua PTj **Foto 7.12** dan penganjuran pertandingan berkaitan tenaga **Foto 7.13**.

Selain itu, SCO telah bekerjasama dengan REEM untuk mengadakan beberapa sesi webinar berkaitan penggunaan tenaga serta mengadakan kursus audit dan pengurusan tenaga **Foto 7.14** yang disertai oleh wakil-wakil dari setiap PTj. SCO juga bekerjasama dengan Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan (PPP) bagi melaksanakan kerja-kerja penukaran mentol kepada LED dan proses delamping **Foto 7.15**. Di samping itu, proses penukaran unit penghawa dingin yang lama kepada penghawa dingin yang jimat tenaga turut dilaksanakan bagi mencapai sasaran penjimatan yang disasarkan.

UTHM juga telah menerima beberapa siri lawatan daripada pihak luar **Foto 7.16** yang berminat untuk melihat dengan lebih dekat berkaitan sistem pengurusan tenaga di UTHM. Secara keseluruhannya, penggunaan tenaga pada tahun 2023 adalah 25,006,176 kWh dengan mencatat penjimatan sebanyak 22.9 peratus daripada garis dasar tahun 2016 seperti di Rajah 7.2 dan Rajah 7.3.

**Burn calories, not electricity**

Skip the elevator and escalator  
Walking up stairs just 2 minutes per day helps prevent weight gain  
Also helps the environment by saving electricity

**Minima 24°C**

"Selaraskan suhu ke paras yang disarankan iaitu 24 - 25 C"

Rujukan:  
Surat pekeliling am bil. 2 tahun 2014  
Garis panduan kaedah penjimatan tenaga di pejabat dan premis kerajaan

Foto 7.12 : Pelekat Kempen Penjimatan Tenaga

**Sustainable COMPETITION**

Perlawanan **POSTER DIGITAL** PENJIMATAN TENAGA

Syarat Pertandingan:

1. Terbuka kepada pelajar UTHM.
2. Poster yang dihasilkan mesti menggunakan perisian CANVA.
3. Poster mesti menggunakan Bahasa Melayu & bersaiz A4 dengan tema "Penjimatan Tenaga Di UTHM".
4. Poster mesti mengemul logo rasmi UTHM di sudut kanan atas.
5. Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu penyertaan.
6. Tempoh penghantaran penyertaan adalah 1 - 22 Jun 2023.
7. Penyertaan hendaklah dibenar di dalam format JPEG/PNG dengan saiz fail tidak melebihi 20MB melalui platform yang disertakan.
8. Poster yang diantar akan menjadi hak milik Pejabat Kampus Lestari dan akan digunakan untuk tujuan kepada warga kampus.
9. Keputusan adalah MUKTAMAD.

Medal kepada pemenang

Hubungi Persekitaran:  
Pejabat Kampus Lestari (SCL)  
07-4537224

**EARTH 20 MONTH 23**

**PENJIMATAN TENAGA DI UTHM**

Tingkatkan penjimatan tenaga dengan mematikan peralatan elektronik yang tidak digunakan

**JIMAT TENAGA**

"Hanya 60 Minit untuk Bumi Kita"

**PENJIMATAN TENAGA DI UTHM**

1. CABUT PLUG YANG TIDAK DIGUNAKAN

2. SENTIASA MEMBERSIHKAN RUMAH DAN PENYUNTAH UDARA

3. PASTIKAN SURUT KIPAS DAN LAMPU DITUTUP SELAPAS MENGGALAKAN BELAK

**Tips Penjimatan Tenaga**

- Guna penercahan semula-jen sebanyak mungkin.
- Padamkan laptop dan komputer apabila tidak digunakan.
- Sertai program penjimatan tenaga dan pertukaran tiada di kampus.
- Gunakan kenderaan awam, amalkan berkongsi kereta(Carpool) atau berbasikal.

**Penjimatan Tenaga Di UTHM**

Menggunakan elektrik secara berhemah.

Padamkan semua komputer/laptop dimasa penghawa dingin tidak digunakan.

Padamkan semua jenis peralatan elektrik & elektronik jika tidak digunakan.

Manfaatkan penggunaan cahaya dari luar dengan mematikan bilik pada tingkap.

Foto 7.13 : Poster Pertandingan Tenaga




Foto 7.14 : Webinar dan Kursus Audit & Pengurusan Tenaga




Foto 7.15 : Proses delamping



Foto 7.16 : Lawatan Sistem Pengurusan Tenaga UTHM



Rajah 7.2 : Penggunaan Tenaga Bulanan UTHM Tahun 2023 (Kampus Induk)



Rajah 7.3 : Penggunaan Tenaga Bulanan UTHM Tahun 2023 (Kampus Pagoh)

Penjagaan alam sekitar dan penghijauan turut ditekankan di kampus dengan penganjuran Kempen Penanaman 100 Juta Pokok peringkat UTHM menerusi Program Penanaman Pokok Sempena Pertandingan Debat Alam Sekitar IPT dan Program Minggu Haluan Siswa **Foto 7.17** yang telah diselenggarakan oleh SCO. Pelaksanaan program ini telah mendapat kerjasama daripada Unit Landskap, PPP, Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP), Yayasan UTHM, Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS). Secara keseluruhannya, sebanyak 125 pokok telah ditanam pada tahun 2023 yang terdiri daripada pokok cengal, pokok hutan dan pokok buah-buahan.

Di samping itu, SCO juga bekerjasama dengan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB) untuk mengadakan Program Kesedaran Kualiti dan Kuantiti Air Melalui Rekabentuk Penapis Air dan Model Air Larian Permukaan **Foto 7.18** bersama Pejabat Pendidikan Daerah Pontian. Program ini



telah dijalankan di SMK Tan Sri Osman Mohd Saat, Pontian, Johor yang melibatkan 48 orang pelajar daripada tujuh buah sekolah seluruh Daerah Pontian. Objektif program adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada para pelajar seterusnya ahli masyarakat sekitar berkenaan kepentingan kualiti dan kebersihan air demi kelestarian alam sekitar.



**Foto 7.17** : Kempen Penanaman 100 Juta Pokok Peringkat UTHM



**Foto 7.18** : Program Kesedaran Kualiti dan Kuantiti Air Melalui Rekabentuk Penapis Air dan Model Air Larian

## Teknologi Lestari

Seiring dengan zaman teknologi dan pendigitalan, UTHM tidak ketinggalan untuk mengaplikasikan dan menerapkan konsep teknologi di dalam pelaksanaan aktiviti kelestarian. Sepanjang tahun 2023, beberapa aktiviti dijalankan dengan penerapan teknologi lestari yang disertai oleh warga kampus dan komuniti setempat.

### Sistem UTHM E-Green Data

SCO dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat (PTM) telah membangunkan Sistem UTHM *E-Green Data* **Foto 7.19** yang mula diguna pakai sejak tahun 2022. Pembangunan sistem ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan pengumpulan data-data hijau dari seluruh kampus yang akan digunakan dalam penyediaan laporan lestari dan penarafan universiti. Sistem ini juga adalah sebagai inisiatif bagi menggantikan kaedah pengumpulan data hijau secara manual sebelum ini yang sukar untuk diakses dan tiada pemusatan data. Setiap penyelarasan di PTJ akan diberikan capaian untuk memasukkan data hijau masing-masing seterusnya akan memudahkan pihak berkaitan untuk mengakses maklumat dengan cepat. Pada tahun 2023, sistem ini terus digunakan dalam menyalurkan data-data hijau daripada setiap PTJ berkaitan bagi tujuan penyediaan laporan kelestarian UTHM.




Foto 7.19 : Paparan Sistem UTHM E-Green Data

## Projek Pertanian Lestari 2.0

SCO dengan kerjasama Yayasan UTHM telah meneruskan pelaksanaan Projek Pertanian Lestari 2.0 dengan proses penambahbaikan sistem perpaipan. Set hidroponik tersebut menggunakan teknologi tanaman tanpa tanah dan digantikan dengan air dan larutan baja melalui kaedah Sistem Pengaliran Nutrien (NFT) yang mana pam air akan mengalirkan larutan baja daripada tangki ke palung-palung tanaman secara bertingkat. Projek tanaman ini mengambil masa kira-kira empat minggu dari proses semaian biji benih sehingga ke proses penuaian hasil.



Foto 7.20 : Projek Pertanian Lestari 2.0

## Pembinaan Sistem Tadahan Hujan

SCO dengan kerjasama Yayasan UTHM dan FKAAB telah melaksanakan projek Pembinaan Sistem Tadahan Hujan **Foto 7.21** bertempat di bangunan FKAAB. Pelaksanaan projek ini adalah bertujuan untuk mengumpul dan menyimpan air semula jadi daripada hujan bagi kegunaan harian dan mengelakkannya daripada tersejat akibat daripada sebarang aktiviti hidrologi. Sistem ini adalah bermula dari kawasan tadahan iaitu bumbung bagi mengumpul dan mengalirkan air hujan ke penapis seterusnya ke tangki sebagai tempat penyimpanan air. Sistem yang dibangunkan ini bukan sahaja dapat mengurangkan kos air bulanan, namun dapat menjadi salah satu kaedah penyelesaian kepada masalah sumber air yang semakin kritikal pada masa kini.



**Foto 7.22** : Projek Sistem Tadahan Hujan FKAAB

## Projek Jalanan Masyarakat

SCO telah mengadakan kerjasama dengan pihak *Kloth Care* bagi menempatkan dua unit tong kitar semula fabrik di UTHM. Kerjasama ini adalah bertujuan untuk menyediakan tempat yang sesuai kepada warga kampus dan komuniti setempat bagi membuang bahan kitar semula yang berasaskan fabrik. Kesemua bahan fabrik ini akan diasingkan mengikut keperluan iaitu untuk disumbangkan kepada pihak yang memerlukan dan untuk diproses kitar semula. Selaras dengan tuntutan *Corporate Social Responsibility (CSR)*, SCO kerap menjalinkan kerjasama dengan Persatuan Ibu Tunggal Mekar Batu Pahat dalam melakukan agihan pakaian terpakai kepada golongan yang memerlukan di sekitar kawasan Batu Pahat.




**Foto 7.23** :  
Tong kitar semula fabrik  
dan Program *Corporate Social Responsibility (CSR)*



# BAB | 8

PEMBANGUNAN  
FASILITI DAN ICT



## Pembangunan Fizikal dan Penyenggaraan Infrastruktur

### Pengenalan

Kemudahan infrastruktur serta persekitaran fizikal yang lengkap amat penting dalam menyokong sebarang aktiviti kampus terutamanya pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perkembangan sahsiah dan kokurikulum. Fasilitas fizikal juga memainkan peranan bagi menyokong perjalanan pentadbiran universiti yang efisien.

Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan adalah pusat tanggungjawab yang berfungsi menyediakan fasiliti fizikal kampus dan bertanggungjawab ke atas pembangunan dan penyelenggaraan kampus yang kondusif bagi menyokong aktiviti kampus. Persekitaran yang kondusif akan dapat memberikan kesan positif kepada kualiti hidup masyarakat kampus secara langsung atau tidak langsung. Sejalan dengan keperluan ini, pelbagai projek pembangunan baharu dan juga projek-projek naik taraf fasiliti sedia ada yang telah usang giat dijalankan bagi memenuhi keperluan warga universiti. Penyenggaraan kampus juga memainkan peranan sangat penting bagi memastikan fasiliti fizikal di tahap yang optimum.



Tahun 2020 merupakan tahun terakhir dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Tumpuan utama pembangunan di dalam RMK-11 4th *Rolling Plan* (RP4) adalah kepada membaikpulih dan menaiktaraf fasiliti sedia ada yang telah usang agar dapat digunakan secara optimum. UTHM diluluskan dua (2) projek baharu di dalam RMK-11, RP4 menggunakan peruntukan Belanja Pembangunan bernilai RM 21 juta yang mana kedua-duanya adalah projek menaiktaraf bangunan dan juga penggantian alat-alat pengajaran dan pembelajaran yang telah usang.



Di samping itu, UTHM masih dalam proses pembinaan bangunan baharu dan naiktaraf bangunan sedia ada yang telah diluluskan peruntukannya dalam Rancangan Malaysia ke-12 meliputi *1st Rolling Plan* hingga *3rd Rolling Plan*. Selain dari menggunakan sumber peruntukan Belanja Pembangunan (DE), PPP juga menguruskan pembangunan dan penyenggaraan kampus menggunakan peruntukan belanja mengurus melalui peruntukan Wang Rezab Universiti yang merangkumi sebanyak 183 kontrak kerja, bekalan dan juga perkhidmatan dengan peruntukan berjumlah RM 47 juta.

## Bahagian Perancangan

Bahagian Perancangan, Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan UTHM telah dipertanggungjawabkan untuk merancang pembangunan fizikal di seluruh kampus UTHM selain menguruskan aset hartanah dan ruang-ruang di Universiti untuk kegunaan warga kampus. Bahagian Perancangan ini mempunyai kakitangan seramai 5 orang merupakan nadi utama yang berusaha untuk mendapatkan peruntukan kerajaan dan sumber-sumber lain bagi membangunkan fasiliti kampus.

## Bahagian Pembinaan

Bahagian Pembinaan, Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan UTHM telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan pembinaan projek-projek pembangunan dan naiktaraf bangunan di UTHM. Bahagian Pembinaan ini mempunyai kakitangan teknikal seramai 22 orang yang meliputi bidang Akitek, Kejuruteraan Awam dan Struktur dan Kejuruteraan Elektrik dan Mekanikal.

Sepanjang tahun 2023, UTHM telah menjalankan projek pembangunan RMK yang merangkumi kos keseluruhan hampir RM70 juta manakala yang menggunakan perbelanjaan Wang Rizab dan Dana Khas KPT adalah hampir RM 6 juta. Senarai projek yang dimaksudkan adalah sepertimana berikut:

**Jadual 8.1 : Projek dalam Pelaksanaan (RMK-11 dan RMK-12)**

Nama Projek	Tarikh Siap	Kos Projek (RM)	Status
Menaik Taraf Infrastruktur dan Sistem Mekanikal, Elektrikal serta Teknologi Maklumat & Komunikasi ICT di UTHM.	04 September 2022	13,472,388.00	Kemajuan : 92% (Lewat Jadual)
UTHM - Pembangunan Pusat Teknologi Aeronautik di Tanjung Laboh.	12 Jun 2025	18,274,891.44	Kemajuan : 16.76% (Cepat)
UTHM – Pembangunan Pusat Data Baharu dan Perolehan Peralatan.	25 Disember 2023	5,775,000.00	Kemajuan : 90.50% (Lewat Jadual)

Nama Projek	Tarikh Siap	Kos Projek (RM)	Status
UTHM - Menaik Taraf dan Membaik pulih Fasiliti Kompleks Dewan Kuliah Gunasama (Kompleks G3) di dalam Kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim.	30 Disember 2023	14,500,596.24	Kemajuan : 93.00% (Cepat)
UTHM - Menaik Taraf dan Baik pulih Fasiliti Kolej Kediaman yang Usang di dalam Kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim - (KKTSN).	06 Disember 2023	9,984,592.00	Kemajuan : 99.00% (Cepat)
UTHM - Menaik Taraf Infrastruktur Fasiliti Sukan Pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Parit Raja, Batu Pahat.	17 Januari 2024	2,619,453.50	Kemajuan : 93.00% (Cepat)



Foto 8.1 : Kerja-Kerja Menaik Taraf Infrastruktur Dan Sistem Mekanikal, Elektrikal Serta Teknologi Maklumat Dan Komunikasi ICT di UTHM





**Foto 8.2** : Pembangunan Pusat Teknologi Aeronautik di Tanjung Laboh



**Foto 8.3** : Pembangunan Pusat Data baharu dan perolehan peralatan



**Foto 8.4 :** Ubah Taraf dan membaikpulih fasiliti Kompleks Dewan Kuliah Gunasama (Kompleks G3)

**Jadual 8.2 :** Projek yang Telah Siap Pelaksanaan (RMK)

Nama Projek	Tarikh siap	Kos Projek
Kerja-kerja Membekal, Memasang, Mengujilari dan Mentauliah Pemasangan Infra Kabel Elektrik bagi Masukan Bekalan Utama serta Kerja-kerja yang berkaitan untuk Bangunan Pusat Data Baharu di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor.	25 Disember 2023	1,408,000.00
Pembinaan Jalan Masuk serta Kerja-kerja Berkaitan bagi Pusat Data Baharu dan Perolehan di UTHM.	25 Disember 2023	748,000.00
UTHM - Menaik Taraf dan Baik Pulih Fasiliti Kolej Kediaman yang Usang di dalam Kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja Batu Pahat, Johor Darul Takzim (KKTF).	19 Oktober 2023	2,528,672.00



**Foto 8.5 :** Kerja-kerja membekal, memasang, mengujilari dan mentauliah pemasangan infra kabel elektrik bagi masukan bekalan utama serta kerja-kerja yang berkaitan untuk bangunan Pusat Data baharu



**Foto 8.6 :** Pembinaan jalan masuk serta kerja-kerja berkaitan bagi Pusat Data baharu dan perolehan di UTHM



**Foto 8.7 :** Menaik taraf dan baik pulih fasiliti Kolej Kediaman - KKTF

**Jadual 8.3** : Projek dalam Pembinaan (Peruntukan Universiti dan Khas)

Nama Projek	Tarikh Siap	Kos Projek (RM)	Status
UTHM – Cadangan Pembinaan Secara Reka dan Bina (Design & Build) Sebuah Bangunan Sementara Stor Simpanan Buangan Berpusat, UTHM.	16 Februari 2024	656,250.00	Kemajuan : 90% (Ikut jadual)
UTHM – Kerja-kerja Naik Taraf Fasad Bangunan di Kampus Bandar, UTHM.  Nota: Dihentikan sementara sehingga kelulusan KM	25 April 2023	328,750.00	Kemajuan : 66.00%
UTHM – Kerja-kerja Naik Taraf Kafeteria Kolej Kediaman Tun Fatimah di Blok G5, Kampus Parit Raja.	14 Disember 2023	406,973.75	Kemajuan : 100% (Ikut Jadual)
UTHM – Kerja-kerja Naik Taraf Siling di Blok PTTA, Kampus Parit Raja.	11 April 2024	1,177,000.00	Kemajuan : 26% (Lewat Jadual)
UTHM - Cadangan Naik Taraf Tempat Letak Kenderaan di Pejabat Pendaftar (Blok E16) dan Bangunan Pusat Penyelidikan (Blok F6), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	06 November 2023	249,000.00	Kemajuan : 96.00% (Lewat Jadual)
UTHM - Kerja-kerja Ubah Suai Bangunan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan di Blok C 15, C16 dan C 17, di Kampus Parit Raja.	07 Januari 2024	151,370.00	Kemajuan : 93.9% (Cepat)

**Jadual 8.4** : Projek dalam Pembinaan (Peruntukan Dana Usang 2022)


Nama Projek	Tarikh Siap	Kos Projek (RM)	Status
UTHM - Kerja-kerja Elektrik Menaik Taraf Fasiliti Sukan Pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Johor.	28 November 2023	202,020.00	Kemajuan : 87.86% (Lewat Jadual)
UTHM – Naik Taraf Kemas Dinding, Siling Koridor, Pintu, Grill dan Penggantian Karpit Bilik Kuliah di Blok B1, Kampus Parit Raja.	13 Januari 2024	345,268.00	Kemajuan : 85% (Cepat)

Nama Projek	Tarikh Siap	Kos Projek (RM)	Status
UTHM – Menaik Taraf Bangunan Masjid Sultan Ibrahim (Blok I), Bangunan Kompleks Renang (Blok A19) dan Bangunan Kuarters Staf (Blok H) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kampus Parit Raja – Pakej 1 : Pembaikan Bumbung dan Siling Kompleks Renang (Blok A19).	23 Disember 2023	181,480.00	Kemajuan : 72% (Lewat Jadual)
UTHM – Menaik Taraf Bangunan Masjid Sultan Ibrahim (Blok I), Bangunan Kompleks Renang (Blok A19) dan Bangunan Kuarters Staf (Blok H) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kampus Parit Raja – Pakej 2 : Pembaikan Siling Masjid (Blok I).	23 Disember 2023	190,490.00	Kemajuan : 73% (Lewat Jadual)
UTHM – Kerja-kerja Ubah Suai Bilik Mesyuarat di Pejabat Penasihat Undang-Undang, Blok A2, Kampus Parit Raja.	06 November 2023	135,385.00	Kemajuan : 36% (Ikut Jadual)
UTHM – Kerja-kerja Ubah Suai dan Naik Taraf Ruang Inkubator Pelajar di ICC, Aras 2, Blok F6 di Kampus Parit Raja.	25 Januari 2024	278,380.00	Kemajuan : 57.00% (Lewat Jadual)
UTHM – Kerja-kerja Ubah Suai dan Naik Taraf Ruang Terbuka di Aras 3, Pusat Pengajian Siswazah, Bangunan Penyelidikan Blok F6 di Kampus Parit Raja.	17 Disember 2023	136,721.00	Kemajuan : 85% (Lewat Jadual)
UTHM - Menaik Taraf Waterproofing Bumbung Jenis Rata di Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional (FPTV) Blok K, di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.	8 Januari 2024	382,044.00	Kemajuan : 31% (Lewat Jadual)
UTHM - Baik Pulih Kemas Lantai, Dinding dan Tandas di Pejabat Canselori, Tingkat 5, Bangunan PTTA (Blok L), Kampus Parit Raja.	21 Januari 2024	431,970.00	Kemajuan : 40% (Ikut Jadual)

Nama Projek	Tarikh Siap	Kos Projek (RM)	Status
UTHM - Kerja-kerja Ubah Suai dan Naik Taraf Makmal Instrumentasi Perubatan (JEL), Jabatan Kejuruteraan Elektronik, FKEE di Aras Bawah Blok QB di Kampus Parit Raja.	4 Februari 2024	30,944.00	Kemajuan : 40% (Cepat)
UTHM - Kerja-kerja Membina Laluan Pejalan Kaki dan Jambatan Penghubung dari Masjid ke Tempat Letak Kenderaan Dewan Sultan Ibrahim di Kampus Parit Raja.	31 Mac 2024	480,145.00	Kemajuan : 7 % (Ikut Jadual)
UTHM - Kerja-kerja Penggantian Kemas Lantai Karpas di Bilik G1-076A, Blok G1 di FPTP Kampus Parit Raja.	25 Januari 2024	18,975.00	Kemajuan : 85% (Cepat)




**Foto 8.8 :** Kerja-kerja Naiktaraf Siling di Blok PTTA, Kampus Parit Raja



**Foto 8.9 :** Pembaikan Bumbung dan Siling Kompleks Renang (Blok A19)



**Foto 8.10** : Pembaikan Siling Masjid (Blok I)



**Foto 8.11** : Baikpulih Kemas Lantai, Dinding dan Tandas di Pejabat Canselor, Tingkat 5, Bangunan PTTA (Blok L), Kampus Parit Raja

**Jadual 8.5** : Projek Dalam Tempoh Kecacatan

Projek Pembangunan Yang Sedang Dalam Tempoh Kecacatan	Tarikh Siap	Kos Projek (RM)
UTHM - Kerja-kerja Naik Taraf 'Outdoor Fitness Station' Sedia Ada Bersebelahan Blok Stadium di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.	23 Februari 2023	188,545.00
UTHM – Cadangan Menaik Taraf Galeri MRT Corp Kepada MRT-UTHM Metro System Academy, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di Sungai Buloh.	06 Ogos 2022	486,601.00
UTHM – Kerja-kerja Membaik Pulih Trek Olahraga dengan Kelulusan “World Athletics” (WA) / IAAF Class 2 Certification” di Stadium UTHM.	02 Julai 2022	2,121,588.00
UTHM – Kerja-kerja Elektrik untuk Ubah Suai dan Naiktaraf Makmal Penyelidik DNDT, FKMP, Blok C11-006, UTHM.	30 November 2022	67,990.00
UTHM – Kerja-kerja Ubah Suai Makmal Automasi dan Makmal Simulasi Pembuatan FKMP, UTHM.	13 November 2022	82,490.00
UTHM - Kerja-kerja Membaik Pulih Sebahagian Ruang di PTD bagi Penempatan Pensyarah dan Operasi Pejabat FPTP di Kampus Bandar, UTHM.	23 November 2022	119,950.00
UTHM – Kerja-kerja Ubah Suai Pejabat Teknousahawan dan Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat, Aras 2, di Blok F6, UTHM.	09 November 2022	115,250.00

Projek Pembangunan Yang Sedang Dalam Tempoh Kecacatan	Tarikh Siap	Kos Projek (RM)
UTHM - Kerja-kerja Elektrik bagi Ubah Suai Pejabat Teknousahawan dan Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat Aras 2, di Blok F6, UTHM.	14 Disember 2022	54,445.00
UTHM – Kerja-kerja Mengecat Luar Bangunan Dewan Peperiksaan (Blok F2) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.	07 Februari 2023	227,854.00
UTHM – Kerja-kerja Membekal, Memasang dan Menguji Terima Sistem Penyaman Udara untuk Kerja-kerja Ubah Suai dan Menaik Taraf Makmal Penyelidikan DNDT, FKMP, Blok C11-06 di UTHM .	02 November 2022	67,465.00
UTHM - Kerja-kerja Ubah Suai Pejabat Perancangan Strategik dan Kualiti di Blok A4 di UTHM.	26 Februari 2023	55,970.00
UTHM – Kerja-kerja Membekal dan Memasang Kemasan 'Aluminium Mullion' dan 'Vertical Tempered Glass' di Bangunan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), UTHM.	29 Januari 2023	49,985.00
UTHM - Kerja-kerja Membaik Pulih Bangunan Pos Pengawal 4 Sedia Ada di UTHM.	20 Mac 2023	110,410.00
UTHM – Kerja-kerja Ubah Suai Ruang Menunggu Pejabat Blok M kepada Galeri Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, UTHM.	11 Jun 2023	83,112.50
UTHM – Cadangan Membina Pagar di Stadium di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.	25 Julai 2023	246,915.50
UTHM – Cadangan Kerja-kerja Pembaikan Sistem Pembentungan Keseluruhan Bangunan (CCTV Work) di UTHM.	27 Mei 2023	145,400.00
UTHM - Kerja-kerja Mengecat Luar Bangunan Blok C15 dan C16 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.	27 September 2023	278,960.00
UTHM – Kerja-kerja Mengecat Luar Bangunan Blok C17 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.	27 September 2023	197,197.00
UTHM – Kerja-kerja Menaik Taraf Makmal Non Destructive Testing (NDT) dan Grinding Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan.	26 Ogos 2023	81,500.00
UTHM – Kerja-kerja Naik Taraf Makmal Rekabentuk Papan Litar Tercetak Lanjutan G1 – 029A dan Makmal Fabrikasi Mikroelektronik G1 – 048A, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik di Kampus Parit Raja.	15 Oktober 2023	69,050.00
UTHM – Kerja-kerja Menaik Taraf 'Box Culvert' di Jalan Kemajuan Berhadapan Kompleks Dewan Kuliah G3 di Kampus Parit Raja.	23 Oktober 2023	102,680.00





Foto 8.12 : Rangkuman foto Projek Dalam Tempoh Kecacatan (DLP)

## Penyenggaraan Elektrik

Unit Penyenggaraan Elektrik, Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan merupakan sebuah unit bertindak di dalam UTHM bagi pengurusan penyenggaraan fasiliti dan infrastruktur elektrik, telefon, sistem audio visual dan alat bantuan mengajar selain terlibat secara langsung dalam proses dan kerja urus-cekap tenaga dan utiliti di kampus universiti berdasarkan peruntukan, jadual dan mengikut piawaian akta atau pekeliling yang ditetapkan.

## Senarai Kerja-Kerja Penyenggaraan Elektrik

Jadual 8.6 : Senarai Kontrak Penyenggaraan Berkala Elektrik 2023


Bil.	Tajuk Kerja Penyenggaraan (Berkala) Utama Elektrik
1	Kerja-kerja Pembaikan Kerosakan dan Penggantian Peralatan Elektrik (Berkala)
2	Kerja-kerja Penyenggaraan Pencawang Elektrik Voltan Tinggi (Berkala)

3	Kerja-kerja Penyenggaraan Janakuasa Tunggu Sedia (Berkala)
4	Kerja-kerja Lawatan dan Pemeriksaan Jurutera Perkhidmatan/ Kompeten Elektrik (Berkala)
5	Perkhidmatan Senggaraan Sistem Telefon (PABX)(Berkala)
6	Kerja-kerja Pembaikan Kerosakan dan Infra Telefon (Berkala)
7	Kerja-kerja Penyenggaraan Alat Siaraya dan LCD Projektor (Berkala)
8	Kerja-kerja Penyenggaraan Alat Bantuan Mengajar (ABM) (Berkala)

**Jadual 8.7 : Senarai Kontrak Penyenggaraan/Ubah Taraf (One-Off) Elektrik 2023**

Bil.	Tajuk Kerja Penyenggaraan / Ubah Suai/ Ubah Taraf Elektrik
1	UTHM - Kerja Pengujian dan Pemeriksaan bagi Penyenggaraan Pemasangan Alat Gganti dan Peranti Perlindungan setiap Dua (2) Tahun di Kampus Parit Raja.
2	UTHM - Kerja-kerja Penyenggaraan dan Pembaikan Sistem dan Peranti Agihan Bekalan Elektrik di KKTF dan KKTDI di Kampus Parit Raja
3	UTHM - Kerja-kerja Membekal, Memasang dan Menaik Taraf Sistem Audio di Dewan Banquet dan Dewan Sultan Ibrahim di Kampus Parit Raja.
4	UTHM - Kerja-kerja Penyenggaraan dan Pembaikan Video Wall Serta Ujilari Sistem Paparan di Dewan Sultan Ibrahim di Kampus Parit Raja.
5	UTHM - Kerja-kerja Ubah Taraf dan Baik Pulih Fasiliti Usang di Kolej Kediaman Tun Fatimah dan Tun Dr. Ismail (kerja-kerja elektrik) di Kampus Parit Raja.
6	UTHM – Kerja-kerja Infra Sistem Pemantauan Tangki Air (Main Elevated Water Supply Tank) di Kampus Parit Raja.
7	UTHM - Kerja-kerja Ubah Taraf dan Baik Pulih Fasiliti Usang di Blok H (Kuarters Masjid) (kerja-kerja elektrik) di Kampus Parit Raja.
8	UTHM - Kerja-kerja Ubah Taraf Pencahayaan Laluan Masuk Utama (Boulevard) di Kampus Parit Raja.

## Statistik Unit Elektrik Penyenggaraan



Rajah 8.1 : Data Unit Penyenggaraan Elektrik Tahun 2023





Foto 8.13 : Rangkuman Kerja-kerja Penyenggaraan Elektrik

## Bahagian Pengurusan Fasilitas

### Pencucian dan Pembersihan Bangunan

Bagi mewujudkan persekitaran kampus yang kondusif dan ceria, Bahagian Pengurusan Fasilitas (BPF) bertanggungjawab dalam menyelia kerja-kerja pencucian dan pembersihan bangunan Kampus UTHM Parit Raja termasuk di Kampus Bandar dan Pusat Latihan Minda Emas (PuMAS) di Kampus Tanjung Laboh. Bagi memudahkan penyeliaan, tumpuan dan fokus kerja yang lebih terarah serta menjamin kualiti kerja yang lebih baik, pembersihan bangunan di Kampus UTHM Parit Raja dibahagikan kepada empat zon iaitu Zon A, B, C, dan D yang mana setiap zon dikendalikan oleh kontraktor yang berbeza. Pembahagian zon dibuat berdasarkan keluasan dan kemudahan infrastruktur yang terdapat di suatu kawasan. Kos keseluruhan bagi kerja-kerja pembersihan bangunan di UTHM Kampus Parit Raja adalah sebanyak RM 5,340,810.00 bagi kontrak selama dua tahun iaitu dari tahun 2023 hingga tahun 2025.




Rajah 8.2 : Pecahan Mengikut Zon Pembersihan Bangunan



**Foto 8.14 :** Aktiviti pencucian dan pembersihan bangunan sekitar kawasan UTHM

## Penyenggaraan Landskap, Rumput dan Pembersihan Kawasan.

Bahagian Pengurusan Fasiliti (BPF) dipertanggungjawabkan untuk penyenggaraan landskap, rumput dan pembersihan kawasan di Kampus UTHM Parit Raja (termasuk Kampus Bandar dan Pusat Latihan Minda Emas (PuMAS) di Tanjung Laboh. Bagi memastikan landskap di sekitar kampus dapat disenggara dengan baik dan teratur, kerja-kerja penyenggaraan landskap, rumput dan pembersihan kawasan dibahagikan kepada dua kawasan iaitu Pakej A dan Pakej B. Penyenggaraan landskap, rumput dan pembersihan kawasan perlu dijalankan secara berkala dan berjadual supaya dapat mewujudkan persekitaran dengan pemandangan yang bersih, suasana yang nyaman dan kemas. Kos keseluruhan bagi penyelenggaraan rumput dan pembersihan kawasan ini menelan belanja sebanyak RM3,317,779.79 bagi kontrak selama dua tahun iaitu dari tahun 2024 hingga tahun 2026.



**Rajah 8.3 :** Pelan Penyenggaraan Landskap, Rumput dan Pembersihan Kawasan Mengikut Pakej A dan Pakej B



**Foto 8.15 :** Aktiviti penyenggaraan landskap, rumput dan pembersihan kawasan sekitar UTHM

## Pembangunan Akses Internet Kampus UTHM

Dalam usaha memperkukuh agenda pendigitalan Universiti dan selaras dengan Pelan Strategik ICT UTHM (2020 – 2024) Teras 1, Strategi 2, Program “Meningkatkan Kapasiti Talian Internet”, penyediaan akses internet yang stabil dan berkualiti tinggi adalah teras untuk melonjakkan agenda ini. Justeru, penambahbaikan infrastruktur internet UTHM Kampus Parit Raja telah meningkatkan keupayaan litar suwa internet daripada 5Gbps kepada 10Gbps secara bertahap bermula pada Januari 2023 melalui kontrak perjanjian selama tiga tahun dengan kos sebanyak RM3.9 juta.

UTHM Kampus Pagoh yang berada dalam jaringan Hab Pendidikan Tinggi Pagoh (HPTP) juga telah dipertingkatkan kapasiti talian Internet daripada 1Gbps kepada 4 Gbps bermula September 2023 melalui kontrak perjanjian selama tiga tahun dengan kos RM1.95 juta. Pusat Minda Emas, UTHM Kampus Tanjung Laboh telah mengalami peningkatan kapasiti internet daripada 30 Mbps kepada 800Mbps untuk menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala di Metro System Academy (MSA) Sungai Buloh, Selangor, UTHM MSA Sg Buloh juga telah dilengkapi dengan kapasiti talian Internet 800Mbps untuk tujuan yang sama. Kesemua kampus UTHM dilengkapi dengan Next Generation Firewall (NGFW), Intrusion Prevention System (IPS) dan jaringan Virtual Private Network (VPN)- IPsec untuk meningkatkan keselamatan siber kampus.

Selain itu, liputan Wi-Fi di Kampus Parit Raja, Kampus Bandar dan Kolej Kediaman juga akan dipertingkatkan daripada 61 peratus kepada 100 peratus menjelang tahun 2024 melalui projek naik taraf fasiliti ICT dan projek penggantian peralatan rangkaian yang telah usang menggunakan peruntukan pembangunan (D.E) Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) iaitu sebanyak RM1.7 juta serta peruntukan dalaman Universiti melalui Pelan Strategik ICT tahun 2020 – 2024 (ISP) sebanyak RM8.5 juta pada tahun 2023.

## Mengoptimumkan Penggunaan Microsoft 365

Gmail telah digunakan sebagai e-mel rasmi untuk staf bermula 1 Januari 2020. Sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, keperluan collaboration suite dan online classroom telah meningkat penggunaannya di UTHM. Staf UTHM cenderung menggunakan Google Meet dan Google Drive atas faktor Gmail sebagai e-mel rasmi dan juga aplikasi storan awan yang ditawarkan oleh Google Workspace Education Fundamentals yang lebih popular walhal aplikasi yang sama juga ditawarkan di M365. Di samping itu, ramai pengguna telefon pintar menggunakan Android yang tersedia dengan integrasi perkhidmatan Google. Penggunaan Google Classroom juga menjadi Learning Management System (LMS) yang biasa digunakan dalam kalangan pensyarah dan pelajar ketika tempoh PKP. Perkara ini berlaku disebabkan perkhidmatan yang diperlukan dalam proses pembelajaran dalam talian disediakan oleh Google dalam satu pakej yang mudah untuk diakses. Dalam masa yang sama juga Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah melanggan lesen M365 sehingga 31 Julai 2024 untuk semua staf dan pelajar Universiti Awam. Justeru itu, pihak KPT telah meminta semua Universiti Awam termasuk UTHM untuk memanfaatkan sepenuhnya lesen tersebut melalui satu surat rasmi dari Ketua Setiausaha KPT dengan rujukan KPT.100-15/4/2 (36) bertarikh 12 September 2022. Mengambil arahan dari KPT ini, PTM telah mengatur langkah dan melaksanakan perpindahan e-mel rasmi staf ke Microsoft Outlook bagi memastikan penggunaan Microsoft 365 dapat dioptimumkan berkuatkuasa 1 Mac 2023. Bermula tarikh ini juga semua staf dan pelajar baharu tidak lagi diberikan akaun Google Workspace Education Fundamentals.

## Penyediaan Infrastruktur Pusat Pemulihan Bencana (Disaster Recovery Centre-DRC)


Pelan Strategik ICT Lima Tahun (2020-2024) UTHM telah menggariskan pelaksanaan Teras 1, Strategi 5 dan Program “Penyediaan bangunan atau ruang baharu untuk Disaster Recovery di Kampus Cawangan”, usaha-usaha untuk merealisasikan DRC tersebut telah dirancang bermula tahun 2020. Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bilangan 5/2021 telah meluluskan peruntukan pelaksanaan Projek ICT untuk Pelan Strategik ICT (2020-2024) termasuk pelaksanaan DRC di Pusat Data HPTP. Perolehan telah dilaksanakan pada 2022 dan pembekalan semua infrastruktur ICT telah selesai dibekalkan pada Julai 2023. Kategori DRC yang dipilih untuk diimplimentasi adalah jenis “warm” yang mana hanya sebahagian infrastruktur untuk keperluan sistem-sistem kritikal sahaja disediakan. Infrastruktur DRC yang disediakan merangkumi infrastruktur pangkalan data utama UTHM iaitu Oracle, Sistem AUTHOR, eprints, ereport dan beberapa sistem kritikal yang lain. Ketika ini hanya infrastruktur pangkalan data Oracle sahaja yang masih menantikan proses naik versi Oracle di Kampus Induk selesai sebelum boleh melaksanakan proses replikasi ke infrastruktur di DRC.

## Penyediaan Infrastruktur Single Sign On (SSO) dan 2 Factor/Multifactor Authentication (2FA/MFA)

Pelan Strategik ICT Lima (5) Tahun (2020-2024) UTHM telah menggariskan pelaksanaan Teras 1, Strategi 4 dan Program “Keselamatan Rangkaian dan Data Storage Pusat Data ICT”. Usaha untuk melaksanakan SSO ini telah dimulakan pada tahun 2021. Daripada segi keselamatan ICT, kaedah SSO ini boleh ditambah baik dengan menggunakan 2FA yang mana proses verifikasi dilaksanakan bagi memastikan pengguna adalah pengguna yang sebenar. Perolehan infrastruktur SSO telah dilakukan pada hujung 2022 dan pembekalan telah selesai pada 1 Februari 2023. Dua sistem telah diimplimentasikan SSO dan 2FA sebagai perintis iaitu Sistem SMAP dan E-kursus.

## Penyediaan Virtual Application Infrastructure (VAI)

Perisian sebagai Perkhidmatan (SaaS) ialah model pengkomputeran awan di mana perisian dan aplikasi dihoskan dan disediakan untuk keperluan pengguna melalui ethernet/internet atas permintaan. Pengguna boleh mengakses dan menggunakan perisian melalui pelayar web dari pelbagai platform peranti. Pautan Virtual Application Infrastructure (VAI) adalah seperti berikut : <https://saas.uthm.edu.my>.



### In This Article

- [Introduction](#)
- [Manual & Guides](#)
- [Software List](#)
- [Support](#)

## Introduction

Software as a Service (SaaS) is a cloud computing model in which software and applications are hosted and provided to users over the ethernet/internet on demand basis. Instead of installing software on individual computers, users can access and use the software through a web browser from multiple platform of devices.

## Manual and Guide

Download manual from the list below:

- [How to Use UTHM's SaaS](#)
- [How To Save Data to Local Device](#)

## Software List

List of software available on SaaS platform:

- Microsoft Office 365
- Adobe Acrobat Pro X
- Adobe Illustrator CS5
- Adobe Photoshop CS5
- AutoCAD 2018
- Autodesk Recap

## Support

For any questions or support, please contact us at

Helpdesk Pusat Teknologi Maklumat (PTM)

- Email: [eduarict@uthm.edu.my](mailto:eduarict@uthm.edu.my)
- Phone: [0745372927295](tel:0745372927295)

[Start Here](#)


**Foto 8.16** : Perisian sebagai Perkhidmatan (SaaS)



## Penyediaan Virtual Desktop Infrastructure (VDI)

Penyediaan infrastruktur Virtual Desktop Infrastructure (VDI) adalah berdasarkan kepada Pelan Strategik ICT Lima (5) Tahun (2020-2024) UTHM yang menggariskan pelaksanaan Teras 1, Strategi 1 infrastruktur untuk menyokong penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran (PdP). Usaha untuk pengukuhan dan pementapan infrastruktur ICT telah dilaksanakan pada tahun 2023 dan pembekalan telah selesai pada bulan Ogos 2023.

VDI ialah teknologi yang menggunakan server untuk mengurus dan menyediakan komputer secara maya. Tidak terhad kepada peranti fizikal tertentu, komputer maya ialah imej pra-konfigurasi sistem pengendalian dan aplikasinya boleh diakses daripada mana-mana peranti yang serasi. Dengan VDI, persekitaran komputer maya boleh dihoskan pada server berpusat dan digunakan oleh pengguna secara atas permintaan.



Rajah 8.4 : Kaedah Pelaksanaan Virtual Desktop



## Infostruktur ICT



Pada tahun 2023, selaras dengan keperluan semasa transformasi digital bagi menyokong keperluan peningkatan kemudahan dalam penyampaian Perkhidmatan E2E, Pusat Teknologi Maklumat melaksanakan projek pembangunan sistem baharu dan pembangunan penambahbaikan serta penyelenggaraan sistem sedia ada. Aktiviti pelaksanaan projek pembangunan sistem ini adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan fakulti dan pusat kepada pengguna lebih efisien dan dapat meningkatkan produktiviti serta kualiti perkhidmatan yang diberikan.

## Pembangunan Sistem Baharu

Pada tahun 2023, Pusat Teknologi Maklumat telah membangunkan sebanyak 10 sistem baharu. Pembangunan sistem baharu ini merangkumi empat teras utama Universiti iaitu Edutrain, Governan, Technoprenuer dan UTHM Prihatin. Sistem yang telah dibangunkan ini bertujuan membantu urus tadbir yang diberikan oleh Pusat dan Fakulti agar dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dalam usaha penyampaian perkhidmatan yang lebih baik kepada pengguna. Sistem-sistem yang dibangunkan adalah seperti berikut :

Bil.	Nama Sistem	Kegunaan Sistem
1	<p><b>Graduate System Record</b></p> 	<p><i>Graduate System Record</i> dibangunkan bagi memastikan proses mengemaskini dokumen pelajar di dalam Sistem Maklumat Pelajar dapat dijalankan dengan baik. Ini adalah penting terutamanya dalam memastikan kelancaran Audit Pengijazahan Pelajar Antarabangsa</p>
2	<p><b>Housing Office Management System (HOMS)</b></p> 	<p><i>Housing Office Management System (HOMS)</i> adalah sistem yang digunakan oleh Pejabat Perumahan Pelajar dalam pengurusan penempatan pelajar di kolej-kolej kediaman UTHM. Sistem ini merangkumi proses permohonan penempatan pelajar sehinggalah pelajar mendapatkan bilik mereka.</p>
3	<p><b>Sistem Penilaian Prestasi V3 (E-Prestasi)</b></p> 	<p>Sistem Penilaian Prestasi (e-prestasi) merupakan satu sistem yang berfungsi untuk memudahkan pemantauan dan penilaian prestasi pegawai yang dinilai. Ia bertujuan bagi meningkatkan prestasi dan produktiviti kerja pegawai dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menerusi perancangan dan pemantauan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) serta penilaian prestasi yang lebih efektif.</p>

<p>4</p>	<p><b>Sistem Maklumat Kerjasama Universiti (Sistem Khidmat Masyarakat)</b></p> 	<p>Sistem ini dibangunkan bertujuan memudahkan pihak Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC) dalam membuat pelaporan berkaitan aktiviti yang melibatkan program khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh warga UTHM kepada masyarakat setempat. Pelaporan tersebut juga dapat digunakan dalam proses penilaian prestasi staf yang terlibat.</p>
<p>5</p>	<p><b>Research Student Tracking System (Draft Thesis Submission)</b></p> 	<p>Sistem Penghantaran Draf Tesis digunakan untuk menguruskan proses penghantaran draf tesis pelajar bagi tujuan peperiksaan Viva-Voce. Sistem ini membolehkan pelajar pasca siswazah mod penyelidikan menghantar draf tesis secara atas talian dan memudahkan pihak fakulti dan juga pihak Pusat Pengajian Siswazah menentusahkan segala syarat layak dan peraturan dipenuhi selaras dengan Peraturan Pascasiswazah UTHM.</p>
<p>6</p>	<p><b>Sistem Maklumat Kebajikan Pelajar Berpusat (SMART)</b></p> 	<p>Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk memudahkan pelajar membuat permohonan produk kebajikan yang ditawarkan secara atas talian. Proses tapisan dan kelulusan oleh penyedia produk juga dapat dicapai dengan mudah. Pelaporan dijana mengikut keperluan semasa Universiti.</p>


<p>7</p>	<p><b>Sistem Infotrafik</b></p>  <p>The poster for the Infotrafik System features a blue background with a central image of a road and a camera. Text on the poster includes 'SISTEM INFOTRAFIK' and 'Pusat Penyelidikan'.</p>	<p>Sistem CCTV untuk kegunaan warga UTHM bagi memaparkan status trafik semasa (live traffic) di dalam Kampus Utama UTHM. Kamera-kamera trafik akan ditambah dari semasa ke semasa di pelbagai lokasi strategik sekitar kampus. Sistem ini adalah salah satu daripada inisiatif Smart Campus UTHM.</p>
<p>8</p>	<p><b>Digital ID Management System</b></p>  <p>The poster for the Digital ID Management System has a dark background with a central image of a person's face and a QR code. Text on the poster includes 'DIGITAL ID MANAGEMENT SYSTEM' and 'Pusat Teknologi Maklumat'.</p>	<p>Sistem Pengurusan Digital ID secara amnya menggunakan teknologi Radio-Frequency Identification (RFID) di mana terdapat medan elektromagnet yang mengenal pasti secara automatik dan menjejak tag yang dipasang pada objek. Sistem ini dibangunkan untuk merekod kehadiran peserta bagi sesebuah majlis atau mesyuarat dan memaparkan senarai kehadiran peserta secara langsung. Selain itu, dengan data yang telah direkod, sistem ini membolehkan pengguna untuk mengurus data kehadiran mengikut kesesuaian melalui menu pentadbir. Sistem ini mempunyai satu nilai tambah iaitu ciri yang memudahkan pengguna untuk menganalisis data kehadiran dengan janaan laporan oleh sistem mengikut format yang sesuai. Sistem ini telah pun digunapakai bagi merekodkan kehadiran mesyuarat bagi dua (2) mesyuarat yang besar dan bertaraf antarabangsa iaitu Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) Ke-45 yang berlangsung di Kuala Lumpur pada 2 hingga 6 Oktober 2023 yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan juga Mesyuarat Indo-Pacific Economic Framework for Prosperity (IPEF) yang diadakan pada 15 hingga 24 Oktober 2023 yang dianjurkan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri.</p>





# BAB | 9

## LAPORAN KEWANGAN



## Pengenalan

Pengurusan kewangan secara lestari dan mampan dilihat sangat penting pada masa kini bagi memastikan sesebuah organisasi beroperasi dengan lancar dan sejahtera. Sehubungan dengan itu, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) begitu komited dalam mengurus pendapatan bagi memastikan segala perancangan dan matlamat yang dirangka tercapai sepanjang tahun. Malahan, UTHM tekad dan berusaha untuk terus mempertingkatkan penjanaaan pendapatan bagi menampung perbelanjaan operasi yang semakin meningkat.

## Pendapatan Mengurus

Bagi tahun 2023 jumlah pendapatan mengurus UTHM adalah sebanyak RM371,789,132 berbanding dengan RM358,125,638 pada tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak RM13,663,494 (3.8 peratus).

Pemberian kerajaan yang diterima bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM278,405,700 berbanding dengan RM288,411,700 pada tahun 2022 iaitu penurunan sebanyak RM10,006,000 (3.5 peratus). Sumber dalaman UTHM bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM93,383,432 berbanding dengan RM69,713,938 pada tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak RM23,669,494 (34.0 peratus).

Butiran dan peratusan jumlah pendapatan mengurus bagi tahun 2023 dan 2022 dapat dilihat dalam **Jadual 9.1** manakala pecahan pendapatan mengurus bagi tahun 2023 ditunjukkan dalam **Rajah 9.1**.


**Jadual 9.1** : Perbandingan Pendapatan Mengurus

Sumber Pendapatan Mengurus	Tahun 2023		Tahun 2022		Varian	
	RM '000	%	RM '000	%	RM '000	%
Pemberian Kerajaan	267,406	71.9	271,250	75.7	(3,844)	(1.4)
Geran Tambahan	11,000	3.0	17,162	4.8	(6,162)	(35.9)
<b>Jumlah Pemberian Kerajaan</b>	<b>278,406</b>	<b>74.9</b>	<b>288,412</b>	<b>80.5</b>	<b>(10,006)</b>	<b>(3.5)</b>
Sumber Dalaman	93,383	25.1	69,714	19.5	23,669	34.0
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>371,789</b>	<b>100.0</b>	<b>358,126</b>	<b>100.0</b>	<b>13,663</b>	<b>3.8</b>



Jadual 9.2 : Perincian Sumber Dalam

Perincian Sumber Dalam Adalah Seperti Berikut:						
Sumber Dalam	Tahun 2023		Tahun 2022		Varian	
	RM '000	%	RM '000	%	RM '000	%
Yuran	45,458	48.7	44,874	64.4	584	1.3
Pendapatan daripada Pelaburan	25,713	27.5	16,470	23.6	9,243	56.1
Sewaan, Jualan Barang dan Perkhidmatan	1,760	1.9	1,286	1.8	474	36.9
Denda	1,302	1.4	984	1.4	318	32.3
Bayaran Balik	16,355	17.5	1,454	2.1	14,901	1,025.2
Sumbangan dari Syarikat/ Badan Berkanun	2,795	3.0	4,646	6.7	(1,851)	(39.8)
<b>Jumlah Sumber Dalam</b>	<b>93,383</b>	<b>100.0</b>	<b>69,714</b>	<b>100.0</b>	<b>23,669</b>	<b>34.0</b>




Rajah 9.1 : Pecahan Pendapatan Mengurus 2023

## Perbelanjaan Mengurus

Jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus UTHM pada tahun 2023 adalah sebanyak RM420,088,671 berbanding dengan RM 409,073,667 pada tahun 2022, peningkatan sebanyak RM11,015,004 (2.7 peratus). Pecahan perbelanjaan adalah disumbangkan oleh pembayaran emolumen sebanyak RM234,119,638 (55.7 peratus), perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM105,137,215 (25.0 peratus), pemberian dan bayaran tetap sebanyak RM12,337,216 (3.0 peratus) dan perbelanjaan lain berjumlah RM68,494,602 (16.3 peratus).

Peningkatan perbelanjaan bagi tahun 2023 adalah disebabkan oleh peningkatan pada perbelanjaan pemberian dan bayaran tetap melibatkan perbelanjaan peruntukan gantikan cuti rehat pada tahun semasa. Selain itu, terdapat juga peningkatan pada perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan kerana peningkatan perbelanjaan perhubungan dan utiliti serta perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti.


Pecahan perbelanjaan mengurus dapat dilihat dalam **Rajah 9.2**. **Jadual 9.3** pula menunjukkan perbandingan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2023 dan 2022. Perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan mengurus bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2019 hingga 2023 pula ditunjukkan dalam **Rajah 9.3**.



**Rajah 9.2** : Pecahan Perbelanjaan Mengurus 2023

Jadual 9.3 : Perbandingan Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan	Tahun 2023		Tahun 2022		Varian	
	RM '000	%	RM '000	%	RM '000	%
Emolumen	234,120	55.7	221,655	54.2	12,465	5.6
Perkhidmatan dan Bekalan	105,137	25.0	97,714	23.9	7,423	7.6
Pemberian dan Bayaran Tetap	12,337	3.0	11,033	2.7	1,304	11.8
Perbelanjaan Lain	68,495	16.3	78,672	19.2	(10,177)	(12.9)
<b>Jumlah</b>	<b>420,089</b>	<b>100.0</b>	<b>409,074</b>	<b>100.0</b>	<b>11,015</b>	<b>2.7</b>



Rajah 9.3 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2019 – 2023

## Pendapatan Pembangunan

Bagi tahun 2023, jumlah geran pembangunan UTHM yang diterima adalah sebanyak RM42,374,000 berbanding RM19,500,000 pada tahun 2022, peningkatan sebanyak RM22,874,000 (117.3 peratus). UTHM juga menerima geran pembangunan PFI pada tahun 2023 sebanyak RM67,214,000 iaitu sama dengan geran pembangunan PFI yang diterima pada tahun 2022. Geran pembangunan PFI ini adalah bagi menampung bayaran projek PFI Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, menjadikan keseluruhan geran pembangunan yang diterima adalah sebanyak RM109,588,000 berbanding RM86,714,000 pada tahun 2022. Peningkatan sebanyak RM22,874,000 (117.3 peratus). Butiran dan peratusan jumlah geran pembangunan bagi tahun 2023 dan 2022 dapat dilihat dalam **Jadual 9.4**

**Jadual 9.4** : Perbandingan Pendapatan Pembangunan

Sumber Pendapatan Pembangunan	Tahun 2023		Tahun 2022		Varian	
	RM '000	%	RM '000	%	RM '000	%
Geran Pembangunan	42,374	38.7	19,500	22.5	22,874	117.3
Geran Pembangunan PFI (Hab Pendidikan Tinggi Pagoh)	67,214	61.3	67,214	77.5	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>109,588</b>	<b>100.0</b>	<b>86,714</b>	<b>100.0</b>	<b>22,874</b>	<b>117.3</b>

## Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan direalisasi pada tahun 2023 ialah sebanyak RM25,486,257 berbanding dengan RM18,792,329 pada tahun 2022, peningkatan sebanyak RM6,693,928 (35.6 peratus). Perbelanjaan pembangunan PFI direalisasi pada tahun 2023 berjumlah RM81,981,618 berbanding dengan RM66,557,617 pada tahun 2022, peningkatan sebanyak RM15,424,001 (23.2 peratus) menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan direalisasi sebanyak RM107,467,875 berbanding RM85,349,946 pada tahun 2022. Peningkatan sebanyak RM22,117,929 (25.9 peratus).

Dari segi jumlah perbelanjaan tunai sebenar, sebanyak RM 106,893,915 telah dibelanjakan pada tahun 2023 berbanding RM86,091,362 pada tahun 2022, peningkatan sebanyak RM20,802,553 (24.2 peratus). Perbandingan perbelanjaan pembangunan direalisasi bagi tahun 2023 dan 2022 adalah seperti di dalam Jadual 9.5.

Perbandingan pecahan perbelanjaan tunai mengikut projek bagi tahun 2023 dan 2022 adalah seperti **Jadual 9.6** manakala perbandingan pendapatan dan perbelanjaan pembangunan dari tahun 2019 sehingga 2023 dapat dilihat dalam **Rajah 9.4**.


Jadual 9.5 : Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan Direalisasikan

Perbelanjaan Pembangunan	Tahun 2023		Tahun 2022		Varian	
	RM '000	%	RM '000	%	RM '000	%
Perbelanjaan Operasi Tidak Dipermodalkan	13,897	12.9	15,263	18.7	(1,366)	(83.0)
Bayaran Balik PFI	21,379	19.9	5,088	6.0	16,291	320.2
Faedah Atas Bayaran Availability Charges dan Peralatan Mengajar	41,751	38.8	42,572	49.9	(821)	(1.9)
Sumbangan kepada Akaun MRF	5,669	5.3	6,185	7.2	(514)	(8.3)
Perbelanjaan Aset	2,536	2.4	6,338	7.4	(3,802)	(60.0)
Perbelanjaan Projek Dalam Kemajuan	22,236	20.7	9,904	11.6	12,332	124.5
<b>Jumlah</b>	<b>107,468</b>	<b>100.0</b>	<b>85,350</b>	<b>100.0</b>	<b>22,118</b>	<b>25.9</b>

Jadual 9.6 : Perbandingan Pecahan Perbelanjaan Tunai Mengikut Projek

Perbelanjaan Tunai Sebenar Mengikut Projek	Tahun 2023		Tahun 2022		Varian	
	RM '000	%	RM '000	%	RM '000	%
Pembangunan Pusat Data	3,080	3.0	666	0.8	2,414	362.5
Naik Taraf Fasiliti Kolej Kediaman	7,606	7.1	4,505	5.2	3,101	68.8
Naik Taraf Fasiliti Bangunan Gunasama	5,266	4.9	1,842	2.1	3,424	185.9
Naik Taraf Infrastruktur dan Sistem Mekanikal, Elektrikal Serta Teknologi ICT	2,949	2.8	2,473	2.9	476	19.2
Pembelian Peralatan	151	0.1	219	0.3	(68)	(31.1)
Pembinaan Bangunan Kerjasama ORICC dan PPS	635	0.6	210	0.2	425	202.4
Pembangunan Hab Pendidikan Tinggi Pagoh	82,127	76.8	67,150	78.0	14,977	22.3
Pusat Teknologi Aeronatik	1,711	1.6	5,057	5.9	(3,346)	(66.2)
Penggantian dan Perolehan Alat 4 Fakulti	1,280	1.2	3,503	4.1	(2,223)	(63.5)
Naik Taraf Fasiliti Sukan Pelajar	1,976	1.8	29	-	1,947	6,713.8

Naik Taraf Projek Penyelenggaraan Fasilitas	113	0.1	-	-	113	100.0
Pembinaan Bangunan Gunasama Kegiatan Pelajar dan Kafeteria Pusat	-	-	37	-	(37)	(100.0)
Pembinaan Bangunan Akademia FKEE	-	-	400	0.5	(400)	(100.0)
<b>Jumlah</b>	<b>106,894</b>	<b>100.0</b>	<b>86,091</b>	<b>100.0</b>	<b>20,803</b>	<b>24.2</b>



Rajah 9.4 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Tunai Pembangunan Bagi Tahun 2019 – 2023

## Geran Tertunda

Berdasarkan kepada piawaian MPSAS 23, geran yang belum memenuhi tujuan dan syarat pemberian geran tersebut perlu dikelaskan sebagai geran tertunda yang merupakan liabiliti bukan semasa kepada Universiti. Jumlah geran tertunda UTHM pada tahun 2023 adalah sebanyak RM149,217,080 berbanding RM151,818,756 pada tahun 2022, penurunan sebanyak RM2,601,676 (1.7 peratus). Jumlah geran tertunda ini merupakan liabiliti bukan semasa yang masih belum dibayar atau direalisasikan. **Jadual 9.7** menunjukkan perbandingan geran tertunda bagi tahun 2023 dan 2022.

**Jadual 9.7 : Perbandingan Geran Tertunda**


Geran Tertunda	Tahun 2023	Tahun 2022	Varian	
	RM '000	RM '000	RM '000	%
Geran Pembangunan	62,656	45,769	16,887	36.9
Geran PFI	12,229	26,997	(14,768)	(54.7)
Geran Penyelidikan	20,406	21,255	(849)	(4.0)
Tabung dan Amanah	53,926	57,798	(3,872)	(6.7)
<b>Jumlah</b>	<b>149,217</b>	<b>151,819</b>	<b>(2,602)</b>	<b>(1.7)</b>

## Aset dan Liabiliti

Bagi tahun 2023 jumlah aset UTHM adalah sebanyak RM1,648,136,645 berbanding dengan RM1,678,734,511 pada tahun 2022 iaitu penurunan sebanyak RM30,597,866 (1.8 peratus). Manakala liabiliti UTHM bagi tahun 2023 adalah sebanyak RM538,438,389 berbanding dengan RM555,437,855 pada tahun 2022 iaitu penurunan sebanyak RM16,999,466 (3.1 peratus). Butiran jumlah aset dan liabiliti bagi tahun 2023 dan 2022 dapat dilihat dalam **Jadual 9.8** manakala perbandingan dari tahun 2019 hingga 2023 dapat dilihat dalam **Rajah 9.5**.

**Jadual 9.8 : Perbandingan Aset dan Liabiliti**

Aset & Liabiliti	Tahun 2023	Tahun 2022	Varian	
	RM '000	RM '000	RM '000	%
Aset	1,648,137	1,678,735	(30,598)	(1.8)
Liabiliti	538,438	555,438	(17,000)	(3.1)



Rajah 9.5 : Perbandingan Aset dan Liabiliti Bagi Tahun 2019 – 2023

## Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan

Endowmen (al-Waqaf) ialah aset kewangan yang didermakan kepada institusi yang tidak berteraskan keuntungan sama ada dalam bentuk tabung pelaburan atau harta modal yang cara-cara penggunaannya telah ditetapkan oleh penderma. Kebanyakan endowmen biasanya menetapkan wang dari hasil pelaburan dari dividen yang diterima akan dibelanjakan dan menyimpan secara tetap wang derma asal.

Wakaf adalah suatu bentuk ibadah secara serahan harta yang dimiliki oleh seseorang untuk kegunaan umat Islam dengan niat sebagai ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.

UTHM telah menubuhkan Pusat Endowmen bermula tahun 2012 dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan pada tahun 2016 yang memfokuskan kepada penjanaan pendapatan bagi tujuan memperkukuhkan dana untuk pendidikan dan juga kemampuan kewangan Universiti.

Sehingga tahun 2023, Pusat Endowmen telah menerima sumbangan berbentuk inkind berjumlah RM19,363,222. Manakala terimaan tunai sehingga 2023 berjumlah RM8,402,435 berbanding RM8,032,032 pada tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak RM370,403 (4.6 peratus).


Manakala sumbangan berbentuk inkind yang diterima oleh Pusat Wakaf sehingga tahun 2023 berjumlah RM 952,350. Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTHM sehingga tahun 2023 adalah sebanyak RM11,965,681 berbanding dengan RM11,469,715 pada tahun 2022 iaitu peningkatan sebanyak RM495,966 (4.3 peratus).

Butiran jumlah Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan bagi tahun 2023 dan 2022 dapat dilihat dalam Jadual 9.9 manakala perbandingan dari tahun 2019 hingga 2023 dapat dilihat dalam **Rajah 9.6**.



**Jadual 9.9** : Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan

Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan	Tahun 2023	Tahun 2022	Varian	
	RM '000	RM '000	RM '000	%
Endowmen	8,402	8,032	370	4.6
Dana Wakaf Tunai Pendidikan	11,966	11,470	496	4.3

**Rajah 9.6** : Perbandingan Endowmen dan Dana Wakaf Tunai Pendidikan Bagi Tahun 2019 – 2023



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2023**

**KETUA AUDIT NEGARA**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2022 Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 38.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.


Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 12 dalam penyata kewangan.

#### Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] dan Perlembagaan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA


22 OGOS 2024




**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**  
**PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah**

Kami, **DATO' SRI IBRAHIM BIN AHMAD** dan **PROFESOR DATO' Ir. Ts. Dr. RUZAIRI BIN ABDUL RAHIM**, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dan KUMPULAN pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



**DATO' SRI IBRAHIM BIN AHMAD**  
Pengerusi



**PROFESOR DATO' Ir. Ts. Dr. RUZAIRI BIN ABDUL RAHIM**  
Naib Canselor

Batu Pahat, Johor

Bertarikh : **17 MAR 2024**

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA  
PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS  
PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, **NORZAIMI BIN HAMISAN** (K/P No: 741219-01-6241), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas,  
di Batu Pahat dalam Negeri Johor  
pada

17 MAR 2024

)  
)  
)  
) **NORZAIMI BIN HAMISAN**  
) Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan

Di hadapan saya,



No. K4, Jalan Emas,  
Kg. Kenangan Dato' Onn,  
83000 Batu Pahat, Johor.



**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**  
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2023**

NOTA	KUMPULAN		UTHM		
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM	
<b>ASET BUKAN SEMASA</b>					
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	910,376,812	930,795,273	908,468,259	930,050,840
Aset Tak Ketara	4	2,562,979	1,092,362	2,562,979	1,092,362
Pelaburan Hartanah	5	4,445,000	4,445,000	-	-
Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari	6	-	-	7,000,000	7,000,000
Aset Cukai Tertunda	7	81,000	280,000	-	-
		<u>917,465,791</u>	<u>936,612,635</u>	<u>918,031,238</u>	<u>938,143,202</u>
<b>ASET SEMASA</b>					
Inventori	8	51,772	25,061	-	-
Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima	9	7,537,433	5,226,498	7,537,433	5,226,498
Urus Niaga Pertukaran Belum Terima	10	38,181,861	45,210,485	35,638,481	44,447,554
Deposit, Baki Bank dan Tunai	11	691,664,575	696,570,127	686,929,493	690,917,257
		<u>737,435,641</u>	<u>747,032,171</u>	<u>730,105,407</u>	<u>740,591,309</u>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b><u>1,654,901,432</u></b>	<b><u>1,683,644,806</u></b>	<b><u>1,648,136,645</u></b>	<b><u>1,678,734,511</u></b>
<b>EKUITI</b>					
Kumpulan Wang Mengurus	12	823,823,414	835,756,107	823,823,414	835,756,107
Kumpulan Wang Tambahan	13	30,720,967	31,066,497	30,720,967	31,066,497
Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan	14	126,792,997	129,109,470	126,792,997	129,109,470
Kumpulan Wang Penyelidikan	15	6,492,593	6,818,027	6,492,593	6,818,027
Tabung dan Akaun Amanah	16	121,868,285	120,546,555	121,868,285	120,546,555
Keuntungan Berkumpul					
Syarikat Subsidiari	17	389,663	930,698	-	-
Rizab Penilaian Semula	18	193,004	193,004	-	-
<b>JUMLAH EKUITI</b>		<b><u>1,110,280,923</u></b>	<b><u>1,124,420,358</u></b>	<b><u>1,109,698,256</u></b>	<b><u>1,123,296,656</u></b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>					
Pinjaman	19	818,284	1,178,558	-	-
Pemiutang Pajak Kewangan	20	267,444,147	273,672,345	266,677,083	273,626,343
Geran Tertunda	21	149,217,080	151,818,756	149,217,080	151,818,756
Manfaat Pekerja	22	65,020,214	60,385,069	65,020,214	60,385,069
Pendapatan Tertunda	23	25,557,162	25,319,392	25,557,162	25,319,392
		<u>508,056,887</u>	<u>512,374,120</u>	<u>506,471,539</u>	<u>511,149,560</u>
<b>LIABILITI SEMASA</b>					
Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar	24	27,801,337	22,758,047	23,823,881	20,423,526
Pinjaman	19	249,410	167,486	-	-
Bank Overdraif	25	22,297	50,851	-	-
Pemiutang Pajak Kewangan	20	7,830,388	22,851,802	7,482,779	22,842,924
Manfaat Pekerja	22	660,190	1,021,845	660,190	1,021,845
Peruntukan Cukai		-	297	-	-
		<u>36,563,622</u>	<u>46,850,328</u>	<u>31,966,850</u>	<u>44,288,295</u>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b><u>544,620,509</u></b>	<b><u>559,224,448</u></b>	<b><u>538,438,389</u></b>	<b><u>555,437,855</u></b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b><u>1,654,901,432</u></b>	<b><u>1,683,644,806</u></b>	<b><u>1,648,136,645</u></b>	<b><u>1,678,734,511</u></b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

## PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	NOTA	KUMPULAN		UTHM	
		2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>HASIL</b>					
Urus Niaga Bukan Pertukaran	27	443,552,601	433,524,881	443,552,601	433,524,881
Urus Niaga Pertukaran	28	52,513,825	26,350,340	43,828,156	19,210,244
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>496,066,426</b>	<b>459,875,221</b>	<b>487,380,757</b>	<b>452,735,125</b>
<b>PERBELANJAAN</b>					
<b>Emolumen</b>					
Gaji dan Upahan		160,537,223	151,806,494	158,919,100	150,508,135
Elaun-Elaun Tetap		40,901,017	39,983,735	40,885,817	39,983,735
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan		27,709,797	26,135,480	27,491,452	25,954,677
Elaun Lebih Masa Kakitangan		1,518,380	1,281,564	1,518,380	1,281,564
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain		1,255,377	1,096,610	1,224,922	1,082,286
Bantuan Khas Kewangan		4,079,967	2,845,032	4,079,967	2,845,032
		<b>236,001,761</b>	<b>223,148,915</b>	<b>234,119,638</b>	<b>221,655,429</b>
<b>Perkhidmatan dan Bekalan</b>					
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup		3,763,486	2,863,508	3,535,559	2,582,088
Pengangkutan Barang-Barang		74,673	52,306	74,936	52,306
Perhubungan dan Utiliti		21,318,340	16,890,759	20,946,480	16,648,993
Sewaan		19,182,037	18,756,555	19,216,065	18,664,587
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti		1,339,448	1,049,218	1,339,448	1,049,218
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain		6,914,666	8,651,540	6,844,246	8,474,718
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		24,899,051	26,517,599	26,294,701	27,135,446
Penyelenggaraan Projek PFI		13,369,025	13,369,025	13,369,025	13,369,025
Perkhidmatan Iktis dan Hospitaliti		45,397,413	39,336,576	38,590,965	35,601,914
		<b>136,258,139</b>	<b>127,487,086</b>	<b>130,211,425</b>	<b>123,578,295</b>
<b>Pemberian dan Bayaran Tetap</b>					
Perbelanjaan Cuti Belajar		1,036,915	1,124,419	1,036,915	1,124,419
Pemberian Dalam Negeri		2,351,410	2,812,760	2,357,410	2,822,760
Ganjaran		251,312	406,169	251,312	406,169
Gantian Cuti Rehat		7,145,361	5,648,911	7,145,361	5,648,911
Sumbangan Kepada Akaun MRF		6,184,872	6,184,872	6,184,872	6,184,872
		<b>16,969,870</b>	<b>16,177,131</b>	<b>16,975,870</b>	<b>16,187,131</b>
<b>Susut Nilai</b>					
	3 & 4	52,217,272	56,811,629	52,082,575	56,722,264
<b>Perbelanjaan Lain</b>					
Bayaran-Bayaran Lain		14,529,162	20,313,589	13,815,367	19,021,454
Belanja Hapus Kira		62,623	388,610	-	354,795
		<b>14,591,785</b>	<b>20,702,199</b>	<b>13,815,367</b>	<b>19,376,249</b>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>456,038,827</b>	<b>444,326,959</b>	<b>447,204,875</b>	<b>437,519,368</b>
<b>LEBIHAN DARI OPERASI</b>		<b>40,027,599</b>	<b>15,548,262</b>	<b>40,175,882</b>	<b>15,215,757</b>
<b>Kos Kewangan</b>					
Faedah Atas Bayaran Availability Charges		41,676,458	42,507,962	41,676,458	42,507,962
Faedah Atas Bayaran Tanah Pajak		8,851	8,858	8,851	8,858
Faedah Atas Pinjaman Anak Syarikat		58,511	83,241	-	-
		<b>41,743,820</b>	<b>42,600,061</b>	<b>41,685,309</b>	<b>42,516,820</b>
<b>KURANGAN SEBELUM CUKAI</b>	29	<b>(1,716,221)</b>	<b>(27,051,799)</b>	<b>(1,509,427)</b>	<b>(27,301,063)</b>
<b>CUKAI</b>	30	<b>(299,241)</b>	<b>(69,776)</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>KURANGAN SELEPAS CUKAI</b>		<b>(2,015,462)</b>	<b>(27,121,575)</b>	<b>(1,509,427)</b>	<b>(27,301,063)</b>
Perkongsian Pendapatan Syarikat Bersekutu		-	(136)	-	-
<b>KURANGAN BERSIH</b>		<b>(2,015,462)</b>	<b>(27,121,711)</b>	<b>(1,509,427)</b>	<b>(27,301,063)</b>
<b>Kurangan Pendapatan Yang Boleh Diagihkan Kepada:</b>					
Pemilik Induk		(2,015,462)	(27,121,711)	(1,509,427)	(27,301,063)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**  
**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

**KUMPULAN**

Nota	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Tambahan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan RM	Tabung dan Akaun Amanah RM	Kumpulan Wang PFI RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Keuntungan Terkumpul Subsidiari Syarikat RM	Rizab Penilaian Semula RM	Jumlah RM
<b>Pada 1 Januari 2023</b>										
<b>- Seperti Dinyatakan Sebelum</b>	<b>835,756,107</b>	<b>31,066,497</b>	<b>6,818,027</b>	<b>129,109,470</b>	<b>120,546,555</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>930,698</b>	<b>193,004</b>	<b>1,124,420,358</b>
Pelarasan Tahun Lepas	(12,088,973)	-	-	-	-	-	-	-	-	(12,088,973)
<b>Pada 1 Januari 2023</b>	<b>823,667,134</b>	<b>31,066,497</b>	<b>6,818,027</b>	<b>129,109,470</b>	<b>120,546,555</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>930,698</b>	<b>193,004</b>	<b>1,112,331,385</b>
<b>- Seperti Dinyatakan Semula</b>	(47,461,649)	(345,530)	(5,446,688)	-	-	27,963,790	23,780,650	(506,035)	-	(2,015,462)
(Kurangan)/Lebihan Bersih Bagi	47,617,929	-	5,121,254	(2,316,473)	1,321,730	(27,963,790)	(23,780,650)	-	-	-
Pindahan Antara Kumpulan Wang	-	-	-	-	-	-	-	(35,000)	-	(35,000)
Dividen	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Pada 31 Disember 2023</b>	<b>823,823,414</b>	<b>30,720,967</b>	<b>6,492,593</b>	<b>126,792,997</b>	<b>121,868,285</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>389,663</b>	<b>193,004</b>	<b>1,110,280,923</b>

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**  
**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

UTHM

Nota	Kumpulan Wang Mengurus RM	Kumpulan Wang Tambahan RM	Kumpulan Wang Penyelidikan RM	Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan RM	Tabung dan Akaun Amanah RM	Kumpulan Wang PFI RM	Kumpulan Wang Pembangunan RM	Jumlah RM
	835,756,107	31,066,497	6,818,027	129,109,470	120,546,555	-	-	1,123,296,656
38	(12,088,973)	-	-	-	-	-	-	(12,088,973)
<b>Pada 1 Januari 2023</b> <b>- Seperti Dinyatakan Sebelum</b>	<b>823,667,134</b>	<b>31,066,497</b>	<b>6,818,027</b>	<b>129,109,470</b>	<b>120,546,555</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>1,111,207,683</b>
	(47,461,649)	(345,530)	(5,446,688)	-	-	27,963,790	23,780,650	(1,509,427)
	47,617,929	-	5,121,254	(2,316,473)	1,321,730	(27,963,790)	(23,780,650)	-
<b>Pada 31 Disember 2023</b>	<b>823,823,414</b>	<b>30,720,967</b>	<b>6,492,593</b>	<b>126,792,997</b>	<b>121,868,285</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>1,109,698,256</b>

38

Pelarasan Tahun Lepas  
 (Kurangan)/Lebihan Bersih Bagi Tahun  
 Pindahan Antara Kumpulan Wang

## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI</b>				
Kurangan Tahun Semasa	(1,716,221)	(27,051,799)	(1,509,427)	(27,301,063)
Pelarasan Untuk:				
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	51,044,824	56,273,114	50,910,127	56,183,749
Susut Nilai Aset Tak Ketara	1,172,448	538,515	1,172,448	538,515
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan dan Aset Tak Ketara	1,583,589	39,277	1,583,589	39,277
Pelunasan Geran	(115,099,265)	(94,117,127)	(115,099,265)	(94,117,127)
Peruntukan Manfaat Pekerja	6,047,363	3,979,146	6,047,363	3,979,146
Belanja Hapus Kira	62,623	388,610	-	354,795
Untung Atas Pelupusan Hartanah, Loji & Peralatan	1,170	-	-	-
Pindahan Ke Tabung Amanah	(535,820)	2,968,718	(535,820)	2,968,718
Hasil Faedah	(26,842,024)	(17,716,192)	(25,713,185)	(16,470,644)
Bayaran Kos Kewangan	41,743,820	42,600,061	41,685,309	42,516,820
Pelarasan Geran Tertunda	(12,088,973)	(3,082,303)	(12,088,973)	(3,082,303)
Pelarasan Hutang	(9,695)	-	-	-
Kerugian dari kendalian sebelum perubahan kepada modal kerja	(54,636,161)	(35,179,980)	(53,547,834)	(34,390,117)
Perubahan dalam:				
Inventori	(26,711)	21,556	-	-
Akaun Belum Terima	5,309,194	(509,078)	6,498,138	(3,675,193)
Akaun Belum Bayar	(17,913,957)	(2,707,382)	(18,995,006)	(339,623)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	(67,267,635)	(38,374,884)	(66,044,702)	(38,404,933)
Faedah Diterima	26,842,024	17,716,192	25,713,185	16,470,644
Bayaran Cukai Pendapatan	(211,585)	(192,806)	-	-
Terimaan Balik Cukai	28,500	-	-	-
Bayaran Gantian Cuti Rehat	(1,773,873)	(1,008,944)	(1,773,873)	(1,008,944)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Operasi	(42,382,569)	(21,860,442)	(42,105,390)	(22,943,233)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN</b>				
Bayaran Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan dan Aset Tak Ketara	(33,781,553)	(34,895,472)	(33,554,200)	(34,751,307)
Bayaran Kos Kewangan	(41,743,820)	(42,600,061)	(41,685,309)	(42,516,820)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(75,525,373)	(77,495,533)	(75,239,509)	(77,268,127)
<b>ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>				
Bayaran Dividen Oleh UTHM Holdings	(35,000)	(35,000)	-	-
Terimaan Geran Tertunda Pembangunan dan Penyelidikan	116,966,990	93,318,542	116,966,990	93,318,542
Terimaan Geran Tertunda Amanah	18,770,222	24,308,201	18,770,222	24,308,201
Bayaran Pulangan Geran Penyelidikan	(61,820)	(108,116)	(61,820)	(108,116)
Bayaran Balik Pinjaman dan Sewa Beli	(278,350)	(165,777)	-	-
Bayaran Balik Perkhidmatan Aset Konsesi	(22,331,098)	(5,089,207)	(22,318,257)	(5,097,056)
Tunai Bersih Dijana Dalam Aktiviti Pembiayaan	113,030,944	112,228,643	113,357,135	112,421,571

## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
(PENGURANGAN)/PENAMBAHAN BERSIH DALAM ALIRAN TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	(4,876,998)	12,872,668	(3,987,764)	12,210,211
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	696,519,276	683,646,608	690,917,257	678,707,046
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>691,642,278</b>	<b>696,519,276</b>	<b>686,929,493</b>	<b>690,917,257</b>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI</b>				
Deposit di bank	618,608,050	612,193,138	618,300,000	612,050,000
Baki bank dan tunai	73,056,525	84,376,989	68,629,493	78,867,257
Bank Overdraf	(22,297)	(50,851)	-	-
	<b>691,642,278</b>	<b>696,519,276</b>	<b>686,929,493</b>	<b>690,917,257</b>

## Nota kepada Penyata Aliran Tunai:

Pada tahun semasa, terdapat tambahan hartanah, loji dan peralatan yang berjumlah RM34,854,187 (2022: RM34,895,472) di mana RM1,072,634 (2022: RM Nil ) dibiayai di bawah pengaturan sewa beli.

## UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Amaun Bajet Asal	Amaun Bajet Akhir	Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding	Perbezaan : Bajet Akhir Dengan Sebenar
	RM	RM	RM	RM
<b>PENERIMAAN</b>				
Geran Mengurus (Kerajaan)	267,405,700	267,405,700	267,405,700	-
Geran Tambahan (Kerajaan)	-	11,000,000	11,000,000	-
Yuran Pengajian	43,059,383	45,000,000	45,458,312	(458,312)
Faedah dan Keuntungan	16,000,000	17,500,000	25,713,185	(8,213,185)
Sewaan, Jualan dan Pendapatan Perkhidmatan	3,500,000	1,500,000	1,760,103	(260,103)
Pelbagai Pendapatan	1,500,000	2,000,000	16,354,828	(14,354,828)
<b>JUMLAH</b>	<b>331,465,083</b>	<b>344,405,700</b>	<b>367,692,127</b>	<b>(23,286,427)</b>
<b>PERUNTUKAN</b>				
<b>Emolumen</b>				
Gaji dan Upahan	161,261,000	158,919,101	158,919,101	-
Elaun-Elaun Tetap	39,846,600	39,970,881	39,970,881	-
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	25,133,100	27,491,452	27,491,452	-
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	2,294,000	1,224,922	1,224,922	-
	<b>228,534,700</b>	<b>227,606,356</b>	<b>227,606,356</b>	<b>-</b>
<b>Perkhidmatan dan Bekalan</b>				
Perhubungan dan Utiliti	20,000,000	20,946,480	20,946,480	-
Sewaan	16,155,700	17,388,609	17,388,609	-
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	2,715,300	2,000,000	2,000,000	-
Perkhidmatan Iktis dan Hospitaliti	-	9,000,000	9,345,530	345,530
	<b>38,871,000</b>	<b>49,335,089</b>	<b>49,680,619</b>	<b>345,530</b>
<b>Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap</b>				
Gantian Cuti Rehat	-	1,464,255	1,464,255	-
	<b>-</b>	<b>1,464,255</b>	<b>1,464,255</b>	<b>-</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>267,405,700</b>	<b>278,405,700</b>	<b>278,751,230</b>	<b>345,530</b>

**NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**

1. Bajet telah diluluskan pada asas tunai mengikut klasifikasi fungsi. Bajet yang diluluskan meliputi tempoh fiskal bermula dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023.

2. Bajet asal telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi melalui surat kelulusan bertarikh 13 April 2023. Bajet akhir adalah selepas mengambilkira peruntukan tambahan sebanyak RM11,000,000 untuk emolumen kakitangan kontrak dan tambahan penyelenggaraan yang telah diluluskan melalui e-mel kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 13 Mac 2023, 22 Mei 2023, 16 Jun 2023 dan 18 Julai 2023.

3. Asas bajet dan asas perakaunan adalah berbeza. Penyata kewangan untuk UTHM disediakan pada asas akrual, menggunakan klasifikasi berasaskan jenis perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan. Penyata kewangan ialah penyata disatukan yang merangkumi semua entiti yang di kawal bagi tempoh fiskal bermula dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023. Manakala Penyata bajet disediakan pada asas tunai yang disediakan berdasarkan kepada penyediaan bajet Mengurus UTHM dari Geran Kerajaan sahaja bermula dari 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2023.

4. Penyesuaian amaun sebenar pada asas boleh banding seperti yang dibentangkan dalam Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar dan amaun sebenar dalam Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 dibentangkan di bawah. Penyata Kewangan dan dokumen bajet telah disediakan untuk tempoh yang sama. Terdapat perbezaan entiti dimana bajet disediakan untuk keperluan Mengurus dari Geran Kerajaan sahaja, manakala penyata kewangan menyatukan semua entiti yang dikawal oleh UTHM. Terdapat juga perbezaan asas dimana bajet disediakan pada asas tunai manakala penyata kewangan disediakan pada asas akrual.

Perkara	Operasi	Pembiayaan	Pelaburan	Jumlah
Amaun Sebenar pada Asas Boleh Banding seperti yang Dibentangkan dalam Penyata Perbandingan antara Amaun Bajet dengan Amaun Sebenar	278,751,230	-	-	278,751,230

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN- 31 DISEMBER 2023**

**1. MAKLUMAT UMUM**

- a. Penubuhan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) pada asalnya merupakan sebuah Politeknik yang terletak di Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Pada 16 September 1993, Politeknik ini secara rasminya telah ditukarkan menjadi Pusat Latihan Staf Politeknik (PLSP). Pusat ini telah ditukar kepada Institut Teknologi Tun Hussein Onn (ITTHO) pada 12 April 1996. Pada 30 September 2000, ITTHO telah dinaik taraf kepada sebuah Kolej Universiti yang dikenali sebagai Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.
- b. Pertukaran Nama  
Pada 1 Februari 2007, KUiTTHO telah dinaik taraf kepada sebuah Universiti yang dikenali sebagai UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) di bawah subseksyen 6(1) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).
- c. Aktiviti Utama  
UTHM adalah sebuah Universiti yang mengkhusus dalam bidang Sains, Teknologi dan Kejuruteraan. Aktiviti entiti dikawal pula mengkhusus dalam bidang pengkomersilan hasil R & D, perundingan, pengujian dan penyewaan bangunan.
- d. Kelulusan Penyata Kewangan  
Penyata Kewangan Universiti Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 17 Mac 2024.

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

- a. Asas Perakaunan  
Penyata Kewangan UTHM telah disediakan mengikut asas kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya dan mengikut piawaian-piawaian yang diluluskan.

Mulai tahun kewangan 31 Disember 2020, UTHM telah menggunakan piawaian perakaunan *Malaysia Public Sector Accounting Standard* (MPSAS) menggantikan piawaian *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) menerusi kelulusan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 6/2020.

- b. Asas Penyatuan

Mulai tahun 2004, akaun Kumpulan meliputi semua Kumpulan Wang Universiti dan entiti dikawal yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan.

Penyata Kewangan yang disatukan disediakan dengan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang sama bagi semua transaksi, peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama.

Amaun dibawa bagi pelaburan dalam setiap anak syarikat dalam Kumpulan dihapuskan dengan bahagian ekuiti induk dalam setiap anak syarikat. Penyata kewangan yang disatukan menggabungkan aset, liabiliti, ekuiti, pendapatan, perbelanjaan dan aliran tunai UTHM dan kesemua entiti dikawalnya. Semua baki dan urus niaga antara Kumpulan dihapuskan sepenuhnya dalam penyatuan. Keuntungan atau kerugian tidak direalisasi yang timbul daripada urus niaga dalam kumpulan juga dihapuskan sepenuhnya pada penyatuan, kecuali apabila kerugian tidak direalisasi adalah kerugian rosot nilai.



Apabila kawalan dalam entiti dikawal hilang, Kumpulan tidak mengiktiraf aset-aset dan liabiliti-liabiliti entiti dikawal, sebarang kepentingan yang tidak dikawal dan komponen ekuiti lain berkaitan entiti dikawal tersebut. Sebarang lebihan atau defisit yang timbul ke atas kehilangan kawalan diiktiraf dalam Penyata Kewangan. Jika Kumpulan mengekalkan sebarang kepentingan di dalam entiti dikawal terdahulu, maka kepentingan itu diukur pada nilai saksama pada tarikh kawalan hilang. Seterusnya ia diambil kira sebagai pelaburan ekuiti atau sebagai aset kewangan sedia untuk jualan bergantung kepada tahap pengaruh tertahan.

c. Hartanah, Loji dan Peralatan

- i. Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul kecuali bagi tanah milik bebas. Pembelian harta modal yang berharga RM3,000 dan ke atas bagi setiap unit manakala pembaikan bangunan yang kosnya melebihi RM50,000 akan dipermodalkan.
- ii. Pembelian buku yang bernilai RM3,000 dan ke atas bagi sebuah buku atau satu set adalah dikategorikan sebagai harta modal atau aset tetap mulai tahun kewangan 2009.
- iii. Semua pembelian perabot adalah dikategorikan sebagai belanja tidak luak atau inventori sahaja tanpa mengira nilai belian dan tidak lagi dipermodalkan sebagai aset mulai tahun 2009.

d. Susut Nilai

Susut nilai Hartanah, Loji dan Peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangkaan hayat aset berkenaan dan dikenakan kepada kumpulan wang masing-masing. Tanah milik bebas adalah tidak disusut nilaikan.

Kadar susut nilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut :-

Tanah Pajakan	1%-2%
Bangunan/Bangunan Pajakan PFI	2%
Kemudahan/Infrastruktur	10%
Kenderaan	20%
Perabot/Buku	20%
Alat-Alat Kelengkapan	25%
Alat-Alat Yang Didermakan	25%
Komputer	33.3%
Peralatan Mengajar	25%

e. Projek Dalam Kemajuan

Projek dalam kemajuan meliputi projek pembinaan bangunan dan infrastruktur yang sedang didirikan dan lain-lain aset yang belum disempurnakan. Susut nilai tidak dikenakan ke atas projek-projek dalam kemajuan.

Kos pembinaan akan dipindahkan ke dalam aset tetap apabila aset sedia digunakan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada aset berkenaan dalam tahun kewangan.

f. Pelaburan Hartanah

Kumpulan UTHM mengiktiraf tanah, bangunan (termasuk tingkat bangunan), atau kedua-dua tanah dan bangunan termasuk hartanah dalam pembinaan, sebagai pelaburan hartanah jika ia berada dalam objektif model perniagaan Kumpulan untuk memegang harta untuk penghargaan modal, pendapatan sewa atau kedua-duanya. Pelaburan hartanah direkodkan pada kos awal pengiktirafan. Kos pelaburan hartanah terdiri daripada harga belian ditambah dengan semua kos yang terlibat secara langsung untuk membawa hartanah tersebut ke lokasi dan syarat yang dimaksudkan untuk digunakan sebagai pelaburan hartanah. Kos hartanah pelaburan dibina sendiri terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Untuk tujuan pengukuran berikutnya, butiran peralatan yang dilekatkan secara fizikal ke bangunan, seperti lif, sistem elektrik dan sistem penghawa dingin, dianggap sebagai sebahagian daripada hartanah. Kumpulan UTHM menggunakan nilai saksama (*fair value*) untuk mengukur pelaburan hartanah selepas pengiktirafan awal sekiranya nilai saksama boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada harga pasaran disebut harga, jika boleh diperhatikan. Perubahan nilai saksama untuk pelaburan hartanah diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi tempoh dimana ianya dikenalpasti.

g. Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan atau UTHM mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang di antara 20 hingga 50 peratus di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting tetapi tidak mempunyai kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu dilaporkan dalam Penyata Kewangan Disatukan menggunakan kaedah ekuiti ditolak sebarang kerugian penurunan nilai. Penyata Kewangan disatukan termasuk bahagian untung atau rugi serta pendapatan komprehensif lain ekuiti syarikat bersekutu Kumpulan selepas pelarasan jika ada, untuk menyesuaikan polisi perakaunan tersebut dengan dasar Kumpulan, dari tarikh pengaruh sehingga tarikh tamat pengaruh berkenaan.

Apabila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam sesebuah ekuiti syarikat bersekutu, jumlah dibawa kepentingan itu termasuk sebarang pelaburan jangka panjang dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian seterusnya tidak diteruskan kecuali dalam keadaan di mana Kumpulan mempunyai tanggungjawab atau telah membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu, sebarang kepentingan tertahan dalam syarikat bersekutu terdahulu pada tarikh pengaruh yang ketara hilang ia diukur semula pada nilai saksama dan jumlah ini dianggap sebagai jumlah dibawa awal aset kewangan. Perbezaan di antara nilai saksama sebarang kepentingan tertahan ditambah hasil daripada faedah yang dilupuskan dan nilai dibawa pelaburan tersebut pada tarikh kaedah ekuiti tidak diteruskan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu berkurangan tetapi tidak mengakibatkan kehilangan pengaruh yang ketara, sebarang kepentingan yang tertahan tidak diukur semula. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penurunan dalam kepentingan diiktiraf dalam untung atau rugi. Apa-apa keuntungan atau kerugian yang dahulunya diiktiraf dalam komponen ekuiti lain juga diklasifikasikan berkadar dengan untung atau rugi jika mendatangkan keuntungan atau kerugian akan dikehendaki dikelaskan semula kepada untung atau rugi ke atas pelupusan aset atau liabiliti yang berkaitan.

h. Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali kos pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak, jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 3 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezanya akan diambilkira sebagai keuntungan di dalam penyata prestasi kewangan.

Selepas pengiktirafan awal sesuatu aset, aset tersebut akan dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Jika ada. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan selesai dan aset sedia untuk digunakan. Ia dilunaskan sepanjang tempoh manfaat masa depan yang dijangkakan. Di dalam tempoh pembangunan, aset diuji untuk rosot nilai dengan sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf serta merta dalam penyata prestasi kewangan.

i. Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah diantara kos (ditentukan pada asas masuk dahulu, keluar dahulu) dan nilai boleh realisasi bersih. Nilai boleh realisasi bersih merupakan harga jualan anggaran ditolak semua kos anggaran siap dan kos pengangkutan dan pemasaran yang perlu ditanggung untuk melakukan jualan.

j. Manfaat Pekerja

i. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan majikan dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun dimana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap warganegara serta ganjaran kepada pekerja kontrak bukan warganegara yang akan tamat tempoh perkhidmatan pada tahun kewangan berikutnya diakaunkan sebagai manfaat jangka pendek.

ii. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Piawaian dan bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Pendapatan tahun semasa sebagai perbelanjaan manfaat pekerja di dalam Lembaran Imbangan sebagai liabiliti dan dikenali sebagai manfaat pekerja jangka panjang.

Jenis manfaat jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantikan Cuti Rehat (GCR) untuk semua pekerja tetap dengan andaian jumlah GCR adalah untuk 180 hari. Jumlah gaji maksimum staf apabila bersara wajib termasuk elaun-elaun tetap telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

Bayaran ganjaran bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada tahun kewangan berikutnya sebagai Perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan dan liabiliti dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

iii. Pelan Caruman Tetap

UTHM membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi staf yang memilih skim pencen. Sumbangan majikan tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila perbelanjaan dilakukan dalam tahun kewangan berkenaan.

k. Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

- i. Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan,. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut kos projek yang telah siap, aset yang dibeli dan belanja pakai habis.
- ii. Pendapatan daripada yuran pengajian pelajar bersubsidi akan diakaunkan dan diiktiraf sebagai hasil mengikut setiap semester pengajian.
- iii. Sumbangan yang diterima daripada pihak luar dan denda diiktiraf berdasarkan asas akruan.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

- i. Pendapatan Faedah dan Dividen meliputi hasil hasil faedah daripada pelaburan dalam simpanan tetap dan faedah pinjaman yang diiktiraf sebagai hasil dan dinyatakan dalam Penyata Prestasi Kewangan berasaskan kaedah akruan.
- ii. Pendapatan sewaan diiktiraf berdasarkan asas akruan dengan menggunakan dasar garis lurus sepanjang tempoh penyewaan.
- iii. Pelbagai pendapatan meliputi hasil jualan dan perkhidmatan diiktiraf semasa jualan dan perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

I. Liabiliti Cukai Pendapatan

UTHM adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

m. Pajakan

- i. Terdapat 2 jenis pajakan aset iaitu pajakan kewangan (*finance lease*) dan pajakan operasi (*operation lease*). Pengelasan pajakan aset ini adalah berdasarkan kepada pemilikan aset tersebut di akhir tempoh pajakan.
- ii. UTHM mengklasifikasikan pajakan sebagai pajakan kewangan atau pajakan operasi berdasarkan kriteria sejauh mana risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan sebenar aset. Sesuatu pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan apabila pemilikan melibatkan risiko dan ganjaran yang ketara bersampingan dengan pemilikan aset tersebut. Semua pajakan lain yang tidak memenuhi kriteria ini diklasifikasikan sebagai pajakan operasi.
- iii. Sewa beli (*Lease To Own*) pula merupakan kaedah sewa di mana pada akhir tempoh sewaan harta tersebut akan menjadi milik Universiti. Terdapat dua (2) kaedah pengakaunan sewa beli iaitu sebagai Harta Modal jika harta melebihi RM3,000 seunit dan akan dikelaskan sebagai Inventori jika nilai harta kurang daripada RM3,000. Penetapan nilai harta boleh dibuat mengikut nilai pasaran semasa oleh pihak yang mempunyai kepakaran.

n. Aset Pajakan Kewangan

Aset Pajakan Kewangan dikategorikan sebagai pajakan kewangan kerana hak milik aset akan dipindahkan kepada pemajak (UTHM) pada akhir terma perjanjian. Walaupun secara teknikal, pemindahan hak milik belum berlaku pada sepanjang tempoh konsesi, namun intipati dan realiti ekonomi sebenar lebih diambilkira dengan hakikat sebahagian besar manfaat dan risiko telah dipindahkan pada masa aset pajakan siap dan mula digunakan oleh UTHM.

Aset Pajakan Kewangan yang diperolehi melalui kaedah pajakan kewangan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) diiktiraf sebagai aset tetap UTHM selepas siap dibina. Polisi susut nilai ke atas aset pajakan adalah berdasarkan polisi perakaunan susut nilai UTHM, seperti di nota 2(d).

o. Cukai Pendapatan

Universiti telah diberi pengecualian daripada cukai pendapatan di bawah perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cukai dalam Penyata Kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jangkaan cukai yang perlu dibayar terhadap pendapatan boleh cukai pada tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang diterima pakai atau sebahagian besarnya diterima pakai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, dan apa-apa pelarasan ke atas cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diperuntukkan di bawah kaedah liabiliti untuk semua perbezaan sementara yang timbul akibat perbezaan asas cukai dengan nilai dibawa sesuatu aset dan liabiliti di dalam Penyata Kewangan.

Cukai tertunda aset diiktiraf apabila ia berkemungkinan pada masa hadapan terdapat keuntungan boleh cukai yang memanfaatkan perbezaan sementara tersebut.

p. Transaksi Mata Wang Asing

Urus niaga dalam mata wang asing pada mulanya dicatatkan dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh transaksi. Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, pertukaran mata wang asing bagi item monetari diterjemahkan ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh berkenaan. Item bukan monetari pada permulaannya denominasi dalam mata wang asing, yang dibawa pada kos sejarah diterjemahkan menggunakan kadar sejarah pada tarikh pengambilalihan. Semua perbezaan kadar pertukaran diiktiraf dalam Untung dan Rugi.

q. Pihak Berkaitan

Kumpulan menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Kumpulan, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli lembaga pengarah.

r. Instrumen Kewangan

i. Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Aset atau liabiliti kewangan diiktiraf ke Penyata Kedudukan Kewangan apabila, dan hanya apabila UTHM menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya, pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali untuk kiraan awal bagi aset atau liabiliti kewangan yang di saksama dicampur, dalam keadaan sesuatu instrumen kewangan tidak dikira pada nilai saksama melalui Penyata Prestasi Kewangan). Pengiktirafan secara ini tidak termasuk transaksi pembiayaan.

Sekiranya urusan berkenaan melibatkan transaksi pembiayaan (kecuali Peghutang Biasiswa Pelajaran), aset atau liabiliti kewangan dikira pada nilai semasa bayaran hadapan didiskaunkan pada kadar faedah pasaran untuk instrument hutang yang serupa.

ii. Penilaian Berikutan

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif:

- a. pulangan kepada pemegang yang ditentukan, iaitu jumlah yang tetap dan/atau kadar berubah penanda aras pulangan terhadap kadar faedah yang boleh diperhatikan;
- b. tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; dan

- c. pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak bergantung pada peristiwa masa depan.

Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa atau liabiliti semasa diukur pada jumlah yang tidak didiskaunkan daripada tunai atau pertimbangan lain yang dijangka akan dibayar atau diterima melainkan transaksi pada hakikatnya adalah transaksi pembiayaan.

Pelaburan dalam saham biasa tidak boleh dijual, dan pelaburan dalam saham yang tidak boleh ditukar dan saham keutamaan biasa tidak boleh dijual diukur pada kos ditolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan yang tidak dinyatakan pada kos terlunas atau kos ditolak rosot nilai diukur pada nilai saksama dengan perubahan yang diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi) adalah dinilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif rosot nilai.

Kerugian rosot nilai diukur sebagai berikut:-

- a) untuk instrumen diukur pada kos terlunas, kerugian rosot nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset yang asal.
- b) untuk instrumen diukur pada kos ditolak rosot nilai, kerugian rosot nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh laporan.
- c) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau diselesaikan, atau kawalan aset tidak dikekalkan atau sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan tidak diiktiraf dan pertimbangan yang diterima, termasuk apa-apa hak yang baru diwujudkan dan obligasi, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau ditamatkan. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti, diiktiraf dalam untung atau rugi.

- d) Rosot Nilai untuk Aset Kewangan

Penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa aset-aset kewangan mengalami rosot nilai. Aset kewangan dianggap mengalami rosot nilai apabila terdapat bukti objektif tentang rosot nilai disebabkan kejadian tarikh taksiran awal yang memberi kesan kepada anggaran aliran tunai hadapan.

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, pertimbangan dibuat ke atas faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan membayar atau kesukaran kewangan penghutang yang

signifikan dan kemungkinan bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran. Polisi untuk pengakaunan peruntukan hutang ragu adalah mengambilkira penghutang yang tiada jaminan dan melebihi 3 tahun.

Peruntukan Hapuskira dibuat selepas semua langkah-langkah berikut telah diambil bagi memungut semula hutang:-

- a. mengeluarkan notis peringatan (pertama, kedua dan terakhir);
- b. rundingan atau penimbangtaraan ke atas hutang yang dipertikaikan;
- c. tindakan undang-undang (memfail guaman sivil, memperolehi penghakiman daripada mahkamah dan melaksanakan penghakiman itu); dan
- d. agen kutipan hutang.

#### iv. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dalam Penyata Aliran Tunai meliputi baki tunai dan bank, deposit jangka pendek dan pelaburan yang lain berjangka pendek, berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang yang singkat selama tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan.

#### iv. Liabiliti dan Ekuiti

##### a. Pengkelasan Liabiliti dan Ekuiti

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti adalah dikelaskan selaras ciri-ciri dalam pengaturan kontrak, bukan sekadar bentuk undang-undang, dan selaras dengan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

##### b. Instrumen Kewangan Kompaun

Perolehan daripada terbitan hutang boleh tukar atau instrumen kewangan kompaun yang serupa dikelaskan secara berasingan antara komponen liabiliti dan komponen ekuiti selaras dengan ciri-ciri pengaturan. Universiti pertamanya menentukan amaun komponen liabiliti dengan mengukur nilai saksama liabiliti yang serupa yang tidak mempunyai ciri-ciri penukaran atau komponen ekuiti berkaitan yang serupa. Universiti kemudiannya memperuntukan amaun baki sebagai komponen ekuiti. Kos urus niaga diperuntukan antara komponen liabiliti dan komponen ekuiti berdasarkan pada nilai saksama relatif.

Peruntukan itu tidak disemak semula dalam tempoh kemudian.

Dalam tempoh selepas instrumen kewangan kompaun telah diterbitkan, Universiti mengambilkira komponen liabiliti mengikut seksyen 29 MPSAS jika ia memenuhi syarat-syarat sebagai suatu instrumen hutang. Bagi komponen liabiliti tersebut, Universiti mengiktiraf secara sistematiknya sebarang perbezaan diantara komponen liabiliti dan jumlah pokok yang perlu dibayar pada tarikh matang sebagai perbelanjaan faedah tambahan dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

Sebaliknya, Universiti mengambilkira komponen liabiliti mengikut seksyen 30 MPSAS.

##### c. Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urus niaga, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urus niaga pembiayaan bagi universiti kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosot nilai.

d. Liabiliti Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan adalah skop Seksyen 30 MPSAS atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha tidak wajar.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosot nilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati.

e. Liabiliti Kewangan Diukur pada Kos Dilunaskan

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan liabiliti kewangan.

f. Liabiliti Geran Tertunda

Liabiliti Geran Tertunda UTHM terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang PFI, Kumpulan Wang Penyelidikan dan Tabung dan Amanah. Geran yang disalurkan bagi tujuan khusus perlu dikelaskan sebagai hasil geran apabila tujuan dan syarat pemberian geran telah dipenuhi dan geran yang belum memenuhi tujuan dan syarat pemberian geran tersebut perlu dikelaskan sebagai liabiliti, iaitu geran tertunda.

g. Ekuiti Kumpulan Wang

Kumpulan Wang Mengurus mengakaunkan terimaan geran mengurus Kerajaan, pendapatan dan perbelanjaan Universiti.

Kumpulan Wang Tambahan mengakaunkan terimaan geran mengurus tambahan daripada kerajaan serta pendapatan dan perbelanjaan Universiti.

Kumpulan Wang Hartanah, Loji dan Peralatan mengakaunkan nilai aset tetap Universiti meliputi aset mengurus, amanah dan rezab Universiti selepas mengambilkira susut nilai.

Kumpulan Wang Penyelidikan mengakaunkan terimaan geran penyelidikan daripada sumber dalam Universiti serta perbelanjaan penyelidikan Universiti.

Tabung dan Akaun Amanah mengakaunkan terimaan bukan hasil (hasil tak langsung) yang diterima daripada pihak luar dan perbelanjaan berkaitan aktiviti bukan mengurus.



## NOTA 3 - HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - KUMPULAN

2023

	Tanah		Tanah Pajakan		Bangunan		Bangunan Pajakan PFI		Kemudahan		Kenderaan		Perabot / Buku		Alat-alat Kelengkapan		Alat Yang Didermakan		Peralatan Mengajar		Projek Dalam Kemajuan		JUMLAH		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Kos</b>																									
Pada awal tahun	61,600	132,266	796,115,097	300,671,823	454,734,667	24,697,983	39,606,165	439,204,918	5,947,734	72,836,519	13,577,898	2,147,586,680													
Tambahan	-	-	601,215	-	255,123	2,239,786	19,650	6,257,156	-	-	22,838,192	32,211,122													
Pelupusan	-	-	(155,724)	-	(195,500)	(1,645,122)	(586,120)	(12,652,562)	-	-	-	(13,238,682)													
Pelarasan	-	-	602,059	-	-	-	-	42,000	-	-	-	(1,954,346)													
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(602,059)	-													
Pada akhir tahun	61,600	132,266	797,162,647	300,671,823	454,794,290	25,292,657	39,039,695	432,851,512	5,947,734	72,836,519	35,814,031	2,164,604,774													
<b>Susut nilai terkumpul</b>																									
Pada awal tahun	-	8,440	210,757,257	36,080,616	407,568,686	18,690,915	39,554,480	425,346,762	5,947,733	72,836,518	-	1,216,791,406													
Susut nilai tahun semasa	-	1,688	15,943,253	6,013,436	18,580,990	1,620,736	6,804	8,877,917	-	-	-	51,044,824													
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	(585,863)	(12,651,649)	-	-	-	(13,237,512)													
Pelarasan	-	-	(32,683)	-	(19,550)	(329,024)	-	10,500	-	-	-	(370,757)													
Pada akhir tahun	-	10,128	226,667,827	42,094,052	426,130,126	19,992,627	38,975,421	421,583,530	5,947,733	72,836,518	-	1,254,227,962													
<b>Nilai bawa bersih</b>																									
Pada 31.12.2023	61,600	122,138	570,494,820	258,577,771	28,664,164	5,310,030	64,274	11,267,982	1	1	35,814,031	910,376,812													

- Hakmilik tanah adalah di atas nama Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

NOTA 3 - HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - UTHM (SAMB.)

2023

	Tanah Pajakan		Bangunan		Bangunan Pajakan PFI		Kemudahan		Kenderaan		Perabot / Buku		Alat-alat Kelengkapan		Alat Yang Didermakan		Peralatan Mengajar		Projek Dalam Kemajuan		JUMLAH	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Kos</b>																						
Pada awal tahun			795,901,950	300,671,823	454,578,387	24,096,672	39,376,327	438,385,192	5,947,734	72,836,519	13,577,898	2,145,504,768										
Tambahan			601,215	-	255,123	1,045,168	15,920	6,155,517	-	-	22,838,192	30,911,135										
Pelupusan			(155,724)	-	(195,500)	(1,645,122)	(424,083)	(12,568,933)	-	-	-	(12,993,016)										
Pindahan			602,059	-	-	-	-	42,000	-	-	-	(1,954,346)										
Pada akhir tahun	132,266	796,949,500	300,671,823	454,638,010	23,496,718	38,968,164	432,013,776	5,947,734	72,836,519	35,814,031	2,161,468,541											
<b>Susut nilai terkumpul</b>																						
Pada awal tahun	8,440	210,693,312	36,080,617	407,455,594	18,124,670	39,376,326	424,930,718	5,947,733	72,836,518	-	1,215,453,928											
Susut nilai tahun semasa	1,688	15,938,990	6,013,436	18,580,990	1,581,350	3,184	8,790,489	-	-	-	-	50,910,127										
Pelupusan	-	-	-	-	-	(424,083)	(12,568,933)	-	-	-	-	(12,993,016)										
Pelarasan	-	(32,683)	-	(19,550)	(329,024)	-	10,500	-	-	-	(370,757)											
Pada akhir tahun	10,128	226,599,619	42,094,053	426,017,034	19,376,996	38,955,427	421,162,774	5,947,733	72,836,518	-	1,253,000,282											
<b>Nilai bawa bersih</b>																						
Pada 31.12.2023	122,138	570,349,881	258,577,770	28,620,976	4,119,722	12,737	10,851,002	1	1	35,814,031	908,468,259											

- Hakmilik tanah adalah di atas nama Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

## NOTA 3 - HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - KUMPULAN

2022

	Tanah		Tanah Pajakan		Bangunan		Bangunan Pajakan PFI		Kemudahan		Kenderaan		Perabot/ Buku		Alat-alat Kelengkapan		Alat Yang Didermakan		Peralatan Mengajar		Projek Dalam Kemajuan		JUMLAH		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Kos</b>																									
Pada awal tahun	61,600		132,266	994,843,055	300,671,823	307,720,753	19,156,756	40,031,737	400,078,442	5,947,734	72,836,519	-	-	2,141,580,685											
Tambahan	-	-	-	1,366,172	-	4,970,270	5,845,117	15,079	11,793,234	-	-	-	-	10,304,110											
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	(303,880)	(440,651)	(3,479,315)	-	-	-	-	-	(4,223,846)										
Pelarasan	-	-	-	(200,594,442)	-	142,043,644	-	-	30,812,557	-	-	-	-	3,674,100											
Pindahan	-	-	-	400,312	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(400,312)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
Pada akhir tahun	61,600		132,266	796,115,097	300,671,823	454,734,667	24,697,993	39,606,165	439,204,918	5,947,734	72,836,519	-	-	2,147,586,680											
<b>Susut nilai terkumpul</b>																									
Pada awal tahun	-	6,752	242,633,592	30,067,180	250,364,473	16,971,819	39,992,459	385,813,600	5,947,733	72,836,518	-	-	-	1,044,634,126											
Susut nilai tahun semasa	-	1,688	15,922,302	6,013,436	20,314,597	1,968,986	2,672	12,049,433	-	-	-	-	-	56,273,114											
Pelupusan	-	-	-	-	-	-	(303,880)	(440,651)	(3,479,315)	-	-	-	-	(4,223,846)											
Pelarasan	-	-	-	(47,798,637)	-	136,889,616	53,990	(0)	30,963,044	-	-	-	-	120,108,013											
Pada akhir tahun	-	8,440	210,757,257	36,080,616	407,568,686	18,690,915	39,554,480	425,346,762	5,947,733	72,836,518	-	-	-	1,216,791,407											
<b>Nilai bawa bersih</b>																									
Pada 31.12.2022	61,600	123,826	585,357,840	264,591,207	47,165,981	6,007,078	51,685	13,858,156	1	13,577,898	930,795,273														

- Hakmilik tanah adalah di atas nama Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

NOTA 3 - HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN - UTHM (SAMB.)

2022

	Tanah Pajakan		Bangunan		Bangunan Pajakan PFI		Kemudahan		Kenderaan		Perabot / Buku		Alat-alat Kelengkapan		Alat Yang Didermakan		Peralatan Mengajar		Projek Dalam Kemajuan		JUMLAH	
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Kos</b>																						
Pada awal tahun	132,266	994,729,908	300,671,823	307,564,473	18,251,555	39,816,978	389,387,802	5,947,734	72,836,519	-	2,139,339,058											
Tambahan	-	1,366,172	-	4,970,270	5,845,117	-	11,664,148	-	10,304,110	-	34,149,817											
Pelupusan	-	(200,594,442)	-	-	-	(440,651)	(3,479,315)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(3,919,966)
Pelarasan	-	400,312	-	142,043,644	-	-	30,812,557	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(24,064,141)
Pindahan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada akhir tahun	132,266	795,901,950	300,671,823	454,578,387	24,096,672	39,376,327	438,385,192	5,947,734	72,836,519	13,577,898	2,145,504,768											
<b>Susut nilai terkumpul</b>																						
Pada awal tahun	6,752	242,573,910	30,067,181	250,251,381	16,123,829	39,816,977	385,457,851	5,947,733	72,836,518	-	1,043,082,132											
Susut nilai tahun semasa	1,688	15,918,039	6,013,436	20,314,597	1,946,851	-	11,989,138	-	-	-	56,183,749											
Pelupusan	-	-	-	-	-	(440,651)	(3,479,315)	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(3,919,966)
Pelarasan	-	(47,798,637)	-	136,889,616	53,990	(0)	30,963,044	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	120,108,013
Pada akhir tahun	8,440	210,693,312	36,080,617	407,455,594	18,124,670	39,376,326	424,930,718	5,947,733	72,836,518	-	1,215,453,928											
<b>Nilai bawa bersih</b>																						
Pada 31.12.2022	123,826	585,208,638	264,591,206	47,122,793	5,972,002	1	13,454,474	1	13,577,898	1	930,050,840											

- Hakmilik tanah adalah di atas nama Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan

## NOTA 4 - ASET TAK KETARA

	UTHM DAN KUMPULAN	
	2023	2022
	RM	RM
<b>Kos:</b>		
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>36,872,345</b>	<b>38,506,140</b>
Tambahan	2,643,065	601,490
Pelupusan	(493,739)	(3,057,416)
Pelarasan	-	822,131
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>39,021,671</b>	<b>36,872,345</b>
<b>Pelunasan Terkumpul:</b>		
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>(35,779,983)</b>	<b>(38,084,856)</b>
Tambahan	(1,172,448)	(538,515)
Pelupusan	493,739	3,057,417
Pelarasan	-	(214,029)
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>(36,458,692)</b>	<b>(35,779,983)</b>
<b>Nilai Buku Bersih</b>	<b>2,562,979</b>	<b>1,092,362</b>

## NOTA 5 - PELABURAN HARTANAH

	KUMPULAN	
	2023	2022
	RM	RM
<b>BANGUNAN</b>		
<b>Kos:</b>		
Pada 1 Januari dan 31 Disember	4,567,196	4,567,196
<b>Rosot Nilai Terkumpul:</b>		
Pada 1 Januari dan 31 Disember	122,196	122,196
<b>Jumlah Bersih</b>	<b>4,445,000</b>	<b>4,445,000</b>

Penilaian Semula Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah telah dinilai semula pada tarikh pelaporan berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh penilai bebas bertauliah. Penilaian adalah berdasarkan kaedah perbandingan penilaian yang merujuk kepada anggaran nilai pasaran dan hasil yang setara.

Sekiranya pelaburan hartanah diukur menggunakan model kos, jumlah bawaan adalah seperti berikut:-

	KUMPULAN	
	2023	2022
	RM	RM
<b>Pelaburan Hartanah Pada 31 Disember:</b>		
Kos dan Jumlah Bawaan Bersih	4,251,996	4,251,996

## NOTA 6 - PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	UTHM	
	2023	2022
	RM	RM
<b>Saham Tak Tersiar Harga Pada Kos</b>		
<b>Baki Pada 1 Januari dan 31 Disember</b>	<b>7,000,000</b>	<b>7,000,000</b>

**NOTA 6 - PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (SAMB.)**

NAMA SYARIKAT	% PEGANGAN EKUITI		KEGIATAN UTAMA
	2023	2022	
<i>Pegangan Terus:-</i>			
UTHM Holdings Sdn. Bhd.*	100%	100%	Pengkomersilan R&D, perundingan dan penyewaan bangunan
<i>Pegangan Melalui UTHM Holdings Sdn. Bhd.:-</i>			
1. UTHM Education & Training Sdn. Bhd.*	100%	100%	Latihan dan pendidikan
2. UTHM Commercial Sdn. Bhd.*	100%	100%	Perundingan, pengujian, pengurusan majlis dan pengkomersilan
3. Algazel Medical Sdn. Bhd.*	100%	100%	Pusat hemodialisis
* Tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.			

**NOTA 7 - ASET CUKAI TERTUNDA**

	KUMPULAN	
	2023 RM	2022 RM
<b>Pada 1 Januari</b>	<b>280,000</b>	<b>227,000</b>
Pengiktirafan dalam Penyata Pendapatan (Nota 30)	(199,000)	53,000
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>81,000</b>	<b>280,000</b>

Baki Aset Cukai Tertunda adalah disebabkan oleh perbezaan sementara seperti berikut:-

	KUMPULAN	
	2023 RM	2022 RM
Elaun Bagi Hutang Ragu	1,000	255,000
Amaun Bawaan Hartanah, Loji & Peralatan Yang Layak Melebihi Asas Cukai	80,000	25,000
	<b>81,000</b>	<b>280,000</b>

**NOTA 8 - INVENTORI**

	KUMPULAN	
	2023 RM	2022 RM
<b>Kos</b>		
Barang Guna Habis	<b>51,772</b>	<b>25,061</b>

**NOTA 9 - URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA**

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Penghutang Pelajar	7,822,531	5,675,400	7,822,531	5,675,400
Penghutang Penaja	263,494	371,448	263,494	371,448
	8,086,025	6,046,848	8,086,025	6,046,848
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(548,592)	(820,349)	(548,592)	(820,349)
	<b>7,537,433</b>	<b>5,226,498</b>	<b>7,537,433</b>	<b>5,226,498</b>

## NOTA 10 - URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Penghutang Pinjaman Kenderaan*	3,261,627	2,410,483	3,261,627	2,410,483
Penghutang Pinjaman Komputer*	219,321	207,311	219,321	207,311
Penghutang Pinjaman Aeronautik	1,535,025	1,581,302	1,535,025	1,581,302
Penghutang Pendahuluan Perjalanan	1,700	-	1,700	-
Penghutang Pinjaman Tabung Wakaf	500,000	500,000	500,000	500,000
Penghutang Pinjaman Tabung Skim Pinjaman Pengkomersialan	50,000	-	50,000	-
Penghutang Pendahuluan Program Pelajar	-	1,808	-	1,808
Penghutang Pendahuluan Program Universiti	-	236	-	236
Penghutang Pendahuluan Projek Universiti	2,289,970	3,281,026	2,289,970	3,281,026
Penghutang Pendahuluan Diri AP59	48,437	-	48,437	-
Penghutang Pelbagai Pendahuluan	123,098	185,824	123,098	185,824
Penghutang Tuntutan Gantirugi dan Emolumen	17,936,136	16,724,671	17,936,136	16,724,671
Penghutang Sewaan	701,284	558,855	701,284	558,855
Penghutang Yuran & Perundingan	504,248	573,833	504,248	573,833
Penghutang Perniagaan	2,578,380	1,831,544	-	-
Penghutang Kastam	-	10,959,771	-	10,959,771
Penghutang Potongan Gaji	31,516	45,974	31,516	45,974
Penghutang Terlebih Bayar	554,007	554,007	554,007	554,007
	<u>30,334,749</u>	<u>39,416,645</u>	<u>27,756,369</u>	<u>37,585,101</u>
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu	(214,020)	(1,300,055)	(214,020)	(266,441)
	<b><u>30,120,729</u></b>	<b><u>38,116,590</u></b>	<b><u>27,542,349</u></b>	<b><u>37,318,660</u></b>
<b>Cagaran Dibayar dan Prabayar :</b>				
Cagaran Air dan Elektrik Dibayar	442,090	442,090	442,090	442,090
Cagaran Sewa Bangunan	3,493,979	3,554,279	3,493,979	3,554,279
	<b><u>3,936,069</u></b>	<b><u>3,996,369</u></b>	<b><u>3,936,069</u></b>	<b><u>3,996,369</u></b>
<b>Hasil Akan Diterima :</b>				
Faedah Simpanan Tetap Akan Diterima	4,125,063	3,097,525	4,125,063	3,097,525
Dividen Pelaburan Akan Diterima	-	-	35,000	35,000
	<b><u>4,125,063</u></b>	<b><u>3,097,525</u></b>	<b><u>4,160,063</u></b>	<b><u>3,132,525</u></b>
<b>Jumlah Urus Niaga Pertukaran Belum Terima</b>	<b><u>38,181,861</u></b>	<b><u>45,210,485</u></b>	<b><u>35,638,481</u></b>	<b><u>44,447,554</u></b>

\* UTHM memberikan kemudahan pinjaman kepada kakitangan UTHM iaitu terdiri daripada pinjaman kenderaan dan komputer. Kadar faedah yang dikenakan terhadap pinjaman ini adalah sebanyak 4% setahun.

## NOTA 11 - DEPOSIT, BAKI BANK DAN TUNAI

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Deposit di Bank	618,608,050	612,193,138	618,300,000	612,050,000
Baki Bank dan Tunai	73,056,525	84,376,989	68,629,493	78,867,257
	<b><u>691,664,575</u></b>	<b><u>696,570,127</u></b>	<b><u>686,929,493</u></b>	<b><u>690,917,257</u></b>

## NOTA 12 - KUMPULAN WANG MENGURUS

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>Hasil:</b>				
Geran Mengurus	267,405,700	271,250,000	267,405,700	271,250,000
Pendapatan Universiti	93,383,432	69,713,938	93,383,432	69,713,938
	<u>360,789,132</u>	<u>340,963,938</u>	<u>360,789,132</u>	<u>340,963,938</u>
<b>Perbelanjaan:</b>				
Emolumen	234,119,638	220,987,229	234,119,638	220,987,229
Perkhidmatan dan Bekalan	93,791,685	84,797,972	93,791,685	84,797,972
Pemberian dan Bayaran Tetap	12,337,216	11,033,070	12,337,216	11,033,070
Perbelanjaan Lain	68,494,602	78,671,536	68,494,602	78,671,536
	<u>408,743,141</u>	<u>395,489,806</u>	<u>408,743,141</u>	<u>395,489,806</u>
Kurangan Pendapatan	(47,954,009)	(54,525,868)	(47,954,009)	(54,525,868)
Pendapatan Geran Aset dilunaskan	492,360	492,360	492,360	492,360
<b>Kurangan Pendapatan Tahun Semasa</b>	<b>(47,461,649)</b>	<b>(54,033,507)</b>	<b>(47,461,649)</b>	<b>(54,033,507)</b>
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>835,756,107</b>	<b>1,015,362,918</b>	<b>835,756,107</b>	<b>1,015,362,918</b>
<i>- Seperti Dinyatakan Sebelum</i>				
Pelarasan Tahun Lepas	(12,088,973)	6,869,988	(12,088,973)	6,869,988
Kesan Peralihan MPSAS	-	(147,198,873)	-	(147,198,873)
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>823,667,134</b>	<b>875,034,033</b>	<b>823,667,134</b>	<b>875,034,033</b>
<i>- Seperti Dinyatakan Semula</i>				
Pindahan Antara Kumpulan Wang:				
Kumpulan Wang Penyelidikan/Tabung Universiti	(4,877,434)	(25,831,304)	(4,877,434)	(25,831,304)
Kumpulan Wang Tambahan	-	-	-	-
Kumpulan Wang PFI	27,963,790	11,267,021	27,963,790	11,267,021
Kumpulan Wang Pembangunan	23,780,650	16,241,937	23,780,650	16,241,937
Pindahan Antara Kumpulan Wang:				
Susut Nilai Tahunan	10,519,606	10,122,954	10,519,606	10,122,954
Perbelanjaan Aset	(7,466,966)	(15,030,954)	(7,466,966)	(15,030,954)
Pelarasan Tabung dan Amanah	(2,301,717)	17,985,928	(2,301,717)	17,985,928
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>823,823,414</b>	<b>835,756,107</b>	<b>823,823,414</b>	<b>835,756,107</b>

## NOTA 13 - KUMPULAN WANG TAMBAHAN

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>Pendapatan:</b>				
Geran Tambahan	11,000,000	17,161,700	11,000,000	17,161,700
<b>Perbelanjaan:</b>				
Elaun dan Imbuhan Tetap	-	668,200	-	668,200
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	11,345,530	12,915,661	11,345,530	12,915,661
(Kurangan)/Lebih Pendapatan Tahun Semasa	(345,530)	3,577,839	(345,530)	3,577,839
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>31,066,497</b>	<b>27,488,658</b>	<b>31,066,497</b>	<b>27,488,658</b>
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>30,720,967</b>	<b>31,066,497</b>	<b>30,720,967</b>	<b>31,066,497</b>



## NOTA 14 - KUMPULAN WANG HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>129,109,470</b>	<b>121,352,443</b>	<b>129,109,470</b>	<b>121,352,443</b>
Pindahan Antara Kumpulan Wang:				
Susut Nilai Tahunan	(10,519,605)	(10,122,953)	(10,519,605)	(10,122,953)
Perbelanjaan Aset	8,203,132	17,879,980	8,203,132	17,879,980
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>126,792,997</b>	<b>129,109,470</b>	<b>126,792,997</b>	<b>129,109,470</b>

## NOTA 15 - KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>6,818,027</b>	<b>6,911,570</b>	<b>6,818,027</b>	<b>6,911,570</b>
Pindahan Antara Kumpulan Wang:				
Pindahan Geran Penyelidikan Dari Kumpulan Wang Mengurus	4,835,700	4,551,800	4,835,700	4,551,800
	11,653,727	11,463,370	11,653,727	11,463,370
Perkhidmatan dan Bekalan	(4,847,103)	(3,811,469)	(4,847,103)	(3,811,469)
Perbelanjaan Lain	(450)	(657)	(450)	(657)
Susut Nilai Tahunan	(849,401)	(946,803)	(849,401)	(946,803)
Pindahan Dari Geran Tertunda Penyelidikan	535,820	113,586	535,820	113,586
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>6,492,593</b>	<b>6,818,027</b>	<b>6,492,593</b>	<b>6,818,027</b>

## NOTA 16 - TABUNG DAN AKAUN AMANAH

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>TABUNG PINJAMAN</b>				
Pinjaman Kenderaan	6,250,000	6,250,000	6,250,000	6,250,000
Pinjaman Komputer	1,250,000	1,250,000	1,250,000	1,250,000
Pinjaman Aeronautik	2,268,441	2,268,441	2,268,441	2,268,441
Skim Pinjaman Pembelian Aset Penyelidikan	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Skim Pinjaman Perniagaan Pelajar Tanpa Faedah	1,600,000	1,600,000	1,600,000	1,600,000
Skim Pinjaman Pengkomersialan	750,000	750,000	750,000	750,000
	<b>13,118,441</b>	<b>13,118,441</b>	<b>13,118,441</b>	<b>13,118,441</b>

## NOTA 16 - TABUNG DAN AKAUN AMANAH (SAMB.)

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>TABUNG JABATAN</b>				
Tabung Pengurusan UTHM	70,897,079	70,615,207	70,897,079	70,615,207
Tabung Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	377,220	390,767	377,220	390,767
Tabung Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi	294,756	310,015	294,756	310,015
Tabung Fakulti Kejuruteraan Awam & Alam Bina	612,511	705,362	612,511	705,362
Tabung Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan	939,717	799,122	939,717	799,122
Tabung Pendidikan Berterusan	4,507,346	1,930,432	4,507,346	1,930,432
Tabung Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional	2,101,669	2,177,083	2,101,669	2,177,083
Tabung Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	178,643	182,316	178,643	182,316
Tabung Amanah Perpustakaan	623,957	416,018	623,957	416,018
Tabung Pejabat Pengurusan Akademik	4,187,770	3,851,179	4,187,770	3,851,179
Tabung Hadiah Akademik Universiti	51,548	43,548	51,548	43,548
Tabung Pusat Kaunseling Universiti	76,872	76,767	76,872	76,767
Tabung Penerbitan	659,382	867,686	659,382	867,686
Tabung Pengurusan Hal Ehwal Pelajar	741,995	926,630	741,995	926,630
Tabung Pesta Konvokesyen	548,780	390,724	548,780	390,724
Tabung Hari Keluarga	22,426	221,730	22,426	221,730
Tabung Khairat Kematian Staf	315,204	232,407	315,204	232,407
Tabung Pusat Kesihatan Universiti	4,389,159	4,762,375	4,389,159	4,762,375
Tabung Pengurusan Penyelidikan	3,332,327	3,361,585	3,332,327	3,361,585
Tabung EMC	46,816	59,055	46,816	59,055
Tabung Mint-Shamsuddin Research Centre	163,221	132,802	163,221	132,802
Tabung Pemb. Modal Insan Pejabat Pendaftar	194,080	313,699	194,080	313,699
Tabung Pesisir	5,488,034	6,376,403	5,488,034	6,376,403
Tabung Penyelidikan Tanah Lembut (RECESS)	15,866	7,591	15,866	7,591
Tabung Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan	294,853	281,852	294,853	281,852
Tabung Pusat Pemb. Bahan termaju (AMMC)	20,992	19,510	20,992	19,510
Tabung Fakulti Teknologi Kejuruteraan	375,536	441,230	375,536	441,230
Tabung Yuran MBA FPTP	1,171,952	1,195,874	1,171,952	1,195,874
Tabung Pusat Pengajian Bahasa	392,161	409,560	392,161	409,560
Tabung Pusat Pengajian Diploma	206,553	12,005	206,553	12,005
Tabung Pusat Teknologi Maklumat	29,702	24,147	29,702	24,147
Tabung Pusat Pengajian Umum & Kokurikulum	90,675	101,405	90,675	101,405
Tabung Pusat Inovasi dan Pengkomersilan (ICC)	1,099,365	1,569,110	1,099,365	1,569,110
Tabung Institute for Integrated Engineering (I2E)	382,604	427,491	382,604	427,491
Tabung ICoE-Rel (I2E)	2,521	2,329	2,521	2,329
Tabung Canselori	567,751	542,828	567,751	542,828
Tabung MyRIVET	5,522	58,501	5,522	58,501
Tabung BizDec	155,291	155,334	155,291	155,334
Tabung Mobiliti	121,365	182,930	121,365	182,930
Tabung PNC (SK)	7,459	15,937	7,459	15,937
Tabung Pejabat Antarabangsa	52,728	68,985	52,728	68,985
Tabung APEL	24,933	25,653	24,933	25,653
Tabung Institut Ahli Sunnah Waljamaah	271,917	252,218	271,917	252,218
Tabung Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan	400	200	400	200
Tabung Pejabat Bendahari	14,916	14,519	14,916	14,519
Tabung Metro System Academy (MSA)	22,881	4,001	22,881	4,001
Tabung Teaching Factory (TF)	18,764	13,711	18,764	13,711
Tabung UTHM Kampus Cawangan Pagoh	22,264	14,953	22,264	14,953
	<b>106,119,483</b>	<b>104,984,796</b>	<b>106,119,483</b>	<b>104,984,796</b>
<b>AKAUN AMANAH</b>				
Amanah Kewangan Universiti	2,630,361	2,443,318	2,630,361	2,443,318
	<b>2,630,361</b>	<b>2,443,318</b>	<b>2,630,361</b>	<b>2,443,318</b>
	<b>121,868,285</b>	<b>120,546,555</b>	<b>121,868,285</b>	<b>120,546,555</b>

## NOTA 17 - KEUNTUNGAN TERKUMPUL SYARIKAT SUBSIDIARI

	KUMPULAN	
	2023 RM	2022 RM
<b><u>Pendapatan</u></b>		
Sewaan	87,915	59,582
Perundingan dan Pengujian	11,332,708	8,285,588
	<u>11,420,623</u>	<u>8,345,170</u>
<b><u>Perbelanjaan</u></b>		
Sewaan	25,927	105,678
Operasi dan Pentadbiran	11,542,979	7,906,987
	<u>11,568,906</u>	<u>8,012,665</u>
(Kurangan)/Lebih Pendapatan	(148,283)	332,505
Faedah	(58,511)	(83,241)
(Kerugian)/Keuntungan Sebelum Cukai	(206,794)	249,264
Peruntukan Cukai	(299,241)	(69,776)
(Kerugian)/Keuntungan Selepas Cukai	<u>(506,035)</u>	<u>179,488</u>
Baki Lebihan Terkumpul	930,698	786,346
Dividen	(35,000)	(35,000)
(Kerugian)/Keuntungan Bagi Tahun	(506,035)	179,488
Perkongsian Keuntungan Syarikat Bersekutu	-	(136)
<b>Lebihan Terkumpul</b>	<b><u>389,663</u></b>	<b><u>930,698</u></b>

## NOTA 18 - RIZAB PENILAIAN SEMULA

	KUMPULAN	
	2023 RM	2022 RM
<b>Baki Pada 1 Januari dan 31 Disember</b>	<b><u>193,004</u></b>	<b><u>193,004</u></b>

## NOTA 19 - PINJAMAN

	KUMPULAN	
	2023 RM	2022 RM
<b>Semasa</b>		
Bercagar :		
Al-Bai Bithaman Ajil	249,410	167,486
<b>Bukan Semasa</b>		
Bercagar :		
Al-Bai Bithaman Ajil	818,284	1,178,558
	<u>1,067,694</u>	<u>1,346,044</u>

Kumpulan UTHM Holdings Sdn. Bhd. telah mendapatkan fasiliti kredit daripada institusi kewangan tempatan yang menanggung kadar faedah antara 3.47% sehingga 6.47% (2022: 3.47% sehingga 6.47%) setahun dan dicagarkan oleh perkara berikut:-

- Semua tanah pegangan bebas dan bangunan milik Kumpulan Syarikat UTHM Holdings Sdn. Bhd.; dan
- Surat Perjanjian bayaran bulanan.

**NOTA 20 - PEMIUTANG PAJAKAN KEWANGAN**

Pemiutang pajakan kewangan terdiri daripada pembelian kenderaan oleh Kumpulan UTHM melalui pajakan kewangan dan juga Aset Konsesi Perkhidmatan UTHM.

Aset Konsesi Perkhidmatan merupakan projek pembangunan yang disediakan di bawah Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI). Di bawah projek ini, satu syarikat konsesi swasta telah dilantik untuk merekabentuk dan membina sebuah Hub Pendidikan Tinggi Pagoh. Projek ini dilaksanakan secara aturan konsesi di bawah konsep 'Bina-Pajak-Selenggara-Pindah'.

Di bawah perjanjian konsesi yang dimeterai pada 7 November 2012, UTHM bersetuju menyerahkan kerja-kerja pelaksanaan pembinaan untuk tempoh tiga (3) tahun, dan bekalan peralatan mengajar bagi hub pendidikan tersebut. Kerja-kerja pembinaan bermula pada Mei 2014 dan setelah kerja pembinaan selesai pada 2 Mei 2017, kampus berkenaan diserahkan kepada UTHM. Walaubagaimanapun, syarikat konsesi masih menyelenggara kemudahan dan infrastruktur kampus selama tempoh dua puluh (20) tahun.

Sebagai tukaran kepada kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan aset konsesi perkhidmatan ini, UTHM akan membayar kepada

- Availability charges berjumlah RM3,971,658 sebulan selama 20 tahun.
- Peralatan mengajar berjumlah RM16,400,000 setahun selama 5 tahun.
- Caj Perkhidmatan pengurusan aset berjumlah RM1,051,024 sebulan selama 20 tahun.
- Program pengurusan aset berjumlah RM515,406 sebulan selama 20 tahun.

Kesan penamatan konsesi:-

- Syarikat konsesi menyerahkan kemudahan dan infrastruktur (aset konsesi) kepada UTHM.
- Berhenti menyediakan Perkhidmatan Pengurusan Aset dan hak dipulangkan kepada UTHM.

**Pergerakan Aset Perkhidmatan Aset Konsesi**

Nilai bawa bersih aset perkhidmatan aset konsesi pada akhir tahun semasa adalah RM258,577,771 (2022: RM264,591,207). Pengurangan sebanyak RM6,013,436 (2022: RM6,013,437) dari susut nilai.

**Pergerakan Liabiliti Perkhidmatan Aset Konsesi**

Nilai liabiliti perkhidmatan aset konsesi pada akhir tahun semasa adalah RM275,159,862 (2022: RM296,469,269). Pengurangan sebanyak RM22,309,407 (2022: RM5,088,194) adalah disebabkan pembayaran dibuat pada tahun semasa.

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Pada Awal Tahun	297,124,757	302,213,964	297,029,297	302,126,353
Tambahan/Pelaras	1,172,388	-	-	-
Tolak Pembayaran Tahun Semasa:				
Bangunan dan Peralatan Mengajar	(22,309,297)	(5,088,096)	(22,309,297)	(5,088,096)
Tanah Pajakan	(8,960)	(8,960)	(8,960)	(8,960)
Kenderaan	(12,841)	7,849	-	-
Pada Akhir Tahun	<b>275,966,047</b>	<b>297,124,757</b>	<b>274,711,040</b>	<b>297,029,297</b>
Tolak: Faedah tergantung	(691,512)	(600,610)	(551,178)	(560,030)
	<b>275,274,535</b>	<b>296,524,147</b>	<b>274,159,862</b>	<b>296,469,267</b>
Diterakan Sebagai:-				
Tidak Melebihi Satu Tahun	7,830,388	22,851,802	7,482,779	22,842,924
Selepas Satu Tahun dan Tidak Melebihi Lima Tahun	56,424,633	47,969,025	55,657,569	47,923,023
Melebihi Lima Tahun	211,019,514	225,703,320	211,019,514	225,703,320
	<b>275,274,535</b>	<b>296,524,147</b>	<b>274,159,862</b>	<b>296,469,267</b>

## NOTA 21 - GERAN TERTUNDA

## NOTA 21.1 - GERAN PEMBANGUNAN

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Geran Pembangunan Direalisasi	25,486,257	18,792,329	25,486,257	18,792,329
Tolak: Penggunaan/Perbelanjaan Geran				
Perbelanjaan Perkhidmatan & Bekalan	(714,551)	(2,550,392)	(714,551)	(2,550,392)
Perbelanjaan Aset	(2,535,573)	(6,338,138)	(2,535,573)	(6,338,138)
Perbelanjaan Projek Dalam Kemajuan	(22,236,133)	(9,903,799)	(22,236,133)	(9,903,799)
	<u>(25,486,257)</u>	<u>(18,792,329)</u>	<u>(25,486,257)</u>	<u>(18,792,329)</u>
	-	-	-	-
<b>Baki Pada 1 Januari - Seperti Dinyatakan Sebelum</b>	<b>45,768,680</b>	<b>48,256,898</b>	<b>45,768,680</b>	<b>48,256,898</b>
Pelarasan Tahun Lepas	-	(3,195,889)	-	(3,195,889)
<b>Baki Pada 1 Januari - Seperti Dinyatakan Semula</b>	<b>45,768,680</b>	<b>45,061,010</b>	<b>45,768,680</b>	<b>45,061,010</b>
Terimaan Geran - Pembangunan	42,374,000	19,500,000	42,374,000	19,500,000
	<u>88,142,680</u>	<u>64,561,010</u>	<u>88,142,680</u>	<u>64,561,010</u>
Tolak: Penggunaan/Perbelanjaan Geran				
Perbelanjaan Perkhidmatan & Bekalan	(714,551)	(2,550,392)	(714,551)	(2,550,392)
Perbelanjaan Aset	(2,535,573)	(6,338,138)	(2,535,573)	(6,338,138)
Perbelanjaan Projek Dalam Kemajuan	(22,236,133)	(9,903,799)	(22,236,133)	(9,903,799)
<b>Baki Geran Tertunda Pada 31 Disember</b>	<b>62,656,423</b>	<b>45,768,680</b>	<b>62,656,423</b>	<b>45,768,680</b>

## NOTA 21.2 - GERAN PFI

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Geran PFI Direalisasi	81,981,618	66,557,617	81,981,618	66,557,617
Tolak: Penggunaan/Perbelanjaan Geran				
Bayaran Balik	(21,379,499)	(5,088,096)	(21,379,499)	(5,088,096)
Penyelenggaraan Projek PFI	(13,369,025)	(13,369,025)	(13,369,025)	(13,369,025)
Kadar Denda & Gantirugi Tetap	186,972	656,176	186,972	656,176
Faedah Atas Pembayaran Availability Charges	(41,750,600)	(42,571,800)	(41,750,600)	(42,571,800)
Sumbangan Kepada Akaun MRF	(5,669,466)	(6,184,872)	(5,669,466)	(6,184,872)
	<u>(81,981,618)</u>	<u>(66,557,617)</u>	<u>(81,981,618)</u>	<u>(66,557,617)</u>
	-	-	-	-
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>26,996,794</b>	<b>26,340,412</b>	<b>26,996,794</b>	<b>26,340,412</b>
Terimaan Geran - Peruntukan PFI	67,214,000	67,214,000	67,214,000	67,214,000
	<u>94,210,794</u>	<u>93,554,412</u>	<u>94,210,794</u>	<u>93,554,412</u>
Tolak: Penggunaan/Perbelanjaan Geran				
Bayaran Balik	(21,379,499)	(5,088,096)	(21,379,499)	(5,088,096)
Penyelenggaraan Projek PFI	(13,369,025)	(13,369,025)	(13,369,025)	(13,369,025)
Kadar Denda & Gantirugi	186,973	656,176	186,973	656,176
Faedah Atas Pembayaran Availability Charges	(41,750,600)	(42,571,800)	(41,750,600)	(42,571,800)
Sumbangan Kepada Akaun MRF	(5,669,466)	(6,184,872)	(5,669,466)	(6,184,872)
<b>Baki Geran Tertunda Pada 31 Disember</b>	<b>12,229,177</b>	<b>26,996,794</b>	<b>12,229,177</b>	<b>26,996,794</b>

## NOTA 21 - GERAN TERTUNDA (SAMB.)

## NOTA 21.3 - GERAN PENYELIDIKAN

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Geran Penyelidikan Direalisasikan	7,631,390	8,767,181	7,631,390	8,767,181
Tolak: Penggunaan/Perbelanjaan Geran				
Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan	(7,380,644)	(8,361,948)	(7,380,644)	(8,361,948)
Perbelanjaan Lain	(480)	(657)	(480)	(657)
Perbelanjaan Aset	(250,266)	(404,576)	(250,266)	(404,576)
	<b>(7,631,390)</b>	<b>(8,767,181)</b>	<b>(7,631,390)</b>	<b>(8,767,181)</b>
	-	-	-	-
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>21,255,704</b>	<b>23,640,046</b>	<b>21,255,704</b>	<b>23,640,046</b>
Terimaan Geran Penyelidikan	7,378,990	6,604,542	7,378,990	6,604,542
	28,634,694	30,244,588	28,634,694	30,244,588
<b>Tolak: Penggunaan/Perbelanjaan Geran</b>				
Perbelanjaan Perkhidmatan & Bekalan	(7,380,644)	(8,361,948)	(7,380,644)	(8,361,948)
Perbelanjaan Lain	(480)	(657)	(480)	(657)
Perbelanjaan Aset	(250,266)	(404,576)	(250,266)	(404,576)
Pindahan Dari Geran Tertunda	(535,820)	(113,586)	(535,820)	(113,586)
Pelarasan / Pemulangan Geran	(61,820)	(108,116)	(61,820)	(108,116)
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>20,405,664</b>	<b>21,255,704</b>	<b>20,405,664</b>	<b>21,255,704</b>

## NOTA 21.4 - TABUNG DAN AMANAH

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	<b>57,797,579</b>	<b>33,984,080</b>	<b>57,797,579</b>	<b>33,984,080</b>
Terimaan/Pelarasan	18,770,222	24,308,201	18,770,222	24,308,201
	76,567,801	58,292,281	76,567,801	58,292,281
Perbelanjaan/Pelarasan	(22,641,985)	(494,702)	(22,641,985)	(494,702)
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>53,925,816</b>	<b>57,797,579</b>	<b>53,925,816</b>	<b>57,797,579</b>
<b>JUMLAH GERAN TERTUNDA</b>	<b>149,217,080</b>	<b>151,818,756</b>	<b>149,217,080</b>	<b>151,818,756</b>

Geran Tertunda bagi Tabung dan Amanah adalah terdiri daripada perkara berikut:-

	Baki Pada 01.01.2023 RM	Terimaan/ Pelarasan RM	Perbelanjaan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2023 RM
Amanah MTU Showcase	3,702,732	167,024	(128,059)	3,741,697
Tabung Zakat UTHM	1,490,318	1,957,775	(1,144,111)	2,303,982
Majlis Sukan Malaysia (MASUM)	369,143	200,000	(167,213)	401,930
Amanah Latihan Keusahawanan Siswa	347,052	88,900	(300,994)	134,958
Amanah Pengurusan Tanah Perkuburan Islam	7,912	-	-	7,912
Tabung Endowmen UTHM	8,032,032	627,254	(256,851)	8,402,435
Tabung Dana Wakaf Tunai Pendidikan UTHM	11,469,715	535,725	(39,759)	11,965,681

## NOTA 21 - GERAN TERTUNDA (SAMB.)

## NOTA 21.4 - TABUNG DAN AMANAH (SAMB.)

	Baki Pada 01.01.2023 RM	Terimaan/ Pelarasan RM	Perbelanjaan/ Pelarasan RM	Baki Pada 31.12.2023 RM
Akaun Biasiswa Kawalan Penganjur	1,566,013	7,909,320	(8,362,674)	1,112,659
Tabung Pinjaman Pelajar	265,605	-	-	265,605
Tabung Dana Ihsan	854,177	473,033	(595,383)	731,827
Tabung Kokurikulum	2,595,490	880,383	(801,909)	2,673,964
Tabung Pelajar Desasiswa	238,079	157,719	(99,170)	296,628
Tabung Khidmat Pelajar	2,702,659	955,167	(1,791,749)	1,866,077
Tabung Peperiksaan Pasca Ijazah	1,378,915	805,840	(445,069)	1,739,686
Tabung Alumni	10,436,364	704,938	(5,082,486)	6,058,816
Tabung Aktiviti Pelajar	1,432,342	1,389,552	(1,222,936)	1,598,958
Tabung Minggu Haluan Siswa	465,016	644,180	(804,940)	304,256
Tabung IEM	181,095	55,115	(63,570)	172,640
Tabung Pusat Sukan	3,316,261	676,556	(1,032,007)	2,960,810
Tabung Aktiviti Pelajar Siswazah	528,701	153,595	(39,900)	642,396
Amanah Pembinaan Surau Desasiswa	56,897	-	-	56,897
Amanah Pembinaan Kubah Masjid	181,679	150,000	-	331,679
Amanah TRANSFORM	91,961	-	(4,136)	87,825
Akaun Amanah CAD	49,650	53,328	(77,996)	24,982
Akaun Amanah Pej. HIM	103,483	4,512	-	107,995
Amanah Nombor Plat Khas Kenderaan UTHM	976,268	156,601	(17,189)	1,115,680
Amanah Jom Masuk IPT	133,773	-	-	133,773
Amanah Program TVET UniTY Zon Selatan	4,824,247	-	(163,884)	4,660,363
Amanah Projek Wakaf Van Jenazah	-	3,965	-	3,965
Amanah Projek Wakaf Penapis Air	-	14,990	-	14,990
Amanah Projek Wakaf Pembinaan Akademi AI Wasit	-	4,750	-	4,750
	<b>57,797,579</b>	<b>18,770,222</b>	<b>(22,641,985)</b>	<b>53,925,816</b>

## NOTA 22 - MANFAAT PEKERJA

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>Pada 1 Januari</b>	61,406,914	58,436,712	61,406,914	58,436,712
Peruntukan Manfaat Pekerja	6,047,363	3,979,146	6,047,363	3,979,146
Pembayaran Tahun Semasa	(1,773,873)	(1,008,944)	(1,773,873)	(1,008,944)
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>65,680,404</b>	<b>61,406,914</b>	<b>65,680,404</b>	<b>61,406,914</b>
<b>Diterakan Sebagai:</b>				
Liabiliti Semasa	660,190	1,021,845	660,190	1,021,845
Liabiliti Bukan Semasa	65,020,214	60,385,069	65,020,214	60,385,069
	<b>65,680,404</b>	<b>61,406,914</b>	<b>65,680,404</b>	<b>61,406,914</b>

## NOTA 23 - PENDAPATAN TERTUNDA

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>Baki Pada 1 Januari</b>	25,319,392	25,205,395	25,319,392	25,205,395
Tuntutan Gantirugi / Hasil	730,130	606,357	730,130	606,357
	<u>26,049,522</u>	<u>25,811,752</u>	<u>26,049,522</u>	<u>25,811,752</u>
Pindahan ke Penyata Prestasi Kewangan: Kumpulan Wang Mengurus	(492,360)	(492,360)	(492,360)	(492,360)
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b><u>25,557,162</u></b>	<b><u>25,319,392</u></b>	<b><u>25,557,162</u></b>	<b><u>25,319,392</u></b>

Pendapatan tertunda meliputi geran dalam bentuk aset daripada Politeknik (sejak tahun 1984) dan aset di bawah RMK 7 yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) diiktiraf sebagai pendapatan mengikut tempoh hayat aset tersebut. Selain itu, ianya meliputi tuntutan gantirugi ke atas staf yang gagal menamatkan pengajian dan direalisasi apabila pembayaran dibuat. Ianya juga meliputi pajakan tanah ke atas pihak konsesi dimana bayaran pajakan direalisasikan sebagai hasil pada setiap tahun serta tuntutan penghutang AP59 dari kalangan staf UTHM.

## NOTA 24 - URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>Pemiutang Perniagaan</b>	14,783,791	11,977,349	10,806,335	9,642,828
<b>Pemiutang Pelbagai:</b>				
Deposit Sewa, Air & Elektrik	285,360	232,175	285,360	232,175
Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP)	2,868,706	2,528,844	2,868,706	2,528,844
Peruntukan Kadar Denda & Gantirugi Ditetap	7,191,500	6,207,882	7,191,500	6,207,882
Cagaran Staf Cuti Belajar	168,750	188,500	168,750	188,500
Wang Tahanan	360,190	17,597	360,190	17,597
Pelbagai Deposit & Sewaan terdahulu	1,280	-	1,280	-
Cek Tidak Dituntut	6,617	12,762	6,617	12,762
Wang Tidak Dituntut	2,896	45,298	2,896	45,298
Ganjaran Cuti Rehat Terakru	7,284	152,447	7,284	152,447
Deposit Bon Pelajar Luar Negara	1,624,963	1,395,193	1,624,963	1,395,193
Pelbagai Pemiutang	500,000	-	500,000	-
	<u>13,017,546</u>	<u>10,780,698</u>	<u>13,017,546</u>	<u>10,780,698</u>
	<b><u>27,801,337</u></b>	<b><u>22,758,047</u></b>	<b><u>23,823,881</u></b>	<b><u>20,423,526</u></b>

## NOTA 25 - BANK OVERDRAF

Overdraf Bank menanggung faedah pada kadar 1.00% (2022: 1.00%) di atas kadar kewangan asas ("BFR") setahun.

Overdraf bank bagi Kumpulan UTHM Holdings Sdn. Bhd. adalah dilindungi berdasarkan perkara berikut:-

- Semua tanah pegangan bebas dan bangunan milik Kumpulan Syarikat UTHM Holdings Sdn. Bhd.; dan
- Surat Perjanjian bayaran bulanan.

## NOTA 26 - PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	KUMPULAN	
	2023 RM	2022 RM
Saham tidak disebutkan - pada kos	-	490,136
Pelupusan pada tahun semasa	-	(490,136)
<b>Jumlah Bersih</b>	<b><u>-</u></b>	<b><u>-</u></b>



**NOTA 26 - PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU (SAMB.)**

Butiran pelaburan dalam Syarikat Bersekutu adalah seperti berikut:-

NAMA SYARIKAT	% PEGANGAN EKUITI		KEGIATAN UTAMA
	2023	2022	
UTHM Technology Sdn. Bhd.*	-	-	Perdagangan dan konsultasi

\* Tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

Pelupusan Syarikat Bersekutu:

Pada 1 November 2022, UTHM Holdings Sdn. Bhd. telah melupuskan sebanyak 490,000 unit syer di dalam UTHM Technology Sdn. Bhd.

**NOTA 27 - URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN**

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>Geran Tiada Syarat:</b>				
Geran Mengurus	267,405,700	271,250,000	267,405,700	271,250,000
Geran Tambahan	11,000,000	17,161,700	11,000,000	17,161,700
	<u>278,405,700</u>	<u>288,411,700</u>	<u>278,405,700</u>	<u>288,411,700</u>
<b>Geran Bersyarat:</b>				
Geran Penyelidikan Direalisasi	7,631,390	8,767,181	7,631,390	8,767,181
Geran Pembangunan Direalisasi	25,486,257	18,792,329	25,486,257	18,792,329
Geran Pembangunan PFI Direalisasi	81,981,618	66,557,617	81,981,618	66,557,617
Geran Aset Dilunas	492,360	492,360	492,360	492,360
	<u>115,591,625</u>	<u>94,609,487</u>	<u>115,591,625</u>	<u>94,609,487</u>
Yuran Pengajian	45,458,312	44,873,723	45,458,312	44,873,723
Denda	1,301,782	983,958	1,301,782	983,958
Sumbangan Dari Syarikat	2,795,182	4,646,013	2,795,182	4,646,013
	<u>49,555,276</u>	<u>50,493,694</u>	<u>49,555,276</u>	<u>50,493,694</u>
<b>Jumlah Urus Niaga Bukan Pertukaran</b>	<u><b>443,552,601</b></u>	<u><b>433,524,881</b></u>	<u><b>443,552,601</b></u>	<u><b>433,524,881</b></u>

**NOTA 28 - URUS NIAGA PERTUKARAN**

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Faedah dan Keuntungan	26,842,024	17,716,192	25,713,185	16,470,644
Sewaan, Jualan Barang dan Perkhidmatan	1,840,383	1,331,931	1,760,103	1,286,059
Pelbagai Hasil	23,831,418	7,302,217	16,354,868	1,453,541
	<u>52,513,825</u>	<u>26,350,340</u>	<u>43,828,156</u>	<u>19,210,244</u>
<b>Jumlah Urus Niaga Pertukaran</b>	<u><b>52,513,825</b></u>	<u><b>26,350,340</b></u>	<u><b>43,828,156</b></u>	<u><b>19,210,244</b></u>

**NOTA 29 - KURANGAN SEBELUM CUKAI**

Kurangan dari aktiviti operasi sebelum cukai diperolehi selepas mengenakan/(mengkreditkan):-

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
<b>Perbelanjaan :</b>				
Yuran audit				
- Tahun semasa	81,700	69,700	48,000	39,000
- Terkurang peruntuk pada tahun lepas	(700)	-	-	-
Hapuskira hutang lapuk	62,623	388,610	-	354,795
Imbuan pengarah	699,733	641,996	436,896	467,353
Hartanah, loji dan peralatan dan Aset Tak Ketara				
- Susut nilai	52,217,272	56,811,629	52,082,575	56,722,264
Sewaan				
- Tahun semasa	19,182,037	18,756,555	19,216,065	18,664,587
- Terkurang peruntuk pada tahun lepas	-	2,215	-	-

**NOTA 30 - PERUNTUKAN CUKAI**

	KUMPULAN	
	2023 RM	2022 RM
Peruntukan Tahun Semasa	84,000	60,200
Cukai Terkurang Peruntuk Pada Tahun Sebelum	16,241	62,576
Aset Cukai Tertunda (Nota 7)	199,000	(53,000)
	<b>299,241</b>	<b>69,776</b>

Penyesuaian peruntukan cukai terpakai kepada kurangan pendapatan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun ke atas perbelanjaan cukai pendapatan, iaitu pada kadar cukai pendapatan efektif pada Kumpulan adalah seperti berikut:-

	KUMPULAN	
	2023 RM	2022 RM
(Kurangan)/Lebih Pendapatan Sebelum Cukai	(206,794)	249,264
Cukai Pada Kadar Cukai Berkanun	(49,631)	59,823
Perbelanjaan Tidak Boleh Ditolak	256,406	296,130
Pendapatan Tidak Tertakluk Kepada Cukai	-	(19,920)
Cukai Terkurang/(Terlebih) Peruntuk Pada Tahun Sebelum	16,241	62,576
Penggunaan Kerugian Perniagaan Yang Tidak Terserap	(60,765)	(312,717)
Penggunaan Elaun Modal Yang Tidak Terserap	(62,010)	(16,116)
Perbezaan Sementara Bagi Hartanah, Loji dan Peralatan	199,000	-
	<b>299,241</b>	<b>69,776</b>

**NOTA 31 - PINDAHAN ANTARA KUMPULAN WANG**

Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan dana bagi tujuan penyelidikan sebanyak RM6.6 juta pada tahun 2023 dan sebanyak RM4.3 juta telah diagihkan ke Vot Penyelidikan manakala sebanyak RM0.9 juta merupakan baki geran penyelidikan yang diluluskan pada tahun sebelumnya.

**NOTA 32 - PAJAKAN**

Pada tahun 2016, UTHM telah diluluskan Pajakan Tanah Hs (D) 3669 PTD 14424, Pagoh, Mukim Jorak, Daerah Muar, Negeri Johor Darul Takzim dengan kadar pajakan RM6,100 setahun. UTHM telah meluluskan pajakan kecil tanah tersebut kepada syarikat konsesi Sime Darby Property Selatan Dua Sdn. Bhd. dengan kadar pajakan sebanyak RM10,000 setahun.

UTHM juga telah diluluskan Pajakan Tanah Lot 5915, Mukim Minyak Beku, Daerah Batu Pahat, Negeri Johor Darul Takzim dengan kadar pajakan RM2,860 setahun.

**NOTA 33 - IKATAN TANGGUNGAN**

Jumlah ikatan tanggungan yang belum diselesaikan pada akhir tahun adalah:-

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Diluluskan dan telah terikat				
- Kumpulan Wang Mengurus	18,026,308	10,859,922	18,026,308	10,859,922
- Kumpulan Wang Pembangunan	4,004,852	3,312,975	4,004,852	3,312,975
- Kumpulan Wang Penyelidikan	554,664	259,424	554,664	259,424
- Tabung dan Akaun Amanah	5,056,203	2,926,071	5,056,203	2,926,071
	<b>27,642,027</b>	<b>17,358,392</b>	<b>27,642,027</b>	<b>17,358,392</b>

**Komitmen Projek Pembangunan diluluskan dan telah terikat:**

	KUMPULAN		UTHM	
	2023 RM	2022 RM	2023 RM	2022 RM
Projek Bangunan Gunasama Pelajar dan Kafeteria Pusat	619,375	619,375	619,375	619,375
Projek Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE)	367,288	367,288	367,288	367,288
Bangunan Gunasama ORICC dan Pusat Pengajian Siswazah	2,044,689	2,679,360	2,044,689	2,679,360
Projek Menaiktaraf Infrastruktur & Sistem Mekanikal, Elektrik serta Teknologi	5,943,744	8,892,944	5,943,744	8,892,944
Projek Pembangunan Pusat Teknologi Aeronautik di Tanjung laboh	9,537,198	6,474,630	9,537,198	6,474,630
Projek Pembangunan Pusat Data Baharu dan Perolehan Peralatan	7,435,646	7,315,854	7,435,646	7,315,854
Projek Naiktaraf fasiliti kolej kediaman yang usang di Kampus Parit Raja	1,010,528	616,036	1,010,528	616,036
Projek Naiktaraf Fasiliti Kompleks Dewan Kuliah Gunasama (Kompleks G3)	5,031,594	3,297,860	5,031,594	3,297,860
Naik Taraf Infrastruktur Fasiliti	1,953,536	970,646	1,953,536	970,646

Projek Bangunan Gunasama Kegiatan Pelajar dan Kafeteria Pusat telah mendapat CPC pada tahun 2018 dan tempoh kecacatan adalah sehingga Oktober 2020. Nilai kontrak berjumlah RM7,203,805, pembayaran yang telah dibuat sehingga Disember 2023 sebanyak RM6,584,430. Baki sebanyak RM619,375 merupakan komitmen modal yang perlu diselesaikan selepas proses penyediaan Perakuan Muktamad bagi kontraktor utama oleh pihak perunding selesai.

Projek FKEE telah mendapat Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) pada tahun 2018 dan tempoh kecacatan adalah sehingga Jun 2020. Nilai kontrak berjumlah RM44,973,921, komitmen bayaran kepada kontraktor berjumlah RM44,606,634 telah selesai sepenuhnya. Baki sebanyak RM367,288 merupakan baki penjimatan yang akan dimohon kebenaran daripada pihak KPT agar baki tersebut dapat digunakan untuk membiayai projek pembangunan yang akan dirancang.

**NOTA 33 - IKATAN TANGGUNGAN (SAMB.)**

Projek Bangunan Gunasama ORICC dan Pusat Pengajian Siswazah telah mendapat CPC pada tahun 2020 dan tempoh kecacatan adalah sehingga Februari 2021. Nilai kontrak berjumlah RM15,736,983, pembayaran yang telah dibuat sehingga Disember 2023 sebanyak RM13,692,294. Baki sebanyak RM2,044,689 merupakan baki penjaminan yang akan dimohon kebenaran daripada pihak KPT agar baki tersebut dapat digunakan untuk membiayai projek pembangunan yang akan dirancang.

Projek Menaik Taraf Infrastruktur dan Sistem Mekanikal, Elektrikal, serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di UTHM Parit Raja. Nilai kontrak berjumlah RM14,123,561.30, pembayaran yang telah dibuat sehingga Disember 2023 sebanyak RM8,179,817.30. Baki sebanyak RM5,943,744.00 merupakan komitmen modal untuk tahun seterusnya.

Projek Pembangunan Pusat Teknologi Aeronautik di Tanjung Laboh (bangunan pentadbiran & menara kawalan, hangar, landasan terbang, peralatan dan lain-lain bangunan sokongan). Nilai kontrak berjumlah RM16,954,467, pembayaran yang telah dibuat sehingga Disember 2023 sebanyak RM7,417,269. Baki sebanyak RM9,537,198 merupakan komitmen modal untuk tahun seterusnya.

Projek Pembangunan Pusat Data Baharu beserta Peralatan yang memenuhi piawaian untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan serta keselamatan data yang menyokong revolusi pembelajaran 4.0 peringkat pengajian tinggi di kampus induk UTHM. Nilai kontrak berjumlah RM9,410,891, pembayaran yang telah dibuat sehingga Disember 2023 sebanyak RM1,975,245. Baki sebanyak RM7,435,646 merupakan komitmen modal untuk tahun seterusnya.

Projek Menaik Taraf dan Membaikpulih Fasiliti Kolej Kediaman yang Usang di dalam Kampus Parit Raja. Nilai kontrak berjumlah RM14,601,588, pembayaran yang telah dibuat sehingga Disember 2023 sebanyak RM13,591,060. Baki sebanyak RM1,010,528 merupakan komitmen modal untuk tahun seterusnya.

Projek Menaik Taraf dan Membaikpulih Fasiliti Kompleks Dewan Kuliah Gunasama (Kompleks G3) di dalam Kampus Parit Raja. Nilai kontrak berjumlah RM19,909,885, pembayaran yang telah dibuat sehingga Disember 2023 sebanyak RM14,878,292. Baki sebanyak RM5,031,593 merupakan komitmen modal untuk tahun seterusnya.

Projek Menaik Taraf dan Membaikpulih Infrastruktur Fasiliti. Nilai kontrak berjumlah RM2,682,863, pembayaran yang telah dibuat sehingga Disember 2023 sebanyak RM729,327. Baki sebanyak RM1,953,536 merupakan komitmen modal untuk tahun seterusnya.

**NOTA 34 - KONTINGEN LIABILITI**

Pada tahun 2021 terdapat tuntutan oleh kontraktor UTEN Holdings Sdn. Bhd. terhadap UTHM yang melibatkan kos tuntutan sebanyak RM46,990,257. Kes dijangka selesai pada tahun 2025.

**NOTA 35 - INFORMASI PEKERJA**

	KUMPULAN		UTHM	
	2023	2022	2023	2022
Jumlah staf aktif sehingga 31 Disember	2,543	2,505	2,511	2,487

**NOTA 36 - TRANSAKSI DENGAN PIHAK BERKAITAN**

Bagi tujuan Penyata Kewangan ini, syarikat adalah berkait dengan Kumpulan jika Kumpulan mempunyai kemampuan secara langsung atau tidak langsung untuk mengawal dan mempunyai pengaruh penting dalam membuat keputusan kewangan dan operasi atau sebaliknya.

Kumpulan mempunyai hubungkait dengan syarikat subsidiari iaitu UTHM Holdings Sdn Bhd serta ahli Lembaga Pengarah Universiti.

**a) Urus Niaga Dengan Pihak Berkaitan**

	2023 RM	2022 RM
<i>Entiti Yang Dikawal :</i>		
<b>Pendapatan</b>		
Perhubungan dan Utiliti	263	-
Sewaan	52,320	-
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	19,200	4,740
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	1,434,242	662,220
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	680,294	479,403
Pemberian Dalam Negeri	506,000	10,000
	<u>2,692,319</u>	<u>1,156,363</u>

**NOTA 36 - TRANSAKSI DENGAN PIHAK BERKAITAN (SAMB.)**

<b>Perbelanjaan</b>		
Sewaan	7,635	13,710
	<u>7,635</u>	<u>13,710</u>
<b>Dividen</b>	35,000	35,000
	<u>35,000</u>	<u>35,000</u>

**b) Ganjaran Kepada Ahli Lembaga Pengarah Universiti**

Elaun Tetap Bulanan dan Bayaran Lain	436,896	467,353
	<u>436,896</u>	<u>467,353</u>

**NOTA 37 - INSTRUMEN KEWANGAN (PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN)****i. Risiko Kredit**

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, entiti mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

**ii. Risiko Kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan entiti kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan.

**iii. Pengurusan Modal**

Objektif utama pengurusan modal Kumpulan adalah untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan Kumpulan, termasuk perbelanjaan modal, untuk memastikan bahawa Kumpulan kekal kukuh dari segi kewangan.

**iv. Nilai Saksama**

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya pendek.

**NOTA 38 - PELARASAN TAHUN LEPAS**

Pelarasan tahun lalu melibatkan hasil dan bayaran balik perbelanjaan dan terimaan hasil yang dikenakan pada tahun sebelumnya.

	<b>UTHM DAN KUMPULAN</b>	
	<b>2023</b>	<b>2022</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Terkurang catat urus niaga bukan pertukaran bagi hasil/belanja tahun lalu (a)	(12,088,973)	-
Terlebih catat urus niaga bukan pertukaran bagi geran tertunda (b)	-	6,869,988
	<u>(12,088,973)</u>	<u>6,869,988</u>

a) Hasil/belanja tahun lalu yang telah berkurang catat melibatkan penghutang kastam dan perbelanjaan ganjaran cuti rehat.

b) Belanja tahun lalu yang telah terlebih catat melibatkan perbelanjaan pembangunan.

**39. PENJELASAN PERALIHAN KEPADA MPSAS**


Penyesuaian berikut menunjukkan kesan peralihan terhadap ekuiti dan liabiliti Kumpulan dan Universiti bagi peralihan kepada MPSAS.

	01.01.2022 Seperti Dinyatakan Sebelum	UTHM DAN KUMPULAN	
		Kesan Peralihan	01.01.2022 Seperti Dinyatakan Semula
<b>Penyata Kedudukan Kewangan</b>			
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Hartanah, Loji & Peralatan dan Aset Tak Ketara	783,944,328	147,198,874	931,143,202
<b>Ekuiti</b>			
Kumpulan Wang Mengurus	1,015,362,918	(147,198,874)	868,164,044

Kesan peralihan yang dinyatakan di atas merupakan pengkelasan semula aset sepertimana MPSAS 17.

**NOTA 40 - ANGKA PERBANDINGAN**

Sebilangan angka perbandingan telah dikelaskan semula agar sesuai dengan pembentangan Penyata Kewangan tahun semasa setelah menggunakan piawaian MPSAS dan pelarasan tahun lepas seperti dinyatakan pada Nota 38 kepada Penyata Kewangan.





**Global Technopreneur**  
University 2030

Diterbitkan oleh:  
**Pejabat Pemasaran & Komunikasi Korporat**  
**Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

86400 Parit Raja, Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim, Malaysia

07- 453 3457

07- 453 7025

[korporat@uthm.edu.my](mailto:korporat@uthm.edu.my)



**UTHM Johor**



[www.uthm.edu.my](http://www.uthm.edu.my)

